
کریا اکیڈمی

Pantun Melayu: Bingkisan Permata





Pantun ialah puisi asli hasil kreativiti orang Melayu yang indah, tiada tolok bandingnya. Ia berkembang luas menyerap dalam kehidupan orang Melayu, bukan sahaja dalam sastera lisan malah turut terukir dalam karya tulisan, seperti yang terserlah dalam manuskrip *Hikayat Isma Yatim* MS 2587 folio 19 verso (hlm. 38) yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (*atas*) dan manuskrip *Hikayat Indera Nata* koleksi Schoemann V.15 yang tersimpan di Staatsbibliothek Preussischer Kulturbesitz, Berlin, Jerman (*bawah*).

Pantun Melayu: Bingkisan Permata

Dikaji dan diperkenalkan oleh
HARUN MAT PIAH

Ketua Editor
HASSAN AHMAD

Yayasan Karyawan
Kuala Lumpur
2001

PROJEK KARYA AGUNG YAYASAN KARYAWAN

Cetakan Pertama 2001

© *Yayasan Karyawan 2001*

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain untuk tujuan diterbitkan dalam bentuk edisi popular, edisi pelajar, edisi kanak-kanak, edisi komik, edisi video, CD-ROM, dan sebagainya kecuali setelah mengadakan perundingan dan mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor Yayasan Karyawan di alamat Lot 14 & 15, Paras 3, Blok G Utara, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

Perpustakaan Negara Malaysia *Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

Harun Mat Piah, 1937-
Pantun Melayu: bingkisan permata / dikaji dan diperkenalkan oleh Harun Mat Piah; ketua editor Hassan Ahmad.
(Projek karya agung Yayasan Karyawan)
Mengandungi rujukan bibliografi
Mengandungi indeks
ISBN 983-9510-07-X
1. Malay poetry – History and criticism. I. Hassan Ahmad, Dato', 1936- II. Judul.
899.231009

Buku ini dicetak menggunakan kertas Long Life *80 gsm bebas asid tahan lama dan dijilid dengan kulit* Bonded Leather.

M
899.231009
PAN

Dicetak oleh
Utusan Printcorp Sdn. Bhd. (23073-W)
Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10,
Kawasan Perusahaan Bangi, Seksyen 10,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

M

1084867

ISBN 983-9510-07-X

9 789839 510072

19 NOV 2002

Perpustakaan Negara Malaysia

Kandungan

Catatan Ketua Editor **vii**

Latar Belakang Pengkaji **ix**

Singkatan Sumber Teks **xi**

Pengenalan **xix**

Bingkis Pemula

I *Awal Bismillah Pembuka Bicara* **5**
II *Alam dan Kehidupan Kanak-kanak* **15**
III *Teka-teki, Jenaka, dan Sindiran* **53**

Bingkis Bicara

IV *Adat dan Etika* **79**
V *Budi dan Adab* **96**
VI *Agama dan Pengajaran* **132**
VII *Peribahasa, Kiasan, dan Ibarat* **181**
VIII *Perantauan dan Nasib* **239**

Bingkis Kasih

IX Cinta Bersemi **277**

X Hasrat Tercapai **374**

XI Cinta Terhalang **453**

Bingkis Penutup

XII Tanggapan dan Renungan **539**

XIII Salam Perpisahan **605**

XIV Harapan **609**

Catatan Teks **611**

Takrif Kata **643**

Bahan Rujukan **699**

Indeks Baris Pertama **709**

Indeks Maksud **763**

Indeks Kata Rujuk **791**

Catatan Ketua Editor

Karya Agung Melayu ini, yang diberi judul Pantun Melayu: Bingkisan Permata, terdiri daripada 4000 pantun daripada berbagai-bagai jenis dan bentuk, yang meliputi tema dan isi yang luas dan pelbagai. Untuk memudahkan pembaca membuat rujukan tema dan isi pantun yang jumlahnya begitu besar, edisi ini menyediakan tiga jenis indeks, iaitu Indeks Baris Pertama, Indeks Maksud, dan Indeks Kata Rujuk.

Pantun merupakan wadah yang digunakan oleh orang Melayu untuk mengungkapkan fikiran dan rasa hatinya tentang makna kehidupan, tentang kelakuan manusia dan hubungannya dengan alam sekitar. Hasil perenungan ini lahirlah mutiara hati, rasa jiwa dan akal, tercurah dalam bentuk puisi yang sangat kreatif dan halus sekali seninya, iaitu pantun. Temanya meliputi seluruh pengalaman hidup manusia di alam Melayu, ditafsirkan dengan pelbagai cara. Ada pantun yang tema atau isinya berbentuk hiburan, jenaka, senda gurau dan cuit-mencuit, tetapi ada juga pantun yang bernada kritis, yang berbentuk nasihat, kiasan, teguran, dan sindiran. Semuanya disampaikan secara halus melalui bahasa yang berangkap dan melalui lambang-lambang tertentu yang diambil daripada alam tabii, alam fenomena, yang dilihatnya sebagai unsur yang dapat berharmoni dengan manusia, malah sering kali dijadikan bahan untuk mentafsirkan kelakuan manusia. Maka tidaklah menghairankan jikalau seniman Melayu "tradisional" banyak sekali berfikir secara metaforik atau figuratif. Mereka membentuk fikiran atau "pandangan hidup" melalui perumpamaan, yakni melalui metafora. Oleh sebab itulah isi atau maksud pantun tidak selalunya dapat difahami secara literal. Pendengar atau pembaca perlu berusaha untuk memahami maksudnya yang tersirat.

Kesan seni atau budaya pantun pada perasaan dan akal kita bergan-

tung pula pada setakat mana kita sebagai "pembaca" teks yang dipersembahkan dalam Kumpulan ini dapat menghayati "lagu" atau "muzik" yang melatari pantun itu. Pantun yang didondang-sayangkan dalam konteks tertentu akan melahirkan kesan emotif yang tidak sama dengan kesan mental apabila kita cuma membaca pantun itu sebagai suatu teks yang biasa. Pantun mengungkapkan falsafah hidup dan hati budi bangsa Melayu secara holistik.

Yayasan Karyawan menyampaikan rasa kasih kepada Pengkajinya, Dr. Harun Mat Piah, yang dengan tekun dan cermat, bersama-sama editor kami, berjaya merakamkan dan mentafsirkan khazanah puisi Melayu tradisional, iaitu pantun, dalam Kumpulan yang besar ini.

Dato' Dr. Hassan Ahmad
20 September 2001

Latar Belakang Pengkaji

HARUN MAT PIAH mempunyai ijazah Sarjana (Universiti Malaya, 1972) dan Kedoktoran (Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981) dalam bidang Kesusasteraan Melayu Klasik. Beliau pernah bertugas sebagai Guru Pengetua, Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia, Pensyarah (Profesor Madya) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Timbalan Pengarah di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) dan Ketua Jabatan Persuratan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Scholar-in-Residence Universiti Michigan Ann Abor Amerika Syarikat, dan Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam.

Dr. Harun banyak menjalankan kajian terhadap manuskrip Melayu di pelbagai koleksi dunia, termasuk di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Sri Lanka, Belanda, Perancis, England, dan Amerika Syarikat. Minatnya yang mendalam dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan Melayu terutama puisi tradisional menghasilkan penulisan rencana, esei, kertas kerja, dan buku yang menjadi bahan perbincangan dalam seminar di dalam dan di luar negara. Antara hasil karyanya yang telah diterbitkan termasuklah *Cerita-cerita Panji Melayu* (1980), *Puisi Melayu Tradisional – Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* (1989), *Lambang Sari – Tari Gamelan Terengganu* (karya bersama, 1986), dan *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (karya bersama, 1993/2000). Kini walaupun sudah bersara daripada jawatan rasmi, beliau meneruskan minatnya dengan bergiat dalam pengkajian dan penulisan dalam bidang kesusasteraan Melayu bersama Yayasan Karyawan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia, jabatan-jabatan kebudayaan dan kesenian negeri Selangor, Johor, Perak, dan lain-lain.

Singkatan Sumber Teks

AICML — *An Introduction to Classical Malay Literature*
R.J. Wilkinson, JMBRAS, 77 (1932).

AIMP — *An Introduction to Malay Pantuns*
Goh Thean Chye, 1980. K.L: Penerbit Universiti Malaya.

APM1 — *Alam Puisi Melayu*
Darus Ahmad, 1957. Pulau Pinang: Sinaran Bros.

APM2 — *Alam Pantun Melayu – Studies on Malay Pantun*
Françoise René-Daillie, 1988. K.L: DBP

BP — *Berbalas Pantun*
Oma de Sequeira, 1966. Marang: Penerbitan H.C. Mohd. Abd. Rahman.

BM — *Berita Minggu* (Akhbar Mingguan Berita Harian)
Seperti yang dicatat pada teks berkenaan. Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.

CSJ — *Cerita Sulung Jawa*
Jamilah Haji Ahmad (Peny.) 1978. K.L.: DBP.

DB — *Dewan Bahasa*
Seperti yang dicatat pada teks berkenaan. Dipetik daripada

Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.

DS *Dewan Sastera*
Majalah Bulanan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

EKKE *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. V.I. Braginsky, 1994. K.L.: DBP.

HACT *Hikayat Anggun Cik Tunggal*
R.O.Winstedt dan A.J. Sturrock (Peny.), 1985. K.L.: Penerbit Fajar Bakti.

HASMM *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*
R.O. Winstedt dan A.J. Sturrock (Peny.). Singapura: Malaya Publishing House.

HB *Hikayat Bakhtiar*
H. Van de Wall, 1880. Batavia. Baharuddin Zainal (Peny.), 1975. K.L.: DBP.

HBB *Hikayat Bayan Budiman*
R.O.Winstedt (Peny.) 1958. Singapura.

HCML *A History of Classical Malay Literature*
R.O. Winstedt, 1969. Petaling Jaya: Oxford University Press.

HDM *Hikayat Dewa Mandu*
H.D. Chambert-Loir, 1980. Ecole Francaise d' Extreme-Orient.

HHT *Hikayat Hang Tuah*
Kassim Ahmad (Peny.), 1975. K.L.: DBP.

HIN "Hikayat Indera Nata"
Koleksi Schoemann V.15. Staatsbibliothek Preussische Kulturbezitz, Berlin.

HIP *Hikayat Inderaputera*
1968. K.L.: DBP.

HIQ	*Hikayat Indera Quraisyin* Manuskrip Sri Lanka, Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Monique Zaini-Lajoubert (Peny.), 1999. K.L.: Perpustakaan Negara Malaysia.
HIY	*Hikayat Isma Yatim* P.P. Roorda van Eysinga (Peny.) 1825. Batavia.
HMD	*Hikayat Malim Deman* R.O. Winstedt dan A.J. Sturrock (Peny.), 1957. K.L.: Oxford University Press.
HMDR	"Hikayat Mengindera Dewa Raja" Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka.
HPP	*Hikayat Parang Puting* Jamilah Haji Ahmad (Peny.), 1980. K.L.: DBP.
HPS	*Hikayat Panji Semirang* Noriah Mohamed (Peny.), 1992. K.L.: DBP.
HRM	*Hikayat Raja Muda* R.O. Winstedt (Peny.), 1960. Singapura: Malaya Publishing House.
HRP	*Hikayat Raja Pasai* Dipetik daripada *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Teuku Iskandar Alibasyah, 1995. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
HSA	*Hikayat Syamsul Anwar* Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka. Dipetik daripada Ding Choo Ming, 1999. *Raja Aisyah Sulaiman Pengarang Ulung Wanita Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
IMM	*Ilmu Mengarang Melayu* Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 1963. K.L.: DBP.
KB	*Kalung Bunga Buku 1* Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 1964. K.L.: DBP.

KHO Koleksi Pantun Hans Overbeck
Manuskrip Museum Pusat Jakarta, dengan ihsan Dr. Anwar Ridhwan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

KKMS *Kurik Kundi Merah Saga – Kumpulan Pantun Lisan Melayu* 1990. K.L.: DBP.

KKMSA *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*
Teuku Iskandar Alibasyah, 1995. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.

KPBD Koleksi Pantun Brunei Darussalam
Koleksi Pengkaji.

KPL Koleksi Pantun Lisan
Koleksi Pengkaji.

KPM1 *Kajian Puisi Melayu*
Harun Aminurrashid (Peny.) 1960. Singapura: Pustaka Melayu.

KPM2 *Kumpulan Pantun Melayu*
Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. K.L.: DBP.

KPZH Koleksi Pantun Zakaria Hitam
Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.

LPP *Lima Puluh Pantun*
Setiamulia, 1965. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.

LSL *Langgam Sastera Lama*
Gazali Dunia, 1969. K.L.: Oxford University Press.

M *Mastika* (seperti yang dicatat pada teks berkenaan)
Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.

MM1 *Misa Melayu*
Raja Chulan, 1968. K.L.: Pustaka Antara.

MM2	*Malay Magic* W.W. Skeat, 1967. New York: Dover Publication.
MP	*Malay Pantuns* A.W. Hamilton, 1959. Singapura: Eastern Universities Press.
MPB	*Malay Pantun Book – Romanized Malay Quatrains* Lim Hock Soon, 1929. Singapura.
MPML	*Meninjau Pantun Melayu Lama (di Pedalaman Dungun)* Mohd. Ali Bin Hitam, 1967. K.L.: DBP.
NM	*Nadaminggu* (seperti yang dicatat pada teks berkenaan) Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.
P	*Pantun* Mohd. Yusof Arshad, 1961. K.L.: DBP.
PBMJ	*Koleksi Pantun Berkait Manuskrip Jakarta* Salinan foto manuskrip Museum Pusat Jakarta. (Koleksi Pengkaji).
PBR	*Pantun Bunga Rampai* Abdul Samad Ahmad (Peny.) K.L.: DBP, (t.t.)
PDSB	Pantun Dondang Sayang Baba Kim Teck (seperti yang dicatat pada teks berkenaan). Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. K.L.: DBP.
PDS2	*Pantun Dondang Sayang Vol.2* (seperti yang dicatat pada teks berkenaan). Dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (Peny.), *Kumpulan Pantun Melayu*. 1983. K.L.: DBP.
PIQ	"Pantun Indera Quraisy" Manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
PM2	*Persuratan Melayu 2: Puisi* Syed Abd. Hamid al-Edrus (Peny.), 1961. Singapura: Qalam Press.

PMAB	*Pantun Melayu* Ahmad Babji (Peny.), 1958. K.L.: Geliga Limited.
PMBP	*Pantun Melayu* 1958. Jakarta: Dinas Penerbitan Balai Pustaka.
PMK	*Pantun Moden dan Klasik* Goenawan Jasmin (Peny.), 1975. Singapura: Penerbitan Solo Enterprise.
PMLB	*Persuratan Melayu: Lama-Baru* Darus Ahmad, 1960. Pulau Pinang: Sinaran Bros.
PMMM	*Pantun – Manifestasi Minda Masyarakat* 1996. K.L.: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
PMPM	*Petua Mengarang Pantun Melayu* Muhammad Haji Husain, 1975. Pulau Pinang: Sinaran Bros.
PMSR	*Pantun Melayu Sastera Rakyat* Alias Yunos, 1966. K.L.: Penerbitan Federal Berhad.
PMT	*Puisi Melayu Tradisional – Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* Harun Mat Piah, 1989. K.L.: DBP.
PMW	*Pantun Melayu* R.O.Winstedt dan R.J. Wilkinson (Peny.), 1961. Singapura: Malaya Publishing House.
PP	*Perincis Pantun* Tajul Kelantan, 1958. Pulau Pinang: Sinaran Bros.
PPOT	*Pantun dan Pepatah serta Amsal Orang Tua-tua* Abd. Ghani Haji Abbas, 1970. Kluang: Pustaka Pendidikan.
PPM	*Pantun Peribahasa Melayu* Loo Mun, 1968. Selangor: Mary Josephine Thoo.
PS	*Pantun Serbaneka* Abdul Halim R., 1968. K.L.: DBP.

PSSB *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru 1998*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

PT *Permata Timur – Antologi Pemenang Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997*. K.L.: Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia, 1998.

RD *Raja Donan*
Zaharah Khalid, 1963. K.L.: DBP.

RLS *Rampaian Laila Syair*
Muda Omar Ali Saifuddien, 1994. Bandar Seri Begawan (Brunei): Dewan Bahasa dan Pustaka.

RSM *Rangkaian Sastera Melayu*
Ariffin Nur, 1957. Pulau Pinang: Sinaran Bros.

SA *Syair Agung*
Zahir Ahmad (Peny.), 1991. K.L.: DBP.

SN *Syair Nasihat*
Muda Omar Ali Saifuddien, 1994. Bandar Seri Begawan (Brunei): Dewan Bahasa dan Pustaka.

SARH *Syair Asli Rajang Hari*
Muda Omar Ali Saifuddien, 1994. Bandar Seri Begawan (Brunei): Dewan Bahasa dan Pustaka.

SBKT *Selindung Bulan Kedah Tua*
Awang Had Salleh (Peny.), 1964. K.L.: DBP.

SBSB *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*
1990. K.L.: DBP.

SM *Sejarah Melayu*
W.G. Shellabear (Peny.), 1975. K.L.: Penerbit Fajar Bakti.

SN *Syair Nasihat*
Muda Omar Ali Saifuddien, 1994. Bandar Seri Begawan (Brunei): Dewan Bahasa dan Pustaka.

SR	*Syair Rajang* Awang Bin Ahmad (Peny.), 1986. Bandar Seri Begawan (Brunei): Dewan Bahasa dan Pustaka.
SSK	*Syair Sinyor Kosta – Satu Kajian Teks* 1986. K.L.: Teks Publishing.
TRPM	"Tiga Ratus Pantun Melayu" Manuskrip Schoemann 375, Perpustakaan Nasional, Paris.
TTW	*Teka-teki Warisan* Inon Shaharuddin Abd.Rahman, 1988. K.L.: Teks Publishing.
WPM	*Warisan Puisi Melayu* Mohd. Taib Osman (Peny.), 1975. K.L.: DBP.
808PB	*808 Pantun Baru* Khadijah Hashim, 1996. K.L.: 'K' Publishing.
1001PB	*1001 Pantun Baru* Khadijah Hashim, 1999. K.L.: 'K' Publishing.

Pengenalan

Konsep dan Matlamat

Buku ini yang diberi judul *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* adalah sebuah koleksi terpilih pantun Melayu karya agung, mengandungi lebih empat ribu rangkap pantun, iaitu empat ribu satu (4001) rangkap dalam teks dan selebihnya sebagai contoh dalam pembicaraan kajian. Ini bermakna pantun-pantun yang dipersembahkan di sini telah dipilih daripada sampel yang cukup besar, meliputi sekitar lima belas ribu (15 000) rangkap yang terdapat dalam lebih lapan puluh sumber. Pemilihan pantun ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria, sesuai dengan tanggapan umum masyarakat Melayu terhadap apa yang dimaksudkan dengan "pantun yang baik dan indah". Tanggapan ini sesungguhnya tidak jauh bezanya daripada apa yang diterima sebagai teori-teori estetika seni dan sastera sejagat, khususnya bagi genre puisi. Hal ini akan dihuraikan kemudian.

Bingkisan Permata yang merupakan tajuk kecil daripada judul koleksi ini disesuaikan dengan konsep "bingkisan" dalam tradisi dan budaya Melayu. Bingkisan bermakna hadiah atau cenderamata (atau cenderahati) yang disampaikan bersama-sama surat atau warkah. Analoginya di sini ialah sebuah cerana perak yang diisikan dengan batu-batu permata yang pelbagai jenis dan warna, dihias dan digubah, disertakan dengan sepucuk surat untuk disampaikan kepada seseorang yang dikasihi dan dihor-

mati. Gubahan permata itu adalah pantun-pantun yang diwarisi oleh masyarakat dan tradisi Melayu, masa lampau dan masa kini. Dan penerima yang dimaksudkan adalah khalayak pembaca yang dihormati, iaitu masyarakat dan bangsa Melayu di seluruh Nusantara yang mewarisi tradisi ini. Dalam pantun-pantun itu sendiri telah terdapat rujukan kepada konsep dan istilah *surat* – menulis surat, menyurat, mengarang dan mereka pantun, misalnya dalam beberapa rangkap di bawah ini:

(1) Terbang burung dari selatan
Dipuput angin sangga bayu
Bukalah *surat* dari lipatan
Lihatlah pantun bahasa Melayu.

(2) Inilah pantun baharu *direka*
Menyurat di dalam tidak mengerti
Ada sebatang pohon angsoka
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi.

(3) Menyurat di dalam tidak mengerti
Makna dandang dipuput bayu
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi
Bahasanya orang *cara Melayu*.

Di sini surat tersebut mengandungi pantun-pantun dalam bahasa Melayu; dan pantun yang disurat ibarat pohon angsoka – sejenis pohon yang berbunga indah, tumbuh di puncak gunung yang tinggi – suatu bentuk perlambangan untuk menunjukkan keindahan dan ketinggian mutu ciptaan pantun sebagai daya cipta dan penglahiran fikiran masyarakat Melayu.

Sesungguhnya konsep *surat* dan *bingkisan* ini memang telah wujud dan dilaksanakan dalam tradisi penulisan masyarakat Melayu. Pertamanya, kesusasteraan atau sastera itu sendiri telah lama dikenali sebagai *persuratan* (daripada kata *surat*), yang sesuai pula dengan istilah asal sastera, iaitu *letters* dalam bahasa Inggeris, yang bermakna huruf atau abjad tetapi berkembang kemudiannya untuk meliputi makna *literature*, sastera (lih. Harun Mat Piah *et al.*, 2000:3–4). Persuratan, *letters* atau *literature* bermaksud segala yang tertulis atau yang dituliskan. Surat adalah ucapan dan rasa

hati yang ditulis yang tidak dapat disampaikan secara lisan. Pantun-pantun dalam koleksi ini merupakan rasa hati yang secara tradisi disampaikan melalui lisan; tetapi ditulis dan dirakam untuk disampaikan kepada khalayak yang dihormati, melalui tulisan, warkah atau surat.

Kedua, tradisi bingkisan juga telah dikenali dan dimanfaatkan oleh beberapa pujangga Melayu dalam daerah Melayu Nusantara. Di Negara Brunei Darussalam, misalnya, Pangiran Indera Mahkota Pangiran Mohamad Salleh bin Pangiran Syarmayuda menulis dan mempersembahkan karyanya, *Syair Rakis* – tertulis pada sekitar tahun 1846 – kepada rajanya, Sultan Brunei ke-23, dengan menamakan persembahannya itu sebagai *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas* yang bererti "Warkah yang ikhlas bersama hadiah yang pelbagai". *Syair Rakis* mengandungi 175 rangkap syair yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan, pada zaman ini, zaman lampau, dan zaman akan datang. Keseluruhan syair berupa pandangan dan nasihat daripada orang tua, pembesar negara kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai tonggak negara, yang memimpin dan seterusnya akan menentukan nasib dan hidup bangsanya, pada masa itu dan masa akan datang. Tradisi yang sama dilanjutkan lagi oleh pujangga dan penulis masa kini yang mempersembahkan karya mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan merujuk persembahan itu sebagai *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas*: Warkah yang ikhlas dengan hadiah yang pelbagai jenis.

Ketiga, terdapat sebuah koleksi pantun yang terbaharu, mengandungi pantun berkait yang memenangi Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997, diberi judul *Permata Timur* (Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia, 1998). Penyusun karya ini menganggap pantun sebagai batu-batu permata yang indah dan membanggakan; oleh yang demikian sesuai dipelihara, dimanfaat dan disebarluaskan.

Judul koleksi ini membawa nada dan maksud yang sama dengan contoh dan situasi yang dipetik di atas, iaitu dengan menganggap pantun-pantun ini sebagai batu-batu permata yang indah dan menjadi kebanggaan bangsa Melayu zaman-berzaman. Dan sesuai dengan objektif di atas, kriteria yang digunakan dalam pemilihan ini berdasarkan tanggapan umum masyarakat Melayu ter-

hadap apa yang dianggap sebagai pantun yang baik, yang indah dan berkesan. Dari segi teori, kriteria itu sesuai dengan konsep estetika dan etika puisi Melayu yang pada dasarnya diasaskan kepada tiga aspek, iaitu struktur, tema dan fungsi:

(a) Dari segi struktur, pantun terdiri daripada larik-larik yang berpasangan: dua, empat, enam, lapan dan seterusnya. Setiap larik terdiri daripada empat perkataan, dengan jumlah suku kata antara lapan hingga sebelas, menggunakan pola-rima *a-b-a-b*, dengan sedikit variasi *a-a-a-a* dan mungkin terdapat rima dalaman. Terdapat pembahagian unit, iaitu setiap rangkap terbahagi kepada dua unit: unit sampiran atau pembayang maksud dan unit maksud. Dan tiap serangkap dapat menyatakan satu keseluruhan idea.

(b) Dari segi tema dan mesej, pantun mengandungi maksud didaktik, menyampaikan ingatan, memberikan bimbingan sesuai dengan nilai etika, nilai budi dan nilai ilmu, selain nilai seni dan budaya. Etika meliputi akhlak yang baik, menerima dan menjunjung norma-norma keagamaan, sentiasa bertakwa dan bercita-cita untuk menjadi umat yang sempurna. Sementara nilai budi, sebagai nilai sosiobudaya termasuk nilai menghormati yang tua, menerima, memberi, mengenang dan membalas budi. Dari segi ilmu, pantun pada umumnya menyatakan kebenaran, bersifat rasional, berdasarkan kenyataan (realiti) dan dapat dianggap sebagai wadah yang sarat dengan kebijaksanaan dan nilai-nilai falsafah yang tinggi.

(c) Dari segi fungsi, pantun-pantun yang dipilih telah dikenal pasti sumber dan konteks penggunaannya; ini sesuai dengan kenyataan bahawa pantun bersifat lisan dan fungsional. Tegasnya, pantun yang dipilih adalah hasil pelbagai aktiviti, sosial dan budaya, agama dan pendidikan, juga pembelajaran dan penyebaran ilmu, baik secara formal mahupun melalui proses sosialisasi.

Sumber Perbahanan

Untuk mendapatkan data yang berwibawa dan representatif, sumber-sumber perbahanan dipilih sebanyak mungkin untuk memenuhi keperluan kriteria, termasuk relevannya dengan kehidupan masyarakat masa kini. Berdasarkan tujuan itu, bahan-bahan yang dipilih meliputi:

(a) Himpunan, kumpulan, antologi, dan koleksi pantun yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, baik bersama kajian mahupun tanpa kajian. Ini termasuk *Pantun Melayu* (edisi Balai Pustaka, 1958); *Pantun Melayu*, oleh R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson (1961), *Kumpulan Pantun Melayu* (peny. Zainal Abidin Bakar, DBP, 1983); *Kurik Kundi Merah Saga* (DBP, 1990), *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* (DBP, 1990) dan lain-lain.

(b) Buku-buku kajian yang khusus tentang pantun atau yang umum tentang kesusasteraan Melayu tradisional, lama atau klasik, seperti *A History of Classical Malay Literature* (R.O. Winstedt, 1969), *Ilmu Mengarang Melayu* (Za'ba, 1963), *Kalung Bunga Buku I* (Za'ba, 1964), *Pantun Melayu* (Ahmad Babji, 1958) *Langgam Sastera Lama* (Gazali Dunia, 1969), *Puisi Melayu Tradisional* (Harun Mat Piah, 1989), *Alam Pantun Melayu – Studies on the Malay Pantun* oleh François-René Daillie (DBP, 1988) dan lain-lain.

(c) Karya-karya yang mengandungi pantun, bersama kajian atau tanpa kajian, termasuk *Syair Rajang* (Brunei Darussalam) susunan Awang Ahmad (DBP Brunei, 1986), *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Nasihat*, dan *Rampaian Laila Syair*, karya Muda Omar Ali Saifuddien, iaitu nama pena DYMM Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28; semuanya terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1994.

(d) Buku-buku dan bentuk-bentuk penerbitan lain yang tergolong sebagai nadir (*rare books*); telah diterbitkan beberapa

tahun yang lalu dan tidak digunakan lagi dalam pembelajaran masa kini, misalnya *Pantun Dondang Sayang Baba Peranakan* (Singapura, 1916); *Malay Pantun Book* oleh Lim Hock Soon (Singapura, 1929) *Lima Puluh Pantun* oleh Setiamulia (Pulau Pinang, 1965) dan *Pantun dan Pepatah serta Amsal Orang Tua-tua* (Abdul Ghani Abbas, Keluang, 1970).

(e) Hikayat-hikayat daripada pelbagai genre, baik yang telah diterbitkan sebagai buku mahupun yang belum diterbitkan, iaitu dalam bentuk manuskrip, mikrofilem, atau mikrofis. Yang telah diterbitkan, hampir semua daripada genre roman atau lipur lara, seperti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Raja Donan*, *Hikayat Malim Deman* dan lain-lain; daripada genre sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai* dan *Misa Melayu*; daripada jenis hikayat termasuk *Hikayat Panji Semirang*, *Hikayat Gul Bakawali*, *Hikayat Isma Yatim*, *Hikayat Indera Quraisyin*, *Syair Sinyor Kosta* dan *Syair Agung*; dan daripada hikayat-hikayat yang masih belum diterbitkan termasuk "Hikayat Syamsul Anwar" (koleksi DBP), "Hikayat Mengindera Dewa Raja" (koleksi DBP) dan "Hikayat Indera Nata" (koleksi Schoemann di Perpustakaan Negara, Berlin).

(f) Koleksi yang tidak diterbitkan, kebanyakannya masih tersimpan dalam bentuk manuskrip di perpustakaan-perpustakaan tertentu di dalam dan di luar negeri. Misalnya "Koleksi Pantun Berkait" (manuskrip Jakarta yang dijadikan asas kepada *Pantun Melayu* edisi Balai Pustaka 1958); "Tiga Ratus Pantun Melayu", koleksi Schoemann 375 di Preussische Staatsbibliothek, Berlin (MS V43); "Pantun Melayu koleksi Hans Overbeck" di Museum Pusat Jakarta; dan "Peribahasa, Kias dan Ibarat", MS 55 dan 72 Universiti Malaya.

(g) Koleksi peribadi milik pengarang, penulis dan pengkaji yang terlibat dalam penyelidikan dan pengumpulan pantun. Manuskrip mungkin mempunyai nama pemilik atau tanpa nama, misalnya "Koleksi Pantun Lisan" (koleksi peribadi Harun Mat Piah), "Koleksi Pantun Brunei Darussalam" tanpa

nama pemilik), "Koleksi Pantun Zakaria Hitam", (yang dipetik daripada *Kumpulan Pantun Melayu* (DBP, 1983) atau sumbangan daripada responden tertentu yang dinyatakan namanya.

(h) Penerbitan terbaharu dengan pantun-pantun yang bersifat masa kini atau moden; seperti *808 Pantun Baru* oleh Khadijah Hashim ('K' Publishing, 1997), *1001 Pantun Baru*, juga oleh Khadijah Hashim ('K' Publishing, 1999), *Permata Timur – Antologi Pemenang Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa* (Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia, 1998), dan pantun-pantun yang dimuatkan dalam majalah *Dewan Sastera* (jurnal sastera Dewan Bahasa dan Pustaka), dari keluaran yang terdahulu hingga yang terkini, iaitu dari tahun 1999 hingga 2001.

Koleksi ini juga memasukkan pantun-pantun pilihan daripada masyarakat Melayu Brunei Darussalam, iaitu suatu hal yang baharu dan tidak pernah dilakukan dalam koleksi-koleksi lain sebelum ini. Pengkaji berpendapat, berdasarkan kajian yang telah dibuat sehingga ini, pantun-pantun Melayu Brunei adalah pantun Melayu, sama seperti pantun Melayu Semenanjung, Sabah, dan Sarawak. Perbezaan hanya pada sebutan dan beberapa kosa kata yang tidak mengubah pantun tersebut dari segi struktur, tema, dan fungsi.

Semua bahan pengambilan atau sumber bagi sesuatu pantun yang dipilih, dinyatakan dalam catatan di bawah teks berkenaan dan dimasukkan sebagai entri dalam Bahan Rujukan koleksi ini. Bagaimanapun, beberapa bahan tertentu tidak dirujuk sumbernya yang asal, misalnya "Koleksi Pantun Zakaria Hitam" dan beberapa petikan daripada *Mastika*, *Dewan Bahasa* dan *Dondang Sayang Baba Kim Teck*, dalam koleksi ini dipetik daripada *Kumpulan Pantun Melayu* (peny. Zainal Abidin Bakar, DBP, 1983). Keterangan tentangnya diberikan dalam catatan bagi rangkap-rangkap berkenaan.

Pembahagian Tema dan Klasifikasi Pantun

Sesuai dengan konsep *Bingkisan*, buku ini dibahagikan kepada empat bahagian:

1. *Bingkis Pemula*, mengandungi pantun-pantun dengan maksud memulakan bicara, majlis, atau warkah. Dimulai dengan "Awal *Bismillah*" yang merupakan kata alu-aluan memulakan majlis; diikuti pantun-pantun ringan yang membawa maksud jenaka dan usik-mengusik dalam tema "Alam dan Kehidupan Kanak-kanak" dan kemudian "Teka-teki, Jenaka, dan Sindiran".

2. *Bingkis Bicara*, mengandungi pembicaraan dalam tema-tema yang agak serius, bermula tentang "Adat dan Etika", "Budi dan Adab", "Agama dan Pengajaran", "Peribahasa, Kiasan, dan Ibarat" dan kemudian tentang "Perantauan dan Nasib".

3. *Bingkis Kasih*, berupa pantun percintaan dalam tahap-tahap yang umum, misalnya dalam "Cinta Bersemi", dengan pantun-pantun yang bermaksud usik-mengusik, berkenalan dan berjanji; diikuti dengan "Hasrat Tercapai" yang menggambarkan kegembiraan dalam hidup berkasih dengan tercapainya cita-cita dan harapan para kekasih, misalnya untuk sehidup semati dalam ikatan perkahwinan. Bab ini diakhiri dengan tema "Kasih Terhalang", dengan maksud harapan dan kasih yang diingini tidak tercapai, terhalang oleh peristiwa-peristiwa yang membawa kepada perpisahan, sama ada buat sementara atau selama-lamanya.

4. *Bingkis Penutup*, merupakan pantun-pantun sebagai menutup pembicaraan; didahului dengan "Tanggapan dan Renungan" sebagai pengalaman dan ingatan dalam kehidupan bermasyarakat; ini diikuti dengan pantun yang dihasilkan melalui kegiatan seni dan budaya untuk menggambarkan konteks penggunaan pantun-pantun tersebut. Bab ini diakhiri dengan "Salam Perpisahan" sebagai kata penutup acara dengan memohon maaf serta harapan untuk bertemu lagi.

Huraian lebih terperinci diberikan dalam "Pemilihan Bahan dan Pembinaan Koleksi".

Dengan pendekatan yang diambil di sini, Pengkaji berpendapat bahawa koleksi ini dapat menjunjung tarafnya sebagai karya agung pantun Melayu yang dianalogikan sebagai sebuah *Bingkisan Permata*, berupa *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas*, warkah yang mengandungi pelbagai hadiah untuk persembahan kepada yang sangat disayangi dan dihormati, iaitu khalayak pembaca seluruh bangsa Melayu yang menjadi pewaris tamadun Melayu Nusantara.

PANTUN SEBAGAI KARYA AGUNG MELAYU

Konsep dan Definisi

Persoalan pokok yang perlu diutamakan di sini ialah untuk melihat dan menilai sejauh mana pantun Melayu dapat dianggap sebagai karya agung Melayu. Anggapan ini telah diterima dan diakui oleh para pengkaji, dari dahulu hingga kini, baik pengkaji orientalis maupun para sarjana tempatan. Pantun adalah puisi istimewa, yang tiada tolok bandingnya. Suatu konsep atau gagasan yang memerlukan huraian yang panjang dapat dinyatakan dalam satu rangkap yang ringkas, dalam bentuk yang padat dan indah. Ciri-ciri keagungan ini dapat dilihat berdasarkan ukuran kita terhadap karya yang dianggap atau yang diangkat sebagai karya agung Melayu. Empat aspek yang penting yang dijadikan ukuran ialah:

(i) Lambang dan pesanan yang disampaikan
(ii) Nilai seni/budaya
(iii) Nilai ilmu
(iv) Teknik kepengarangan

Dalam perbincangan ini kunci persoalan akan difokuskan kepada teknik penciptaan atau kepengarangan; bagaimana manusia Melayu melahirkan karya itu untuk sekali gus menyatakan persepsi mereka terhadap kehidupan dan alam sekeliling mereka.

Bagaimana mereka menghadapi realiti hidup yang berkait amat rapat dengan alam dan persekitarannya. Bagaimana mereka mencernakan persepsi ini ke dalam karya yang merupakan wadah kepada pemikiran, emosi, pengalaman dan harapan, dalam kehidupan mereka yang semakin kompleks. Persoalan berikutnya ialah tentang nilai seni, nilai budaya dan ilmu, serta tema dan mesej, yang akan dibincangkan dari aspek apresiasi dan pemahaman.

Untuk membicarakan teknik kepengarangan ini, skop persoalan akan lebih terarah dengan memfokuskan perbincangan pada aspek realiti dan kreativiti, kenyataan dan penglahiran karya secara menyeluruh atau lebih terperinci. Ini bermakna bahawa keindahan pantun dapat dilihat dari dua perspektif: estetika dan etika. Estetika lebih menyerlah pada aspek kreativiti atau penciptaan, sementara etika lebih jelas dalam penyataan realiti, penyataan kebenaran dari segi harfiah, alam dan kejadian yang dirujuk, di samping realiti pada makna dan mesej yang mahu disampaikan menerusi sesebuah pantun. Hasil perbincangan ini akan menjelaskan bahawa pemilihan objek yang menjadi rujukan bukan dipilih secara rawak, tetapi adalah pilihan yang terbaik, yang telah dipertimbangkan kesesuaiannya berdasarkan konsep dan pemahaman terhadap estetika dan etika pantun Melayu.

Dalam pemahaman ini realiti dan kreativiti adalah faktor-faktor utama dalam proses penciptaan dan penghayatan puisi itu. Kedua-dua faktor itu saling berkaitan dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Kreativiti menyerlahkan kenyataan, dan kenyataan pula menghasilkan kreativiti, yang menurut Profesor Taib Osman, sebuah pantun adalah sebuah produk atau sebuah artifak budaya (Mohd. Taib Osman, 1996:2–6). Berikut dibincangkan konsep realiti dan kreativiti dengan lebih terperinci bersama contoh-contoh yang sebahagian besarnya dipetik daripada koleksi ini.

Realiti Alam dan Manusia Melayu

Pada dasarnya sesebuah pantun dengan sendirinya menyerlahkan persekitaran masyarakat yang melahirkannya; tegasnya, ia menyatakan latar alam dan latar budaya masyarakat yang diwakilinya.

Hal ini sama seperti dalam penulisan kreatif yang lain, seperti novel, cerpen, dan drama yang mungkin bertitik tolak dari aspek latarnya. Latar sebuah pantun meliputi sama ada sebuah masyarakat pantai, pesisir, darat, kota, desa atau pedalaman; misalnya, lihat rangkap-rangkap pantun di bawah:

(4) Baik-baik belayar malam
Arus deras karangnya tajam
Cari-cari malim yang faham
Di situ banyak kapal tenggelam.

(5) Belayar masuk ke Kuala Kedah
Patah tiang timpa kemudi
Sekuntum bunga terlalu indah
Sekalian kumbang asyik berahi.

dan pantun Brunei:

(6) Kapal belayar dari Labuan
Sarat bermuat jintan selasih
Saya bertanya kepada tuan
Adakah lagi hati yang kasih.

Pantun-pantun di atas, sebagaimana ratusan yang lain, merujuk persekitaran masyarakat yang menghasilkannya; iaitu masyarakat pesisir atau masyarakat pelaut yang cukup mahir tentang laut, tentang pelayaran, atau daripada seorang pemikir yang benar-benar mengetahui tentang laut dalam hubungannya dengan falsafah pemikiran manusia Melayu. Daripada kategori tersebut imej laut akan diserlahkan dalam segala situasinya. Melalui sekumpulan pantun dalam kategori ini dapat dilengkapkan satu senarai yang panjang dan terperinci bagi objek-objek dan rujukan tentang laut; misalnya:

- laut, pantai, tanjung, teluk, pulau, darat, arus.
- karang, ombak, buih, anjung, gelombang, angin, bayu, ribut, taufan.
- perahu, kapal, sampan, tongkang, jong, biduk, bahtera, tiang, layar, kemudi, sauh, dayung, haluan, temberang, geladak, buritan.

- jurubatu, jurumudi, malim, pawang, kelasi, nakhoda, kapitan.
- belayar, berlabuh, singgah, hilir, mudik, karam, timbul, tenggelam.
- pasang, surut, tenang, panas, dingin, sejuk, deras, laju, tinggi (menggunung), ganas, kelam, pekat.
- batu, jeruju, pandan, lata, paya, lumpur, pasir, garam, asin.
- pelabuhan, pangkalan, jeti, kuala, dermaga.
- berdagang, merantau, jual, beli, untung, rugi.
- pedagang, nelayan, pengail, pemukat, penjala.
- pukat, belat, kail, pancing, umpan.
- memancing, memukat, menjala, mengail, memungut, memunggah, menjemur.
- ikan (pelbagai jenis), udang, ketam, lokan, teritip, kepiting, dan sebagainya.

Keadaan di atas menunjukkan pengetahuan dan sifat kepekaan masyarakat yang begitu terperinci, mendalam dan cukup terlibat. Orang yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang laut dengan segala situasinya dan tidak mengetahui kehidupan sosial masyarakat yang melahirkannya, tidak akan mampu mentafsir atau menterjemah situasi-situasi tersebut dengan sebaik mungkin. Ia seharusnya mengenali masyarakat itu dan memahami cara hidupnya, agama dan kepercayaannya, pantang larang, adat dan upacara, sejarah, mitos dan legendanya, seterusnya tentang setiap objek dan situasi yang berhubung dengan alam dan imej yang membina pantun-pantun berkenaan, misalnya pantun:

(7) Bintang tujuh tinggal enam
Jatuh sebiji di Gunung Daik
Peluk tubuh rasa nak demam
Baru kutahu badan tak baik.

dan dalam pantun Brunei:

(8) Tajuk-tajuk tibarau Limbang
Terbang tekukur menyapu angin
Tujuh tahun cuba meminang
Haram ku tidak ke tempat lain.

Imej *bintang tujuh* dalam pantun pertama (7) amat rapat hubungannya dengan angka tujuh yang selalu ditemui dalam cerita-cerita lisan sastera rakyat khususnya dalam genre lipur lara, misalnya "puteri tujuh" atau "bidan yang tujuh" dan "bidadari tujuh" dalam sistem kepercayaan pengubatan dan perbomohan, seperti dalam tradisi ulit mayang di Terengganu. Ungkapan pembayang tentang bintang tujuh, yang satu daripadanya jatuh di Gunung Daik juga merupakan sebahagian daripada legenda yang dikenali dalam wilayah Dunia Melayu. Sementara *tekukur* dan *tibarau Limbang* dalam contoh (8) mungkin lebih bermakna dan berkesan kepada masyarakat Brunei yang tidak jauh pula budaya dan persekitarannya dengan seluruh warga Melayu Nusantara.

Demikian pula dari persekitaran darat, keadaan yang sama juga didapati dan agak mudah disenaraikan. Sebahagian besar fauna dan flora yang semula jadi dapat ditemui dalam pantun, baik sebagai perbandingan yang konkrit mahupun sebagai pernyataan yang abstrak. Antaranya:

- Segala jenis haiwan, di darat, di air, dan di angkasa.
- Segala jenis burung, baik yang dikenali mahupun yang tidak, yang merupakan mistik: geroda, jentayu, pingai, dan cenderawasih.
- Segala jenis pohon, tanaman, hiasan dan rimba.
- Segala jenis buah, sayuran dan bijian.
- Segala jenis bunga, termasuk yang mistik: bunga kayangan, pakma, gandapura wangi.
- Bahagian-bahagian daripada tumbuh-tumbuhan dan pohonan: akar, batang, daun, ranting, tangkai, tampuk, dan lain-lain.

Sebuah latihan ilmiah yang dihasilkan di Fakulti Sains Fizik dan Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1987), menyenaraikan hampir 200 spesies (192) jenis flora yang disebut dalam pantun. Hal ini disahkan kewujudannya, diberikan nama-nama saintifik, ciri-ciri dan fungsinya serta hubungannya dengan budaya Melayu. Apa yang paling menarik ialah kesesuaian ciri-ciri objek yang dirujuk dengan maksud dan pemikiran yang diserapkan begitu rupa dalam pantun-pantun tersebut. Demikian juga sebuah kajian lain untuk Ijazah M.A. di Jabatan Persuratan Melayu dengan judul "Perlambangan dalam Pantun Melayu" Universiti Kebangsaan Malaysia (1991) menyenaraikan pelbagai objek daripada fauna dan flora yang telah diterapkan sebagai lambang dan citra yang indah dan berkesan dalam pantun Melayu. Perhatikan beberapa contoh:

(9) Buah langsat kuning mencelah
Senduduk tidak berbunga lagi
Sudah dapat gading bertuah
Tanduk tidak berguna lagi.

dan pantun Brunei:

(10) Kayu jati teras binalu
Bunga rampai di dalam puan
Biar kumati jangan kumalu
Syukur kusampai denganmu tuan.

Kedua-dua pantun menerapkan objek dari alam flora sebagai lambang kepada situasi yang dihadapi. Kontras antara *langsat* yang sedang menguning dengan *senduduk* yang telah kekeringan amat tepat dengan *gading* dan *tanduk* sebagai lambang kepada dua manusia: yang lebih bertuah dan yang kurang berharga. Demikian juga dalam rangkap yang berikutnya, *kayu jati* dengan *teras binalu* menjadi lambang kepada keteguhan cinta, azam dan sumpah setia yang cukup penting dalam kehidupan berkasih.

Suatu perkara yang menarik di sini dalam pemilihan objek flora mahupun fauna, ialah kepekaan masyarakat terhadap tabii objek yang dipilih. Pemilihan biasanya daripada jenis yang indah dari segi rupa dan ciri-cirinya yang lain, dan yang lebih penting

ialah ketepatan dalam perbandingannya, baik dari aspek luaran, fizikal mahupun dalaman atau rohaniah. Seperti yang berlaku pada pilihan dari persekitaran pesisir, objek dan situasi yang dipilih ialah yang diterima sebagai "indah" oleh masyarakat; tidak yang jijik, lucah, atau yang tidak menyenangkan.

Dalam hal yang sama pula, seorang pengkaji mungkin tidak dapat memahami pantun-pantun demikian jika dia tidak memahami persekitaran itu dan segala situasi yang berhubungan dengannya. Ambillah tiga rangkap pantun di bawah sebagai perbincangan:

(11) Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi.

(12) Burung merpati terbang seribu
Hinggap seekor di tengah laman
Hendak mati di hujung kuku
Hendak berkubur di tapak tangan.

dan pantun Brunei:

(13) Burung taripas telurnya hijau
Mari bertelur di dalam gua
Walau jauh di langit hijau
Hatiku tetap padamu jua.

Lambang dan imej yang digunakan dalam rangkap-rangkap di atas memerlukan pemahaman terhadap objek yang dipilih; juga ciri dan situasi yang berhubung dengannya dalam kehidupan masyarakat berkenaan. *Padang* yang *datar* (Contoh 11) tidak memberikan cabaran dibandingkan dengan hutan belantara; dan *rusa belang kaki* ialah sejenis belalang ("belalang rusa") yang tidak bernilai dibandingkan dengan rusa sebenar yang lebih berharga, misalnya "rusa beringin", atau "rusa benuang" yang terdapat di hutan dan pergunungan yang lebih sukar dan mencabar. Situasi yang dipilih amat tepat dengan maksud pantun: kerja yang tidak bersungguh, memberikan hasil yang tidak memuaskan atau gagal sama sekali. Pertalian antara dua keadaan yang bertentangan ini

cukup berjaya dalam menyampaikan mesej yang dimaksudkan.

Pantun (12) dan (13) menggunakan imej burung: *merpati* dan *taripas*; objek yang selalu dihubungkan dengan situasi keamanan dan kasih sayang. Pantun-pantun tersebut adalah penyataan sumpah setia, janji dan harapan untuk bersama, sedekat-dekatnya walaupun setelah dipisah oleh kematian. Tetapi ungkapan *Hinggap seekor di tengah laman* dalam pantun (12) tidak terhenti sebagai pernyataan biasa. Ia berhubung erat dengan situasi magis, misalnya mantera memikat burung yang secara analogi berhubungan dengan perihal pikat-memikat antara gadis dengan teruna. Dalam mantera tersebut, ungkapan *Turun hinggap di tengah laman; laman Raja Sulaiman* selalu dirujuk untuk maksud yang sama; misalnya sebuah mantera memikat burung di bawah ini:

(14) Arak-arak, iring-iring
Kembang bunga si panggil-panggil
Datang berarak turun beriring
Nabi Sulaiman datang memanggil.

Memanggil anak burung merpati hutan
Ke laman Nabi Allah Sulaiman.

Indang-indang melukut
Aku indang di sumpit purun
Aku undang aku jemput
Aku jemput aku bawa turun.

Turun ke laman Nabi Allah Sulaiman.

(Harun Mat Piah, 1989:490–491)

Ungkapan dan maksud yang sama terdapat juga dalam lagu Ulit Mayang yang merupakan suatu bentuk pengubatan batiniah (spiritual). Tujuh "puteri" yang mewakili semangat, terutamanya Puteri Tujuh atau Puteri Bongsu yang akan menyembuhkan pesakit, dijemput dan dipanggil untuk datang dan duduk di tengah laman:

(15) Pinjam tukul pinjam landasan
Hendak menukul belakang pari
Pinjam dusun pinjam laman
Hendak menyambut bidadari.

(16) Tatang puan tatang cerana
Tatang di tengah taman
Datang tuan datanglah nyawa
Datang duduk di tengah laman.

Hubungan magis seperti ini sesuai pula dengan situasi yang dikemukakan: seekor daripada seribu merpati sebagai metafora kepada seorang daripada "ribuan" pemuda atau gadis yang dapat dipikat atau terpikat, untuk menjadi pasangan hidup, dari alam yang sementara ke alam abadi. Demikian pula *burung taripas* yang bertelur di gua adalah perlambangan magis dan misteri yang dihubungkan dengan alam perkasihan. Di sini imej burung, sebagai objek tabii yang indah telah berjaya mencerapkan rasa nikmat ke dalam deria rasa pendengar atau pembaca. Dari segi nilai sebuah pantun yang asli seperti di atas, penggunaan imej dan lambang yang ditunjukkan menepati konvensi syarat dan ibarat yang dituntut dalam kesepaduan estetika dan etika pantun Melayu.

Pencernaan Realiti ke dalam Jalinan Kreativiti

Kepekaan dan keajaiban kepada realiti alam semesta, kekaguman terhadap struktur dan sistemnya, perulangan musim dan pasang surut lautan, malah pemahaman terhadap sifat-sifat binari dan dualisme alam, tidak menjanjikan apa-apa ke arah penciptaan puisi, termasuk pantun. Yang penting dalam proses ini ialah kebolehan penyair – sebagai penikmat dan pemikir – mencerna aspek-aspek realiti itu ke dalam jalinan karyanya. Untuk mempamerkan situasi ini dipetik sebahagian pendapat V.I. Braginsky – seorang sarjana Pengajian Melayu dari Rusia – dalam hubungannya dengan penciptaan syair-syair Hamzah Fansuri. Menurut Braginsky, Hamzah Fansuri dalam mencipta syair-syair mistiknya telah memanfaatkan pengetahuannya terhadap sistem imej dan perlambangan Melayu, walaupun beliau memilih secara sedar dan

berhati-hati imej dan lambang yang terbiasa dalam tradisi Parsi. Seterusnya, menurut beliau:

> Banyak motif puisi cinta Hamzah turut ditemui dalam pantun, yang sehingga kini dicipta oleh muda mudi yang jatuh cinta di kampung-kampung Melayu. Syair-syair Hamzah terpengaruh oleh irama yang khusus dan susunan bunyi (*euphonic system*) pantun. Semua itu menimbulkan dugaan yang penyair itu mungkin menimba setengah-setengah imej dan motif percumbuan daripada pantun. Antara contohnya, satu demi satu:

Mahbub tinggal di gunung ("Astananya di puncak gunung" – tulis Hamzah):

(17) Batang gelam batang kenanga
Sena tumbang menimpa pundung
Kumbang mengidam nak seri bunga
Bunga kembang di puncak gunung.

Kumbang ialah lambang si asyik, bunga pula lambang si maksyuk; kedua-duanya sangat biasa dalam tradisi pantun.

Si asyik telah mabuk dengan berahi, tetapi pagar dan hamba istana si maksyuk menghalanginya ("Tempatnya musykil lengkap berpagar / dengan hambanya terlalu samar" – tulis Hamzah):

(18) Buah ara hanyut ke lubuk
Anak undan terlanggar batang
Hati saya merasa mabuk
Menengok bulan dipagar bintang.

Bintang-bintang melambangkan hamba dan inang pengasuh, manakala bulan ialah lambang kekasih.

Jalan yang menuju kepada kekasih amat sukar ("Jalannya berputar-putar", "Di sana duri terlalu tajam, / manakan dapat berjalan malam" – berkata Hamzah):

(19) Bawang merah menggulai lemak
Bawang putih memasak rendang
Jalan lecah menempuh semak
Sebab kasih maka kudatang.

Untuk mendapatkan kekasihnya, si asyik rela menolak kerabatnya – satu pengorbanan yang sungguh besar bagi orang Melayu (Hamzah menulis: "Anak isteri yogya kausarak, / mangkanya dapat isykimu galak"):

(20) Nasi lemak buah bidara
Batang selasih saya lurutkan
Buang emak buang saudara
Sebab kasih saya turutkan.

Selalunya untuk meraihkan kasih mahbub, si asyik rela mengorbankan jiwanya (Hamzah berkata: "kekasih itu hendakkan nyawa, / itulah haluan yogya kaubawa"):

(21) Apa guna kepuk di ladang
Kalau tidak berisi padi?
Apa guna peluk dan sayang
Kalau tidak berani mati.

Kekasih dapat dijinakkan (Hamzah berkata: "Perlahan-lahan pergi empenak / supaya dapat mahbub jinak"):

(22) Cik Akub pergi ke mana?
Pergi ke pasar membeli minyak
Kalau cukup dengan makannya
Burung yang liar menjadi jinak.

Burung merupakan sebuah lagi imej yang melambangkan kekasih.

Untuk menjinakkan kekasihnya, si asyik harus berani pergi melihatnya (Hamzah menulis: "Pada kampungnya hendak bertandang /... supaya mahbub dapat kau pandang"),

(23) Anak unggas ditangkap kucing
Pokok selasih di bawah tangga
Dua belas pintu berkancing
Tegal dek kasih terbuka juga.

Di sanalah di dalam rumah (istana) mahbub bersembunyi di balik tirai (Hamzah menyeru: "Buangkan tirai berlapis-lapis, / hampir-hampir pergi kaujalis"):

(24) Di mana bunyi burung jampuk itu?
Di pokok kekabu dekat mempelam
Di mana sembunyi putih empuk itu?
Dalam kelambu di atas tilam.

.... Akhirnya sampailah saat bahagia (Hamzah menulis: "Jika kauturut yang disuruhnya, / supaya wasil dengan tubuhnya"):

(25) Orang Cina menulis surat
Kalam dipakai bermata bulu
Dari dunia sampai akhirat
Badan dua menjadi satu.

Kalam ialah lambang kelelakian erotik yang lazim digunakan.

(Braginsky, 1994:242–245)

Apa yang dapat disimpulkan daripada pemaparan situasi di atas ialah bagaimana Hamzah Fansuri seorang filosuf sufi, telah menggunakan unsur-unsur estetika dan etika puisi Melayu ke dalam syair-syair mistik ciptaannya. Di sini Hamzah telah mencerna sistem perlambangan, flora dan fauna alam pemikiran Melayu ke dalam jalinan kreativiti yang lebih canggih seolah-olah daripada pemikiran dan acuan asing, khususnya Arab dan Parsi. Di sinilah letaknya kebijaksanaan penyair dalam menjalin karyanya; dan kebijaksanaan ini bukanlah milik Hamzah secara khusus, tetapi dikongsi dan dibuktikan bersama oleh penyair-penyair Melayu dalam mencipta puisi, termasuk pantun.

Penyataan Realiti Melalui Peribahasa

Sebuah lagi contoh dalam hubungan realiti-kreativiti ini ialah melalui peribahasa (Brunei: perambahan), khususnya yang tergolong dalam genre peribahasa berirama (lih. Harun Mat Piah, 1989:459–477). Peribahasa, termasuk pepatah, bidalan dan perbilangan adalah hasil pemikiran analitis Melayu terhadap realiti sekitarnya, menurut wawasan dan pengalamannya. Ungkapan *Sudah gaharu cendana pula / Sudah tahu bertanya pula* misalnya dapat diadun menjadi pantun yang tipikal dengan memperluas

kuplet pembayang dan kuplet maksud, menjadi:

(26) Sudah gaharu cendana pula
Emas kemilau di dalam puan
Sudah tahu bertanya pula
Hendak bergurau gerangan tuan.

atau daripada ungkapan *Genggam bara api biar sampai jadi arang* diperluas menjadi:

(27) Anak Agam jual sutera
Jual di Rengat tengah pekan
Jangan digenggam bagai bara
Terasa hangat dilepaskan.

Demikianlah yang terjadi pada contoh-contoh di bawah yang diperkembang daripada ungkapan-ungkapan peribahasa dan perambahan yang telah begitu mesra dalam kehidupan masyarakat: *Bagai apung di tengah lautan, dipukul ombak sekejap ke tengah sekejap ke tepi*:

(28) Anak beruk dimakan siput
Disambar oleh buaya katak
Laksana lambuk di tengah laut
Tenggelam timbul dilambung ombak.

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna:

(29) Bangsal di hulu kerapatan
Sayang durian gugur bunganya
Sesal dahulu pendapatan
Sesal kemudian apa gunanya?

Sama dengan pantun Brunei:

(30) Merambat sasar ke hulu
Pokok durian lebat bunganya
Baik-baik sesal dahulu
Sesal kemudian apa gunanya.

Contoh di atas menyatakan dua peringkat hubungan realiti – kreativiti. Di suatu peringkat, peribahasa itu sendiri merupakan realiti kehidupan dan pengalaman masyarakat; sementara di peringkat kedua, realiti dalam peribahasa telah dimanfaatkan dalam mencipta pantun.

Realiti dan Kreativiti yang Bersifat Konseptual

Perbincangan dan contoh-contoh yang dikemukakan di atas hanya salah satu aspek daripada kehidupan manusia, iaitu realiti objektif atau fizikal yang juga dihubungkan dengan makna yang konkrit, di sini dalam bercintaan dan berkasih sayang walaupun melalui objek atau rujukan yang berlainan. Sesungguhnya situasi yang sama dapat pula digunakan pada aspek yang lebih kompleks, abstrak atau bersifat konseptual, misalnya tentang agama, nilai, norma dan adat. Persoalan tentang nilai ini juga merupakan sebahagian daripada aspek-aspek yang meletakkan pantun sebagai karya agung Melayu. Pantun amat sarat dengan rujukan dan rangsangan tentang nilai: nilai peribadi, nilai seni, nilai budaya, nilai ilmu, dan nilai sosial. Sebagaimana konsep nilai itu sendiri merupakan sesuatu yang mujarad, nilai dan pandangan dunia yang terserap dalam pantun-pantun juga menjadi mujarad, abstrak dan konseptual. Di sini di bincangkan dua aspek sahaja, iaitu nilai keagamaan dan nilai sosial. Nilai sosial pula akan difokuskan kepada budi: nilai manusia Melayu terhadap budi, membuat budi, menabur budi dan mengenang budi.

Untuk nilai keagamaan, dipetik segugus pantun berkait daripada sebuah manuskrip dalam Koleksi Museum Pusat Jakarta yang masih belum diterbitkan:

(31) Kapal Anjiman dari China
Singgah bermuat papan jati
Amal dan iman biar sempurna
Tidaklah jadi sesal di hati.

(32) Singgah bermuat papan jati
Dibawa belayar ke Singapura
Tidaklah jadi sesal di hati
Iman pun tidak jadi cedera.

(33) Dibawa belayar ke Singapura
Di Batu Putih kapal nan lalu
Iman pun tidak jadi cedera
Itulah tempat melepas malu.

(34) Di Batu Putih kapal nan lalu
Haluan menuju Batu Berantai
Itulah tempat melepas malu
Jalan yang malu patut dirantai.

(35) Haluan menuju Batu Berantai
Airnya pasang deras ke barat
Jalan yang malu patut dirantai
Supaya senang tidak melarat.

Sekali lagi latar dan imej laut digunakan, kali ini untuk tema dan mesej keagamaan: pentingnya beramal dan beriman, menghindari perbuatan malu, mengelak daripada kecederaan hati dan seterusnya untuk dihormati oleh masyarakat. Ternyata realiti alam, tempat-tempat yang benar wujud, objek yang khusus iaitu kapal Anjiman (kapal Kompeni Inggeris yang belayar ke Asia Timur), serta situasi laut dan aktiviti pelayaran dan perniagaan digunakan begitu baik, dan cukup bersesuaian dengan tema pantun, iaitu keagamaan, iman dan amal.

Berhubungan dengan tema keagamaan dalam pantun, secara keseluruhan dapat dikatakan persembahannya atau temanya agak ringan dibandingkan dengan tema yang sama yang dibicarakan melalui media syair, nazam, dan dikir. Dalam syair, tema-tema keagamaan meliputi semua bidang, khususnya fikah dan tasawuf. Kisah para nabi dan riwayat hidup Rasulullah s.a.w., para sahabat dan orang-orang sufi mengisi bahagian terbesar genre ini. Dalam pantun, tema-tema keagamaan menyentuh persoalan hidup semasa, soal menuntut ilmu dan beramal supaya tidak menyesal sesudah mati. Dan dari segi kemanusiaan sejagat, soal pentingnya berbuat baik sesama insan, terutamanya yang sebangsa, senegara dan seagama, apalagi antara ahli-ahli keluarga dan masyarakat. Perhatikan beberapa contoh:

(36) Anak ayam turun sepuluh
Mati seekor tinggal sembilan
Bangun pagi sembahyang subuh
Minta ampun kepada Tuhan.

(37) Halia ini tanam-tanaman
Ke barat juga condong tumbuhnya
Dunia ini pinjam-pinjaman
Akhirat juga akan sungguhnya.

(38) Asam kandis asam gelugur
Ketiga asam si riang-riang
Menangis mayat di pintu kubur
Teringat badan tidak sembahyang.

(39) Banyak hari perkara hari
Tidak sama hari Jumaat
Banyak nabi perkara nabi
Tidak sama Nabi Muhammad.

Contoh-contoh di atas dipetik daripada pantun-pantun yang jelas tergolong dalam tema keagamaan, umumnya dikenali sebagai pantun agama. Namun demikian terdapat juga pantun-pantun daripada golongan lain yang dapat ditafsir dari aspek keagamaan, khususnya melalui huraian yang berdasarkan fahaman tasawuf, sufisme atau "ilmu suluk"; misalnya pantun-pantun di bawah:

(40) Dari mana hendak ke mana
Tinggi rumput dari padi
Hari mana bulan mana
Dapat kita bertemu lagi.

(41) Tinggi-tinggi si matahari
Anak kerbau mati tertambat
Sudah lama kami mencari
Baru sekarang kami mendapat.

(42) Pucuk pauh delima batu
Anak sembilang di tapak tangan
Sungguh jauh di negeri satu
Hilang di mata di hati jangan.

Ketiga-tiga pantun di atas tergolong sebagai pantun kasih: yang pertama (40) sebagai permulaan berkasih (*Cinta Bersemi*), kedua (41) kejayaan berkasih (*Hasrat Tercapai*), dan ketiga (41) kegagalan berkasih (*Kasih Terhalang*). Namun dalam sistem perlambangan sufi, "kekasih" dalam konteks itu bukanlah semata-mata asyik dan maksyuk sesama manusia, khususnya lelaki dan perempuan. Kasih dan kekasih adalah antara makhluk dan Khaliq, Tuhan, Allah S.W.T. Pantun (40) menyatakan perjalanan yang panjang dalam hidup seorang makhluk; dan sebelum perjalanan bermula telah dijanjikan bahawa kedua-duanya – makhluk dan Khaliq – akan bertemu semula, iaitu setelah si makhluk dipanggil ke alam baqa. Makhluk yang sempurna menurut ukuran tasawuf atau sufi adalah yang menanti dengan rela pertemuannya dengan al-Khaliq, detik kematian yang ditakuti oleh manusia yang jahil. Rumput dan padi adalah lambang kejahatan dan kebaikan; dan hidup makhluk umumnya ditumbuhi rumput yang mengatasi padi, maksudnya lebih banyak kejahatan daripada kebaikan.

Dalam pantun (41) *mencari* dan *mendapat* tidak semestinya merujuk kepada kekasih atau pasangan sesama insan; malah mungkin bermaksud mencari diri, menemukan diri, mencari Tuhan dan menemukan Tuhan. *Mendapat* atau yang didapati juga tidak semestinya yang diharapkan dalam situasi berkasih: mendapat kekasih, pasangan, isteri atau suami. Yang didapat mungkin hidayah, petunjuk ke arah jalan yang lurus dan dari situ ia tidak akan berpaling, seperti dalam syair Hamzah Fansuri:

(43) Hamzah Fansuri di dalam Mekah
Mencari Tuhan di Bait al-Ka'bah
Di Barus ke Kudus terlalu payah
Akhirnya dapat di dalam rumah.

Juga dengan nada yang sama dalam sajak Amir Hamzah, "Tuhanku":

(44) Tuhanku
aku mengembara di negeri asing

Tuhanku
di pintumu aku mengetuk
aku tidak bisa berpaling.

Pantun (42) lebih menarik dari segi persoalan keagamaannya; kerana secara tersurat pantun tersebut jelas sebagai pantun kasih, merupakan doa dan harapan dua kekasih yang akan berpisah. Walaupun akan berjauhan dan tidak berpandangan, keduaduanya akan sentiasa mengenangi yang lain. Namun, menurut informan, baris kedua pantun tersebut berbunyi "Air sembilan", iaitu air yang dimaksudkan untuk memandikan jenazah, sama seperti pantun di bawah:

(45) Kalau tuan pergi ke Langat
Singgah sebentar di Batu Sembilan
Kalau tuan menjadi mayat
Saya menjadi *air sembilan*.

Dari segi makna tasawuf, pendapat tersebut memang dapat diterima. *Jauh di negeri satu* merujuk negeri akhirat dan *Hilang di mata* tidak di hati memberikan konotasi perpisahan akibat kematian. Ini sesuai dengan rujukan *air sembilan* dalam larik pembayang.

Jika formula atau pendekatan seperti itu diterima dan diaplikasikan kepada pantun-pantun yang lain, tentu sahaja kita akan dapat memberikan makna yang baru, erti atau tafsiran yang berbeza, lebih jauh malah lebih tepat daripada apa yang berlaku; sekurang-kurangnya sebagai pilihan kepada bentuk pentafsiran yang agak lumrah dewasa ini.

Pantun-pantun yang berfokus kepada nilai budi atau umumnya dikenali sebagai "pantun budi" mempunyai skop yang luas, sesuai dengan tanggapan masyarakat terhadap budi. Budi tidak saja bermakna memberi dan menerima sesuatu pemberian, barangan atau material, tetapi meliputi segala tindakan dan akibat dalam hubungan dan interaksi sosial sesama anggota masyarakat. Dr. Norazit Selat (1996:26–47) membicarakan topik ini secara terperinci dan cukup berwibawa. Ada baiknya di petik beberapa pendapat beliau sebagai titik tolak perbincangan:

(a) Budi adalah struktur yang membimbing dan menghubung setiap anggota masyarakat, bangsa dan negara. Budi adalah orientasi nilai yang mengukuhkan setiap bangsa; tanpa orientasi ini, batas-batas kehidupan akan runtuh dan bangsa tersebut akan kehilangan daya ikatan yang menghubungkan mereka:

(46) Tegak rumah kerana sendi
Runtuh sendi rumah binasa
Sendi bangsa ialah budi
Runtuh budi runtuhlah bangsa.

(47) Bukan tanah menjadi padi
Kalau jadi hampa melayang
Bukan bangsa menanam budi
Kalau tanam cuma terbuang.

(b) Budi bahasa ialah salah satu aspek peribadi individu yang dinilai tinggi oleh masyarakat. Pencernaan peribadi tersebut terserlah dalam pertuturan dan pemilihan kata-kata yang digunakan. Bahasa yang diucapkan sentiasa teratur, indah, tepat, baik dan benar:

(48) Yang kurik kundi
Yang merah saga
Yang baik budi
Yang indah bahasa.

(49) Cantik sungguh halia suasa
Tanam ia di tepi jalan
Hidup kita berbudi bahasa
Banyaklah sahabat, handai dan taulan.

(c) Budi pekerti ialah perlakuan atau tingkah laku seseorang, yang dinilai dari sudut baik dan buruk; termasuk tertib dan sopan, menghormati orang yang lebih tua, memberi salam dan menjaga tutur kata. Bagi perempuan, dia seorang yang pemalu, halus gerak-geri, tertib dan sopan santun. Budi pekerti juga sesuai dengan konsep adat, iaitu berbudi pekerti tanda beradat:

(50) Bunga melati bunga di darat
Bunga seroja di tepi kali
Hina besi kerana karat
Hina manusia tidak berbudi.

(51) Hari hujan naik ke sampan
Dari kuala patah kemudi
Mati ikan kerana umpan
Mati saya kerana budi.

Hidup berbudi sudah merupakan suatu fitrah, semula jadi, suatu hukum atau peraturan alam, atau sunnatullah yang tidak dapat dielakkan, malah mesti dilaksanakan. Tindakan seperti ini dinamakan budi-bicara; atau menurut Winstedt sebagai *intelligent common sense*. Mesej yang sama diserapkan juga melalui pantun-pantun lain, seperti pantun peribahasa, kias dan ibarat; atau dalam apa yang disebut dalam koleksi ini sebagai tanggapan dan pengalaman masyarakat. Perhatikan beberapa contoh:

(52) Burung empat disangka enam
Ibunya lari membawa sarang
Sakit diubat mati ditanam
Itu budi dikenang orang.

(53) Ikan berenang di dalam lubuk
Ikan belida datangnya panjang
Adat pinang pulang ke tampuk
Adat sirih pulang ke gagang.

Membalas budi dan mengenang budi diberikan ukuran yang tinggi dalam masyarakat. Individu yang tidak mengenang budi, malah yang memberikan balasan yang negatif kepada orang yang telah berbudi kepadanya, dianggap *Sebagai kacang lupakan kulit*, atau diibaratkan *Diberi bunga dibalas tuba*. Budi sedikit tak kunjung hilang, menjadi kenangan bertahun-tahun; dan *Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati* adalah ungkapan yang paling popular dalam soal berbudi dan mengenang budi. Walaupun memberi budi selalu dikatakan dengan maksud yang ikhlas, tidak mengharapkan balasan, namun secara praktis mempunyai konotasi "mengharap" dan "memerlukan" balasan. Balasan itu tidak semestinya sebagai ganjaran material, tetapi cukup dengan ucapan terima kasih dan seterusnya mengenang siapa yang berbudi dan

yang telah memberi budi, tidak sahaja sepanjang hayat, malah dari dunia hingga ke akhirat:

(54) Pisang emas bawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati.

(55) Penat sudah bertanam padi
Nanas juga ditanam orang
Penat sudah menanam budi
Emas juga dipandang orang.

Demikian antara yang lain-lain, nilai manusia Melayu tentang budi; dan dalam banyak pembicaraan tentang tamadun, jati diri dan maruah bangsa Melayu, budi selalu saja dirujuk sebagai unsur yang penting dalam jalinan budaya, minda dan peribadi manusia Melayu. Sifat agung di sini tidak sahaja pada aspek mempunyai dan mengamalkan konsep budi menurut nilai dan tasawur Melayu dan Islam, tetapi juga pada menyatakan konsep itu melalui ciptaan karya yang cukup indah, bernilai seni dan mempunyai jati diri yang tersendiri.

Nilai Sosial dan Budaya yang Lain

Dua aspek yang disentuh di atas, iaitu nilai keagamaan dan nilai budi, mungkin dianggap mudah atau hanya suatu kemestian yang semula jadi dalam kehidupan masyarakat. Bagaimana pula pada aspek yang sedikit "remeh" dan kurang dibicarakan: misalnya nilai dan tanggapan manusia Melayu tentang humor, lucu atau jenaka. Rujukan kepada aspek ini dalam pantun Melayu dapat memberikan gambaran bahawa manusia Melayu juga bersifat ceria, luwes dan terbuka; ertinya tidaklah serius dan emosional seperti yang terlihat dalam kebanyakan pantun dan genre puisinya yang lain. Muhammad Haji Salleh (1996:107–133) menyentuh aspek ini di akhir pembicaraannya tentang "Metafora, kias dan ibarat dalam pantun Melayu". Menurut Muhammad, pantun-pantun dalam kategori lucu dan jenaka ini seolah-olah membenarkan pemantun merungkaikan ikatan ketat, tetapi tetap teri-

kat dengan simpulan sopan santun dan kehalusan budi yang dituntut oleh nilai-nilai sosial masyarakatnya.

Kelonggaran itu dengan cepat dimanfaatkan tetapi kehalusan juga ditatang dan dikekalkan. Muhammad memetik daripada Tenas Effendy (1990:iv):

> ...Terasalah betapa orang Melayu melahirkan kelakarnya secara halus, penuh nilai-nilai tinggi yang mencerminkan keperibadian Melayu yang tetap menunjang norma-norma etika yang selalu mereka hormati. Betapapun bebasnya mereka berpantun namun nilai-nilai sopan santun Melayu tetap terpelihara, dan kegembiraan hidup terpantul pula di dalamnya.

Muhammad seterusnya menyatakan: "pantun kelakar bukan sahaja untuk mengejek dan bercumbu, tetapi juga untuk memperlihatkan sudut ironis kehidupan, membawakan makna peristiwa, situasi dan perasaan yang disimpulkan dalam suasana yang agak ringan dan ingin berjenaka. Tetapi seninya adalah seni besar dan menuntut bakat yang sama besarnya". Muhammad memberikan beberapa contoh (hlm. 131–132):

(56) Sungguh sedap meratah bertih
Sedap diberi pulut dan ketan
Sungguh sedap berkopiah putih
Setiap hari dijemput makan.

(57) Sejak tungau berbini tuma
Banyaklah angsa menimang taji
Sejak harimau menjadi ulama
Banyaklah rusa datang mengaji.

(58) Menengok kera dipeluk anjing
Banyak kijang berjalan turun
Menengok orang tua duduk bersanding
Banyaklah bujang meminum racun.

Suatu hal yang menarik, menurut pemerhatian Pengkaji ketika menjalankan penyelidikan di kampung-kampung, pantun-pantun jenaka ini cukup difahami dan dapat dihayati oleh semua

peringkat khalayak. Walaupun ada kalanya terlahir pantun yang bernada erotik, dalam bentuk dwimakna atau berkonotasi seksual, pemantun dan khalayak mencernakan seluruhnya ke dalam satu bentuk intekraksi sosial yang mengagumkan. Kanak-kanak ketawa menurut penerimaan daripada orang dewasa. Remaja ketawa kerana memahami makna tersirat, dan orang dewasa ketawa kerana memahami dan mungkin pernah mengalaminya. Misalnya pada pantun di bawah ini:

(59) Singapura dilangggar todak
Singgah pula di Tanjung Beringin
Orang tua berlaki budak
Bagai beruk mendapat cermin.

Fantasi dan andaian pendengar ialah pada aksi sang beruk yang membelek, membedek kerana terlalu asyik dengan barang yang menakjubkan. Kepada kanak-kanak imaginasinya tertumpu pada perlakuan sang beruk; tetapi pada yang dewasa pemahaman mereka tentunya lebih jauh daripada itu. Dan bagaimana tentang nilai humor pada pantun-pantun jenaka yang dipetik dalam koleksi ini? Misalnya rangkap di bawah ini:

(60) Sakit kaki ditikam jeruju
Jeruju ada di dalam paya
Sakit hati memandang susu
Susu ada di dalam kebaya.

dan dari Brunei:

(61) Barat Daya kencang semalam
Singgah masuk kapal berlabuh
Terpedaya bujang semalam
Tongkat patah, pantaran roboh.

Beberapa pengkaji Barat cukup tertarik dengan perlambangan yang digunakan dalam contoh (60). Bagaimana sakitnya kaki seorang petani yang ditikam duri jeruju yang tajam dan berbisa, demikianlah gelodak perasaannya melihat dan membayangkan sesuatu yang tersembunyi. Sementara pantun (61) dari-

pada pengalaman masyarakat Brunei, membayangkan betapa kecewanya seorang suami yang tidak dapat menyempurnakan malam pertama yang sewajarnya meninggalkan kenangan manis sepanjang hidupnya. Lebih jauh daripada itu, kedua-dua contoh diterima masyarakat dan khalayak sebagai sumber jenaka yang menimbulkan rasa ceria dan terhibur dalam konteksnya yang sesuai.

Kesimpulan daripada perbincangan dan contoh-contoh yang dikemukakan di atas, nyatalah bahawa pantun adalah karya agung Melayu yang menerapkan nilai-nilai hidup dan sosial masyarakat Melayu. Keagungan itu bukan saja dalam falsafah, pegangan, tema, dan maksud yang disampaikan, tetapi juga dalam rangkap kata-kata yang menjadi wadah nilai dan tanggapan itu. Kata-katanya padat, bernas, tepat dan berkesan; tujuannya untuk mendidik, membimbing, menghibur dan menggemblengkan minda dan pengalaman masyarakat dalam konteks dan zaman yang berterusan. Memang benar, tidak semua pantun menyerlahkan sifat ini; ertinya tidak semua pantun mencapai darjat karya agung, tetapi yang memiliki sifat-sifat itulah, yang sempurna syarat dan ibaratnya, yang dapat diterima dan diangkat ke taraf tersebut. Pantun-pantun yang dipilih dalam koleksi ini – sekurang-kurangnya sebahagian besar daripadanya – dapat dikatakan berada pada taraf yang dimaksudkan.

PERSOALAN LAIN TENTANG PANTUN

Persoalan Pokok

Pantun adalah salah satu genre puisi tradisional yang diwarisi oleh masyarakat Nusantara atau Dunia Melayu, mungkin dari zaman prasejarah lagi. Ia dikenal dan diabadikan dalam pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu yang menduduki daerah yang cukup luas, meliputi seluruh kepulauan Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, Brunei, dan kepulauan selatan Filipina. Di luar Dunia Melayu pantun dikenali di Sri Lanka; dan di Eropah, Perancis dan Czechoslovakia. Di Sri Lanka pantun terdapat dalam campuran bahasa Melayu, Sinhala

dan Tamil, disebut sebagai *phantong* (Harun Mat Piah, 1986). Di Eropah, khususnya di Perancis, genre ini dikenali sebagai *pantoum* (Daillie, 1988:17–35); demikian juga dalam bahasa Ceko di Czechoslovakia (Eva Vanicek, 1994). Dalam semua keadaaan – latar, bahasa, dan budaya yang berbeza – pantun tetap mengekalkan identitinya yang unik, dari segi struktur, bentuk dan polarima, selain ciri-ciri dalamannya, khususnya penggunaan lambang dan hubungan makna kuplet-kuplet pembayang dengan maksudnya. Dalam terjemahan-terjemahan ke bahasa Inggeris, Perancis dan Slovak, ciri-ciri yang unik itu dipertahankan terutamanya dari segi polarima dan pembahagian unit, pembayang dan maksud. Di Negara Brunei Darussalam, pantun tidak sahaja terdapat dalam bahasa Melayu (Berunai), tetapi juga dalam bahasa-bahasa sukuan Melayu yang lain: Kedayan, Belait, Tutong, Murut, Dusun dan Bisaya. Pantun-pantun dalam bahasa Melayu, khususnya dari daerah Brunei-Muara mempunyai kesamaan yang cukup jelas dengan pantun-pantun yang terdapat di daerah Melayu yang lain di Nusantara, khususnya Semenanjung Tanah Melayu. Perbezaan yang ketara terdapat pada penggunaan kata-kata yang khusus digunakan di Brunei Darussalam, selain sebutan dialek dan idiolek, misalnya pada bunyi-bunyi vokal dan beberapa konsonan yang dapat dilihat dalam beberapa pantun yang dipetik dalam koleksi ini. Di daerah kepulauan Borneo, termasuk Sabah dan Sarawak, pantun terdapat dalam pelbagai bahasa dan budaya sukuan, termasuk Iban, Dusun, Kadazan dan Murut, selain bahasa Melayu dalam dialeknya masing-masing.

Begitu akrabnya pantun dengan masyarakat pewarisnya di daerah Dunia Melayu sehingga dapat dikatakan bahawa pantun adalah pernyataan manusia Melayu. Ia menyerlahkan pemikiran, emosi, pengalaman, harapan, dan sentimen manusia Melayu, baik melalui satu kuplet, suatu rangkap, mahupun keseluruhan korpus pantun berkenaan, misalnya dalam sebuah himpunan, koleksi atau antologi. François-René Daillie (1988:6), dalam memerikan hubungan pantun dengan manusia Melayu, menyatakannya demikian:

> *This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's*

life: his land, his house, his garden, his paddy field; the river, the sea or the forest; the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his customs and tradition, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, woman and God. It also sounds, very often, like his personal magic mantra, which everyone can use without the help of any established pawang or bomoh – magician or sorcerer. It belongs to everyone, it is composed of simplest words of everday use, its syntax itself is rather kryptic sometimes – and its rhythm deeply ingrained in common ordinary speech.

Sesungguhnya gambaran dan pernyataan yang diserlahkan melalui sesebuah pantun itu amat banyak dan pelbagai; oleh itu secara keseluruhan dapat dikatakan pantun adalah Melayu dari segi manusia dan dunianya. Ini menepati pendapat para sarjana terdahulu bahawa tidak lengkap pengetahuan seseorang pengkaji tamadun Melayu jika tidak meneliti dan memahami pantun-pantunnya (Winstedt, 1969:202–203; Daillie, 1988:2–3).

Para sarjana Barat yang cuba menterjemah atau mengkaji pantun Melayu mengakui bahawa tugas itu bukan sahaja memerlukan pengajian yang luas dan mendalam, tetapi juga penyelidikan etnografi dan kerja lapangan yang serius dan berterusan. Selain itu diperlukan juga pengetahuan yang secukupnya tentang budaya, kepercayaan, mitos dan legenda yang mewarnai alam pemikiran manusia Melayu dalam pelbagai aspek dan situasinya. Mungkin tidak kurang juga pentingnya pengetahuan formal atau ilmu bantu yang meliputi bidang geografi, sejarah, botani dan zoologi serta pemahaman terhadap pelbagai kegiatan manusia, cara hidup, hubungan sosial, adat dan upacara, tegasnya penglibatan yang menyeluruh dalam kehidupan dan tamadun alam Melayu.

Dalam pengkajian pantun Melayu yang dilakukan oleh para sarjana dari dahulu hingga kini, pelbagai aspek telah diterokai; misalnya teori tentang asal usulnya, aspek estetika dan etika serta analisis tentang pemikiran, fungsi dan penyebarannya. Suatu aspek yang cukup mengkagumkan, terutama kepada para pengkaji Barat, ialah tentang proses penciptaan pantun: bagaimana pantun dicipta dengan begitu indah, secara spontan oleh anggota masyarakat yang umumnya tidak terpelajar, malah sebagai masyarakat

illiterate atau tidak mengenal aksara. Aspek yang menarik di sini bukan sahaja bentuk dan keindahan pantun tersebut, tetapi juga ciri-ciri dalamannya yang tepat, mengandungi pengertian, pemikiran dan falsafah yang keseluruhannya terkandung dalam sebuah ungkapan – serangkap pantun, baik yang sederhana, pendek dan spontan mahupun yang lebih panjang, lebih kompleks sebagai karya ciptaan yang dihasilkan secara serius.

Latar Belakang Sejarah

Melihat bagaimana sebatinya masyarakat Melayu dengan pantun, maka timbul pelbagai pendapat, andaian dan teori tentang asal usul dan latar belakang sejarah dan perkembangannya dalam tamadun dan budaya Melayu. Kebanyakan sarjana menghubungkan asal usul pantun dengan ciri-ciri budaya masyarakat Melayu secara umum. Mereka menghujah berdasarkan pelbagai kemungkinan tentang asal usul; tentang istilah dan makna, serta tarikh terciptanya pantun dalam masyarakat Melayu Nusantara. Hal yang menyulitkan para pengkaji ialah oleh sebab pantun merupakan puisi lisan, maka tarikh atau zaman terciptanya pantun tidak dapat dibuktikan secara definitif; samalah halnya dengan genre puisi dan karya tradisional Melayu yang lain. R.O. Winstedt, sebagai pengkaji orientalis yang cukup banyak membicarakan hasil-hasil kesusasteraan Melayu memberikan pendapat bahawa pantun mungkin telah dikenali dalam masyarakat Melayu Melaka, pada sekitar abad kelima belas. Ini berasaskan bukti bahawa pantun telah digunakan dalam *Sejarah Melayu* yang dipercayai telah wujud pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah, Sultan Melaka yang memerintah antara tahun 1424–1444 M, iaitu daripada naskhah prototaip yang dirujuk sebagai "Hikayat Melayu". Naskhah tersebut telah ditokok tambah pada zaman-zaman kerajaan yang kemudiannya hingga melahirkan edisi Tun Seri Lanang yang kita kenali sekarang sebagai *Sulalatus-Salatin* atau *Sejarah Melayu* (Winstedt, 1969:196–198). Winstedt membuat andaian demikian berdasarkan tiga belas rangkap pantun dalam karya tersebut yang seluruhnya mengandungi ciri-ciri yang umum bagi pantun yang tipikal. Teuku Iskandar pula berpendapat, pantun Melayu mungkin mulai dikenali di Pasai lebih

awal daripada di Melaka. Menurutnya, pantun Melayu yang terawal ditemui dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* yang telah pun wujud terdahulu daripada *Sejarah Melayu*, iaitu pada sekitar tahun 1326 M. Teuku Iskandar merujuk dua rangkap pantun di bawah ini yang terdapat dalam hikayat tersebut:

(62) Lada siapa dibangsalkan
Rana saujana kerati
Pada siapa disesalkan
Tuan juga empunya pekerti.

atau:

(63) Lada siapa dibangsalkan
Selama lada sakerati
Pada siapa disesalkan
Tuan juga empunya pekerti.

Para pengkaji lain, termasuk A.Teeuw (1966), Mohd Taib Osman (1966) dan Harun Mat Piah (1989) berpendapat bahawa pantun mungkin telah dikenali lebih awal daripada *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja Pasai*, yang kedua-duanya merupakan sumber tertulis. Oleh sebab pantun daripada khazanah lisan, ia semestinya telah dikenali malah mencapai kedudukan popular sebelum diabadikan dalam karya-karya tertulis. Dalam hubungan yang sama, Van Ophuijsen (1926) dan Brandstetter (1898) menghubungkan penciptaan pantun dengan tradisi "upama" dan "andai-andai" dalam masyarakat Batak Mandailing dan bentuk-bentuk puisi yang lain dalam masyarakat pratulisan. Mereka menimbulkan kemungkinan bahawa pantun telah wujud lebih awal dari abad keempat belas. Harun Mat Piah, dalam kajiannya yang mengkhusus kepada puisi Melayu tradisional berpendapat bahawa pantun mungkin telah wujud dalam tradisi lisan Nusantara – sekurang-kurangnya dalam bentuknya yang prototaip – sebelum atau sezaman dengan pengaruh Hindu, atau sebelum kedatangan agama Islam (Harun Mat Piah, 1989:117). Kemungkinan ini disokong dengan bukti-bukti dalaman, melalui puisi dan khazanah lisan yang lain yang telah pun berkembang sebelum kehadiran Islam di Nusantara. Antaranya peribahasa, te-

romba, bahasa berirama dan ungkapan-ungkapan yang lain yang bersifat puitis, selain jampi dan mantera yang dianggap sebagai bentuk sastera yang terawal dalam masyarakat Melayu Nusantara. A. Teeuw juga dalam membicarakan asal usul syair Melayu menyebut tentang wujudnya puisi Indonesia purba, berbentuk empat kata selarik yang mungkin telah ada pada sekitar abad ketujuh Masihi (lih. Teeuw, 1966:429–446).

Menurut Teuku Iskandar, *Hikayat Raja Pasai* telah terkarang pada sekitar tahun 1326 M (Teuku Iskandar, 1995:156–58). Dan pantun yang terdapat dalam hikayat tersebut adalah daripada bentuk yang tergolong sempurna dari segi syarat dan ibarat, estetika dan etika; ertinya telah mantap, hampir sama seperti yang dikenali sekarang. Puisi itu juga terdapat dalam sastera hikayat yang tergolong sebagai karya tertulis, bukan juga daripada genre hikayat atau roman rakyat, tetapi sejarah atau historiografi. Oleh itu, bentuk pantun yang terawal dalam tradisi lisan pastilah telah wujud sebelum ia diterapkan ke dalam karya tertulis. Iskandar juga menghujah, tidak terdapat pantun dalam karya-karya dari zaman Hindu atau dari pengaruh Hindu; kalau ada pun hal itu lebih merupakan tambahan kemudian, kerana pantun tersebut mengandungi unsur-unsur Islam. Bagaimanpun, hal ini dapat dianggap subjektif, tergantung pada pemilihan karya berkenaan dan pantun-pantun yang dikutip untuk menyokong hujah tersebut. Pengkaji menemukan pantun-pantun yang bebas daripada pengaruh Islam dalam karya pengaruh Hindu, misalnya dalam *Hikayat Mengindera Dewa Raja* yang dipetik dalam koleksi ini. Dua rangkap pantun berkenaan berbunyi begini:

(64) Teruntum pulau dewata
Jeruju di dalam padi
Tergantung di ruangnya mata
Sudah tertuju di dalam hati.

(65) Andang-andang dipuput ribut
Jatuh ke tasik Anta Purnama
Badanku seorang diperebut
Akan menghibur hati gundah-gulana.

Tidak terdapat unsur Islam dalam pantun di atas; dan hika-

yat tersebut tergolong sebagai karya daripada pengaruh Hindu. Keadaan begini amat lumrah dalam pantun Melayu, seperti yang diperlihatkan dalam koleksi ini. Nilai kita terhadap kata "unsur Islam" itu pun tidak jelas maksudnya; justeru dengan penggunaan kata-kata daripada bahasa Arab belum pasti menjadi petunjuk bahawa pantun atau ungkapan tersebut hanya wujud sesudah Islam. Dengan demikian, munasabahlah kalau dikatakan bahawa pantun yang terawal telah wujud sebelum Islam menguasai sebahagian besar daerah Nusantara, termasuk Pasai, Melaka, dan kepulauan Jawa. Lebih-lebih lagi kebanyakan pantun yang tipikal, seperti yang terdapat dalam *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, cerita-cerita lipur lara dan lain-lain daripada tradisi lisan, amat sedikit mengandungi unsur-unsur Islam.

Kedatangan Islam membawa bersamanya pelbagai tradisi dan perubahan, termasuk antaranya tradisi ilmu dan penulisan. Di pusat-pusat perkembangan Islam seperti di Melaka, Pasai, Aceh, Johor, dan Riau berkembang tradisi penulisan karya-karya keagamaan dan kesusasteraan seperti hikayat, syair, nazam, dan pantun. Syair dan nazam mengandungi pelbagai cerita daripada kisah para nabi dan para sahabat, pengajaran agama, akhlak dan ibadat; sementara hikayat merupakan cerita-cerita rekaan, sejarah, selain kisah para nabi, sahabat, dan ahli-ahli sufi yang terkenal dalam sejarah Islam. Melalui hikayat-hikayat berbentuk fiksyen dan sejarah daripada sumber-sumber tempatan ini diselitkan beberapa bentuk puisi, termasuk syair dan pantun. *Hikayat Indera Quraisyin* yang merupakan salah sebuah hikayat Melayu yang dihasilkan di Sri Lanka, banyak sekali mengandungi pantun-pantun yang diselitkan dalam babak-babak ceritanya. Sebahagian daripadanya merupakan pantun-pantun yang baik dan indah, di samping beberapa rangkap yang kurang baik dari segi estetika pantun Melayu yang umum.

Hikayat-hikayat daripada sumber lisan seperti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Raja Donan*, *Cerita Sulung Jawa*, *Hikayat Indera Nata* dan beberapa yang lain mengandungi lebih banyak petikan pantun dibandingkan dengan hikayat-hikayat daripada sumber asing, India dan Arab-Parsi. Jelasnya pantun telah digunakan sebaiknya oleh para pelipur lara di Semenanjung Tanah Melayu, penutur kaba di Minangkabau dan pendiangdangan di

Brunei Darussalam. Bagaimanapun, penyebaran pantun lebih ketara melalui kegiatan-kegiatan budaya dan kesenian termasuk nyanyian, tarian dan teater tradisional. Dondang sayang di Melaka, bongai atau rentak kuda di Negeri Sembilan, canggung dan beduan di Perlis, berlotah di Perak, dikir barat di Kelantan dan bagandang serta mukun di Sabah, Sarawak, dan Brunei Darussalam, adalah antara kegiatan seni yang membantu memperkembang pantun di kalangan masyarakat. Selain itu pantun juga diselitkan dalam kegiatan-kegiatan berupa upacara dan adat, seperti dalam pengubatan tradisional, saba dan ulit mayang di Terengganu, tarian lukah di Perak, main pelanduk di Johor, bersandoi di Negeri Sembilan dan main puteri di Kelantan. Dalam kegiatan-kegiatan sosial seperti majlis pertunangan dan perkahwinan, perlantikan dan sambutan untuk pemimpin dan ketua adat, pantun digunakan sebagai penyeri majlis, malah dalam beberapa hal, sebagai bahagian yang penting dalam istiadat berkenaan.

Fungsi dan penyebaran pantun tidak mengkhusus dalam masyarakat Melayu sahaja, tetapi juga masyarakat bukan Melayu, seperti kaum Baba dan Nyonya di Melaka, dan Cina Peranakan di Indonesia, khususnya di Betawi atau Jakarta. Terdapat buku-buku yang ditulis dan diterbitkan daripada kegiatan dondang sayang di kalangan kaum Baba dan Nyonya di Melaka, yang sebahagian daripada karya-karya ini dimasukkan dalam beberapa kumpulan pantun dalam beberapa koleksi; dan beberapa rangkap yang dianggap mewakilinya dimasukkan dalam koleksi ini.

Dengan demikian, sebahagian besar daripada empat ribu rangkap pantun dalam koleksi ini adalah pilihan daripada pelbagai sumber yang dihasilkan melalui kegiatan-kegiatan seni dan budaya yang disebutkan tadi. Ertinya, pantun-pantun yang terkumpul sehingga kini adalah manifestasi daripada pemikiran dan kehidupan masyarakat dan yang masih berfungsi dari zaman lampaunya hingga masa kini, malah pada masa akan datang. Fungsi dan penyebaran pantun yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri pantun, akan dibicarakan.

Asal Kata "Pantun"

Asal dan makna kata "pantun" telah dibincangkan oleh para sar-

jana terdahulu termasuk Brandstetter, Winstedt, Djajadiningrat, dan Ophuijsen. Menurut Brandstetter, kata *pantun* pada Pantun Sunda itu akar katanya ialah *tun* yang terdapat juga dalam bahasa Pampanga *tuntun* yang bererti teratur; dalam bahasa Tagalog *tonton*, bererti mengucapkan sesuatu dengan aturan tertentu; dalam bahasa Jawa Kuno *tuntun* bererti benang, *atuntun* bererti teratur dan *matuntun* bererti memimpin. Dalam bahasa Bisaya, *panton* bermakna mendidik, dalam bahasa Toba, *pantun* memberikan konotasi kesopanan atau kehormatan (Djajadinigrat, 1933:193–198). Dalam bahasa Minangkabau, *panuntun* ialah sejenis sastera lisan yang disampaikan untuk memberikan tuntunan dan panduan kepada anggota masyarakat. Ringkasnya, semua pendapat ini merujuk makna "pantun" kepada sesuatu yang teratur, yang lurus – baik secara konkrit mahupun abstrak – dan bertujuan untuk memimpin, mendidik, dan memberikan panduan. Maksud dan tujuan demikian memang jelas terserlah dalam kebanyakan pantun, termasuk yang dikumpulkan dalam koleksi ini.

Kesimpulan yang telah diberikan masih belum menjelaskan bagaimana kata "pantun" sebagai istilah umum diangkat menjadi istilah teknis bagi suatu genre puisi yang khusus, iaitu pantun yang kita kenali sekarang. Namun kata pantun yang sama ertinya dengan "laksana", "seperti" atau "umpama", telah digunakan dan difahami oleh masyarakat Melayu; misalnya dalam rangkap pantun itu sendiri: *Kami sepantun telur itik / Kasihan ayam maka menjadi*, atau *Sepantun anjung di tengah lautan / Datang angin bertolak jauh*. Kedua-duanya merupakan ungkapan peribahasa; demikian juga dalam *Hikayat HangTuah*, terdapat ungkapan *seperti kata pantun Melayu, rosak bawang ditimpa jambaknya. Rosak bawang ditimpa jambaknya* adalah peribahasa. Ertinya di sini, kata "pantun" dapat membawa maksud peribahasa, membandingkan sesuatu keadaan yang abstrak dengan suatu keadaan yang konkrit, atau sebaliknya. Hal ini diperkuat lagi dengan kata *panton* dalam bahasa Jawa Kuno yang merupakan bentuk krama bagi *pari*, iaitu kependekan kepada *paribasya* atau peribahasa (Djajadiningrat, 1934). Jika demikian, kiranya kata pantun yang merujuk kepada peribahasa telah juga digunakan untuk merujuk suatu bentuk puisi. Hanya setelah kedua-dua genre itu berkembang, istilah pantun menjadi lebih mantap sebagai istilah teknis bagi genre puisi ini, iaitu pan-

tun, yang dari segi konsep dan definisi telah terpisah daripada "peribahasa".

Pantun Sebagai Milik Masyarakat Melayu Nusantara

Suatu hal yang cukup penting dalam teori asal usul pantun ialah persetujuan para sarjana bahawa pantun berasal dari daerah Nusantara; ertinya, tidak daripada sumber asing, seperti India, China atau Jawa. Pantun adalah milik masyarakat Melayu, dihasilkan oleh manusia Melayu dan mencerminkan peribadi, nilai, dan minda Melayu. Pantun juga terdapat dalam kebanyakan masyarakat peribumi di seluruh Kepulauan Melayu, termasuk Selatan Filipina, juga di luar Dunia Melayu seperti Sri Lanka dan di wilayah Thai Selatan. Walaupun terdapat persamaan yang kecil dengan beberapa puisi lain di luar Dunia Melayu, seperti puisi klasik Cina, seloka India dan doidatsu Jepun, hal itu hanyalah sebahagian ciri-ciri puisi sejagat dan tidak menjejaskan kenyataan bahawa pantun adalah hasil cipta yang asli masyarakat Melayu Nusantara. Antara para pengkaji yang berusaha mencari persamaan pantun Melayu dengan bentuk-bentuk puisi lain di luar Dunia Melayu ialah Hans Overbeck, seorang orientalis berketurunan Jerman (1882–1942). Hasil kajiannya membuktikan bahawa pantun adalah *the sole property of the Malays*, seperti yang dimaksudkan dalam kajiannya (Zakiah Hanum, 1996:183). Hans Overbeck sendiri telah mengumpulkan hampir dua ribu rangkap pantun yang terdapat dalam daerah Melayu-Nusantara, termasuk Tanah Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu (Anwar Ridhwan, 1996:189–196).

Sesungguhnya masih banyak bukti yang menunjukkan bahawa pantun sebagai hasil cipta yang asli masyarakat Melayu. Oleh itu pendapat Winstedt yang awal yang menyatakan pantun tercipta berdasarkan seloka India dalam bentuk empat larik (Teuku Iskandar, 1995:171) atau daripada puisi klasik Cina "Syi-ching" tidaklah dapat diterima. Pantun, sebagaimana genre puisi tradisional Melayu yang lain, mempunyai jalur dan warnanya yang tersendiri, berbeza dengan mana-mana puisi asing India, Cina, malah Arab dan Parsi. Dalam keseluruhan korpus puisi Melayu tradisional juga, walaupun terdapat persamaan dari segi

istilah teknis, seperti seloka, gurindam, dan syair, namun dari segi bentuk, struktur luaran dan dalaman, puisi Melayu tidak dibuat menurut acuan asing. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian perbandingan antara pelbagai tradisi yang berkenaan, oleh para pengkaji, masa lalu dan masa kini. Sebahagian daripadanya disebutkan di sini.

Untuk puisi pantun, bukti yang jelas ialah dari segi ciri-cirinya yang khusus yang membezakannya daripada genre lain, malah dengan puisi sejagat. Ini termasuk bentuk dan struktur, penggunaan alat-alat estetika, citra dan perlambangan, tema dan mesej serta fungsi dan penyebarannya dalam masyarakat. Satu hakikat yang jelas dapat kita lihat pada aspek bahasa atau perkataan. Puisi Melayu, termasuk pantun adalah puisi perkataan, iaitu terbentuk berdasarkan perkataan sebagai unit minimum, iaitu jumlah dan susunan perkataan dalam selarik atau serangkap. Sementara dalam puisi India, Cina, Parsi dan Arab unit minimumnya ialah suku kata: jumlah, kuantiti, panjang pendek dan tekanan suku kata, iaitu ciri-ciri yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa peribumi Nusantara yang lain. Oleh itu pantun hanya boleh wujud dalam bahasa Melayu, tidak dalam bahasa lain. Usaha menterjemahkan pantun ke dalam bahasa Inggeris, Perancis, dan Mandarin, hanya berjaya menerapkan unsur dalaman, tema dan mesej, tetapi gagal mengekalkan bentuk dan struktur, prosodi dan eufoni, rima dan irama serta unsur-unsur linguistik lain yang mencirikan jiwa dan raga pantun Melayu.

Fungsi dan Penyebaran Pantun

Salah satu daripada beberapa ciri utama pantun Melayu ialah sifatnya yang fungsional; iaitu puisi itu berfungsi dalam kehidupan masyarakat. Seperti genre puisi Melayu tradisional yang lain, rangkap-rangkap pantun juga merupakan hasil kegunaan dan peranannya dalam sesuatu fungsi atau sesuatu kegiatan sosial, baik bersifat hiburan, pengajaran, pengisi acara sebuah majlis mahupun sebagai sebuah upacara ritual.

Di Perlis misalnya, *dikir beduan* menggunakan lirik daripada pantun-pantun yang tipikal dan mudah, seperti pantun kanak-kanak, tetapi diiringi dengan pukulan rebana dan disampaikan

hampir sama seperti persembahan dikir (atau zikir) di tempat-tempat lain. Sebaliknya, *dikir barat* di Kelantan dan Terengganu yang juga menggunakan pantun, diiringi dengan gerak yang hampir sama dengan tarian, tetapi masih disebut "dikir".

Dondang sayang di Melaka dan *bongai* di Negeri Sembilan masing-masing menggunakan seni kata pantun. Sesungguhnya sebahagian besar pantun-pantun yang terkumpul dalam beberapa antologi, misalnya edisi Winstedt dan Wilkinson (*Pantun Melayu*) (1961), dan paling baru, *Kurik Kundi Merah Saga* (DBP, 1993) adalah daripada tradisi persembahan-persembahan tersebut, dondang sayang dan bongai. Kedua-duanya diiringi muzik, tetapi bongai tidak bersama tarian seperti yang berlaku dalam dondang sayang Melaka. Tradisi yang hampir sama terdapat pula dalam persembahan *canggung* di Perlis. Di sini pantun dinyanyikan bagi mengiringi tarian-tarian canggung dengan iringan muzik tradisional. Sementara di Terengganu, Pahang, Perak dan Johor dikenali pula *rodat* yang merupakan tarian, diiringi muzik dan nyanyian dengan lirik pantun, di samping puisi lain termasuk yang dalam bahasa Arab.

Di Brunei Darussalam, pantun-pantun tersebar melalui beberapa kegiatan budaya, terutamanya *mukun* dan *bagandang* yang diadakan dalam majlis-majlis perkahwinan dan pertemuan-pertemuan sosial lainnya. Kedua-duanya diiringi gendang dan muzik tradisi dan kadangkala bersama tarian, hampir sama pula dengan persembahan dondang sayang Melaka. Terdapat pelbagai nama lagu yang menggunakan lirik pantun, seperti *naindung, adunku bima, anding, dundang, tak bamban* dan lain-lain. Semuanya berperanan untuk menyemarakkan penciptaan pantun. Tradisi mukun dan bagandang juga dikenali dan masih popular di Sabah dan Sarawak dalam bentuk yang hampir sama seperti yang terdapat di Brunei Darussalam.

Selain untuk hiburan dan pengajaran, fungsi pantun juga terdapat dalam kegiatan-kegiatan yang berbentuk ritual, upacara, malah mantera untuk pengubatan dan pakaian diri. *Ulit mayang* adalah suatu contoh dalam penggunaan pantun dalam ritual untuk memanggil semangat yang dipercayai dapat menyembuhkan penyakit; demikian juga dengan *saba'* dan *tarian balai*, juga di Terengganu. Di Perak Tengah dikenali pula *dikir lotah*, atau ber-

lotah yang dihubungkan dengan kepercayaan terhadap semangat padi. Pantun-pantun dinyanyikan beramai-ramai dalam bentuk dikir, diiringi tarian beramai-ramai, lelaki dan perempuan, biasanya dalam kumpulan yang berasingan. Ini diadakan dalam satu majlis yang khusus, di atas pelantar atau pentas yang dibina khas untuk tujuan tersebut. Dalam kegiatan-kegiatan itu, pantun yang umum diberikan kuasa magis yang berhubungan dengan kepercayaan, mitos dan upacara ritual, pemujaan roh dan semangat, baik dalam konteks sebenar mahupun untuk pertunjukan. Begitu pula kuasa magis dalam pantun-pantun yang dicipta sebagai sebahagian daripada mantera; khususnya pada jenis yang tergolong sebagai mantera pakaian diri, pengasih, penyeri, pembenci, pelaris, dan yang seumpamanya. Misalnya dalam petikan di bawah yang merupakan sebahagian daripada ilmu pengasih:

(66) Gok padang mancur
Ketiga dengan padang selasih
Tertutup hati yang pusur
Terbuka hati yang kasih.

atau sebahagian daripada mantera pakaian diri:

(67) Pokok bagu batang bagu
Disandarkan di atas mahkota
Bismillah aku memakai baju
Cahayanya naik ke muka.

Hal-hal seperti ini membuktikan bagaimana pantun berfungsi dalam kegiatan-kegiatan sosial masyarakat dan sekali gus merupakan faktor dalam mempelbagaikan dan memperluas dimensi penciptaan pantun.

Ciri-ciri Estetika Pantun Melayu

Dalam bab terdahulu telah dibicarakan ciri-ciri keistimewaan pantun sebagai karya agung Melayu. Antara yang ditekankan ialah tema dan mesej yang terkandung dalam sesebuah pantun yang umumnya menumpukan kepada maksud pengajaran. Dalam

pengelompokan pantun menurut pembahagian tema-tema besar dalam koleksi ini juga memperlihatkan maksud mengajar dan membimbing masih kelihatan jelas dan mudah difahami. Selain tema dan mesej pengajaran, pantun juga sarat dengan nilai-nilai murni yang dianggap baik oleh masayarakat: ini termasuk nilai budi, nilai ilmu, nilai seni, dan sebagainya. Unsur-unsur ini dianggap sebagai sebahagian daripada ciri-ciri estetika pantun, iaitu digolongkan sebagai estetika dalaman. Namun demikian huraian ini masih belum lengkap jika tidak dibincangkan ciri-ciri keindahan luaran atau keindahan visual yang dapat dilihat secara objektif dalam rangkap-rangkap pantun berkenaan. Justeru, nilai-nilai estetika luaran ini juga merupakan bahagian yang penting dalam pembinaan sesebuah rangkap pantun. Berikut dibincangkan unsur-unsur keindahan luaran ini dengan lebih terperinci.

Bagi puisi Melayu, konsep keindahan ini tidaklah begitu berbeza dengan konsep keindahan puisi atau sastera sejagat, iaitu apa yang difahamkan sebagai pendekatan estetika Barat yang umumnya dirujuk sebagai teori estetika Aristotles. Namun dari segi lain konsep itu juga merupakan sebahagian daripada teori estetika Islam, seperti yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji dan ahli falsafah sastera Islam. Dengan demikian, Pengkaji mengambil pendapat dua tokoh pemikir Islam yang penting, iaitu Imam al-Ghazali, melalui karyanya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (1992) dan Profesor Ismail al-Faruqi daripada artikelnya, "Tauhid dan Seni Persuratan Islam" (1990), sebagai titik tolak perbincangan. Di samping itu perbincangan tentang konsep keindahan dalam kesusasteraan dan puisi Melayu telah diterokai dengan cukup terperinci oleh V.I. Braginsky (1994) khususnya di bahagian awal (hlm. 17–40) buku tersebut. Sebahagian daripada pendapat beliau dalam persoalan ini dimanfaatkan dalam perbincangan berikut.

Al-Ghazali, antara lain menekankan bahawa ciri keindahan pada apa jua karya seni terletak pada keseimbangan dan kesatuan. Keseimbangan di sini merangkumi juga keseimbangan antara keindahan luaran, iaitu yang zahir dan yang dapat dicerap oleh pancaindera dengan yang dalaman, iaitu yang dapat dicerap oleh akal. Teknik dan alat yang hanya mementingkan keindahan luaran tidaklah dianggap sebagai sebahagian daripada norma-norma

keislaman (lih. Braginsky, 1994:27–29 dan Harun Mat Piah, 1996:313–315).

Al-Faruqi pula, dalam kajiannya tentang keindahan dalam sastera Islam menunjukkan bahawa *al-Qur'an* sebagai ciptaan Allah Subhanahu wa Taala telah meletakkan nilai-nilai keindahan yang kemudiannya telah mendasari konsep estetika sastera Islam. Dari segi bentuk, *al-Qu'ran* tidak tergolong dalam genre tertentu, tidak terikat sebagai prosa atau puisi. Sebagai puisi, genre atau bentuknya tidak pula tergolong sebagai syair atau sajak, tetapi mempunyai kedua-dua unsur genre itu. Terdapat aspek perulangan dan pengulangan; tetapi setiap pengulangan mempunyai mesej yang berlainan, sesuai dengan pengajarannya yang baru, berdasarkan aspek baru tetapi dengan peristiwa yang telah diketahui, untuk tujuan pengajaran dan penegasan. Tidak satu penceritaan pun dalam *al-Qur'an* yang bertujuan untuk sekadar diketahui sahaja. Ia bukan hanya kisah atau peristiwa yang diketahui khalayaknya secara umum, tetapi ia juga memanfaatkannya sebagai bahan pendidikan atau pengajaran dengan mengulanginya selalu dengan cara yang berkesan (Al-Faruqi, 1990:4–7).

Dalam penggunaan aspek-aspek simbolisme dan citraan, simili dan metafora didapati dalam bentuk yang amat menarik dalam *al-Qur'an*. Unsur-unsur ini menguasai jiwa dan pemikiran hingga kita amat kagum terhadapnya. Penggunaan simbolisme juga tersebar dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan seterusnya melalui madah dan tulisan ahli-ahli falsafah, pemikir dan pujangga Islam. Puisi-puisi mistik dan metafizik daripada sastera sufi, misalnya, menyerlahkan penggunaan simbolisme yang cukup menarik, indah, malah filosofikal. Dalam pantun Melayu, simbolisme merupakan unsur yang cukup penting; dan simbol-simbol ini tidak jauh bezanya dengan yang digunakan oleh ahli-ahli sufi yang terkenal seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri dan lain-lain. Beberapa ahli falsafah dan pemikir yang kemudian seperti Raja Ali Haji, Haji Abdul Malik Karim Amarullah (Hamka) dan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) mengekalkan prinsip keislaman ini seperti yang terlihat dalam karya-karya mereka, baik yang mengandungi pengajaran agama mahupun yang tergolong sebagai fiksyen. Perkaitan dan pengaruh

pantun dalam proses penciptaan syair-syair Hamzah Fansuri yang dikemukakan di atas tadi adalah antara bukti yang jelas dalam persoalan ini.

Ringkasnya, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan alat-alat estetika atau keindahan luaran telah dimanfaatkan sebaik-baiknya dan sewajarnya dalam karya-karya sastera Islam. Dan dalam kesusasteraan Melayu, unsur-unsur tersebut dicerna dan digemblengkan dengan berkesan bersama-sama unsur dan nilai puitika kesusasteraan Melayu. Dalam penciptaan puisi seperti pantun, syair, gurindam, teromba, dan lain-lain, alat-alat keindahan visual ini telah terbentuk menjadi konvensi sastera yang diikuti secara agak patuh oleh para pengkarya Melayu tradisional. Unsur-unsur ini termasuklah penekanan kepada bentuk dan struktur yang umumnya mencirikan sesebuah genre puisi. Namun demikian, bentuk-bentuk itu telah diberikan variasi dan kelainan untuk memikat deria rasa khalayak, dengan memanfaatkan unsur-unsur prosodi, eufoni bunyi dan unsur-unsur diksi yang lain bagi genre puisi berkenaan. Sementara dalam aspek perlambangan, pantun adalah genre puisi yang memanfaatkan simbol dan citra yang sentiasa segar dan dapat ditanggapi sebaiknya oleh khalayaknya. Di samping itu, sebagai suatu kemestian, setiap karya, termasuk pantun, hendaklah mengandungi mesej atau perutusan yang baik, ditujukan kepada khalayaknya, baik masyarakat setempat mahupun sejagat. Demikian antara lain ciri-ciri estetika dan etika yang umumnya diserlahkan secara konsisten dalam pantun-pantun yang terpilih dalam koleksi ini.

Ciri-ciri Estetika Luaran

Secara umum pantun-pantun dalam koleksi ini mengandungi nilai-nilai keindahan visual sebagai ciri kepada pantun-pantun yang dianggap baik dan tipikal, seperti yang dihuraikan di bawah ini:

(a) Sebagai puisi terikat atau konvensional, pantun terdapat dalam keadaan berpasangan dan berangkap, daripada dua, empat, enam dan seterusnya; tetapi umumnya dalam empat larik serangkap, empat kata dasar selarik; apabila bersama-

sama imbuhan dan kata-kata fungsional menjadikan suku katanya berjumlah daripada lapan hingga sebelas. Di samping itu terdapat kelainan atau variasi dari segi jumlah kata selarik dan jumlah larik serangkap. Terdapat pantun dengan dua, tiga, atau lima perkataan selarik dan mungkin lima, enam, atau tujuh larik serangkap; misalnya dalam contoh-contoh daripada jenis pantun berkait, khususnya daripada tradisi rejang dan mantera.

(b) Dari segi rima, pantun mengekalkan polarima *a-b-a-b* pada kedudukan akhir; mungkin terdapat rima dalaman, malah rima pada setiap perkataan dalam kedudukan sejajar; dan sebaiknya, dalam semua kedudukan tergolong rima sempurna. Di samping itu terdapat variasi rima dalam pola *a-a-a-a* seperti syair; malah mungkin serima (*monorhyme*) apabila rangkap-rangkap pantun tersebut berada dalam kedudukan berurutan.

(c) Terbahagi ke dalam dua unit, iaitu unit pembayang atau sampiran dan unit maksud; dan sebaiknya memperlihatkan hubungan makna antara kedua-dua bahagian tersebut, baik hubungan langsung mahupun hubungan simbolis, iaitu melalui penggunaan unsur-unsur simbolisme.

(d) Terdapat penggunaan perlambangan yang segar dan berkesan, baik yang bersifat konkrit mahupun abstrak. Perlambangan konkrit ialah yang berupa objek dan citra yang dapat dilihat dan dirasa melalui pancaindera, sementara yang abstrak dapat difahami dan ditanggapi melalui pemikiran dan pengalaman.

(e) Adanya penggunaan unsur-unsur retorik; teknik-teknik keindahan yang terbina melalui penggunaan majaz, termasuk metafora, simili, personafikasi, ironi, hiperbola, metonimi dan lain-lain.

(f) Terdapat unsur-unsur perulangan, baik dalam bentuk sejajar mahupun tidak, sesuai dengan ciri-ciri bahasa Melayu sebagai bahasa Nusantara; antaranya termasuk perulangan ana-

fora, epifora, simplok, responsi, pengulangan kata akhir, asonansi, aliterasi, ajuk bunyi, homoioteleuton dan lain-lain. Unsur-unsur perulangan ini umumnya terdapat secara tabii, sesuai dengan sistem bunyi, prosodi, dan eufoni bahasa Melayu; atau yang dibuat secara sedar untuk kepentingan rima dan lain-lain unsur diksi puisi secara umum.

(g) Dari segi kepanjangan kalimat, pantun pada umumnya terdiri daripada empat kata dasar selarik, dengan jumlah suku kata dari 8–11 (ini termasuk penggunaan imbuhan dan kata-kata fungsional). Namun, secara statistik didapati juga unsur perpanjangan kalimat pada bahagian klimaks, iaitu unit maksud. Dengan kata lain, kuplet maksud lebih panjang atau lebih banyak jumlah suku katanya dibandingkan dengan unit pembayang. Dengan adanya unsur kolon dan jeda dalam kedudukan tertentu dan perpanjangan yang konsisten pada tahap klimaks, menjadikan pantun dapat tergolong sebagai puisi yang bersifat metris (*metrical*).

Di bawah ini dipetik beberapa contoh secara rawak bersama huraian yang relevan, khususnya pada aspek penggunaan alat-alat estetika yang disebutkan di atas. Semua yang dipetik adalah daripada koleksi ini.

(a) Aspek perulangan sejajar, anafora, epifora, responsi, ulangan kata akhir dan rima:

(68) Air yang dalam bertambah dalam
Hujan di hulu belumlah teduh
Hati yang dendam bertambah dendam
Dendam dahulu belumlah sembuh.

dan daripada pantun Brunei:

(69) Ayam putih manuk siapa
Ayam burintik atas bumbungan
Tubuh putih anak siapa
Manis di mata si peruntungan.

Terdapat unsur perulangan anafora pada (69)i dan (69)ii (*ayam*) dan epifora pada (69)i dan (69)iii (*siapa*); perulangan responsi pada (68)i dan (68)iii (*yang*), (68)i dan (68)iii (*bertambah*), (68)ii dan (68)iv (*belumlah*); demikian juga pada (69)i dan (69)iii (*putih*); sementara ulangan kata akhir pada (68)iii dan (68)iv (*dendam*). Ulangan homoioteleuton pula terdapat pada (68)i dan (68)iii (*dendam*).

Dari segi rima, kedua-dua pantun memperlihatkan polarima yang baik. Rima akhir sempurna pada pantun (69) dan tidak sempurna pada pantun (68). Rima dalaman pada (68)i dan (68)iii (*yang–yang*), (*dalam–dendam*), (*bertambah–bertambah*); dan pada (68)ii dan (68)iv (*di hulu–dahulu*) dan (*belumlah–belumlah*). Ulangan aliterasi pada (68)ii dan (68)iii (*hujan–hati*), dan unsur asonansi pada semua perulangan rima, baik di akhir mahupun dalaman.

Dari segi rima juga, terdapat pantun yang mengadakan rima pada semua perkataan dalam kedudukan sejajar:

(70) Buah langsat kuning mencelah
Senduduk tidak berbunga lagi
Sudah dapat gading bertuah
Tanduk tidak berguna lagi.

(71) Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi.

Namun demikian, jumlah pantun dalam kategori ini amat kurang, mungkin kerana sukar menciptanya. Menurut Za'ba, unsur rima demikian lebih indah dibandingkan perulangan perkataan-perkataan yang sama, seperti dalam aspek anafora, epifora, simplok dan responsi, seperti dalam pantun-pantun (68) dan (69) di atas.

Aspek-aspek perulangan sejajar juga tidak banyak terdapat dalam pantun-pantun yang lebih daripada empat kerat, misalnya dalam pantun enam kerat di bawah ini:

(72) Ular tedung jangan dipermudah
Bisanya dapat membawa maut
Jika tak maut merana juga
Berhujan berpanas aku tak endah
Keris lembing aku tak takut
Kehendak hati kuturut juga.

Tiada perulangan sejajar yang bernilai estetika selain epifora pada (72)iii dan (72)vi (*juga*); sementara polarima dalam bentuk *a-b-c-a-b-c* bagi pantun enam kerat.

Ciri perulangan ini dapat dianggap sebagai salah satu daripada unsur-unsur keindahan yang semula jadi dalam puitika sastera Melayu, baik dalam genre prosa mahupun puisi. Dalam puisi, perulangan bukan sahaja sebagai alat estetika tetapi juga sebagai sebahagian daripada keperluan untuk mencapai maksud sesebuah puisi. Dalam mantera, misalnya, unsur-unsur perulangan dianggap sebagai "mekanisme kuasa" iaitu bermaksud untuk membangkit, menjinak atau memperkuat kuasa yang berhubungan dengan mantera tersebut (Noriah Taslim, 2000:4–9).

Dalam pantun, perulangan juga dimaksudkan untuk menimbulkan kuasa magis yang dipercayai wujud dalam kata-kata yang terjalin dalam sesebuah rangkap pantun. R. Hoessein Djajadiningrat telah membincangkan hal ini melalui artikelnya "Erti Pantun Melayu yang Ghaib" (1933–1934). Melalui perulangan-perulangan itu, sesebuah pantun bukan sahaja menjadi indah kepada pendengaran tetapi juga menimbulkan kesan yang mendalam. Kesan pada sesebuah pantun ialah bagaimana maksud pantun tersebut, pengajaran, sindiran atau sebagai pegangan hidup dapat diterima, difahami dan dimanfaatkan oleh khalayak pembaca atau anggota masyarakatnya secara umum. Selain itu unsur perulangan juga adalah sebahagian daripada ciri-ciri kelisanan dalam karya-karya sastera khususnya genre sastera lisan, termasuk pantun (lih. Hamza Mustafa Njozi, 1994:160–181). Pantun sebagai sebuah genre puisi lisan menerapkan pelbagai bentuk ulangan, sebahagiannya telah dibincangkan sebagai alat estetika selain mewarisi ciri-ciri kelisanan yang terdapat juga dalam genre-genre lain, baik dalam bentuk prosa mahupun puisi.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas memperlihatkan ciri-ciri yang istimewa dan unik yang terbina dalam pantun. Dari

bentuknya yang ringkas, kata-katanya yang padat, diksi atau pemilihan kata-kata yang menunjukkan nilai budaya, sosial, nilai seni dan nilai ilmu, penggunaan simbolisme yang berkesan serta perulangan yang semula jadi atau dibuat secara sedar untuk tujuan estetik, seluruhnya memperkuat lagi alasan kita untuk mengangkat dan menerima genre ini sebagai karya agung iaitu sebagai warisan budaya yang sangat bernilai dan mengagumkan.

PEMILIHAN BAHAN DAN PEMBINAAN KOLEKSI

Sesuai dengan matlamat koleksi ini untuk mengemukakan pantun sebagai karya istimewa atau karya agung, pemilihan teks-teks pantun telah dibuat dengan teliti berdasarkan pelbagai kriteria. Pada dasarnya, ukuran atau kriteria yang digunakan ialah dari aspek keindahan atau estetika yang diserlahkan dalam teks tersebut sesuai dengan konsep keindahan atau puitika puisi Melayu, khususnya puisi Melayu tradisional. Dalam hubungan ini pemilihan pantun menekankan keseluruhan ciri keindahan, luaran dan dalaman seperti yang dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Selain itu beberapa pertimbangan lain juga telah diambil kira dalam membuat pemilihan tersebut; sebahagian daripadanya dihuraikan di bawah ini:

(*a*) *Dari Segi Struktur, Khususnya tentang Rima dan Kelainan Rima*

Umumnya semua pantun dalam koleksi ini adalah dalam polarima *a-b-a-b*, baik dalam bentuk berasingan mahupun dalam bentuk berkait. Namun demikian terdapat juga kelainan, misalnya *a-a-a-a*, walaupun tidak banyak jumlahnya. Contoh yang klasik ialah seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Kadangkala bentuk demikian diragukan apakah pantun atau syair; malah pada beberapa pengkaji bentuk demikian tergolong sebagai seloka atau pantun seloka. Beberapa contoh dimasukkan ke dalam koleksi ini:

(73) Chau Pandan anak Bubunnya
Hendak menyerang ke Melaka
Ada cincin berisi bunga
Bunga berladung si air mata.

(74) Anak dara dua sepasang
Pakai baju pakai kerosang
Sebiji nanas sebiji pisang
Belum tahu rezeki musang.

Sehubungan dengan ciri-ciri di atas, rangkap puisi di bawah ini digugurkan daripada koleksi ini, walaupun dalam beberapa kumpulan pantun lain rangkap tersebut digolongkan sebagai pantun:

(75) Bila bertemu kasih sayang
Duduk berkurung malam siang
Hingga setapak tidak renggang
Tulang sendi rasa bergoncang.

Terdapat juga pantun dengan rima *a-b-c-b-c-b* atau *a-b-a-b-a-b* seperti rima gurindam, misalnya dalam petikan daripada *Syair Asli Rajang Hari* (Brunei) di bawah ini:

(76) Awang Ali turun bertikam
Bertikam lumba-lumba
Berdestar berketitir
Berbaju kesumba
Kalau kurang-kurang berfikir
Siapa jadi hamba.

(*b*) *Dari Segi Jumlah Larik Serangkap*

Dalam koleksi ini juga diberikan pantun-pantun yang terdiri daripada lima larik serangkap dan enam larik serangkap tetapi berbeza daripada struktur yang biasa, misalnya:

– lima larik seperti dalam pantun rejang:

(77) Lima hari bulan rejangnya simpai
Simpai karak simpai rotan
Buat menyimpai kepala toman
Jangan diikut kehendak syaitan
Hendaklah patuh kata-kata firman.

– enam larik, seperti dalam pantun "Cik Busu Pandai Bilang Malam":

(78) Kata Cik Busu pandai membilang malam
Malam ini malam kedelapan-pan
Serindit makan di papan
Berisi maka tumbuh
Eloklah sungguh si kain kapan
Balut ke mati baharu sungguh.

(c) *Penggunaan Perlambangan*

Koleksi ini juga menekankan aspek perlambangan atau simbolisme, di samping penggunaan unsur-usur majaz, metafora, simili, ironi dan lain-lain. Penggunaan unsur-unsur ini berkaitan pula dengan aspek hubungan makna antara kuplet pembayang dengan kuplet maksud, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Sehubungan dengan itu apabila terdapat sesebuah pantun dengan dua, tiga atau lebih variasi, pemilihan akan dibuat kepada yang lebih baik dalam aspek ini, iaitu yang lebih jelas menunjukkan perhubungan itu, sementara yang kurang atau tidak berhubungan digugurkan, misalnya:

(79) Rumah kecil tiang seribu
Rumah besar tiang sebatang
Semasa kecil ditimang ibu
Sudah besar ditimang gelombang.

dibandingkan dengan:

(80) Rumah kecil bertiang bambu
Rumah besar tiang berbilang

Semasa kecil ditimang ibu
Sudah besar ditimang gelombang.

Kedua-dua pantun (79) dan (80) menepati ukuran syarat dan ibarat, dari segi estetika dan etika sebagai pantun yang baik. Terdapat aspek-aspek perulangan sejajar anafora, responsi, aliterasi, dan asonansi, di samping rima, akhir dan dalaman. Namun pantun (79) lebih bernilai estetik dengan adanya penggunaan lambang yang tepat dan berkesan. Keadaan yang bertentangan dalam kuplet maksud diberikan dalam kuplet pembayang; kesenangan hidup semasa kecil, dengan asuhan ibu bapa dan mungkin pengasuh dan pengiring bertentangan dengan keadaan yang mencabar, sulit dan sukar, malah mengecewakan semasa dewasa. Dengan demikian contoh ini memberikan gambaran yang jelas dalam aspek hubungan antara pembayang dan maksud yang merupakan kriteria yang diutamakan; atas dasar itu, variasi berikutnya (Contoh 80) digugurkan.

Sehubungan dengan keadaan tersebut, pertimbangan juga diberikan terhadap aspek keaslian sesebuah pantun dibandingkan dengan variasinya yang lain. Kebanyakan pantun memang telah dirasa dan dianggap mantap dan terkenal, berbanding dengan yang lain, yang dianggap kurang asli, atau merupakan ciptaan baru. Contoh (80) di atas jelas merupakan ciptaan terkemudian, kurang atau tidak asli. Pertimbangan begini dilakukan sebaiknya terhadap contoh-contoh yang lain.

(*d*) *Diksi dan Ketepatan Makna*

Pertimbangan juga diberikan pada aspek diksi dan unsur-unsur linguistik yang lain, termasuk kalimat dan makna sesebuah teks. Pada dasarnya pantun terbina dalam struktur kalimat yang ringkas, padat dan tepat. Kebanyakan kalimat, terutamanya dalam kuplet pembayang adalah ungkapan yang telah dipadatkan, kadang-kadang bersifat simbolik, malah konseptual. Oleh itu kalimat-kalimat pantun tidak semestinya "betul" dari segi linguistik, tatabahasa, penggunaan imbuhan, letak atur dan susunan kata; malah bertentangan dari segi rasional dan logika yang diterima, baik dalam konteks masa lampaunya mahupun masa kini (Nik Safiah Karim, 1996:15–25). Sehubungan dengan itu pan-

tun-pantun yang dipilih untuk koleksi ini adalah yang menepati ukuran tersebut. Kalimat-kalimat, terutamanya dalam kuplet pembayang sebaiknya padat dan konseptual. Namun demikian pada kuplet maksud, keutamaan pada yang lebih tepat, mudah dan lebih berjaya dalam menyampaikan mesej, berbanding dengan yang sukar difahami, berbelit, atau yang dibungai oleh pemantun-pemantun yang kemudian. Perhatikan beberapa contoh di bawah:

(81) Keduduk dalam kuali
Uratnya dari Melaka
Duduk kita dalam negeri
Elok membilang adat pusaka.

(82) Tekukur digulai lemak
Selasih di bawah batang
Lagi lumpur jalannya semak
Sebab dek kasih makanya datang.

Contoh-contoh di atas dengan sendirinya menjelaskan kewujudan unsur klimaks, iaitu perpanjangan kalimat atau jumlah suku kata yang lebih banyak pada kuplet maksud, dibandingkan dengan kuplet pembayang. Ini terjadi kerana dalam kuplet pembayang kata-kata yang dipilih adalah yang padat dan tepat, tetapi dapat membina kalimat yang indah dan berkesan.

(e) *Latar dan Persekitaran Pemantun*

Dalam aspek ini juga diambil kira konteks asal pantun yang dapat menyerlahkan latar geografi, budaya dan ekososial pemantun atau masyarakat yang menghasilkannya. Dengan demikian sebutan-sebutan yang merupakan dialek atau bahasa sukuan Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah dan lain-lain dikekalkan walaupun menyimpang dari segi sebutan baku. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan berkenaan tetap menurut ejaan baku. Lihat beberapa contoh:

- daripada pantun Brunei Darussalam:

(83) Laksamana mamburis ajong
Helang basambar di atas kayuan
Tuan laksana si ular tadung
Barang malintas jadi buruan.

- dalam koleksi ini ejaan baku digunakan:

(84) Laksamana memburis ajung
Helang bersambar di atas kayuan
Tuan laksana si ular tedung
Barang melintas jadi buruan.

(f) *Mesej dan Tema*

Pemilihan teks juga menekankan pentingnya aspek penyampaian mesej dan tema yang baik, sesuai dengan nilai dan tanggapan masyarakat Melayu. Aspek ini dianggap sebagai estetika dalaman atau unsur etika yang dianggap penting dalam puitika sastera Melayu. Secara umum puisi Melayu – sepertimana karya dalam genre lain – bertujuan menyampaikan amanat dan perutusan yang bersifat didaktik, membina dan membimbing masyarakat khalayaknya ke jalan kebenaran. Dengan demikian bagi pantun-pantun yang terdapat dalam beberapa variasi, pemilihan dibuat pada yang lebih baik, sesuai dengan tema dan mesej yang ingin disampaikan. Dalam penyampaian itu juga unsur-unsur yang bertentangan dengan nilai dan aspirasi sejagat, daerah atau kebangsaan, misalnya kata-kata yang menyinggung sesuatu kaum, atau suku bangsa, digugurkan. Pantun-pantun demikian mungkin terdapat dalam koleksi-koleksi terdahulu yang sebaha-giannya dirujuk dalam pembinaan koleksi ini.

Sehubungan dengan pendekatan di atas, pantun yang bernada erotis atau dianggap lucah perlu pula dipertimbangkan. Pantun-pantun ini umumnya mempunyai konotasi seksual dan kadang-kadang dianggap jijik dan bertentangan dengan nilai-nilai Melayu dan Islam. Bagaimanapun, beberapa daripadanya dikekalkan dalam Koleksi ini atas pertimbangan tertentu. Per-

tama, pantun-pantun demikian dianggap bernada jenaka, sesuai dengan rasa "humor" masyarakat Melayu. Dalam beberapa persembahan lisan, seperti selampit, wayang kulit dan lain-lain, kata-kata atau rujukan kepada seks disebutkan begitu saja oleh para penutur dan diterima oleh khalayak, tanpa rasa canggung atau malu. Dengan demikian pantun-pantun seperti itu digolongkan saja ke dalam tema-tema berlainan, termasuk jenaka dan sindiran, tanggapan dan pengalaman masyarakat, atau kejayaan berkasih, di mana berkenaan. Misalnya pantun di bawah tergolong ke dalam "kejayaan berkasih":

(85) Di mana kuang bertelur?
Di atas lata, di ruang batu
Di mana abang nak tidur?
Di atas dada di ruang susu.

dan yang di bawah, ke dalam "jenaka dan sindiran":

(86) Sakit kaki ditikam jeruju
Jeruju ada di dalam paya
Sakit hati memandang susu
Susu ada di dalam kebaya.

Sementara yang di bawah, daripada koleksi Brunei Darussalam digolongkan di bawah tema "tanggapan dan pengalaman masyarakat":

(87) Barat daya kencang semalam
Singgah masuk kapal berlabuh
Terpedaya bujang semalam
Tongkat patah, pantaran roboh.

Pantun-pantun yang terlalu ketara rujukan seksualnya, seperti yang terdapat dalam tradisi atau cerita-cerita lisan tidak dipilih dalam koleksi ini.

(g) *Konteks dan Fungsi*

Sedapat mungkin koleksi ini berusaha mengekalkan pan-

tun-pantun dalam konteks dan suasananya yang asal, supaya dengan demikian dapat menyatakan fungsi dan penyebaran pantun tersebut. Aspek fungsi dan penyebaran ini dianggap penting dalam penciptaan dan penglahiran puisi. Daripada genre hikayat misalnya, pantun-pantun diucapkan oleh watak-watak utama, bersama kekasih, para pengasuh dan pengiring mereka. Pantun rejang yang dipetik daripada *Hikayat Syamsul Anwar* disampaikan melalui dialog wira dan wirawatinya, Syamsul Anwar dan Puteri Badrul Muin; demikian juga daripada tradisi "syair rajang" Brunei Darussalam, antara wira dan wirawatinya, Malim dan Siti. Kebanyakan pantun daripada tradisi ini terdapat dalam bentuk berkait, iaitu sebagai hasil dialog antara para pelaku dalam babak berkenaan. Perkaitan tidak sahaja dari segi struktur tetapi juga melalui idea dan urutan persoalan dalam dialog tersebut. Koleksi ini menurunkan urutan itu walaupun berbeza daripada struktur pantun berkait yang biasa. Pendekatan yang sama dibuat terhadap pantun daripada tradisi lisan, iaitu diturunkan dalam susunan atau urutannya yang asal. Dalam koleksi ini, pantun berkait diberikan dalam format tersendiri, iaitu rangkap kedua dan seterusnya berjarak ke dalam daripada rangkap pertama.

Takrif atau Definisi Kata

Dalam koleksi ini diberikan takrif atau makna bagi kata yang dianggap sukar atau berbeza ertinya daripada makna biasa. Kebanyakan makna didapati daripada *Kamus Dewan* (terbitan DBP) yang telah dimasukkan ke dalam *Kamus Telapak* (*Besta*); kerana itu tidak diberikan rujukan halaman. Bagi perkataan yang terdapat dalam koleksi pantun Brunei Darussalam digunakan *Kamus Bahasa Brunei* (terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1996). Bagi perkataan yang tidak terdapat dalam mana-mana kamus, atau yang berbeza maknanya, huraian makna dibuat berdasarkan konteks yang berkenaan selain merujuk sumber-sumber lisan yang tidak diterbitkan.

Suatu fenomena yang menarik daripada penghuraian makna ini dapat dilihat pada jumlah perkataan yang cukup banyak, hampir dua ribu (2000) yang perlu diberikan erti. Kata-kata ini meliputi nama tumbuh-tumbuhan dan haiwan (flora dan fauna),

benda-benda yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari pada masa lalu dan yang telah agak asing bagi generasi masa kini, dan kata-kata lain yang berbeza menurut konteks. Berdasarkan pemilihan kata yang demikian, terbukti bahawa pantun tidak semuanya bermaksud sederhana untuk mudah difahami seperti yang selalu ditanggapi umum. Pencipta pantun pada zaman lampau rupa-rupanya telah berusaha menggabungkan aspek-aspek agama, ilmu, sejarah, budaya dan sosial ke dalam kreativiti mereka. Justeru, kata-kata yang dipilih mempunyai makna yang tersendiri dalam konteksnya masing-masing.

Format Penulisan Rangkap

Seperkara lagi yang perlu dinyatakan ialah tentang penulisan rangkap-rangkap pantun dalam koleksi ini. Seperti biasa tiada perbezaan dibuat pada penulisan pantun dua larik, empat larik, enam dan seterusnya. Format seperti ini telah mantap dalam semua sumber yang dirujuk. Yang baru atau berbeza ialah bagi pantun berkait dan pantun rejang (termasuk "pantun pandai bilang malam"). Bagi pantun berkait diberikan dalam susunan yang dinyatakan di atas dan pantun rejang (lima larik) dengan rujukan rejangnya pada larik pertama; sementara pantun "pandai bilang malam" (enam larik) dengan dua larik pertama sebagai rujukan.

Perbezaan yang ketara dalam koleksi ini ialah pada tanda baca: koma dan koma bertitik yang tidak digunakan, walaupun penggunaan demikian terdapat dalam semua sumber terdahulu, termasuk sebagai format yang diterima dalam *Gaya Dewan*. Rasionalnya di sini, penggunaan demikian dirasakan tidak penting kerana susunan pantun-pantun itu memang lazimnya telah terpisah dalam keratan-keratan kalimat secara tabii. Larik atau kalimat tersebut memang dibaca atau dituturkan secara berurutan, dengan hentian (*pause*) pada akhir setiap larik walaupun tanda-tanda baca itu (koma dan koma bertitik) tidak digunakan.

Indeks Baris Pertama

Indeks Baris Pertama seperti dalam koleksi ini telah digunakan

juga dalam *Kumpulan Pantun Melayu* (peny. Zainal Abidin Bakar, 1983). Indeks seperti ini amat membantu dalam meneliti pantun terutamanya dalam himpunan yang cukup besar seperti koleksi ini. Penggunaan pertama ialah untuk membolehkan pembaca menyemak atau menentukan kandungan koleksi; apakah sebuah pantun yang didengar atau ditemui dalam sumber lain, dirakam atau dimasukkan ke dalam koleksi ini. Penggunaan kedua ialah untuk tujuan kajian, misalnya melihat objek atau rujukan yang digunakan dalam pantun secara keseluruhan, termasuk Melayu dan Nusantara. Misalnya untuk objek "anak", kita melihat senarai dari *anak Aceh*, *anak Cina*, *anak ayam*, *anak ikan*, *anak burung* dan seterusnya. Banyak sekali rujukan kepada "anak"; dan antara anak-anak manusia, *anak Cina* menjadi pilihan utama berbanding dengan *anak India*, *anak Melayu* atau *anak Jawa*. Demikian juga pada objek lain, nama-nama tempat, negeri, daerah, juga nama-nama orang, baik tokoh-tokoh sebenar dalam sejarah mahupun yang berupa umum atau khayalan. Maklumat-maklumat seperti ini tidak sahaja berguna dalam kajian linguistik dan bahasa, tetapi juga untuk kajian sosiolinguistik, sosial, sejarah, politik, agama dan lain-lain. Pendeknya indeks ini berguna sebagai maklumat awal bagi matlamat-matlamat tersebut sebagaimana yang diperlukan oleh seseorang pengkaji.

Indeks Maksud

Koleksi ini memberikan indeks bagi maksud pantun secara terperinci; ertinya setiap rangkap pantun diberikan maksud yang lebih khusus dalam kata-kata atau huraian yang ringkas. Maksud yang tersurat atau tersirat dalam sesuatu rangkap pantun terkandung dalam bahagian maksud, larik atau kuplet yang mengikuti bahagian sampiran atau pembayang maksud. Dan maksud ini biasanya bersesuaian dengan tema pantun secara keseluruhan. Misalnya bagi pantun-pantun dalam tema berkasih, dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu permulaan berkasih (*Cinta Bersemi*), kejayaan berkasih (*Hasrat Tercapai*) dan kegagalan berkasih (*Kasih Terhalang*). Dalam indeks maksud diberikan ringkasan isi pantun berkenaan, misalnya *malu* (1759), *sumpah setia* (2441) dan *gagal* (3095). Sekali lagi pemerian maksud seperti ini bukanlah tetap atau muk-

tamad; kerana hal ini memang bersifat subjektif, bergantung pada tanggapan dan interpretasi masing-masing. Namun demikian bahagian ini dapat memberikan panduan kepada pembaca atau pelajar untuk memahami maksud pantun yang mungkin sukar difahami. Selain itu mungkin terdapat huraian maksud yang sama atau hampir sama antara pantun-pantun yang diletakkan dalam golongan yang berlainan; misalnya maksud pantun dalam tema *Kasih Terhalang* ditemui pula pada pantun dalam tema *Perantauan dan Nasib*. Walau bagaimanapun, sedapat mungkin sesuatu maksud yang diberikan dalam indeks akan disesuaikan dengan tema besar atau subtema yang digunakan.

Indeks Kata Rujuk

Bahagian akhir koleksi ini mengandungi indeks bagi perkataan yang dirujuk dalam sesebuah pantun. Kebanyakan perkataan tergolong sebagai kata nama atau berfungsi sebagai kata nama. Kata yang dirujuk tidak sahaja dari kedudukan tertentu dalam rangkap berkenaan, misalnya dalam baris pertama atau bahagian pembayang, tetapi dalam semua kedudukan, misalnya dalam pantun yang berikut:

(88) Ambil *pensel* menulis *surat*
Surat ditulis tujuh *cerita*
Barang cantik daya memikat
Bahasa indah *payung mahkota*.

Dalam Indeks Kata Rujuk, dimasukkan kata *pensel*, *surat*, *cerita*, *barang*, *bahasa*, dan *payung mahkota*, dengan setiap kata dirujuk kepada rangkap berkenaan. Perkataan-perkataan ini memberikan gambaran dan maklumat terhadap benda atau objek yang menjadi rujukan (*referent*) dalam pantun Melayu. Selain itu dapat dilihat perkataan yang kerap menjadi rujukan di alam Melayu, dan hal ini sangat menarik jika dilihat pada senarai flora dan fauna yang terkumpul pada entri *tumbuh-tumbuhan* dan *haiwan*.

Kedua-dua indeks ini tidak pernah dibuat dalam mana-mana koleksi sebelum ini. Semoga dengan adanya maklumat-

maklumat ini para pelajar, para pengkaji atau pengguna secara umum dapat dibantu untuk meneliti pantun Melayu dan memanfaatkannya untuk keperluan masing-masing.

Penghargaan

Akhir kata, Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yayasan Karyawan Malaysia, khasnya Ketua Editor Dato' Dr. Hassan Ahmad, dan Editor Puan Nor Jannah Adam, kerana telah dengan cukup cermat meneliti dan menyemak manuskrip ini dan seterusnya menyarankan pembetulan, tambahan dan sebagainya untuk menghasilkan koleksi ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, dari institusi dan orang perseorangan yang telah membantu dalam perolehan dan pengumpulan bahan, menaip dan menyusun teks, memberikan pandangan terhadap makna kata, maksud pantun dan sebagainya. Antaranya termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Muzium Pusat Jakarta; Prof. Muhammad Haji Salleh, Dr. Uthman al-Muhammadi, Dr. Anwar Ridhwan, Encik Jumain Bostam, Puan Maznah Mohd. Isa, Puan Mariah Mohd. Wali dan lain-lain. Semoga budi baik dan keikhlasan mereka mendapat balasan rahmat dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Anak haruan berlima-lima
Mati ditimpa punggur berdaun
Budi tuan kami terima
Menjadi kenangan bertahun-tahun.

Harun Mat Piah
Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan.

16 April 2001

Pantun Melayu: Bingkisan Permata

Bingkis Pemula

Terbang burung dari selatan
Dipuput angin sangga bayu
Bukalah surat dari lipatan
Lihatlah pantun bahasa Melayu.

I

Awal *Bismillah* Pembuka Bicara

1. Ambil tali panjang tujuh
Minyak bercampur air mawar
Tuan laksana tali yang teguh
Boleh diambil jadi penawar.

(*SBSB*: 3)

2. Anak Cina main gelombang
Nampak dari Tanjung Jati
Tuan umpama bunga yang kembang
Sentiasa hidup di dalam hati.

(*SBSB*: 4)

3. Anak ikan dimakan ikan
Ikan berenang dalam perigi
Hilang intan berganti intan
Intan bernama payung negeri.

(*SBSB*: 4)

4. Anak teruna memakai payung
Jalan berlenggang terus ke hulu
Tuan laksana kemuncak gunung
Saya dagang menumpang lalu.

(*KKM*: 25)

5. Angin ribut kencang di pulau
Sampan kecil ditimba ruang
Sementara hidup kita bergurau
Sudah mati tinggal seorang.

(*SBSB*: 38)

6. Apabila meraut seludang buluh
Siapkan lidi buang miangnya
Apabila menjemput orang yang jauh
Siapkan nasi dengan hidangnya.

(*PSSB*: 401)

7. Asam lanjut lebat di lembah
Asam salak kendong di kain
Kalam sujud dakwat menyembah
Haram tidak khabar yang lain.

(*KB*: 118)

8. Banyak kelok ke Penarik
Kelok tumbuh pohon kuini
Nan elok bawalah balik
Nan buruk tinggal di sini.

(*SBSB*: 5)

9. Buah ara batang dibantun
Mari dibantun dengan parang
Hai saudara dengarlah pantun
Pantun tidak mengata orang.

10. Mari dibantun dengan parang
Berangan besar di dalam padi
Pantun tidak mengata orang
Janganlah syak di dalam hati.

11. Berangan besar di dalam padi
Rumpun buluh dibuat pagar
Janganlah syak di dalam hati
Maklum pantun saya belajar.

12. Rumpun buluh dibuat pagar
Cempedak dikerat-kerati
Maklumlah pantun saya belajar
Saya budak baru mengerti.

13. Cempedak dikerat-kerati
Batang perepat saya runtunkan
Saya budak baru mengerti
Sebarang dapat saya pantunkan.

14. Batang perepat saya runtunkan
Berangan di atas kota
Sebarang dapat saya pantunkan
Jangan pula saya dikata.

15. Berangan di atas kota
Cerana patah dipijak
Jangan pula saya dikata
Kerana saya bukannya bijak.

16. Cerana patah dipijak
Patah dipijak Encik Siti
Kerana saya bukannya bijak
Tambahan tidak mengerti.

17. Patah dipijak Encik Siti
Kain tersangkut jatuh ke lumpur
Tambahan tidak mengerti
Dapat sedikit beribu syukur.

(9–17 *PMBP*: 27–28)

18. Buah langsat di tepi busut
Mari dimuat di dalam peti
Besar hajat kami menjemput
Besar niat di dalam hati.

(*SBSB*: 6)

19. Buah pauh dari permatang
Dibawa dengan putik kelubi
Dari jauh saya datang
Bertemu tuan yang baik budi.

(*SBSB*: 7)

20. Bukan lebah sebarang lebah
Lebah bersarang di rumpun buluh
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah menyusun jari sepuluh.

(*SBSB*: 39)

21. Bunga dikarang di dalam kebun
Kebun permainan raja Judah
Saya tidak tahu berpantun
Mohonkan ampun barang yang salah.

22. Kebun permainan raja Judah
Anak Arab mandi di sangku
Mohonkan ampun barang yang salah
Minta maaf madah terlalu.

(21–22 *PMBP*: 41)

23. Bunga tanjung kembang semalam
Pohon tinggi tidak berduri
Gelombang besar di laut dalam
Kerana tuan saya ke mari.

(*SBSB*: 7)

24. Burung bersarang di pohon zaitun
Buah pedada di dalam puan
Sahaya mengarang syair dan pantun
Hati mesra denganmu tuan.

(KHO)

25. Burung dara terbang tinggi
Hinggap sebentar di kayu rendah
Maafkan kami tegak berdiri
Wujudnya duduk menghidang sembah.

(*SBSB*: 40)

26. Burung jentayu terbang beriring
Mati dipanah jatuh ke lumpur
Sirihnya layu pinangnya kering
Sudilah dijamah barang sekapur.

(*SBSB*: 40)

27. Di dalam semak ada kebun
Di dalam kebun ada bunga
Di dalam gelak ada pantun
Dalam pantun ada makna.

(*KKMS*: 250)

28. Gulai timun santan kelapa
Masak lemak tengah hari
Kita berpantun bukanlah apa
Sekadar hendak menyukakan hati.

(*KB*: 84)

29. Hanyut perian bertali rumin
Penuh berisi gala-gala
Tuan sepantun kilat cermin
Di balik gunung tampak jua.

(*SBSB*: 9)

30. Hari-hari pergi ke kebun
Di dalam kebun membuat perlak
Saya menyanyi berpantun-pantun
Dalam pantun ada kehendak.

(*KB*: 85)

31. Hendak majun kuberi majun
Majun saya dalam kuali
Hendak pantun kuberi pantun
Pantun saya tidak terbeli.

(*KKMS*: 100)

32. Hutan batu bersimpul pulih
Sama dengan hutan dusun
Bagaimana hatiku hendak memboleh
Bubuhlah guna di dalam pantun.

(*KKMS*: 455)

33. Ikan duri di celah batu
Ikan sepat padang gulana
Cantik majlis mahkota tuanku
Cukup lengkap tanda laksana.

(KHO)

34. Inilah pantun baharu direka
Menyurat di dalam tidak mengerti
Ada sebatang pohon angsoka
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi.

35. Menyurat di dalam tidak mengerti
Makna dandang dipuput bayu
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi
Bahasanya orang cara Melayu.

36. Makna dandang dipuput bayu
Seekor burung dipukul angin
Bahasanya orang cara Melayu
Tiada tahu erti yang lain.

(34–36 PBMJ: 1)

37. Kain saya kain basahan
Kain buruk dipakai jangan
Pantun saya pantun basahan
Didengar boleh dipakai jangan.

(*PMSR*: 58)

38. Kalau ada daun bergetah
Jangan letakkan di longgok padi
Kalau kena pantun sepatah
Jangan disimpan di lubuk hati.

(*KB*: 84)

39. Kalau sudah dimabuk pinang
Daripada ke mulut biar ke hati
Kalau sudah masuk gelanggang
Daripada surut relalah mati.

(*PSSB*: 401)

40. Kalau tuan pergi ke bendang
Jangan dipetik buah rumia
Tuan laksana bulan yang terang
Cahaya liput serata dunia.

(SBSB: 12)

41. Laksamana mudik ke Banting
Singgah ke Langat membeli destar
Saya laksana parang puting
Hendak menebas belukar yang besar.

(*PBR*: 53)

42. Lembu baru kereta pun baru
Baru sekali masuk Melaka
Tuan baru saya pun baru
Baru sekali kenal biasa.

(SBSB: 13)

43.* Limau purut jatuh ke lembah
Tiba di lembah tumbuhlah duri
Pinang mengadap sirih menyembah
Jari sepuluh menjunjung duli.

(SBSB: 46)

44. Mari kita makan ke kebun
Bawa guni isikan padi
Mari kita berlawan pantun
Bawa menyanyi menyukakan hati.

(*PMBP*: 41)

45. Maulah kami hendak melapun
Lapun di bawah limau lungga
Maulah kami hendak berpantun
Pantun sebuah hilang pula.

(*PMBP*: 41)

46. Maulah kami hendak melapun
Lapun dibawa 'rang menjaja
Maulah kami hendak berpantun
Budak kecil biasa manja.

47. Lapun dibawa 'rang menjaja
Datangnya dari pulau batu
Budak kecil biasa manja
Mamak dahulu juga begitu.
(46–47 *PMBB*: 28)

48. Meranti tiga sebatang
Ditebang tiga pemuka
Yang dinanti sudah datang
Apa perkara 'kan kita buka.
(*SBSB*: 14)

49. Minta daun diberi daun
Dalam daun buah bidara
Minta pantun diberi pantun
Dalam pantun ada bicara.
(*PMBP*: 126)

50. Nasi lemak berbungkus daun
Mengalas perut paginya hari
Mari kakak berlawan pantun
Berbalas sambut seorang sekali.
(*KB*: 80)

51. Orang Cina dari Kuantan
Nak belayar pergi ke Arab
Abang sungguh pandai berpantun
Semua pantun dapat dijawab.
(*KKMS*: 503)

52. Orang mengail di air terjun
Memakai umpan berlapis-lapis
Orang bermain berbalas pantun
Pandai menikam pandai menangkis.
(*KB*: 81)

53.* Pokok jelutung getah jelutung
Buat getah burung merpati
Abang berpantun adik berpantun
Dalam pantun mengikat hati.
(*KKMS*: 520)

54. Sekuntum bunga di dalam padi
Ambil sebatang cabut uratnya
Tuan sepantun langit yang tinggi
Bolehkah berlindung di bawahnya.

(SBSB: 15)

55. Sirih berlipat sirih pinang
Sirih dari Pulau Mutiara
Pemanis kata selamat datang
Awal *Bismillah* pembuka bicara.

(SBSB: 16)

56. Sudah roboh kota Melaka
Pada cerita terus terbayang
Pantun Melayu kebudayaan kita
Pusaka peninggalan nenek moyang.

(*KPM1*: 30)

57. Surat ini baru ditulis
Datanglah tukang dari kota
Menyurat ini sambil menangis
Dawat bercampur air mata.

58. Datanglah tukang dari kota
Anak jentayu mandi berendam
Dawat bercampur air mata
Ubat rindu penawar dendam.

59. Anak jentayu mandi berendam
Anak merak mengangkat sarang
Ubat rindu penawar dendam
Akan pelipur hati yang bimbang.

(57–59 *PMBP*: 41–42)

60. Sutera ini sutera gulungan
Sutera hijau di laci kaca
Surat ini surat kiriman
Sakit rindu bangun membaca.

(TRPM: 1)

61. Sutera ini sutera gulungan
Sutera merah berlapis-lapis
Surat ini surat kiriman
Belum dibaca duduk menangis.

(TRPM: 1)

62. Sutera songket panjang sembilan
Panjang sutera hingga kepalanya
Tuan laksana permata intan
Saya menumpang akan cahayanya.

(*PMW*: 110)

63. Telur itik di daun palas
Pecah sebiji sama menetas
Tuturan kata bagai dialas
Sebagai terletak bintang dua belas.

(KHO)

64. Terang bulan di Tanjung Bunga
Duduk berembun di pantai batu
Kalau tuan bijak laksana
Mari berpantun seorang satu.

(*KB*: 81)

65. Terbang burung dari selatan
Dipuput angin sangga bayu
Bukalah surat dari lipatan
Lihatlah pantun bahasa Melayu.

(*PMW*: xv)

II

Alam dan Kehidupan Kanak-kanak

66.*  B, C, keladi hutan
Nasi basi jangan dimakan.

(*KB*: 43)

67. A, B, C, keladi kangkung
Tanggal gusi pipi kempung.

(*KB*: 43)

68. A, B, C, gula arak
Aku makan isi, engkau makan kerak.

(*KB*: 44)

69. Ada beras taruh dalam padi
Ada ingat taruh dalam hati.

(*DB* 08/58: 395; *KPM2*: 134)

70. Ada hujan ada panas
Ada hari boleh balas.

(*PMT*: 460)

71. Adun tepung suji
Buat putu, kuih dadar
Berlabun tengah mengaji
Hilang waktu haram kok sedar.

(*KB*: 36)

72. Alang mandi biar basah
Kalau tak jadi jangan susah.

(*PP*: 12)

73. Ambil air paya lepas
Telur itik bawah rumah
Sanggul lintang bagai kipas
Air setitik tiada di rumah.

(*KB*: 50)

74. Ambuk ditujang
Mematah-matah bilah
Membuka tindulang
Membaca *Bismillah*.

(KPBD)

75. Anak dara datuk
Mandi tepi kolam
Apa jamu datuk
Makan nasi ulam.

(M 01/58: 48; *KPM2*: 95)

76. Anak dara datuk tinggi
Buat gulai ikan tilan
Datuk tak ada gigi
Kunyah-kunyah telan.

(M 10/57: 28; *KPM2*: 103)

77. Anak itik anak angsa
Atas tepung atas peti
Bertetes air mata
Orang kampung habis benci.

(*KKMS*: 400)

78. Anak itik tonggek
Junjung kayu api
Adik sanggul molek
Abang susah hati.

(M 01/58: 48; *KPM2*: 93)

79. Anak lembu kecil
Makan beras rendang
Tuk dia nak cium sikit
Tuk dia nak pi bendang.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 120)

80.* Anak lembu kecil
Tambat pokok cenak
Cucu dia kecil
Balik ulang tengok.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 101)

81. Anak lembu merah
Tambat pokok asam
Sudah kena marah
Tarik muka masam.

(M 01/58: 7; *KPM2*: 92)

82. Anak musang jantan
Panjat sentul tinggi
Bukannya hutang makan
Hutang gila nak berlaki.

(*KB*: 58)

83. Anak punai hutan
Di pokok ara tinggi
Kunyah-kunyah telan
Datuk tak ada gigi.

(*KB*: 59)

84. Anak rusa nani
Baru kembang ekor
Apa dosa kami
Lalu tidak tegur.

(*PMLB*: 95)

85. Apa kena bulan tak terang?
Terlindung pokok kekabu
Apa kena abang tak datang?
Abang terkurung dalam kelambu.

(*KB*: 31)

86. Ayam bulu balik
Makan pucuk kacang
Ayah lambat balik
Tidur rumah orang bujang.

(M 04/61: 32; *KPM2*: 96)

87. Ayam bulu balik
Makan pucuk pauh
Ayah lambat balik
Tidur rumah orang jauh.

(M 06/61: 11; *KPM2*: 96)

88. Ayam denak dalam hutan
Keluar makan padi paya
Jinak-jinak orang jantan
Orang betina kena perdaya.

(*KB*: 58)

89. Ayam denak deni
Kokok-kokok laung-laung
Jangan tengok kami
Kami orang tanjung.

(*PMAB*: 30)

90. Ayam denak deni
Makan pucuk kacang
Jangan tengok kami
Kami orang bujang.

(M 04/61: 32; *KPM2*: 107)

91. Ayam denak deni
Makan pucuk kacang
Jangan tengok kami
Kami orang dagang.

(*DB* 04/59: 178; *KPM2*: 107)

92. Ayam denak deni
Makan buah bidara
Jangan tengok kami
Kami anak dara.

(M 11/60: 12; *KPM2*: 107)

93. Ayam denak deni
Makan daun buluh
Jangan tengok kami
Kami orang jauh.

(M 11/60: 12; *KPM2*: 108)

94. Ayam kinantan terbang mengekas
Hinggap di ranting bilang-bilang
Melihat bonda pulang lekas
Hatiku besar bukan kepalang.

(*PMBP*: 30)

95. Ayam putih ponggok
Makan padi jemur
Cik Teh duduk menumbuk
Bagai bintang timur.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 101)

96. Ayun anak ayun
Ayun sampai hujung serambi
Bangun anak bangun
Jangan tidur meninggi hari.

(*DB* 04/58: 206; *KPM2*: 97)

97. Ayun buai letak
Letak para labu
Kepala Pak Mat botak
Kena tabur habu.

(M 11/59: 24; *KPM2*: 109)

98. Ayun buai kokek
Kokek ulu golak
Hak dia lokek
Hak orang hendak.

(M 04/61: 33; *KPM2*: 105)

99. Ayun buai lembut
Lembut ikut seberang
Bila nak menyambut
Menyambut petang karang.

(M 06/61: 10; *KPM2*: 99)

100. Ayun buai papan
Serindit daun buluh
Bini Cik Da lapan
Gundik tujuh puluh.

(M 12/57: 32; *KPM2*: 99)

101. Ayun laju-laju
Tampan Tuk Pang Japar
Apa dalam baju
Botol minyak atar.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 95)

102. Badak ayu-ayu
Keladi ubi kelat
Tak dan panjat kayu
Dan badak jilat.

(M 06/61: 12; *KPM2*: 118)

103. Baju cekak pinggang
Corak belang sawa
Lenggang adik lenggang
Lenggang bujang lawa.

(M 11/58: 7; *KPM2*: 110)

104. Balai Cik Wan kecil
Bentuk panjang lima
Bertunang dari kecil
Menikah bulan lima.

(*KKMS*: 312)

105. Banyak udang banyak garam
Banyak orang banyak ragam.

(*WPM*: 14)

106. Beli rojak pergi pekan
Ke pekan Labis beli selipar
Ada budak merajuk makan
Nasi habis perutnya lapar.

(*P*: 19)

107. Bentuk timba nibung
Cedok air kubang
Cantik muka hidung
Cucu tak ada subang.

(M 10/57: 21; *KPM2*: 100)

108.* Beranak jadi lipan
Terbang jadi puyuh
Tak cekap berjalan malam
Taruh hutan buluh.

(*RSM*: 38)

109. Berbuah kedempung di kuala
Sajak dipenggal berganti cawan
Ayah kandung berbini muda
Anakanda tinggal tak berkawan.

(*PMBP*: 35)

110. Berderai terung rembang
Dipungut dibahagi-bahagi
Terurai rambut dayang
Bagai mayang mengurai pagi.

(*KB*: 59)

111. Besan kaki kudung
Makan gulai belut
Duduk bertinggung
Sapu bibir mulut.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 104)

112. Besar ombaknya Kampung Purus
Terdengar sampai ke kampung sebelah
Di mana badan takkan kurus
Bapa tiri empunya olah.

(*PMBP*: 36)

113. Biasa berpisau jangan berparang
Biasa pada kau jangan bawa ke orang.

(*KPM1*: 134)

114. Bilang berpuluh ribu
Puji sebut sahaja
Tunang masuk kelambu
Pak haji hantar belanja.

(*KB*: 64)

115. Bintang timur tinggi
Jatuh julai nipah
Abang duduk mengaji
Adik minta sepah.

116. Sepah dalam batil
Tepak dalam dulang
Belanja tiga tahil
Nanti bapa pulang.

(155–116 *KB*: 33)

117. Boyan takuk belanga tiarap
Tak ada rokok curi sekerap.

(*PS*: 5)

118. Buah binjai buah lanjut
Dalam capah atas para
Cukur misai, cukur janggut
Nak nikah anak dara.

(*KB*: 50)

119. Buah kepundung di atas dulang
Mari dimakan siang hari
Kakak kandung lekaslah pulang
Adik teragak sepanjang hari.

(*PMBP*: 36)

120. Buah labu masak
Masak hujung julai
Apa jamu kakak
Jamu nasi gulai.

(*KKMS*: 317)

121. Buah mangga di Tanah Sirah
Masak sedikit bawakan bakul
Bapa saya sangat pemarah
Salah sedikit suka memukul.

(*PMBP*: 38)

122. Buah nyiur buah kelapa
Tak lembut tak apa.

(M 06/61: 11; *KPM2*: 92)

123. Buai-buai kaduk
Kaduk jalan ke rimba
Merumbai janggut datuk
Buat tali timba.

(*PMAB*: 30)

124. Buai laju-laju
Sampai balik sana
Apa dalam baju
Kuntum bunga sena.

125. Buai laju-laju
Sampai balik sana
Beli baju baru
Dari kedai Cina.

(124–125 *PS*: 122)

126.* Bukan memapan menarah
Bukan makan muntahkan darah.

(*PP*: 37)

127. Bulan lima Tok Kong
Kutip bunga cabai
Apa riuh kampung
Kawan haji lebai.

(M 10/57: 22; *KPM2*: 96)

128. Buluh Cik Hamid
Pagar Cik Daud
Guruh di langit
Tagar di laut.

(M 06/61: 16; *KPM2*: 105)

129. Bun tari bun
Anak ayam bulu balik
Dalam perintah Jepun
Kita makan ubi keledek.

(M 07/59: 33; *KPM2*: 101)

130.* Bunga cempaka ditebang rebah
Kakinya sudah bercendawan
Bonda kita pergi ke sawah
Adik di rumah tak berkawan.

(*PMBP*: 36)

131. Bunga rampai harum
Tabur dalam batil
Cucuk dengan jarum
Tok ki buat sentil.

(*KB*: 65)

132. Bunga sena datuk
Kembang tajul malai
Selawat pinang datuk
Masuk jenung balai.

(*KKMS*: 323)

133. Burung belatuk kepala merah
Tidur datuk, jangan marah.

(*DB* 04/58: 107; *KPM2*: 117)

134. Burung kenek-kenek
Terbang cucur atap
Pesan datuk nenek
Hati kita mahu tetap.

135. Burung kenek-kenek
Terbang pokok pandan
Pesan datuk nenek
Rajin-rajin jaga badan.

136. Burung kenek-kenek
Terbang atas bumbung
Pesan datuk nenek
Jangan suka buat sombong.

137. Burung kenek-kenek
Terbang dalam semak
Pesan datuk nenek
Cari harta jangan tamak.

138. Burung kenek-kenek
Terbang dalam hutan
Pesan datuk nenek
Emak marah jangan lawan.

139. Burung kenek-kenek
Terbang atas pagar
Pesan datuk nenek
Rajin-rajin pergi belajar.

140. Burung kenek-kenek
Terbang pokok jambu
Pesan datuk nenek
Jangan suka bohong tipu.

141. Burung kenek-kenek
Terbang pohon birah
Pesan datuk nenek
Jangan bantah cakap ayah.

142. Burung kenek-kenek
Terbang ke pucuk tebu
Pesan datuk nenek
Jangan derhaka pada ibu.

(134–142 *KB*: 51–53)

143. Cak ikak tedung
Gulai ikan pari
Berarak berusung
Nikah anak tiri.

(M 11/57: 9; *KPM2*: 98)

144. Cak kekok kaki ayam
Berlaga sama puyuh
Tak cekap berjalan malam
Ambil damar buat suluh.

(M 06/61: 15; *KPM2*: 118)

145. Cap kapak ular lidi
Tedung senduk naga bunga
Mak bapak mana pergi
Cari ubat demam kura.

(M 11/57: 8; *KPM2*: 110)

146. Cap kirik kok
Ayam balung mas
Di mana sirih datuk
Atas dalam bekas.

(M 04/61: 32; *KPM2*: 103)

147.* Carik baju raja
Dilompati todak
Bukan disahaja
Sebab akal budak.

(*SM*: 68)

148. Cekur udang kamat
Gali cekur tanam kunyit
Adik di rumah gamat
Nasi di dapur habis hangit.

(M 06/61: 15; *KPM2*: 93)

149. Cempedak di luar pagar
Ambil galah tolong jolokkan
Saya budak baru belajar
Kalau salah tolong tunjukkan.

(*PMBP*: 30)

150. Cik Minah kait jantung
Jatuh sebutir di luar pagar
Cik Minah pandai berpantun
Pantun sahaya baru belajar.

(M 06/61: 16; *KPM2*: 101)

151. Cina gemuk membuka kedai
Menjual ember dengan pasu
Bertepuk adikku pandai
Boleh diupah dengan susu.

(*PMBP*: 29)

152.* Cing kerencing
Kerlat bunga lada
Temu hantu kucing
Ajak bersilat dengan Pak Da.

(M 06/61: 14; *KPM2*: 119)

153. Cing kerencing
Setinggi bunga lada
Mana hantu kucing
Nasi basi atas para.

(M 01/58: 8; *KPM2*: 91)

154. Cok-cok gali cok
Ambil cok gali ubi
Mana kayu bongkok
Tempat kera meniti.

(M 01/58: 8; *KPM2*: 111)

155. Cok gelecok
Gali-gali ubi
Di mana kayu bongkok
Di situ musang menjadi.

(*KB*: 61)

156. Congek cat dong
Cat dong duku dakat
Apa nenek kendong
Kendong butir langsat.

157. Congek-congek canggung
Canggung duku daka
Apa nenek kendong
Kendong butir nangka.

158. Congek-congek canggung
Canggung kayu nangka
Apa nenek kendong
Kendong kain sahaja.

(156–158 *DB* 04/59: 177; *KPM2*: 95–96)

159. Cucuk surapit
Surapit daun limau
Siapa tapihit
Ditangkap oleh harimau.

(KPBD)

160. Cun cuin kelentong ayan
Pakai tali benang nanas
Untung sekumin rugi sekoyan
Bagaimana hati tak panas.

(*KB*: 59)

161. Dang-dong papan
Kembang bunga dalam buluh
Orang jantan berbini lapan
Orang betina laki sepuluh.

(*KB*: 58)

162. Dari Pulau Kurung
Singgah di Batu Tawan
Adik jadi burung
Terbang cari kawan.

163. Liuk cabang pauh
Jarang-jarang jari
Duduk kampung jauh
Jarang-jarang ke mari.

164. Anak kijang emas
Masuk sawah padi
Bukan hutang emas
Hutang kerana budi.

(161–163 *PMT*: 197)

165. Daun buluh jatuh
Biawak dalam kubang
Anak dara hodoh
Tawar tiga kupang.

(*KB*: 48)

166. Daun manggis bertali-tali
Capa dikarang dengan ijuk
Meskipun menangis berhari-hari
Tidak siapa datang membujuk.

(*PMBP*: 33)

167. Dengar cakap enggang
Makan buah beluluk
Dengar cakap orang
Terjun masuk lubuk.

(*P*: 13)

168. Di mana padi takkan luruh
Padi basah tidak ditampi
Di mana hati takkan rusuh
Bonda hilang bapa berbini.

(*PMBP*: 35)

169.* Dian sekotak
Taruh dalam balai
Si Kaling buntak
Suruh mengalai.

(KPBD)

170. Doh doh anjing
Ayam makan padi
Gaduh bertengking-tengking
Janda tua nak berlaki.

(*KB*: 30)

171. Dua kali dua empat
Dua kali empat lapan
Ambil raga isi ketupat
Ambil ketupat kita makan.
(*DB* 04/59: 177; *KPM2*: 94)

172.* Dua kali lima sepuluh
Bawa anak Cina dalam umbi buluh.
(*DB* 04/59: 177; *KPM2*: 89)

173. Dua kali satu dua
Boleh menantu ke orang tua.
(*DB* 04/59: 177; *KPM2*: 89)

174. Dum pak delima
Ketam padi pulut
Ditembak tak kena
Ditikam tak terlut.
(*KB*: 59)

175. Elok rupanya kumbang janti
Dibawa itik pulang petang
Tidak terkata besar hati
Melihat ibu sudah datang.

176. Dibawa itik pulang petang
Dapat di rumput bilang-bilang
Melihat ibu sudah datang
Hati cemas menjadi hilang.

177.* Dapat di rumput bilang-bilang
Mengisap bunga dengan mayang
Hati cemas menjadi hilang
Perut lapar menjadi kenyang.
(175–177 *PMBP*: 28–29)

178. Endoi-endoi dam
Anak lembu patah tanduk
Cik Muda kena godam
Cik Awang kena tumbuk.
(*M* 01/58: 8; *KPM2*: 101)

179. Endoi-endoi papan
Serindit daun buluh
Cucu Tuk Haji Hasan
Cicit Tuk Haji Jusuh.

(M 10/57: 23; *KPM2*: 101)

180. Endoi-endoi pit
Pak Pit layang-layang
Rumah Mak Mek sempit
Tidur hutan lalang.

(M 10/57: 57; *KPM2*: 115)

181. Enggok ya-ya
Bing ayu-ayu
Atap daun rembia
Dinding anak kayu.

(*DB* 04/58: 206; *KPM2*: 96)

182. Enjit-enjit buku benang
Budak lengit cari tunang.

(*KKMS*: 93)

183. Enjut-enjut siput
Air pasang dalam
Kulup nak ikut
Hari dah jauh malam.

(*DB* 04/58: 208; *KPM2*: 104)

184. Gaharu, cengal, giam
Tak tahu, tak kenal, diam.

(*PS*: 88)

185. Gajah Tuk Nang Budur
Luka tiga liang
Semalam tidak tidur
Jaga tengok wayang.

(M 06/61: 13; *KPM2*: 116)

186.* Giling-giling kecapi
Berbulu telinganya
Di mana Si Keling mati
Arah mentuanya.

(KPBD)

187. Gol gol nang
Terubuk pandai besi
Si Awang bertunggu tunang
Makan bubuk dengan nasi.

(KPBD)

188. Goreng pisang goreng ubi
Abang berhutang adik rugi.

(M 03/58: *KPM2*: 89)

189. Hantu hantang
Kelopak jantung
Tak dan hang hentam
Aku sepak melambung.

(M 02/57: 34; *KPM2*: 118)

190. Hanyut batang berlilit kumpai
Terdampar di ujung Tanjung Jati
Bonda pulang bapa pun sampai
Kami semua berbesar hati.

(*PMBP*: 30)

191. Helang berkulik tengah hari
Cenderawasih mengirai kepak
Alang sakitnya berbapa tiri
Awak menangis disangkanya gelak.

(*PMBP*: 35)

192. Hujan lebat-lebat
Ular sawa bawah batang
Jemput Cik Kobat
Orang Jawa hendak datang.

(M 03/58: 50; *KPM2*: 108)

193. Hujan lebat-lebat
Timpa anak lada
Berjalan cepat-cepat
Singgah di rumah janda.

(*KB*: 69)

194. Hujan panas pagi
Hanyut daun nipah
Siapa lalu tadi?
Orang baharu nikah.

(KB: 40)

195.* Hujan renyai-renyai
Pacat makan kaki
Adik hendak berinai
Abang nak berlaki.

(M 03/58: KPM2: 93)

196. Hujan renyai-renyai
Pacat naik kaki
Kerja lengai-lengai
Lambat dapat laki.

(KB: 50)

197. Ikan belanak dalam tapisan
Orang membubu di Kuala Dungun
Ayuhai anak ingat pesanan
Kalau jatuh cepatlah bangun.

(KKMS: 105)

198. Ikan parang-parang
Masak asam cuka
Nyonya gigi jarang
Baba kurang suka.

(KB: 40)

199.* Ikan tokak makan meranggung
Sedap tekak, badan menanggung.

(WPM: 13)

200. Impok-impok penganan talam
Orang tepok jalan malam.

(M 07/59: 32; KPM2: 113)

201.* Itik Kak Long Esah
Sudu beras basah
Cantik orang Kedah
Gigi belum asah.

(M 10/57: 21; *KPM2*: 100)

202. Jala bitu bing
Songsang tali arus
Terjala lelabi bunting
Dihela sampai tirus.

(*KB*: 26)

203. Jawi hitam tidak bertanduk
Memakan rumput di atas munggu
Lihatlah ayam tak berinduk
Demikian hidup anak piatu.

(*PMBP*: 37)

204. Jeling-jeling paku
Paku masak lemak
Siapa jeling aku
Aku cakap pada emak.

(*KKMS*: 111)

205.* Jika ada padi berhampalah
Jika ada hati berasalah.

(*PMAB*: 13)

206. Jong, jong inai
Mak Ipung rajawali
Sepak tunggul inai
Berdarah ibu kaki.

(M 01/59: 24; *KPM2*: 116)

207. Jong, jong inai
Kerakah rajawali
Menyabung pandai-pandai
Nak nikah tuan puteri.

(M 01/59: 24; *KPM2*: 116)

208. Juragan bernama Sutan Tahir
Muat beras bercampur pulut
Selama masa adikku lahir
Telah boleh kawan bergelut.

(*PMBP*: 29)

209. Kap-kap udang
Udang ditangkap lepas
Mendengar bunyi orang
Lari lekas-lekas.

(KPBD)

210. Kayuh sampan kayuh
Kayuh laju-laju
Adik jangan gaduh
Emak tengah pakai baju.

(*KB*: 27)

211. Ke bilik ke dapur
Gulai asam pedas
Itik bertelur
Ayam menetas.

(*PMPM*: 3)

212. Kelapa muda makan di sawah
Tuan haji duduk sembahyang
Ketika bermuka dengan ayah
Senantiasa berosak hati
Apa sudahnya berhati bimbang.

1755. Masuk ke lubuk jatuh ke lubang
Sesak pandan dalam jambangan
Apa sudahnya berhati bimbang
Rosaklah badan berkepanjangan.

(1753–1755 *PMBP*: 42)

1756. Utas-utas di atas pintu
Pakaian jauh baharu dapat
Orang sukar sahaja begitu
Membuang nyawa baharulah dapat.

(*HIP*: 161)

1757. Wangkang berpintu empat
Keempat-empat pintu ke laut
Anak dagang mencari tempat
Ajal ditunda Malaikatulmaut.

(*KPM1*: 37)

Bingkis Kasih

Limau purut lebat di pangkal
Sayang selasih condong uratnya
Hujan ribut dapat disangkal
Hati kasih apa ubatnya?

IX

Cinta Bersemi

1758. Ada gamelan berbunyi malam
Terdengar dari Kampung Kerekut
Saya mencari seputar alam
Tuan seorang yang sangat patut.

(*PMBP*: 126)

1759. Air pasang hujan di hulu
Makanya mendung malam dan siang
Hendak datang bercampur malu
Jadi berlindung di balik tiang.

(*HDM*: 191)

1760. Air pasang matahari masuk
Banyak orang jual berangan
Jerat dipasang burung tak masuk
Burung biasa makan di tangan.

(*SBSB*: 101)

1761. Air serbat di dalam cangkir
Sampai ke Jawa saya curahkan
Haram taubat saya tak mungkir
Badan dan nyawa saya serahkan.

(*PMBP*: 76)

1762. Akar terkapar di atas batu
Pucuk menyubur ke bawah lereng
Kapur adinda kapur tertentu
Bertambah sirih sudahlah kering.

(*HASMM*: 37)

1763. Alang judi burung udara
Singgah menyambar gelugut batang
Hilang budi lenyap bicara
Kasih mengejut bicara datang.

(KPBD)

1764. Alif terdiri imbangan bayu
Pelajaran anak Betara Indera
Muda bestari silalah payu
Dagangan intan bercampur mutiara.

1765. Pelajaran anak Betara Indera
Pengajian tamat khatam sekali
Dagangan intan bercampur mutiara
Silakan segera tuanku beli.

(1764–1765 *HACT*: 118)

1766. Ambil alu dalam pedati
Buah lengkung makanan wali
Fikir dahulu di dalam hati
Jangan menyesal di kemudian hari.

(*PMBP*: 121)

1767. Ambil buluh pagarkan padi
Rakit buluh dari seberang
Hancur luluh rasanya hati
Sakit sungguh kekasih orang.

1768. Rakit buluh dari seberang
Dulang terletak di atas geta
Sakit sungguh kekasih orang
Orang tidak kasihkan kita.

1769. Dulang terletak di atas geta
Kelubi batang berduri
Orang tidak kasihkan kita
Minta perhamba dagang senteri.

(1767–1769 PBMJ: 80)

1770. Ambil dian pasang pelita
Anak dewa makan di karang
Biar pandai bermain mata
Jangan ketahuan di mata orang.

(*PMBP*: 124)

1771. Ambil getah letak di kain
Pasang layar di depan pintu
Kalau adinda cinta yang lain
Berilah tahu supaya tentu.

(*PMBP*: 120)

1772. Ambil kain dibuat sumbu
Nasi santan dibuang-buang
Jangan dibuat sebagai tebu
Air ditelan hampas dibuang.

(*PMBP*: 113)

1773. Ambil serahi mengganti tudung
Mari ditudung di atas peti
Berahikan bulan lagi terkurung
Duduklah pungguk menanti-nanti.

(M 02/56: 15; *KPM2*: 240)

1774.* Ambil sirih palitkan sedah
Ambil tilam di rumah bola
Kalau diingat tempoh yang sudah
Hati di dalam menjadi gila.

(*PMBP*: 124)

1775. Ambil susu di pasar ikan
Susu kambing di kali mati
Bukan lesu tak kurang makan
Lesu sebab menahan hati.

(*PMBP*: 124)

1776. Anak Aceh berjual kain
Terlupa sehelai baru dibeli
Kasih belum berjumpa yang lain
Kalau berjumpa lupakan kami.

(*PMW*: 63)

1777. Anak agus dalam ayunan
Anak cicak hinggap di betung
Sungguh bagus kain tenunan
Sayang sedikit bersambung-sambung.

(*PMBP*: 113)

1778. Anak ayam biangnya kurik
Tanam cekur di pohon dilam
Duduk diam rasa ditarik
Membuat hancur hati di dalam.

(*PMBP*: 120)

1779. Anak ayam tertinting-tinting
Tertinting-tinting di atas peti
Oh Dayang, pinjamku cermin
Kalau hilang badan pengganti.

(KPBD)

1780. Anak badak di Tanjung Puan
Buah kemboja dalam rimba
Berbedak berlangir tuan
Biarlah kanda menjadi hamba.

(*PMBP*: 94)

1781. Anak beruk di kayu rendang
Turun mandi di dalam paya
Hodoh buruk di mata orang
Cantik manis di mata saya.

(*PMW*: 23)

1782. Anak beruk mahu terjun
Mati terjun di atas lonteng
Bukan kumabuk terminum racun
Mabuk kerana rambut keriting.

(KPBD)

1783. Anak Cina berkain basah
Bakar tulang baunya hangit
Dilihat jinak dipegang susah
Ibarat bulan tinggi di langit.

(*PMBP*: 117)

1784. Anak Cina menebang keranji
Habis buah bertabur-taburan
Tuan umpama panji-panji
Ditiup angin berkibar-kibaran.

(*PMAB*: 101)

1785. Anak Cina pulang ke China
Anak Jambi pulang ke Jambi
Puas sudah saya bertanya
Belum dapat bunga yang wangi.

(*PDS2*: 20; *KPM2*: 254)

1786. Anak Cina sanggul terpacak
Mati dibunuh Seri Rama
Adik laksana buah masak
Bau semerbak ke mana-mana.

(*KKMS*: 13)

1787. Anak geroda terbang ke kandis
Batang padi dibelah dua
Orang muda mulutnya manis
Binasalah badan mendengar cumbunya.

(*PMBP*: 75)

1788. Anak ikan dimakan ikan
Ikan sia dalam tuar
Tahu makan, tahu simpan
Rahsia jangan diberi keluar.

(*PMW*: 9)

1789. Anak Islam main pedati
Burung merak hinggap di jati
Kalau sungguh cinta di hati
Sampai di kubur saya menanti.

(*PMBP*: 123)

1790. Anak Islam pegang biola
Dapat guru si tuan haji
Maka hati menjadi gila
Sebab adinda mungkirkan janji.

(*PMBP*: 112)

1791. Anak kala jatuh ke air
Buah perah di dalam puan
Dari mula datang ke akhir
Badan terserah kepadamu tuan.

(KHO)

1792. Anak kera cantik di bukit
Dipanah oleh Indera Sakti
Dipandang muka senyum sedikit
Kerana sama menaruh hati.

(M 01/55: 46; *KPM2*: 244)

1793. Anak kuda di papan rata
Ambil kikir dengan gergaji
Jikalau sudah saya berkata
Tidaklah saya mungkirkan janji.

(*PMBP*: 118)

1794. Anak raja mendaki bukit
Patah galah dalam perahu
Pegang tangan jeling sedikit
Hati di dalam Allah yang tahu.

(*HASMM*: 52)

1795. Anak ruan berlima-lima
Mati ditimpa punggur berdaun
Kasih tuan saya terima
Menjadi hutang beribu tahun.

(*PMBP*: 76)

1796. Anak Semarang main sumpitan
Anak Keling main rebana
Baru sekarang adinda kelihatan
Sekian lama pergi ke mana?

(*PMBP*: 114)

1797. Anak sepat di dalam padi
Anak seluang meloncat tinggi
Kalau tak dapat bagai di hati
Biar bujang sampai ke mati.

(*PMW*: 33)

1798. Anak Serani bermain pena
Tanam capa beri bertanda
Badanku ini rasa di mana
Sebab lupa pesan adinda.

(*PMBP*: 124)

1799. Anak tiung anak puragam
Mari bersarang atas bangkita
Seboleh-boleh mataku pejam
Baharu kulupa akan adinda.

(KPBD)

1800. Anak tiung tiga sekawan
Anak pelanduk patah kakinya
Tampak bumbung terasalah rawan
Hendak dijenguk banyak halangannya.

(M 02/57: 48; *KPM2*: 259)

1801. Anak unta sekandangan
Bunyinya sampai mendayu-dayu
Khabarnya nakhoda ada dagangan
Juallah khasa sehelai baju.

(*PMBP*: 79)

1802. Andang-andang dipuput ribut
Jatuh ke tasik Anta Permata
Badanku seorang diperebut
Akan menghibur hati gundah-gulana.

(HMDR)

1803. Andang-andang padi Sang Nata
Putus benang jalankan tombak
Timbang-timbang apalah rasa
Lautan tenang gunung berombak.

(*PMBP*: 118)

1804. Andapung masuk ke pukat
Pukat Ratu Seri Wangsa
Tidak mengubah tanda muafakat
Kerana tuanku orang berbangsa.

(KPBD)

1805. Andung-andung bertali benang
Benang diuntal tali cemara
Tujuh tanjung jalan benanang
Tidak kutakut akan bahaya.

(KPBD)

1806. Angkatlah dari Pasar Landih
Membeli tali Pasar Senyawan
Demi kupandang wajah kekasih
Merosak hati menggugur iman.

(*KKMS*: 569)

1807. Angkut-angkut terbang ke langit
Mati disambar anak merbah
Tertangkup bumi dengan langit
Setia tidak akan berubah.

(*PMW*: 29)

1808. Apa dibeli pergi ke pekan
Membeli wajik dengan penganan
Jangan dipikat burung di hutan
Burung biasa makan di tangan.

(*PMSR*: 52)

1809. Apa dicari bayan terbang
Rajawali menyambar dia
Apa dicari dayang berulang-ulang
Orang bestari mendapat dia.

(*HIP*: 72)

1810. Apa disusah kepada padi
Padi yang sudah digemari
Apa disusah kepada hati
Hati yang sudah diajari.

(*HASMM*: 28)

1811. Apa guna padiku ini
Sini sangkut sana pun goyang
Apa kena hatiku ini
Sini sangkut sana pun sayang.

(*AIMP*: 5)

1812. Apa guna pasang pelita
Jika tidak dengan sumbunya
Apa guna bermain mata
Kalau tidak dengan sungguhnya.

(*PMW*: xiv)

1813. Apa ini dan apa itu
Pukul rebana genderang perang
Melihat tuan duduk di pintu
Sepantun memandang bulan terang.

(*PMBP*: 125)

1814.* Apa riuh di balai kangsur
Setana pudi membaling ladan
Titik peluh menahani tidur
Nyawa dinilai dengan badan.

(HMDR)

1815. Apa tanda hari nak petang
Anak merbah terciap-ciap
Apa tanda cinta nak datang
Darah di dada girap-gemirap.

(*PMAB*: 54)

1816. Api-api di atas gunung
Cempedak tangkainya kandis
Laki-laki sahaja pembohong
Jikalau hendak mulutnya manis.

1817. Cempedak tangkainya kandis
Tetak tengar dibakar jangan
Jikalau hendak mulutnya manis
Dengar-dengar dipakai jangan.

1818. Tetak tengar dibakar jangan
Halia di bukit haram tak tumbuh
Dengar-dengar dipakai jangan
Kerana setianya sedikit tak teguh.

1819. Halia di bukit haram tak tumbuh
Benalu api di atas kota
Kerana setianya sedikit tak teguh
Memberi malu di muka kita.

1820. Benalu api di atas kota
Pohon lada pohon halia
Memberi malu di muka kita
Badan tertawan kerana dia.

(1816–1820 PBMJ: 81)

1821. Api-api unggunan kandis
Tumpah damar di kulit tengar
Laki-laki mulutnya manis
Jika bersumpah jangan didengar.

(PMBP: 77)

1822. Asam pauh asam kalumbi
Buah pauh timbul tenggelam
Apakan daya bicara budi
Negeri jauh lautan dalam.

(KPBD)

1823. Asam pauh asam pulasan
Ketiga dengan mambangan lalu
Kanda jauh berkirim pesan
Pesan jangan dibuang lalu.

(KPBD)

1824. Asap api di Tanjung Tuan
Kuala Linggi bakaunya rendah
Harap hati kepada tuan
Langit tinggi kupandang rendah.

(P: 33)

1825. Asap api tabun-menabun
Merendang lada disampul pulih
Taruknya kaca tangkainya embun
Dipandang ada diambil tak boleh.

(*PMW*: 44)

1826. Aur lentik diinjak kijang
Anak Jawa minum di mangkuk
Keningnya lentik dadanya bidang
Anak muda dipanah mabuk.

(*KKMS*: 408)

1827. Awan dirancik bercela-cela
Mengerna kuntum jambu rakna
Adik wei dengar abang bertanya
Taman ini apa namanya?

(HMDR)

1828. Ayam denak di tengah pekan
Hendak ditangkap hambanya raja
Biasa jinak burung di tangan
Tiada boleh ditangkap saja.

(KPBD)

1829. Ayam putih manuk siapa
Ayam berintik atas bumbungan
Tubuh putih anak siapa
Manis di mata si peruntungan.

(KPBD)

1830. Bacang masak empelam manis
Makanan anak bidadari
Bintang teresak, bulan menangis
Hendak bertemu si matahari.

(*PMW*: 15)

1831. Bagaimana mencucuk manik
Manik dicucuk di pagi hari
Abang adik silalah naik
Itu air membasuh kaki.

(*KKMS*: 39)

1832. Baik bertebu baik tidak
Asalkan ditanam selaranya
Baik bertemu baik tidak
Asalkan didengar suaranya.

(*PMW*: 50)

1833. Baik langkah sauh dibongkar
Dayung terkipas meriam terbakar
Kalau peluru tidak bertukar
Kalau kasih tidak sebentar.

(*KPM*: 37)

1834. Baik-baik jalan berdua
Jangan lalu jambatan kayu
Ya Illahi, kabulkan doa
Supaya lekas kita bertemu.

(KPBD)

1835. Baik-baik melayarkan jong
Tali-menali biarlah teguh
Di kepala kakanda adik dijunjung
Asal mahu menyerahkan tubuh.

(*PMBP*: 80)

1836. Baju biru seluar biru
Bergelas mata berjam tangan
Sudah mendapat kawan baru
Kawan lama dibuang jangan.

(KPBD)

1837. Baju hitam berkancing tujuh
Pakaian anak Raja Semarang
Kalau tuan berjanji sungguh
Rebut saya di tangan orang.

(KPBD)

1838. Baju putih sujanya kuning
Pakaian mari anak maulana
Tasik putih airnya hening
Bolehkah kami mandi ke sana?

(KPBD)

1839. Bakar capa di pohon lontar
Capa tumbuh di dekat kundur
Tiada lupa barang sebentar
Hanya sementara waktu tidur.

(*PMBP*: 65)

1840. Bakar kertas di dalam cawan
Mahligai disambung Raja Wilanda
Sangat pantas raja pahlawan
Memberi bimbang hati kakanda.

1841. Mahligai disambung Raja Wilanda
Puteri dipinang Raja Surati
Memberi bimbang hati kakanda
Kutentang bukan lanang yang jati.

1842. Puteri dipinang Raja Surati
Laksamana berdatang sembah
Kutentang bukan lanang yang jati
Di mana abang tidakkan gundah.

1843. Laksamana berdatang sembah
Tidak diterima Seri Maharaja
Di mana abang tidakkan gundah
Memandang bunga baru dipuja.

(1840–1843 *SA*: 282–283)

1844. Balam emas sangkar suasa
Permainan anak Betara Sakti
Sebab ditandang sebuah desa
Kerana intan hendak dilihati.

1845. Permainan anak Betara Sakti
Balam dimain bertali rami
Kerana intan hendak dilihati
Titah yang punya kepada kami.

(1844–1845 *HACT*: 136–137)

1846. Banyak bunga berangkai-rangkai
Tumbuh subur di pasu kuning
Banyak-banyak bunga setangkai
Harum sungguh bunga yang kuning.

(KPBD)

1847. Banyak orang mengetam pulut
Saya seorang mengetam padi
Banyak orang karam di laut
Saya seorang karam di hati.

(*PMW*: 85)

1848. Banyak-banyak kuda di ladang
Kuda putih pemutus tali
Banyak-banyak muda kupandang
Tubuh putih pemutus hati.

(KPBD)

1849. Batang gelam batang kenanga
Sena tumbang menimpa pundung
Kumbang mengidam nak seri bunga
Bunga kembang di puncak gunung.

(*EKKE*: 243)

1850. Batang keladi di Kampung Lima
Pasang dian di tengah jalan
Jika sudi boleh terima
Jangan kemudian jadi sesalan.

(*PMBP*: 120)

1851. Batang papaya jadi sangkutan
Anak mambang di Kampung Lima
Supaya jangan jadi bangkitan
Apa untung kita terima.

(*PMBP*: 115)

1852. Batang rembayung tinggi mengawan
Diambil sedahan dibuat sogok
Ayuhai payung muda bangsawan
Pohonlah patik air seteguk.

1853. Diambil sedahan dibuat sogok
Sogok di haluan sebuah bahtera
Pohonlah patik air seteguk
Diharapkan rahim serta mesra.

(1852–1853 *HMD*: 31)

1854. Batu loyang buat asahan
Tanam dalam separuh mati
Bimbang siang boleh ditahan
Bimbang malam serasa mati.

(M 02/56: 15; *KPM2*: 241)

1855. Belanak tidak badar pun tidak
Daun suji bunga delima
Sanak tidak saudara pun tidak
Kalau sudi minta terima.

(*PMBP*: 116)

1856. Daun suji bunga delima
Ambil ketupat dari Kerukut
Kalau sudi boleh terima
Di mana tempat saya mengikut.

(*PMBP*: 110)

1857. Belayar kapal dari Petani
Berlabuh tentang bandar China
Kalau nak tahu di hati kami
Tuan dipandang sebagai permata.

(*PMBP*: 75)

1858. Belayar masuk ke Kuala Kedah
Patah tiang timpa kemudi
Sekuntum bunga terlalu indah
Sekalian kumbang asyik berahi.

(*PMW*: 88)

1859. Beli talas tanaman Sumpur
Payung jepun di toko nyonya
Bukan malas saya menegur
Sebab takut pada yang punya.

(*PMBP*: 108)

1860. Belum berkilat sudah berkenyal
Seperti menumbuk mengitara
Belum dilihat sudah dikenal
Nampak di dalam kira-kira.

(*HASMM*: 31)

1861. Bemban di padang orang berladang
Bunga rampai di dalam puan
Dendam dibawa kumbang terbang
Adakah sampai kepadamu tuan?

(*HASMM*: 36)

1862. Benang setukal menjadi lima
Benang dibawa dari Petani
Belukar sudah menjadi rimba
Abang cinta selama ini.

(M 04/57: 31; *KPM2*: 240)

1863. Bentangkan tabir jadikan dinding
Rumah gedang ruangan tiga
Air emas pancuran gading
Besar lubuknya berbuaya.

(*PMBP*: 129)

1864. Bergendang ada bertambur tidak
Pakai bercamat si batang padi
Berpandang ada bertegur tidak
Rasa kiamat di dalam hati.

(KPBD)

1865. Berjalan di pantai lurus
Bersunting bunga si tawar-tawar
Jikalau sudah hatiku tulus
Minum racun jadi penawar.

(KPBD)

1866. Berjalan mendarat-darat
Berjumpa mari Awang Semail
Sedang burung dapat dijerat
Ikan di laut dapat dikail.

(KPBD)

1867. Berkarang ukiran kata
Membuat perahu dari seberang
Mengapa orang tahu berkata
Masakan tahu di hati orang.

1868.* Hanyut perahu dari seberang
Pedang bertulis awan selimpat
Masakan tahu di hati orang
Sudah kupandang dengan makrifat.

1869. Pedang bertulis awan selimpat
Terbang paksi si burung wilmana
Sudah kupandang dengan makrifat
Sifatnya lengkap tujuh laksana.

(1867–1869 *SA*: 339)

1870. Berkeris rupanya tuan
Berjorong serupanya pedang
Bijaksana rupanya tuan
Bersembunyi di tengah orang.

(*HASMM*: 52)

1871. Berkokok ayam dari hulu
Ditangkap budak sedang berlari
Angin memukul gelombang memalu
Sebab berhajat abang ke mari.

(*HBPP*: 83)

1872. Berlari bukannya kijang
Pandan terjemur di bumbungan
Bernyanyi bukannya riang
Badan terkenang di peruntungan.

(*KKMS*: 243)

1873. Bertih capa bidara puan
Entah tepung dalam gantang
Sekarang apalah bicara tuan
Orang mengepung sudahlah datang.

(*HDM*: 234)

1874. Bertolak di awat-awat
Mana nampak Kuala Bumbun
Hati mana tidak terubat
Menentang bunga dipeluk embun.

(KPBD)

1875. Besar ombak Lautan Mesir
Ombak memecah menengah tiang
Demi Allah tiada kumungkir
Bersukat darah bertimbang tulang.

(KPBD)

1876. Besar sakti manuk terlayang
Jatuh dipanah olehnya Biku
Rasa hati sangatlah sayang
Nyawa tahu membawa laku.

(HMDR)

1877. Bintang terang bulan mengambang
Orang duduk di ambang pintu
Hati mengenang mata memandang
Sedikit tidak merasa jemu.

(KPBD)

1878. Bokor Jawa berisi dulang
Baju kesumba Raja Bali
Syukurlah nyawa kanda hilang
Jadi persembah ke bawah duli.

1879. Baju kesumba Raja Bali
Panjang ruasnya kaki rusa
Biarlah menyerah ke bawah duli
Asalkan puas hati kanda.

1880. Panjang ruasnya kaki rusa
Buah berangan dalam jambangan
Asalkan puas hati kanda
Jangan bercinta berkepanjangan.

(1878–1880 *PMBP*: 82)

1881. Buah ara di dalam piring
Buah mempelam dari asahan
Biarlah saya jadi pengiring
Suruh membawa kain basahan.

(*PMBP*: 94)

1882. Buah ara hanyut ke lubuk
Anak undan meniti batang
Kalbu kanda sangatlah mabuk
Menentang bulan dipagar bintang.

(M 07/56: 8; *KPM2*: 250)

1883. Buah berangan merosak padi
Daun padi memali batang
Tuan jangan berosak hati
Bangat juga tuan laki-laki datang.

(*HBB*: 237)

1884. Buah berembang padang saujana
Dimakan paksi berkawan-kawan
Ambillah abang oleh mengerna
Buat peraksi tirai peraduan.

(*PMBP*: 75)

1885. Buah betik bunga dedap
Luruh sehelai dimakan kuda
Patik yang hina sedia mengadap
Membawa titah paduka kakanda.

1886. Luruh sehelai dimakan kuda
Buah dimakan sambil berlari
Membawa titah paduka kakanda
Ke bawah duli laki isteri.

1887. Buah dimakan sambil berlari
Kuda kenaikan Sang Rajuna
Ke bawah duli laki isteri
Memohon Intan Si Kudana.

1888. Kuda kenaikan Sang Rajuna
Sudah dipuja sekalian dewata
Memohon Intan Si Kudana
Hendak dijadikan kemuncak mahkota.

1889. Sudah dipuja sekalian dewata
Dah berlari ke dalam taman
Hendak dijadikan kemuncak mahkota
Tiku Benua dengan Pariaman.

1890. Dah berlari ke dalam taman
Terjun ke air lalu berenang
Tiku Benua dengan Pariaman
Persembahkan tanda sirih peminang.

1891. Terjun ke air lalu berenang
Jatuh ke lubuk lalulah mati
Persembahkan tanda sirih peminang
Tetapi tiada dengan seperti.

1892. Jatuh ke lubuk lalulah mati
Datang berhimpun sekalian ikan
Tetapi tiada dengan seperti
Gemala manikam tuanku kurniakan.

(1885–1892 *HACT*: 31–32)

1893. Buah delima dalam sarap
Kembanglah bunga daun temu
Sudah lama saya berharap
Baru sekarang maka bertemu.

(*PMBP*: 120)

1894. Buah jambu tiga serangkai
Ditanam orang di dalam taman
Ilmu apa kakanda pakai
Merosak hati merubah iman.

(KPBD)

1895. Buah kemiri di dalam kain
Daun pandan jatuh ke batu
Saya tidak mencari lain
Sebab badan sudah piatu.

(*PMBP*: 125)

1896. Buah kenari jatuh di papan
Padi di rumah Dang Janirat
Tuan puteri duduk berhadapan
Hati di mana tidakkan ghairat?

(*HDM*: 131)

1897. Buah kenari makanan balam
Di mana dapat balam betina?
Jika dicari seputar alam
Sukar didapat akan gantinya.

(*HDM*: 261)

1898. Buah kepayang buah selasih
Buah keranji dalam cempa
Kasih sayang dicari boleh
Setuju di hati jarang berjumpa.

(*PMSR*: 65)

1899.* Buah ketupat bekal bertenun
Jatuh sebiji di atas tikar
Di mana adik kita bertemu
Di bawah pokok di tepi belukar.

(M 12/56: 35; *KPM2*: 243)

1900. Buah kopi di atas loyang
Kembang melati letak di bangku
Saya bermimpi hampirkan siang
Jantung hati tidur di pangku.

(*PMBP*: 118)

1901. Buah maja terguling-guling
Hendak masuk ke lubang cacing
Anak raja terkeliling
Hendak masuk pintu terkancing.

(*HDM*: 191)

1902. Buah mangga ditembak petus
Manis seperti gula batu
Jikalau adinda berhati tulus
Ingat diri badan piatu.

(*PMBP*: 113)

1903. Buah manggis pokoknya rendang
Panjat mari pakai tangga
Mulut manis hati bimbang
Takut tak sampai bagai diduga.

(*KKMS*: 54)

1904. Buah mengkudu kusangka kandis
Kandis terletak dalam puan
Gula madu kusangka manis
Manis lagi senyuman tuan.

(*PMBP*: xiii)

1905. Buah padi di dalam puan
Gaharu berteras dikerat-kerati
Jikalau jadi gerangan tuan
Barulah puas rasanya hati.

1906. Gaharu berteras dikerat-kerati
Empelas dari seberang
Barulah puas rasanya hati
Dapat berbalas sekali seorang.

(1905–1906 *PMBP*: 83)

1907. Buah ridan di pangkal jati
Bunga kemuning di dalam puan
Bertambah rodan rasanya hati
Putih kuning pulanglah tuan.

1908. Bunga kemuning di dalam puan
Puan santapan Datuk Bendahara
Putih kuning pulanglah tuan
Badan tak tahan duduk sengsara.

1909. Puan santapan Datuk Bendahara
Santap di balai dengan jawatan
Badan tak tahan duduk sengsara
Duduk lalai diharu syaitan.

1910. Santap di balai dengan jawatan
Kelana datang dengan menteri
Duduk lalai diharu syaitan
Kerana menentang wajah berseri.

1911. Kelana datang dengan menteri
Datuk Perdana dengan penggawa
Kerana menentang wajah berseri
Patutlah tuan timbangan nyawa.

1912. Datuk Perdana dengan penggawa
Menghadap baginda di hadapan puri
Patutlah tuan timbangan nyawa
Tempat kakanda menyimpan diri.

1913. Menghadap baginda di hadapan puri
Puri berdekat dengan balai
Tempat kakanda menyimpan diri
Di hati tidak dapat dinilai.

1914. Puri berdekat dengan balai
Balai gading berdinding kaca
Di hati tidak dapat dinilai
Bulan terdinding terang cuaca.

1915. Balai gading berdinding kaca
Kaca biru buatan China
Bulan terdinding terang cuaca
Sangat merayu dagang yang hina.

1916. Kaca biru buatan China
Dirapat dengan batu Belanda
Sangat merayu dagang yang hina
Hati di dalam sangat menggoda.

(1907–1916 *PMBP*: 72–73)

1917. Buah repat atas peti
Batang tombak tepi kota
Kalau dapat itu Siti
Baru pulang Sinyor Kosta.

(*SSK*: 91)

1918. Buah teruntung di rumah Cina
Ambil kendi gedung bicara
Sudah orang saya yang punya
Akan menjadi sanak saudara.

(*PMBP*: 109)

1919. Bukan bukit saja meruntuh
Pandan suari meruntuh jua
Bukan penyakit saja membunuh
Cinta berahi membunuh jua.

(KPBD)

1920. Bukan kacang sebarang kacang
Kacang melilit kayu jati
Bukan datang sebarang datang
Datang melihat jantung hati.

(*PMBP*: 171)

1921. Bukan tak tahu malam Jumaat
Sengaja kumandi di air terjun
Bukan tak mahu kumbang penyengat
Sengaja kuminta bunga di kebun.

(*PMBP*: 128)

1922. Bukit Gebuk gunung melintang
Tampak dari Pulau Pesagi
Adik duduk sanggul terlintang
Bagai bunga dikarang pagi.

(KPZH; *KPM2*: 237–38)

1923. Bulan terang di tengah laut
Boleh saya pancing gelama
Kalau datang ajal dan maut
Mahukah tuan mati bersama?

1924. Jikalau pasang air di laut
Mahukah tuan bersama mandi?
Jikalau datang ajal dan maut
Mahukah tuan bersama mati?

1925. Jikalau kena dengan pasangnya
Manakan kuda takut mandi
Jikalau kena dengan datangnya
Manakan muda takut mati?

(1923–1925 *PMW*: 9)

1926. Buluh perindu berdaun tidak
Ke tepi perigi daunnya senget
Hatiku rindu tertahan tidak
Seperti bumi menanggung langit.

(*PBR*: 71)

1927. Buluh serakit tumbuh di tebing
Buah ridan di pangkal jati
Tubuh sakit duduk mengiding
Bertambah rodan rasanya hati.

(*PMBP*: 148)

1928. Bunga cempaka baunya harum
Dibawa orang ke dalam kota
Berjumpa sudah bertemu belum
Tuan seorang cahaya mata.

(KPZH; *KPM2*: 240)

1929. Bunga kembang banyak di tanjung
Buah berpangsa mari dikulum
Kurnia abang telah dijunjung
Persembah habis juga yang belum.

1930. Buah berpangsa mari dikulum
Mari dikulum dengan tangkainya
Persembah habis juga yang belum
Belum ada satu bagainya.

1931. Mari dikulum dengan tangkainya
Kayu cendana titian beruk
Belum ada satu bagainya
Kerana sahaya orang yang buruk.

1932. Kayu cendana titian beruk
Orang menebang kayu beraksa
Kerana sahaya orang yang buruk
Tambahan hina tiada berbangsa.

(1929–1932 PBMJ: 60)

1933. Bunga lada tingginya sama
Ambil setangkai kembang melati
Adinda berjanji terlalu lama
Tidak dapat saya menanti.

(PMBP: 128)

1934. Bunga mawar bunga rampai
Ragikan kain Nila Utama
Bila gerangan niatku sampai
Hendak bertemu duduk bersama.

(M 01/56: 42; KPM2: 241)

1935. Bunga melur cempaka biru
Bunga rampai di dalam puan
Tujuh malam saya merindu
Belum sampai padamu tuan.

(PMW: 31)

1936. Bunga melur dalam serahi
Dikarang dengan bunga rampai
Di dalam tidur mabuk berahi
Bila gerangan maksudku sampai.

(PMBP: 104)

1937. Bunga melur di atas peti
Mari dibungkus dengan kertas
Dalam telur boleh dinanti
Inikan pula sudah menetas.

(M 10/60: 17; KPM2: 242)

1938. Bunga nanas kuntum cempaka
Ada boleh sama berkembang
Tuan emas saya tembaga
Adakah boleh sama bertimbang?

(*HIQ*: 5)

1939. Bunga rampai di dalam puan
Buluh perindu di atas gunung
Adakah sampai kepadamu tuan
Rindunya abang tidak tertanggung.

1940. Buluh perindu di atas gunung
Habis luruh batang padiku
Rindunya abang tidak tertanggung
Hancur luluh rasa hatiku.

(1939–1940 PBMJ: 80)

1941. Bunga rampai di dalam puan
Bunga selasih di dalam peti
Sebelum jumpa denganmu tuan
Sungguh hidup serasa mati.

(*PMW*: 35)

1942. Bunga rampai di dalam puan
Ruku-ruku dari Peringgit
Belum sampai padamu tuan
Rindu saya bukan sedikit.

(*PMW*: 31)

1943. Bunga raya bunga angsana
Ketiga dengan bunga wilanda
Perhamba dititahkan Raja Laksamana
Membalas datuk empunya sabda.

1944. Ketiga dengan bunga wilanda
Berbanjar dengan pohon delima
Membalas datuk empunya sabda
Seperti sabda telah diterima.

1945. Berbanjar dengan pohon delima
Benih dibawa darinya haji
Seperti sabda telah diterima
Sedialah maklum intan sebiji.

1946. Benih dibawa dari haji
Pokok ditanam tempat yang terang
Sedialah maklum intan sebiji
Mengikatnya jangan sebarang-barang.

1947. Pokok ditanam tempat yang terang
Dicucur air juga selalu
Mengikatnya jangan sebarang-barang
Silalah kita berjanji dahulu.

1948. Dicucur air juga selalu
Bunga berputik buah sebiji
Silalah kita berjanji dahulu
Janganlah mungkir ikrar dan janji.

1949. Bunga berputik buah sebiji
Hampir masak bunga terbuka
Barang siapa mungkirkan janji
Menjadi siamang dengannya ungka.

1950. Hampir masak biji terbuka
Buah delima sahaja begitu
Menjadi siamang dengannya ungka
Kiamat dunia baharu bersatu.

(1943–1950 *HACT*: 33–34)

1951. Bunga ros bunga melati
Harum semerbak di dalam taman
Besar sungguh hajat di hati
Hendak menyunting bunga di taman.

(*KKMS*: 323)

1952. Bunga sena di hujung ranting
Ditiup angin gugur ke lain
Jika bunga tak hendak disunting
Boleh dibuat peraksi kain.

(*KKMS*: 246)

1953.* Bunga temu dimakan tupai
Batang lengkuas di dalam padi
Sungguhpun bertemu di dalam mimpi
Tiada puas rasanya hati.

(*HDM*: 225)

1954. Burung bayan terbangnya tinggi
Terbangnya berpangkat-pangkat
Jika malam termimpi-mimpi
Jika siang terlihat-lihat.

(*HIP*: 66)

1955. Burung bintik disangka puyuh
Puyuh hinggap di ranting baja
Mimpi-mimpi disangka sungguh
Buka selimut seorang sahaja.

(*KKMS*: 324)

1956. Burung dara burung merpati
Pohon capa hampir rumahnya
Jangan gusar kecil di hati
Adinda manis siapa punya?

(*PMBP*: 117)

1957.* Burung enggang banyak sekawan
Minum serbat bertambul baulu
Abang memohon layunan tuan
Akan ubat kepala ngilu.

(*HDM*: 260)

1958. Burung enggang terbang ke batu
Selasih tumbuh di dalam puan
Patik dagang anak piatu
Harapkan kasih yang dipertuan.

(*PMBP*: 105)

1959.* Burung haji terbang ke haji
Hinggap di kampung 'rang Salida
Baik-baik tuan berjanji
Kapal satu nakhoda dua.

(*PMBP*: 122)

1960. Burung punai terbang ke desa
Singgah seketika lalu terbang
Ayuhai permai Bida Angkasa
Jiwaku belas apalah abang.

1961. Singgah seketika lalu terbang
Dipatuk unggas burung nuri
Jiwaku belas apalah abang
Menaruh dendam sehari-hari.

(1960–1961 *SA*: 363)

1962. Cacing-cacing kepala liat
Air pasang, tenang di hulu
Sudah terpandang subang berkilat
Belum makan kenyang dahulu.

(*PMW*: 1)

1963. Candik pisang di Jambi
Menjual sahaja yang belum
Bertanak sudahlah kami
Menggulai sahaja yang belum.

1964. Menjulai pisang di Jambi
Berseludang sahaja yang belum
Menggulai sudahlah kami
Menghidang sahaja yang belum.

1965. Berseludang pisang di Jambi
Bersikat sahaja yang belum
Berhidang sudahlah kami
Berangkat sahaja yang belum.

1966. Bersikat pisang di Jambi
Diatap sahaja yang belum
Berangkat sudahlah kami
Bersantap sahaja yang belum.

(1963–1966 *HACT*: 123)

1967. Cara mana memecah gelas
Gelas dipecah dalam telaga
Tuan laksana bunga nerejas
Bunga dicium dalam syurga.

(*KKMS*: 585)

1968. Cempedak dari Juana
Mari dibelah di atas tudung
Jika hendak bersunting bunga
Pergilah naik ke puncak gunung.

(*PMBP*: 89)

1969. Cenderawasih burung di awan
Terbang hinggap di atas kota
Dinda ibarat emas tempawan
Tidak boleh kulupa sekelip mata.

(*PP*: 32)

1970. Cik Esah bertanam tebu
Jangan dibuang selaranya
Tak usah sahaya bertemu
Asal mendengar suaranya.

(*PMW*: 50)

1971. Cuba-cuba bertanam mumbang
Moga-moga tumbuh kelapa
Cuba-cuba bertanam sayang
Moga-moga menjadi cinta.

(*DB* 05/58: 241; *KPM2*: 242)

1972. Dalam lubuk di Sungai Tenang
Tempat mandi anak raja
Air jernih lubuknya tenang
Takut menyelam ada buaya.

(*PMBP*: 67)

1973. Dang Caya duduk menyuji
Mengarang selasih di dalam dulang
Apatah daya dengan budi
Sedang kasih dilarang orang.

(*HDM*: 141)

1974. Dang Jamilah bertanam padi
Habis dimakan burung pipit
Bagaikan gila rasanya hati
Dendamku ini bukan sedikit.

(*HDM*: 139)

1975. Dang Judah bertenun di tepi
Mengangkat awan bunganya temu
Jikalau sudah di dalam mimpi
Lambat laun kita bertemu.

(*HDM*: 225)

1976.* Dang Judah mandikan aku
Dang Puasa mandi bertimba
Ayuh Allah matikan aku
Tidak kuasa duduk bercinta.

(*HDM*: 139)

1977. Dang Rakna hendak ke Bentan
Beli sayur lalu ditimbang
Tiada saya menaruh intan
Bunga melur baru nak kembang.

(KPL)

1978. Dang Sari duduk menyupa
Berlapikkan si daun simpur
Setiap hari tiada kulupa
Lupa sebentar di waktu tidur.

(KPBD)

1979.* Dang Selat duduk di pintu
Makan kerak mengutip garam
Jika terselap hati yang rindu
Bumi bergerak langit pun karam.

(*HDM*: 139)

1980. Dang Teja menikam pari
Kena belanak ikan pelata
Bukan sahaja kanda ke mari
Dibawa oleh hati bercinta.

(*PMBP*: 75)

1981. Dari alang ke sebelah alang
Anak ikan kena lukah
Jangan tuan alang kepalang
Jangan diduga Lautan Mekah.

(*BP*: 78)

1982. Dari Ambon menyeberang Bandan
Mari melihat si gunung api
Sisir rambut menghias badan
Mahu menengok si jantung hati.

(*TRPM*: 14)

1983. Dari awan ke baruh awan
Mencari tanjung ragi membujur
Lama sudah mencari kawan
Kawan dicari ada di dapur.

(KPBD)

1984. Dari jauh kapal pun datang
Patah tiang tali kemudi
Dari jauh saya pun datang
Mendengar khabar si baik budi.

(*PMBP*: 116)

1985. Dari mana mulai berkata
Sampai di situ kalimat diikut
Di sini sana ternampak di mata
Terus di hati mulut menyebut.

(KPZH)

1986. Dari mana punai melayang
Dari paya turun ke padi
Dari mana datangnya sayang
Dari mata turun ke hati.

(*PMW*: 1)

1987. Dari Sikanak ke Kuala Dani
Anak kera naik ke bukit
Orang hendak boleh dikenali
Dipandang muka senyum sedikit.

1988. Anak kera naik ke bukit
Dipanah oleh Indera Sakti
Dipandang muka senyum sedikit
Kerana sama menaruh hati.

1989. Dipanah oleh Indera Sakti
Burung dewata di pohon keranji
Kerana sama menaruh hati
Di ekor mata kita berjanji.

(1987–1989 *PMBP*: 84)

1990. Datang sudah kapal Surati
Singgah di pasar membeli benang
Datang sudah si buah hati
Perutku lapar menjadi kenyang.

(KPBD)

1991. Datanglah benih dari Palembang
Pecah gelegar rosak perahu
Saya mendapat bunga yang kembang
Kalau mala baru berbau.

(*PMBP*: 79)

1992. Daun betik bercetai-cetai
Beringin diserang hulat
Janganlah patik diintai-intai
Jikalau ingin kirimlah surat.

1993. Beringin diserang hulat
Berangan di atas batu
Jikalau ingin kirimkan surat
Jangan pulak dibuat begitu.

1994. Buah berangan di atas batu
Daun terap jatuh terdiri
Janganlah pulak dibuat begitu
Duduk mengharapkan hati sendiri.

1995. Daun terap jatuh terdiri
Buah langsat di atas peti
Duduk mengharapkan hati sendiri
Membuat bercinta di dalam hati.

(1992–1995 PBMJ: 67–68)

1996. Daun dilam di pintu raja
Bakar capa di pohon lontar
Siang dan malam teringat saja
Tiada lupa barang sebentar.

(*PMBP*: 64)

1997. Daun empelas dari seberang
Jangan dikerat dengan tali
Kami unggas permainan orang
Jangan dijerat sekali-kali.

(*PMBP*: 129)

1998. Daun empelas di atas atap
Burung nuri beranak kembar
Tidak berisi apa disantap
Nasinya basi lauknya hambar.

(*PMBP*: 130)

1999. Daun miana di atas batu
Pohon dilam celahnya genting
Melihat adinda duduk di pintu
Hati di dalam rasa digunting.

2000. Pohon dilam celahnya genting
Ambil sarung dimakan ngengat
Hati di dalam rasa digunting
Adinda seorang yang saya ingat.

2001. Ambil sarung dimakan ngengat
Batang kelapa di tanah datar
Adinda seorang yang saya ingat
Tiada lupa barang sebentar.

(1999–2001 *PMBP*: 113)

2002. Daun miana di dalam dulang
Ambil sedah di pohon dilam
Mari adinda mengikut pulang
Sebab sudah hampir malam.

(*PMBP*: 123)

2003. Daun sawi dipatah liat
Tanam serai merimbun daun
Sehari tidak tuan dilihat
Rasa bercerai seribu tahun.

(KPBD)

2004. Daun terap di atas bukit
Tempat menjemur buah pala
Harapan saya bukan sedikit
Sebanyak rambut di atas kepala.

(*PMBP*: 130)

2005. Daunnya kembang bunga sepulih
Bunga raya merah warnanya
Kasih sayang dicari boleh
Kalau kasih apa tandanya?

(*PMSR*: 46)

2006. Dedap tumbuh di atas batu
Tiang sebatang di atas pagar
Sedap sungguh tuan beradu
Abang datang tiada sedar.

(*HB*: 42)

2007. Delima danta tanaman peri
Berbanjar empat di dalam belukar
Duduk bercinta sehari-hari
Hendak didapatkan tempatnya sukar.

2008. Berbanjar empat di dalam belukar
Dililit oleh daun ribu-ribu
Hendak didapatkan tempatnya sukar
Habislah akal dengannya tipu.

2009. Dililit oleh daun ribu-ribu
Senduduk di tengah huma
Habislah akal dengannya tipu
Harapan hati hendak bersama.

2010. Senduduk di tengah huma
Batang melilit ke belukar
Harapan hati hendak bersama
Cendal sedikit tempatnya sukar.

2011. Batang melilit ke belukar
Laksamana menutuhnya
Cendal sedikit jalannya sukar
Manakah akal mendapatnya?

2012. Laksamana menutuhnya
Patah menimpa batang pinang
Manakah akal mendapatnya
Ditembak dengan peluru petunang.

2013. Patah menimpa batang pinang
Pinang menimpa batang padi
Ditembak dengan peluru petunang
Kena di badan terus ke hati.

2014. Patah menimpa batang padi
Padi bernama padi baluk
Kena di badan terus ke hati
Masyhurlah nama kepada makhluk.

(2007–2014 PBMJ: 67)

2015. Dewa angkasa silih ke awan
Singgah menyambar angkasa dewata
Usul perkasa laila bangsawan
Terjali baik langkah bertakhta.
(HMDR)

2016. Di atas gunung banyak bintang
Rama-rama di dalam puan
Sungguhpun banyak orang yang datang
Tidaklah sama dengan tuan.
(*HIP*: 284)

2017. Di mana bunyi burung jampuk itu?
Di pokok kekabu dekat mempelam
Di mana sembunyi putih empuk itu?
Dalam kelambu di atas tilam.
(*KB*: 103)

2018. Dian tiga damar pun tiga
Tanglung di rumah Dewa Laksamana
Diam juga sabarlah juga
Jika untung tiada ke mana.
(PIQ: 22)

2019. Dibalik daun dibalik
Tebu lanjung bernama kayu
Hendak berjual bercabik-cabik
Takut terbuang khasa sekayu.
(*PMBP*: 79)

2020. Dikarang serta diatur
Tanjung Cendana kerasik putih
Mudah-mudahan jumpakan rasul
Selamat berjumpa dengan kekasih.
(KPBD)

2021. Direntang-rentang talinya gasing
Sungguh direntang dipilin tidak
Puas menentang air yang masin
Sungguh ditentang diminum tidak.

2022. Berbedak daun halia
Rambut dipintal akan cemara
Hati hendak meminum dia
Sudah diambil akan saudara.

2023. Rambut dipintal akan cemara
Tanam halia tiada tumbuh
Sungguhpun diambil akan saudara
Kalau setia tiada teguh.

2024. Jikalau halia tiada tumbuh
Belanak digulai akan Dang Cita
Jikalau setia tiada sungguh
Bukannya anak sidang pendeta.

2025. Belanak digulai oleh Dang Cita
Dikail-kail tersangkut
Jikalau anak sidang pendeta
Mengapa tiada menaruh janggut?

2026.* Dikail-kail tersangkut
Baik ditikam dengan lembing
Apa gunanya menaruh janggut
Jikalau janggut seperti kambing.

(2021–2026 *HDM*: 132)

2027. Disambar paksi burung wilmana
Sambar-menyambar gugur bulunya
Nyawaku kasihani dagang yang hina
Alangkah besar pahalanya.

2028. Sambar-menyambar gugur bulunya
Paksi ghaib dari mata
Sangat besar pahalanya
Mengasihi dagang yang hina leta.

(2027–2028 *SA*: 363–364)

2029. Dua Cina dua Melayu
Dua Keling menjadi enam
Kerana bunga menjadi layu
Tuan tidak pandai menanam.

(KPBD)

2030. Dua tiga kucing berlari
Mana nak sama si kucing belang
Dua tiga boleh kucari
Mana nak sama adik seorang.

(*PS*: 102)

2031. Duduk galah berdiri galah
Galah memusing haluan perahu
Duduk salah berdiri salah
Hati runsing orang tak tahu.

(*KKMS*: 445)

2032. Dulang Palembang dari Jawa
Penuh sesak berisi kain
Terbang melayang rasanya jiwa
Niatku tidak pada yang lain.

(*KPM*: 29)

2033. Elok bunganya keramunting
Pandan di rimba diladungkan
Bunga 'tu kalau dipersunting
Nyawa dan badan menanggungkan.

(*PMBP*: 70)

2034. Encik Ali pergi ke selat
Kain berlipat di atas peti
Baru sekali saya melihat
Sudah terikat di dalam hati.

(*KKMS*: 593)

2035. Encik Bai selendang batik
Pandai mengarang bunga diukir
Aduhai tuanku junjungan patik
Janganlah tuanku berbanyak fikir.

(*HPP*: 85)

2036. Gelang emas di atas peti
Ambil lampu padam pelita
Alangkah puas rasanya hati
Jika dapat bertentang mata.

(PMBP: 85)

2037. Gempa guruh di Gunung Ledang
Anak andu gugur bulunya
Sahaya menyuruh meminjam selendang
Abang rindu akan baunya.

2038. Anak andu gugur bulunya
Mari diambil dibuat kipas
Abang rindu akan baunya
Belum dicium dendam tak lepas.

2039. Mari diambil dibuat kipas
Hendak mengipas raja beradu
Belum dicium dendam tak lepas
Di dalam cinta hendak berjudu.

2040. Hendak mengipas raja beradu
Pukul gendang tiup nafiri
Di dalam cinta hendak berjudu
Janganlah radang muda jauhari.

(2037–2040 PBMJ: 146)

2041. Gulintangan di kedai Cina
Oleh membeli di negeri Aceh
Sapu tangan saya punya
Selamat pakai jiwa kekasih.

(KPBD)

2042. Gunung Badangan Bini
Bertimbang dengan telaga dewa
Tidak bertanggung rasaku ini
Rasa bercerai badan dan nyawa.

(KPBD)

2043. Gunung hijau tinggi mengawan
Tempat nyiur pauh janggi
Ayuhai kakanda muda pahlawan
Intan belum bercanai lagi.

2044.* Tempat nyiur pauh janggi
Disarang oleh geroda Syah Peri
Intan nan belum bercanai lagi
Harapkan dinilai oleh jauhari.

2045. Disarang oleh geroda Syah Peri
Telur menetas anaknya tiga
Harapkan dinilai oleh jauhari
Bayar tunai akannya harga.
(2043–2045 *HACT*: 78–79)

2046. Guruh berbunyi di dalam awan
Anak merbuk di atas canggung
Bukan kurus kerana tak makan
Gila dan mabuk badan menanggung.
(*SBKT*: 8)

2047. Hamilah nama seorang budak
Budak Cina berkawan-kawan
Biarlah saya menggosokkan bedak
Asal berguna kepada tuan.
(*PMBP*: 94)

2048. Hanya saya pergi ke pekan
Tuan tidak ikut sekali
Hanya saya ingatkan tuan
Tuan tidak ambil peduli.
(*DS* 05/99: 75)

2049. Hanyut batang dihelakan
Merpati terbang sekawan
Nyawaku hilang kanda relakan
Lamun tuan dalam pangkuan.
(*PMBP*: 105)

2050. Hanyut puan dari hulu
Berisi ambar dengan kesturi
Pulang bawa muat kelapa
Rupa tuan dari dahulu
Sudah tergambar dalam hati
Hilang nyawa baru lupa.

(*PBR*: 22)

2051. Hanyut rakit buluh betung
Hanyut tersangkut di sungai sempit
Kami tidak menaruh kuntum
Bukannya kami menjadi tabib.

(*HDM*: 260)

2052. Hanyut rakit di sungai sempit
Hanyut dengan muatannya
Abang sakit panggilkan tabib
Adinda sakit abang ubatnya.

(*HDM*: 227)

2053. Hanyut rakit kusangka biduk
Hanyut dengan muatannya
Penyakit abang seumur hidup
Tuan juga akan ubatnya.

(*HDM*: 141)

2054. Hanyutlah temu dari kuala
Dimakan ikan ubur-ubur
Bertemu dengan Ratna Kumala
Laksana bangun dari dalam kubur.

(*HDM*: 141)

2055. Harap-harap kelapa puan
Tidak puan kelapa bali
Harap hati kepada tuan
Tidak tuan siapa lagi.

(*PMSR*: 42)

2056. Hendak berpalu, palulah kita
Palu jangan beri layu
Hendak bergurau, berguraulah kita
Gurau jangan memberi malu.
(M 05/61: 15; *KPM2*: 246)

2057. Hilir nan dari Kampar Besar
Petik daun umbi rumbia
Burung dililit ular yang besar
Bagaimana boleh mengambil dia?

2058. Aku tutuh sebatang pinang
Ditimpa oleh sebatang padi
Ditembak dengan peluru petunang
Baru ditembak ular pun mati.
(2057–2058 *PMBP*: 79)

2059. Hilir Natal mudik Batahan
Hanyutlah bemban dengan uratnya
Haus lapar boleh ditahan
Hati rindu apa ubatnya.
(*PMBP*: 46)

2060. Hisap rokok tembakau Cina
Keluar asap berbunga-bunga
Wahai cik adik abang nak tanya
Cincin di jari siapa punya?
(*PS*: 122)

2061. Hitam-hitam si tampuk manggis
Sayang kemuning luruh bunganya
Hitam-hitam kupandang manis
Putih kuning apa gunanya.
(*PP*: 34)

2062. Hujan di hulu rintik-rintik
Air di bendang sangat besar
Tuanku dahulu nanti patik
Nanti di padang Yaum al-Mahsyar.
(*HDM*: 234)

2063. Hujan panas ribut berdengung
Jatuh berderai di tengah kota
Hari petang duduk termenung
Hanyut di dalam lautan cinta.

(*PBR*: 80)

2064. Hujan ribut membasuh kain
Tanam padi tanah gerugul
Semasa hidup kita bermain
Sudah mati, bagian kubur.

(*TRPM*: 13)

2065. Hutan di tepi tanahnya rata
Tanam kelapa jarang-jarang
Tuan umpama intan permata
Taruh di kedai harga tak kurang.

(KPL)

2066. Ikan emas di dalam serahi
Permainan anak Betara Sakti
Kakanda nan karam di lautan berahi
Ombaknya lalu ke mercu hati.

2067. Syah Berma Indera Sakti
Minum serbat di dalam serahi
Ombak mengalun di mercu hati
Terselam di dalam lautan berahi.

(2066–2067 *HACT*: 121)

2068. Ikan belanak hilir berenang
Burung dara membuat sarang
Makan tak enak tidur tak senang
Hanya teringat dinda seorang.

(*AIMP*: 15)

2069. Ikan bernama gambar lelan
Mudik menggonggong anak damak
Adik sepantun gambar bulan
Indah di mata orang banyak.

(*PMBP*: 125)

2070. Ikan haruan dari Singapura
Dibawa orang ke Pulau Pinang
Bangsawan tuan elok tiada terkira
Belum dapat belumlah senang.

(*PMMM*: 196)

2071. Ikan sembilang hidup di karang
Beli bubur di Mangga Dua
Tuan berkata terus terang
Kalau mati sekubur berdua.

(*PMBP*: 122)

2072. Ikan sepat dimasak berlada
Mari digulai anak seberang
Kalau tak dapat masa muda
Kutunggu sampai beranak seorang.

(*M* 07/58: 10; *KPM2*: 249)

2073. Ikan sepat mudik ke hulu
Ikan haruan putih dagunya
Orang cepat boleh dahulu
Orang kemudian putih matanya.

(*MPML*: 60)

2074. Ikan sepat mudik ke hulu
Lumba-lumba mudik sekawan
Di dalam niat dari dahulu
Minta perhamba kepadamu tuan.

2075. Lumba-lumba mudik sekawan
Daun terap terbang ke bukit
Minta perhamba kepadamu tuan
Harapan abang bukan sedikit.

2076. Daun terap terbang ke bukit
Buah delima di dalam puan
Harapan abang bukan sedikit
Minta perhamba kepadamu tuan.

2077. Buah delima di dalam puan
Pohon selasih dari Bali
Minta perhamba kepadamu tuan
Mohonkan kasih ke bawah duli.

2078. Pohon selasih dari Bali
Buah berangan di atas peti
Mohonkan kasih ke bawah duli
Janganlah abang ternanti-nanti.

2079. Buah berangan di atas peti
Penyengat di dalam dulang
Janganlah abang ternanti-nanti
Penatlah sahaja terulang-ulang.

2080. Penyengat di dalam dulang
Puan terletak di atas geta
Penatlah sahaja terulang-ulang
Tuan tidak kupandang mata.

(2074–2080 PBMJ: 69)

2081. Indahnya bahtera perahu kenaikan
Diiringkan oleh sampan borlah
Sudah habis abang fikirkan
Melainkan mana takdir Allah.

2082. Diiringkan oleh sampan borlah
Suka berlumba juga selalu
Melainkan mana takdir Allah
Permintaan janji dari dahulu.

(2081–2082 *HACT*: 146)

2083. Indera Nilam main ke laut
Bermain sampai ke Pulau Rejang
Air dalam kapal tak hanyut
Inikan pula kemarau panjang.

2084. Bermain sampai ke Pulau Rejang
Berjumpa orang menjerat helang
Inikan pula kemarau panjang
Adalah seperti bahasa orang.

2085. Berjumpa orang menjerat helang
Buah kandis gugur dirajah
Adalah seperti bahasa orang
Menangiskan telur di kepala gajah.

2086. Buah kandis gugur dirajah
Penaga tangkainya pandak
Menangiskan telur di kepala gajah
Berahikan geliga di perut landak.

2087. Penaga tangkainya pandak
Mari dipetik sambil berlari
Berahikan geliga di perut landak
Di mana abang hendak mencari.

(2083–2087 PBMJ: 85)

2088.* Inderagiri pasirnya lumat
Kerang bercampur dengan lokan
Bagai nabi kasihkan umat
Begitu saya kasihkan tuan.

(*PMSR*: 46)

2089. Inu berjalan tengah negeri
Samar Misa Jayeng Kusuma
Hilang di mana saya nak cari
Tuan seorang gemala jiwa.

(KHO)

2090. Jahatnya tumbuh padiku ini
Tanah liat airnya tenang
Jahat sungguh hatiku ini
Barang dilihat jadi terkenang.

(*HDM*: 224)

2091. Jahit setangan pinggir dikelim
Baik dikelim kembang kelapa
Rindu dendam ke mana dikirim
Mahu dikirim kepada siapa.

(*PMBP*: 64)

2092. Jahit terendak beri berenda
Renda berawan bunga berembang
Sakit sungguh abang bercinta
Laksana bunga menanti kembang.

(KPL)

2093. Jalan besar jalan pedati
Kuda lari kereta lalu
Jangan gusar berkecil hati
Dengan saya bercinta dahulu.

(*PMBP*: 108)

2094. Jalan-jalan di Kampung Udik
Baju kurung kainnya batik
Muka manis giginya lentik
Ibarat kembang mau dipetik.

(*PMBP*: 121)

2095. Jalan-jalan sepanjang jalan
Singgah-menyinggah di pagar orang
Pura-pura mencari ayam
Ekor mata di anak orang.

(*PMLB*: 27)

2096. Jangan dikait buah pinang
Entah berbuah entah tidak
Kalau dibawa sirih pinang
Entah diterima entah tidak.

(*PMSR*: 44)

2097. Japa tumbuh di dekat kundur
Orang dapur membasuh kuali
Lupa hanya waktu tidur
Bangun tidur ingat kembali.

(*PMBP*: 65)

2098. Jembalang Bulang nama perahu
Kenaikan anak Tuanku Muda
Larangan orang saya tak tahu
Adat bermain anak muda.

(*PMBP*: 76)

2099. Jika hendak ke Bangkahulu
Seri Padukalah panglimanya
Jikalau kasih sabarlah dahulu
Adalah masa ketikanya.

(PIQ: 12)

2100. Jika hendak tahu pedasnya lada
Makan berkuah berpati santan
Jika hendak tahu di hati saya
Bagai pengarak angin selatan.

(PBMJ: 19)

2101.* Jika liat paku di batang
Kilang diharu dalam tempayan
Jika lambat tuanku laki-laki datang
Hilanglah tahu nujumnya bayan.

(*HBB*: 237)

2102. Jika tidak kerana bintang
Bulan tidak meninggi hari
Jikalau tidak kerana abang
Saya tidak datang ke mari.

(M 10/56; 37; *KPM2*: 248)

2103. Jika tidak kerana bulan
Bilakan air pasang pagi
Jika tidak kerana tuan
Masakan saya datang ke mari.

(*PMBP*: 77)

2104. Jika tuan pergi ke Jawa
Belikan lancang panjang empat
Jika berani membuang nyawa
Makanya boleh badan didapat.

(*PMBP*: 105)

2105. Jika tuan pergi ke Tanjung
Saya berkirim pisau lipat
Jika tuan menjadi burung
Saya menjadi orang pemikat.

(M 05/56: 43; *KPM2*: 248)

2106. Jika tuan pergi ke Ulan
Kami berkirim mangkuk dan sudu
Jika tuan menjadi bulan
Kami menjadi pungguk merindu.

(KPBD)

2107.* Jika tumbuh rebung kuali
Makan kerak berulam lada
Jika sungguh maharaja khayali
Terlebih pula daripada ganja.

(*HIY*: 94)

2108. Jikalau ada anak manjangan
Boleh ditambat di batang padi
Biar sepuluh melarang jangan
Kalau suka tentu menjadi.

(*PMBP*: 119)

2109. Jikalau ada si kembang botan
Tumbuh sepohon dalam kota
Siang dan malam jadi sebutan
Adinda seorang hanya tercinta.

(*PMBP*: 109)

2110. Jikalau sungguh bulan purnama
Mengapa tidak dipagar bintang?
Jikalau sungguh tuan bijaksana
Mengapa tidak dapat ditentang?

(*PMW*: 15)

2111. Jikalau tuan hendak ke Jambi
Ambil Cik Tahir jurubatunya
Jikalau tuan hendakkan kami
Bakarlah air ambil abunya.

2112. Jikalau tuan hendak ke Jambi
Lipat kajang kemas-kemas
Jikalau tuan hendakkan kami
Carikan kijang bertanduk emas.

(2111–2112 *PMW*: 25)

2113. Jikalau tuan pergi ke Changi
Sampai ke rumah ayam berkokok
Dapat sekuntum bunga yang wangi
Rasa nak turut sampai ke pokok.

(*PMW*: 90)

2114. Kain Bali selendang Bali
Serindit makan lada muda
Jikalau tidak kenang sekali
Kenang sedikit ada juga.

(*PMW*: 64)

2115. Kain beledu disangka kasar
Halus tidak dapat ditenun
Laut madu pantainya sakar
Haus tidak dapat diminum.

2116. Kain bersuji di atas atap
Belum sudah baharu dilipat
Jikalau sudi minta disantap
Sirih kering pinangnya kelat.

(2115–2116 *PMBP*: 129)

2117. Kain bersuji di atas atap
Pakaian raja hari raya
Jika sudi tuanku santap
Jika tidak apakan daya.

(*HHT*: 222)

2118. Kain cindai dilipat-lipat
Lipat mari tepi perigi
Kalau pandai tuan memikat
Burung terbang menyerah diri.

(*SBSB*: 118)

2119. Kain gandam punca berlari
Tenunan mari orang Brunei
Kalau dendam datang ke mari
Bukannya jauh, melangkah sungai.

(KPBD)

2120. Kain ini kain sutera
Kalau mandi disesah jangan
Main ini main berdua
Kalau mati disesal jangan.

(*PMW*: 86)

2121. Kait-berkait akar beringin
Di situ banyak ular melata
Hendakku pesan kepada angin
Angin tidak pandai berkata.

(*PBR*: 81)

2122. Kalau ada si bunga rampai
Bunga melati di atas kertas
Saya menunggu sudahlah sampai
Si jantung hati belum terlepas.

(*PMBP*: 112)

2123. Kalau kita hendak bertebu
Tanamlah tebu lonjong
Kalau kita hendak bertemu
Boleh nanti di hujung tanjung.

(*PMW*: 50)

2124. Kalau padi katakan padi
Tidak saya tertampi-tampi
Kalau jadi katakan jadi
Tidak saya ternanti-nanti.

(*SBSB*: 43)

2125. Kalau pergi ke kedai malam
Belikan saya bunga sekaki
Biarlah saya mengidap dendam
Jangan mengidap patah hati.

(*PP*: 35)

2126. Kalau roboh kota Melaka
Tentu menderita rakyat dan raja
Bilakah kita bersua muka
Untuk bertemu sekejap saja.
(KPBD)

2127. Kalau tidak mayang seludang
Biar kumandi di bulah-bulah
Jikalau tiada dayang seorang
Biar kumati kerana Allah.
(KPBD)

2128. Kalau tidak mayang seludang
Tetak serai merimbun daun
Kalau tidak tuan seorang
Biar ku bujang seribu tahun.
(KPBD)

2129. Kalau tuan menimbang kaca
Timbanglah dengan neraca emas
Abang ni tidak menimbang rasa
Laut diselam haram tak lemas.
(*HBPP*: 85)

2130. Kalau tuan pergi ke bendang
Jangan petik buah rumbia
Tuan laksana bulan yang terang
Cahaya liput serata dunia.
(*PMW*: 15)

2131. Kalau tuan pergi ke Jambi
Lipat kajang ceruk buritan
Kalau tuan kasihkan kami
Carikan kijang bertanduk intan.
(KPBD)

2132. Kalau tuan pergi ke Kelang
Saya hantar sampai ke Linggi
Kalau tuan menjadi helang
Saya menjadi kayu yang tinggi.

2133. Kalau tuan pergi ke laut
Carikan saya ketam bertelur
Kalau tuan menjadi rambut
Saya menjadi bunga melur.

2134. Kalau tuan pergi ke laut
Carikan saya ketam betina
Kalau tuan menjadi rambut
Saya menjadi bunga cina.

2135. Kalau tuan pergi ke laut
Pesan saya ketam jantan
Kalau tuan menjadi pulut
Saya menjadi kelapa santan.

(2132–2135 *PMW*: 26)

2136. Kalau tuan pergi ke Mekah
Saya berkirim ketam bertelur
Kalau tuan membaca nikah
Saya menabur si bunga melur.

(KPBD)

2137. Kalau tuan pergi ke tanjung
Belikan saya pisau lipat
Kalau tuan menjadi burung
Saya menjadi benang pengikat.

(*PMK*: 28)

2138. Kalau ya selasih dani
Cendawan di atas pintu
Kalau ya kasihkan kami
Guntingkan awan sehelai baju.

2139. Kalau ya selasih dani
Mari dialas dengan kertas
Kalau ya kasihkan kami
Carikan buah jatuh ke atas.

2140. Kalau ya selasih dani
Pucuk sembung selara muda
Kalau ya kasihkan kami
Carikan tombong kelapa muda.
(2138–2140 *PMW*: 24–25)

2141. Kali pertama kulihat bulan
Hati terharu tidak terkira
Kali pertama kulihat tuan
Lidah kelu tidak terkata.
(*DS* 09/99: 52)

2142.* Kampung baru gedung antara
Potong padi di terang bulan
Hitam manis kita bicara
Supaya jangan jadi sesalan.
(*PMBP*: 116)

2143. Kampung Cina dimakan api
Terangnya sampai ke Tanjung Pinang
Cinta merana di dalam hati
Kepada tuan juga terkenang.
(M 01/57: 48; *KPM2*: 242)

2144. Kampung kelapa Abdul Karim
Ikan belanak tengah muara
Kepada siapa mau dikirim
Tiada sanak tiada saudara.
(*PMBP*: 116)

2145. Kapal api belayar malam
Bintang malam jadi haluan
Tidak sedap tidur semalam
Bantal peluk disangka tuan.
(KPBD)

2146. Kapal belayar dari Judah
Senduduk di tengah huma
Siang dan malam berhati gundah
Hendak menjolok setangkai bunga.

2147. Senduduk di tengah huma
Dahan melampai ke belukar
Hendak menjolok setangkai bunga
Bunga dililit ular yang besar.

2148. Dahan melampai ke belukar
Ditanam oleh raja yang sakti
Bunga dililit ular yang besar
Sangatlah gundah di dalam hati.

2149.* Ditanam oleh raja yang sakti
Permata intan dari kompeni
Sangatlah gundah rasanya hati
Entah-entah dengan begini.

2150. Permata intan dari kompeni
Batu merjan dibuat celak
Entah-entah dengan begini
Mati kempunan abang nan kelak.

2151. Batu merjan dibuat celak
Permata putus dikarang
Mati kempunan abang nan kelak
Adalah seperti perkataan orang.

2152. Permata putus dikarang
Anak Bali bersepak raga
Adalah seperti perkataan orang
Berahikan gemala di mulut naga.

(2146–2152 PBMJ: 58)

2153. Kapal belayar dari Labuan
Haluan menuju bintang beralih
Jika terlihat wajahnya tuan
Badanku lemah sihat berpulih.

(KPBD)

2154. Kapal belayar dari Semawar
Ke jambatan gading singgah dianya
Madah adinda madah di luar
Seorang itu ada tuanya.

(*HBPP*: 84)

2155. Kapal belayar di Lautan Inggeris
Sarat bermuat si limau manis
Bukan mati bertikam keris
Mati kerana si hitam manis.

(KPBD)

2156. Kapal belayar memburu angin
Layar di samping putus talinya
Itulah tuanku dengan ingin
Putuslah jantung jadi ubatnya.

(*HIQ*: 6)

2157. Kapal damit darilah Miri
Sarat memuat buah pedada
Akan ikut tiada berani
Takut dimarah ayah dan bonda.

(KPBD)

2158.* Kapal Fransis dari Kuchi
Singgah berlabuh di Singapura
Ibarat najis yang belum bersuci
Janganlah pula membuat cura.

2159. Singgah berlabuh di Singapura
Bermuat teh dari China
Janganlah pula membuat cura
Membuat kasih tidak semena.

2160.* Bermuat teh dari China
Lalu berlabuh ke negeri Landan
Membuat kasih tidak semena
Belum tentu jodoh dan padan.

2161. Lalu berlabuh ke negeri Landan
Singgah di Pulau Santalina
Jika tentu jodoh dan padan
Sungguh tuan yang bijaksana.

2162. Singgah di Pulau Santalina
Mengambil kayu dengan air
Sungguh tuan yang bijaksana
Belum kutahu batin dan zahir.

2163. Mengambil kayu dengan air
Diangkat kelasi di dalam tong
Belum kutahu batin dan zahir
Di mana kami hendak bergantung.

(2158–2163 PBMJ: 45)

2164. Kapal kecil si kapal besar
Tumpangan mari si orang gaji
Selagi kecil hingga ke besar
Tiada pernah memungkir janji.

(KPBD)

2165.* Kapal putih Sari Mampakul
Jaga-jaga sari Manila
Tubuh putih panau semambur
Hitam manis memberi gila.

(KPBD)

2166. Ke Sungai Dungun memetik perah
Ada sebutir di dalam padi
Adik melenggang bukannya marah
Mencari fikir di dalam hati.

(KPL)

2167.* Ke Temburung ke Batu Apoi
Ketiga dengan ke Pandaruan
Minta sirih barang sekapur
Sebab mengenang adinda tuan.

2168. Kedondong batang sumpitan
Batang padi saya lurutkan
Tujuh gunung sembilan lautan
Kalau tak mati saya turutkan.

(*PMW*: 84)

2169. Keladi air tumbuh di air
Minyak bijan di dalam cawan
Matahari sudahlah lahir
Bulan masih disaput awan.

(*PMBP*: 71)

2170. Kelap-kelip api di kapal
Nampak dari atas kota
Air mata jatuh ke bantal
Baru kutahu hati bercinta.

(KPBD)

2171. Keliki ambil petanak
Air mendidih kadangi nasi
Air jernih ikannya jinak
Bolehkah diri mandi di sini?

(*SBSB*: 45)

2172. Kembang daunnya pokok sepulih
Cantiknya macam bunga cina
Kasih sayang disebut boleh
Cinta di hati sampai ke mana?

(*PMSR*: 46)

2173. Kembang keranji bunga papaya
Ambil bantal di dalam peti
Janji adinda kepada saya
Laksana tali berpintal mati.

(*PMBP*: 108)

2174.* Kemuning di tengah ladang
Mari ditetak pemarang Bugis
Apa dirunding belanja hilang
Sukar mendapat lancang berlukis.

(KPBD)

2175.* Kencang-kencang angin di atas
Memutuskan tali kecapi
Dipadahkan ke burung lantas
Anak Berunai ternanti-nanti.

(KPBD)

2176. Kepiting ketam kepiting
Sehari-hari merendang lada
Jika tidak hutan mendinding
Sehari-hari bertentang mata.

(*MP*: 27)

2177. Kerengga di dalam buluh
Serahi berisi air mawar
Sampai hasrat di dalam tubuh
Tuan seorang jadi penawar.

(*HCML*: 199)

2178. Keris ini keris sempana
Pakaian anak raja Kelantan
Sirih ini sirih bertanya
Adakah tuan menaruh intan?

(*SBSB*: 45)

2179. Kerukut kampung Serani
Ambil pelita di atas batu
Hati takut jadi berani
Melihat adinda duduk di pintu.

(*PMBP*: 124)

2180. Ketam padi bergemal-gemal
Padi dimakan oleh tupai
Biarlah mati berpenggal-penggal
Asal juga bertindih bangkai.

2181. Ketam padi bergemal-gemal
Padi muda luruti juga
Biarlah mati berpenggal-penggal
Hati muda turuti juga.

(2180–2181 *HDM*: 139)

2182.* Kinabalu bertangga peti
Ambil kumala di mulut naga
Kalau sudah kehendak hati
Mahal murah diturut harga.

(KPBD)

2183. Kita berjumpa baharu bersapa
Selama ini jadi sebutan
Lekat di bibir tidak terlupa
Sebagai besi mengikat jambatan.

(KPZH, *KPM*: 252)

2184. Kuala Jengal letak di hulu
Sungainya tenang indah beralun
Kita berkenal baru seminggu
Serasa mesra sudah bertahun.

(*DS* 05/99: 75)

2185. Kupu-kupu terbang melintang
Terbang di laut di hujung karang
Hati di dalam menaruh bimbang
Dari dahulu sampai sekarang.

2186. Terbang di laut di hujung karang
Burung nasar terbang ke Bandan
Dari dahulu sampai sekarang
Banyak muda sudah kupandang.

2187. Burung nasar terbang ke Bandan
Bulunya jatuh ke Petani
Banyak muda sudah kupandang
Tiada sama mudaku ini.

2188. Bulunya jatuh ke Petani
Dua puluh anak merpati
Tiada sama mudaku ini
Sungguh pandai memujuk hati.

(2185–2188 *PMW*: 30)

2189.* Kusangka pungguk kami dirimpi
Rampai di bilik Dang Jelia
Kusangka sungguh kami bermimpi
Tidur berbalik manatah dia.

(*HDM*: 225)

2190. Lagi dibelah lagi diungkai
Kononlah pula torak bertorang
Di tangan Allah lagi diungkai
Kononlah pula di tangan orang.

(*PMW*: 54)

2191. Laksamana menaruh padi
Bunga digubah di dalam tempayan
Sama-sama menaruh hati
Apalah sudah dengan demikian.

2192. Bunga senduduk di dalam tempayan
Tetak pandan di jambangan
Jikalau duduk dengan demikian
Rosaklah badan berpanjangan.

(2191–2192 *SA*: 286)

2193.* Laksamana orang budiman
Lagi berkain lagi berbulang
Jikalau kena si putar leman
Tiada lagi ingatkan pulang.

(*HDM*: 261)

2194. Lalu singgah minta kapas
Daun capa jatuh melayang
Tuan di mata haram tak lepas
Tiada lupa malam dan siang.

(*PMBP*: 89)

2195. Lampu marak terpanjut-panjut
Itu tanda Pulau Kuraman
Tengah malam bangun terkejut
Sebab mengenang adinda tuan.

(KPBD)

2196. Layang-layang bertali rami
Jatuh menuju tanah seberang
Dayang wei mari bersindir nyanyi
Dayang tujuh, beta seorang.

(*HDM*: 131)

2197. Lemak kuih bercampur badam
Buah kundur dibuat halwa
Api asmara hujan tak padam
Cinta semarak di dalam jiwa.

(*1001 PB*: 129)

2198. Lenggundi tumbuh serangkap
Cempedak kembang bunganya
Kalau sudi boleh disantap
Kalau tidak barang gunanya.

(*PMBP*: 74)

2199. Lepas kumbang dinihari
Puan dikambus angkit berangkit
Merasa kurnia tuan puteri
Akan tambur segala penyakit.

(*HB*: 44)

2200. Limau manis condong ke Keling
Sudah ke Keling ke Jawa pula
Hitam manis duduk menjeling
Sudah menjeling tertawa pula.

(*PMW*: 22)

2201. Limau manis tepi pangkalan
Tempat merak bersarang tujuh
Hitam manis turun berjalan
Bagai kilat bintang sepuluh.

(*PMW*: 22)

2202. Limau purut lebat di pangkal
Sayang selasih condong uratnya
Angin ribut dapat ditangkal
Hati kasih apa ubatnya?

(*PMW*: 16)

2203. Limau purut tengah halaman
Uratnya minta ditapisi
Sembah sujud dagang dewanan
Badan meminta dikasihi.

(*PMBP*: 68)

2204. Limau purut untuk belahan
Ambil mengkudu di atas bukit
Perut lapar boleh ditahan
Hati rindu jadi penyakit.

(*PMBP*: 119)

2205. Lubuk Pait airnya dalam
Anak seluang jatuh ke tuba
Mimpi baik saya semalam
Mimpi bulan jatuh ke riba.

(*PML*: 57)

2206. Makan lawar hantimun betik
Tambul serbat dalam cawan
Mohonkan ubat air setitik
Akan ubat hati yang rawan.

(*HDM*: 261)

2207. Malam ini malam Jumaat
Cina mandi di air terjun
Jika kutahu kumbang penyengat
Tidak kuminta bunga di kebun.

(*PMBP*: 128)

2208. Malam ini malam Jumaat
Pasang dian kepala titi
Tepuk bantal panggil semangat
Semangat datang dalam mimpi.

(*PS*: 103)

2209. Malam ini mendapat gambar
Gambar didapat di pohon pinang
Malam ini mendapat khabar
Khabar adinda sudah bertunang.

(KPBD)

2210. Mari dibungkus dengan kertas
Dikarang pula berjalur-jalur
Tuan di hati haram tak lepas
Terang laksana cermin hablur.

(*PMW*: 64)

2211. Masak ranum si asam kandis
Di tepi kolam haluan perahu
Gelak senyum kupandang manis
Hati di dalam siapa tahu.

(*HASMM*: 52)

2212. Masaklah nasi pulan-pulan
Makanan anak permaisuri
Dimakan di kota Melaka
Kalau nak mati berpayung bulan
Nak berkubur di tapak tangan
Elok bertimbun si air mata.

(*PMT*: 207)

2213. Melenguh lembu di gunung
Melenguh sampai ke balai
Maksud hati memeluk gunung
Apa daya tangan tak sampai.

(*PMBP*: 71)

2214. Memakai kain bunga batu
Berkeris sarung kayu cendana
Tidak disangka akan begitu
Kerana ia fakir maulana.

(*HDM*: 226)

2215. Membakar nyiur di dalam dapur
Habunya taruh dalam cawan
Memohon sirih barang sekapur
Akan ubat hati yang rawan.

2216. Dang Madini bertanam sirih
Sirih ada di rumpunnya
Di sini tiada menaruh sirih
Sirih ada di pohonnya.

(2215–2216 *HDM*: 260)

2217. Mempelam di kampung Bugis
Mari dibungkus perca sutera
Tengah malam bangun menangis
Dakwat bercampur si air mata.

(KPBD)

2218. Memutih ombak di rantau
Petang dan pagi tidak bersela
Memutih bunga di pulau
Setangkai sahaja yang menggila.

(*PMW*: 89)

2219. Menangguk udangnya banyak
Hendak dipepah, airnya dalam
Hendak masuk, orangnya banyak
Campaklah sepah dari dalam.

(*PMW*: 8)

2220. Mengambang bulan di mercu gunung
Bayan disambar si raja paksi
Banyaklah nujum membukakan tenung
Adinda seorang yang baik raksi.

(*HACT*: 147)

2221. Mengetam di darat ladang
Buruk padi dalam tebasan
Lepas adik kakak meminang
Manakan lagi berlepas tangan.

(KPBD)

2222.* Menjerang nasi panggalan datang
Jerangkan Si Awang Juna
Malam ini tuan kan datang
Urakkan tikar amburi bunga.

(KPBD)

2223. Mentadak-mentadu hijau
Bersarang di atas manggis
Adik berbaju hijau
Rambut terurai dipandang manis.

(*PMW*: 5)

2224. Mentimun panjang sejengkal
Sehasta dengan biji-bijinya
Lautan Ambon karangnya tebal
Alam bergerak sendirinya.

(*PMBP*: 79)

2225. Merak emas burung di rimba
Hendak makan cendawan muda
Jong perak layar kesumba
Siapakah cakap jadi nakhoda.

(*PMBP*: 80)

2226. Meranti terbayang-bayang
Tampak dari kota lama
Buah hati tinggallah sayang
Tidak abang pergi lama.

(*HASMM*: 92)

2227. Merentang tenun kain celari
Digalang dengan bulang bengkawang
Menentang wajah tuan puteri
Baharulah hilang hati yang rawan.

(*HDM*: 141)

2228. Merpati telurnya hijau
Pecah sebiji di dalam cawan
Abang pergi ke langit hijau
Adik menanti di kaki awan.

(*KKMS*: 150)

2229. Mestika embun di Gunung Sari
Kena dipanah Raja Azrang
Jika hendak menilai baiduri
Biarlah nyata, sah dan terang.

2230. Kena dipanah Raja Azrang
Berdua dengan Dewa Syah Peri
Biarlah nyata, sah dan terang
Jangan menyesal kemudian hari.

2231. Berdua dengan Dewa Syah Peri
Terkena pelak dengan bahadi
Jangan menyesal kemudian hari
Baiduri jangan diselang pudi.

(2229–2231 *HACT*: 121)

2232. Mudik berperahu hendak mandi
Obor-obor banyak di hulu
Jikalau tahu akan mati
Menggali kubur patik dahulu.

(*HDM*: 226)

2233. Naik kereta berkuda tiga
Berhenti tentang rumah batu
Tuan dilihat diduga-duga
Sayang sedikit ada yang tunggu.

(*PMBP*: 109)

2234. Naindung Siti Fatimah
Naindung akan si bidadari
Meski jauh Mekah Madinah
Hati kasih jangan unduri.

(KPBD)

2235. Nasi lemak buah bidara
Sayang selasih saya lurutkan
Buang emak buang saudara
Kerana kasih saya turutkan.

(*PMSR*: 48)

2236. Nyiur gading tinggi menjulang
Masak ketupat berisi inti
Buah delima di dalam cawan
Hancur daging berkecai tulang
Belum dapat belum berhenti
Hendak bersama denganmu tuan.

(*IMM*: 226)

2237. Olok-olok burung di laut
Ogah-ogah burung di bukit
Rupa elok bagai diraut
Akan penawar hati yang sakit.

(*PMW*: 5)

2238. Orang berbasikal berlumba-lumba
Akan menuju padang kiduman
Baru berjumpa wajah adinda
Melotak hati merobah iman.

(KPBD)

2239. Orang Cina berjual kayu
Orang Keling berjual kain
Bagaimana bunga tak layu
Embun menitik ke tempat lain.

(*PMW*: 91)

2240. Orang Cina pulang ke China
Sampai di China lima belas hari
Makan tak kenyang tidur tak lena
Teringatkan tuan setiap hari.

(*PBR*: 71)

2241. Orang dapur membasuh kuali
Perahu panjang memuat tamu
Bangun tidur ingat kembali
Masa pabila maka bertemu.

(*PMBP*: 65)

2242. Orang Hindu duduk di pintu
Maulana fakir dari seberang
Dewa Mandu gerangan itu
Laksana bunga sudah dikarang.

2243. Fakir maulana dari seberang
Memasang damar di dalam puan
Laksana bunga sudah dikarang
Hendak menyamar gerangan tuan.

2244.* Memasang damar di atas para
Tuan Kari masuk ke hutan
Menyamar-nyamar ketara
Jauhari tahu kepada intan.

(2242–2244 *HDM*: 137)

2245. Orang mandi di belakang mapar
Mandi bercedok batil tempurung
Abang jangan dikata cabar
Abang menaruh dendam terkurung.

2246. Mandi bercedok batil tempurung
Perepat taruk angsoka
Abang menaruh dendam terkurung
Lambat laun kudapat juga.

(2245–2246 PBMJ: 59)

2247. Orang menebas di Kuala Linggi
Bawa ke Melaka berikat tali
Tuan laksana mas yang tinggi
Saya tembaga rendah sekali.

(PMMM: 62)

2248. Orang menumbuk di Pulau Hantu
Asapnya ada tabun-menabun
Seumpama bunga di gua batu
Taruknya kaca tangkainya embun.

2249. Asap api membakar kebun
Merendang lada disimpul pulih
Taruknya kaca tangkainya embun
Dipandang sahaja diambil tak boleh.

2250. Merendang lada disimpul pulih
Asapnya sampai ke gunung tujuh
Dipandang sahaja diambil tak boleh
Ditunggu naga bercula tujuh.

(2248–2250 *PMBP*: 80–81)

2251. Orang Pertugal berdagang parang
Berdagang dengan sarung-sarungnya
Tiada kekal bunga dikarang
Kekal juga pada pohonnya.

2252. Berdagang dengan sarung-sarungnya
Mangkuk perak buatan Eropah
Kekal juga pada pohonnya
Jika berjarak terkena sumpah.

(2251–2252 PBMJ: 63)

2253. Orang Sambas pergi belayar
Muat selasih di dalam biduk
Hutang emas boleh terbayar
Hutang kasih seumur hidup.

2254. Muat selasih di dalam biduk
Anak Jawa patah kerisnya
Hutang kasih seumur hidup
Badan dan nyawa akan balasnya.

(2253–2254 *HDM*: 137)

2255. Orang tani mengambil nipah
Hendak dibawa ke Inderagiri
Seluruh alam kucari sudah
Belum bersua pilihan hati.

(*SBSB*: 91)

2256. Pagi-pagi pergi ke ladang
Hendak menyemai benih padi
Berapa tinggi Gunung Ledang
Tinggi lagi hajat di hati.

(*PS*: 105)

2257. Pakaikan kain baju kebaya
Baik sangkutkan di atas pintu
Ibarat buaya dalam muara
Hendak diikut belumlah tentu.

(KPL)

2258. Panah kesaktian cahaya cemerlang
Kena wilmana takhta kenaikan
Remaklah mati bertindih tulang
Adik di mana kakanda berpesan.

(*HRM*: 27)

2259. Pandak ruasnya kaki babi
Hendak berlumba ke seberang
Tidak puas di hati kami
Hendak bertemu sama seorang.

(*PMBP*: 76)

2260. Pantai Remis banyak kerapu
Jelawat, gelama, kelah, senangin
Tentu si manis malu tersipu
Melihat panglima tersalah kain.

(*DS* 04/00: 30)

2261. Pasar Minggu di pasar lama
Ambil tembaga dari permatang
Saya menunggu terlalu lama
Belum juga adinda datang.

(*PMBP*: 121)

2262. Pasir putih di sarang helang
Selasih saya cucurkan
Hitam putih dikata orang
Kerana kasih saya turutkan.

(*PMW*: 23)

2263. Patahlah sayap kembang lelan
Patah ditimpa selaranya
Payahlah mata memandang bulan
Bulan pabila akan jatuhnya?

(*PMBP*: 69)

2264. Pecah buluh air tempayan
Air sekiri pembasuh kaki
Hilang nuri berganti bayan
Bayan seekor penghibur hati.

(KPBD)

2265. Penyengat di anjung rumah
Diluhu dengan si daun simpul
Walaupun kita berjauh rumah
Dalam semangat dikandung tidur.
(KPBD)

2266. Penyurat berdastar palang
Mari ditaruh di atas peti
Walau berkurap serta berbelang
Syukur, pandai mengambil hati.
(KPBD)

2267. Perahu baharu temberang pun baharu
Baharu sekali masuk Melaka
Abang baharu adik pun baharu
Baharu sekali kenal biasa.
(*AIMP*: 13)

2268.* Perahu jati buatan Eropah
Papan jati lapis tembaga
Sampai mati kanda tak lupa
Kanda menanti di pintu syurga.
(PBMJ: 45)

2269. Perahu kolek belayar putih
Anak Siam pergi sembahyang
Kecil molek giginya putih
Siang malam terbayang-bayang.
(*PMBP*: 118)

2270. Perahu Tuban dari Jawa
Sarat bermuat papan jati
Sungguh uban, belum tua
Janganlah tuan walang di hati.
(PBMJ: 38)

2271. Pergi ke Bandung beli kemiri
Kemiri terletak dalam peti
Tujuh gunung saya mencari
Sebelum dapat belum berhenti.
(*PMBP*: 107)

2272. Pergi ke hutan mencari akar
Sambil duduk bersiar-siar
Sebab dipikat burung di sangkar
Burung di hutan terlalu liar.

(SBSB: 48)

2273. Pergi ke hutan mengambil rotan
Berjumpa langsat seperigi
Janganlah tuan harap-harapan
Jong sarat tidak berisi.

(*PMBP*: 130)

2274. Pergi ke kedai membeli terung
Terung dibembam dibuat pencuk
Kalau tak pandai membela burung
Burung diheram lari merajuk.

(*KB*: 136)

2275. Pergi ke pasar membeli bawal
Beli mangga di Kampung Bali
Ibarat adinda barang dijual
Sebut harganya boleh kubeli.

(*PMBP*: 119)

2276. Pergi ke selat bulan lima
Beli bawang dua sepuluh
Saya berhajat sudahlah lama
Tiada orang hendak disuruh.

(*KKMS*: 175)

2277. Petik belimbing naik di tangga
Perang sabil dalam masjid
Ibarat kambing di mulut naga
Mau diambil takut menggigit.

(*PMBP*: 122)

2278. Piasau tunjung ke laut
Dinaik mari Dang Sari Bulan
Batah kakanda menambang laut
Seperti pungguk rindukan bulan.

(KPBD)

2279. Pilang Melaka bermuat paku
Dang Teja mandi berkubang
Alangkah suka rasa hatiku
Oleh mendengar titahnya abang.

2280. Dang Teja mandi berkubang
Mandi sampai ke hilirnya
Oleh mendengar titahnya abang
Suka tak boleh dizahirkannya.

2281. Mandi sampai ke hilirnya
Berjumpa dengan orang menjala
Suka tak boleh dizahirkannya
Takut pulak orang mencela.

(2279–2281 PBMJ: 60)

2282. Pisang tembatu rena-watu
Masak satu dibaliknya
Kembanglah bunga dalam batu
Sukar tuan menariknya.

(PMBP: 67)

2283. Pisau jawi tajam di hujung
Akan sampaknya emas suasa
Tujuh bukit sembilan gunung
Akan pengunjar penawar bisa.

(KPBD)

2284. Pohon benalu di atas bukit
Terbang tersangkut daun terlampai
Malunya saya bukan sedikit
Jika maksud tiada sampai.

(PMBP: 91)

2285.* Pohon beringin tengah negeri
Buah beribu di tangkainya
Ingin di bunga sunting Nabi
Bolehkah kami memetiknya?

(PMBP: 68)

2286. Pokok buluh tinggi berbatang
Sayang penyengat dua serupa
Di dalam tidur mimpi pun datang
Semangat di badan datang berjumpa.

(*PMW*: 67)

2287. Pokok demaga tanahnya rosak
Pokok pakis perencah ikan
Sudah berjumpa rambutan masak
Rambai yang manis tuan tinggalkan.

(KPL)

2288. Pokok pauh dari Surati
Bunga selasih dalam cerana
Jangan susah di dalam hati
Kalau kasih tidak ke mana.

(KHO)

2289. Potong sirih kutil hujungnya
Sirih sekapur diberi nama
Datang kasih memujuk-mujuknya
Kasih tidak berkekal lama.

(*KKMS*: 521)

2290. Puan bertajuk bunga melati
Dialas pulak dengan kain
Bukan aku takut mati
Sesalku tidak puas bermain.

(*HDM*: 234)

2291. Puan terletak di atas geta
Daun mempelas di Gunung Cina
Tuan tidak kupandang mata
Belaskan apa dagang yang hina.

2292. Daun empelas di Gunung Cina
Batang berduri di atas beranda
Belaskan apa dagang yang hina
Datang ke mari kerana adinda.

2293. Batang berduri di atas beranda
Indera Laksana diseri kumbang
Datang ke mari kerana adinda
Janganlah sangat menghinakan abang.

2294. Indera Laksana diseri kumbang
Orang menjala di Pantai Layang
Janganlah sangat menghinakan abang
Silalah tuan janganlah walang.

2295. Orang menjala di Pantai Layang
Bunga dedap di atas peti
Silalah tuan janganlah walang
Baharulah sedap rasanya hati.

2296. Bunga dedap di atas peti
Bunga capa di dalam puan
Baharulah sedap rasanya hati
Dapat berjumpa denganmu tuan.

(2291–2296 PBMJ: 69–70)

2297. Pukul gambang delapan belas
Burung jelatik di pinggir kali
Ibarat kembang di dalam gelas
Akan dipetik susah sekali.

(*PMBP*: 127)

2298. Pulau Ambuk tempayan pisang
Tempat orang mengasam jawa
Tubuh gemuk kurus melintang
Di sana tempat berbuang nyawa.

(KPBD)

2299. Pulau Kuraman lampungnya besar
Di sana sini burung berhenti
Dari damit kutunggu besar
Kerana kasih sanggup kunanti.

(KPBD)

2300. Pulau Pinang simpang empat
Satu lorong jalan tersekat
Habis peluru dengan ubat
Seekor burung haram tak dapat.

(*PMW*: 105)

2301. Pulut panggang digigit liat
Kelekati dalam perahu
Hangus padang boleh dilihat
Di dalam hati siapa tahu.

(KPBD)

2302. Pungut papaya jatuh di batu
Payung jepun di toko nyonya
Makanya saya kata begitu
Sebab takut ada yang punya.

(*PMBP*: 122)

2303. Putus tali ikatan manjung
Pokok cempedak condong ke paya
Puas hati hendak bergantung
Orang tak hendak apakan daya.

(KHO)

2304. Raden Galuh emas juita
Hilang bermain di dalam taman
Letih lesu badan bercinta
Mengenang adinda arif budiman.

(KPBD)

2305.* Raden Galuh Kesuma Wati
Ghaib disambar Betara Kala
Hancur luluh rasanya hati
Bertemu itu kalanya bila?

2306.* Ghaib disambar Betara Kala
Diterbangkan lantas ke dalam hutan
Bertemu itu kalanya bila
Gundahnya abang bukan buatan.

2307.* Diterbangkan lantas ke dalam hutan
Hutan bernama padang saujana
Gundahnya abang bukan buatan
Hendak bertemu dengan mengerna.

2308.* Hutan bernama padang saujana
Tempat kelana bertandang desa
Hendak bertemu dengan mengerna
Tahanlah badan rosak binasa.

2309.* Tempat kelana bertandang desa
Bertemu dengan Pangeran Agung
Tahanlah badan rosak binasa
Aib dan malu kakanda tanggung.

2310.* Bertemu dengan Pangeran Agung
Ialah Raden memerintah negeri
Aib dan malu kakanda tanggung
Adinda di mana kakanda cari.

2311.* Ialah Raden memerintah negeri
Masuk Gegelang menjadi kelana
Adinda di mana kakanda cari
Hatiku juga gundah-gulana.

2312.* Masuk Gegelang menjadi kelana
Bertemu dengan Seri Panji
Hatiku juga gundah-gulana
Takutkan tuan mungkirkan janji.

2313.* Bertemu dengan Seri Panji
Ialah Inu Kertapati
Takutkan tuan mungkirkan janji
Itulah maka abang ikuti.

2314.* Ialah Inu Kertapati
Masuk ngembara ke dalam hutan
Itulah maka abang ikuti
Gilanya abang bukan buatan.

2315.* Masuk ngembara ke dalam hutan
Mencari Galuh Candera Kirana
Gilanya abang bukan buatan
Akan adinda emas kencana.
(2305–2315 PBMJ: 62)

2316.* Raden Inu di Kuripan
Dicuri oleh Ratu Sijuindu
Laksana jentayu menanti hujan
Tidak kuasa menanggung rindu.

2317. Dicuri oleh Ratu Sijuindu
Lalu dibuangkan ke dalam laut
Tidak kuasa menanggung rindu
Bagaikan hilang rasanya maut.

2318. Lalu dibuangkan ke dalam laut
Lalu diambil oleh dewa-dewa
Bagaikan hilang rasanya maut
Bagai lenyap rasanya jiwa.

2319. Lalu diambil oleh dewa-dewa
Digelar Cekel Waning Pati
Bagai lenyap rasanya jiwa
Sungguh hidup serasa mati.

2320.* Digelar Cekel Waning Pati
Semar bergelar Si Rangga Jiwa
Sungguh hidup serasa mati
Yayi emas utama jiwa.

2321. Semar bergelar Si Rangga Jiwa
Hamba Cekel Waning Pati
Yayi emas utama jiwa
Sampun pekulun indera sakti.

2322. Hamba Cekel Waning Pati
Lalu berjalan ke desa Tuban
Sampun pekulun indera sakti
Duduklah abang harap-harapan.

2323. Lalu berjalan ke desa Tuban
Berjumpa orang memalu canang
Duduklah abang harap-harapan
Air mata cucur berlinang.
(2316–2323 PBMJ: 148)

2324.* Raden Inu Kertapati
Bertunang anak Ratu Kuripa
Duduk mengeluh di dalam hati
Mengenang tuan jauh di mata.
(KPBD)

2325. Rakit buluh karam di bolang
Secerana isi berembang
Sakit sungguh dendam seorang
Seperti bunga diseri kumbang.
(*HDM*: 226)

2326. Rakitku ini membatang-batang
Mari kurakit dengan buluh
Sakitku ini mendatang-datang
Bagai penyakit akan membunuh.
(*HDM*: 261)

2327. Ribu-ribu di tengah jalan
Bertimbang dengan pokok kelapa
Jika rindu pandang ke bulan
Di dalam mimpi kita berjumpa.
(KPBD)

2328. Rimbun nampak pohon tembatu
Tenggeran unggas panjang ekor
Adik tinggal di tempat suatu
Kenangkan abang masa nak tidur.
(KPL)

2329. Rintik-rintik hujan di hulu
Raja berpayung ubur-ubur
Jikalau patik mati dahulu
Patik nanti di pintu kubur.
(*HDM*: 234)

2330. Rumah kecil perannya lima
Tempat menyalai ikan kerisi
Ayuhai encik saya bertanya
Berapakah harga intan di sini?

(*SBSB*: 49)

2331. Rumah limas anjung selatan
Bunga kemuning tumbuh di laman
Tangkainya emas bunganya intan
Bolehkah ranting hamba patahkan?

(*SBSB*: 50)

2332. Rumah siapa di hujung tanjung
Rumah Tok Jenal tukang perahu
Teman siapa berbaju gadung
Rasa kenal nama tak tahu.

(*HDM*: 234)

2333. Rumput manis mekar di pasu
Tumbuh di bukit kilau-kilauan
Lemak manis sakar dan susu
Menjadi pahit keranamu tuan.

2334. Tumbuh di bukit kilau-kilauan
Inderakala di padang temu
Menjadi pahit keranamu tuan
Bila kala akan bertemu.

2335. Inderakala di padang temu
Paritnya terlompati
Bila kala akan bertemu
Sakitnya tidak terubati.

(2333–2335 *HDM*: 226)

2336. Sakit kaki ditikam tunggul
Tunggul kecil di tengah huma
Sakit hati memandang sanggul
Sanggul kecil berisi bunga.

(*PMW*: 62)

2337. Sambal petai berkuah rendang
Dijual oleh Awang Merali
Tuan laksana kain selendang
Jika dijual saya membeli.

(KPBD)

2338. Sampan pukat sampan Serani
Boleh belayar tanah seberang
Tuan umpama bintang nurani
Makin ditentang bertambah terang.

(*PMW*: 14)

2339. Sang Parta mudik ke tepian
Palu gendang menanam padi
Sedang warta lagi sekian
Jika berpandang berapa lagi.

(*HIP*: 109)

2340. Sang Samba bini Rajuna
Mati tengah bulan mengambang
Perhamba apalah hamba yang hina
Hati tak tahan menaruh bimbang.

(*PMBP*: 77)

2341. Santap nasi Maharaja Kayang
Maharaja Kaya santap bersama
Tidaklah kasih hati dah sayang
Apalah daya orang yang punya.

(*HBPP*: 84)

2342. Saya tidak segan menyapu
Sampah banyak di daun dedap
Saya tak segan membuka pintu
Ayah dan emak belum lelap.

(*PMW*: 56)

2343. Sayang Cik Puteh menaja jama
Jama ditaja jama mengkuang
Kalau boleh hidup bersama
Hendak mati bertindih tulang.

(*KKMS*: 536)

2344. Sayang Musalmah pergi ke taman
Hendak memetik sekuntum bunga
Sudah ada dalam genggaman
Bilakah dapat hidup bersama?

(*SBSB*: 94)

2345. Sayang Surati tudungnya latar
Keguguran si daun buluh
Tujuh hari mayat terlantar
Menunggu lungsur kain di tubuh.

(KPBD)

2346. Sebelah baju beragi
Baju beragi dari seberang
Sungguh putih anak Serani
Tubuhnya putih rambutnya panjang.

(KPBD)

2347. Sedap baunya kenanga hutan
Tarik akar jalinkan lantai
Sedap baunya adinda tuan
Lekat di kain kakanda pakai.

(*PMBP*: 104)

2348. Sekali pergi menuba
Sekali ikan merimbat
Sekali adik disapa
Setahun rindu terubat.

(M 10/60: 28; *KPM2*: 257)

2349. Sekuntum bunga terlalu indah
Asal turun dari udara
Mainan nan jangan kakanda permudah
Akhirnya kelak mendapat cedera.

(*HRM*: 26)

2350. Selama tidak ke bandung tinggi
Tiada luput daripada padi
Sungguhpun tidak dipandang lagi
Tiada luput daripada hati.

(*HDM*: 224)

2351. Selasih nama kayu tubi
Sama tinggi dengan kemunting
Kasihkan tuan dalam sembunyi
Sepantun duri dalam daging.
(M 10/55: 55; *KPM2*: 251)

2352. Sembilang bisa ditawari
Hang Pulih memangku puan
Sembilan desa dilari
Tiada dapat selaku tuan.
(PIQ: 33)

2353. Seri Rama menambang tasik
Tasik ditambang dipadan tetamu
Sekian lama menanggung kasih
Baharulah sekarang kita bertemu.
(*HIP*: 197)

2354.* Si pemikat mengukamit
Beramai-ramai ke Tanah Jawa
Andang iktikad selagi damit
Lama di lama sampai jua.
(KPBD)

2355. Singa Sakti anak Sang Nata
Sang Nata menanam setangkai ladanya
Jika sungguh seperti dikata
Apatah lagi akan salahnya.
(*HIP*: 160)

2356. Singapura dilanggar todak
Todak melanggar batang gaharu
Pura-pura mengata tidak
Di dalam hati bagai digaru.
(*PMAB*: 36)

2357. Singapura tempat berehat
Bandar besar negeri baharu
Pura-pura tidak melihat
Hati di dalam bagai digaru.
(*PMAB*: 99)

2358. Sirih kuning dalam lalang
Jatuh sehelai ditepuk hujan
Putih kuning lalu-lalang
Bagai kilat hari nak hujan.

(*PMW*: 19)

2359. Sirih kuning di batang pauh
Sayang beluluk beruang-ruang
Putih kuning carilah jodoh
Saya buruk biar terbuang.

(*PMW*: 20)

2360. Sirih kuning pinangnya kelat
Buluh perindu tidak berdahan
Putih kuning marilah dekat
Hati rindu tidak tertahan.

(*PMAB*: 116)

2361. Siti Dewi anak Rawana
Dibuang ke tengah laut
Putih kuning bagai diwarna
Pinggangnya halus gading diraut.

(KPBD)

2362. Siti Zubaidah menjadi raja
Menjadi raja di negeri Yunan
Bukan tak sudah berpandang mata
Kalau tak langsung jadi kempunan.

(KPBD)

2363. Sudah berbuah pohon berembang
Pohonnya banyak di pantai Melaka
Tangan bertuah menanam mumbang
Takdir Allah 'kan tumbuh juga.

(*TRPM*: 22)

2364. Suji-suji daun delima
Disuji anak Sutan Bantan
Kalau sudi minta terima
Diharap jangan tuan lupakan.

(*PMBP*: 68)

2365. Sukat ribut kutampi juga
Kalau tidak hampa melayang
Kalau hidup kunanti juga
Kalau ada jiwaku panjang.

(*HASMM*: 43)

2366. Sungai Bangkita airnya keruh
Keruh dari Sungai Kedayan
Hati luka hilang separuh
Mendengar cerita si burung bayan.

(KPBD)

2367. Sungai Bintangor airnya merah
Tempat orang mencuci gigi
Kalau umur dipanjangkan Allah
Boleh kita berjumpa lagi.

(*KKMS*: 647)

2368. Sungai kelat pangkalan Bali
Ubur-ubur di hujung tanjung
Siang melihat malam memimpi
Badan yang mana boleh tertanggung.

(KHO)

2369. Sungai Marasam jauh ke hulu
Tanjungnya berlipat-lipat
Berkirim salam kami dahulu
Berkirim surat tiada sempat.

(KPBD)

2370. Sungguhpun biduk lantainya papan
Tempat menyesah membenara
Sungguhpun duduk berhadapan
Sudah diambil akan saudara.

(*HDM*: 131)

2371. Sutera ini sutera gulungan
Sutera biru pakai perada
Surat ini surat kiriman
Kalau rindu boleh dibaca.

(*PML*: 11)

2372. Tajam sungguh si buluh gading
Hendaklah ikat bersama tali
Hancur luluh tulang dan daging
Namun kulupa tidak sekali.

(*KKMS*: 544)

2373. Tajuk-tajuk tibarau Limbang
Terbang tekukur menyapu angin
Tujuh tahun cuba meminang
Haram ku tidak ke tempat lain.

(KPBD)

2374. Tampak api di Tanjung Tuan
Kuala Linggi bakaunya rendah
Harap hati kepadamu tuan
Langit yang tinggi dipandang rendah.

(*PMW*: 17)

2375. Tampik nipah susunya nipah
Orang Limbang menanam padi
Duduk susah berdiri susah
Adik seorang idaman hati.

(KPBD)

2376. Tanam lada di pohon temu
Ambil benang di atas peti
Kalau sudah kita bertemu
Rasanya senang di dalam hati.

(*PMBP*: 109)

2377. Tangkul dijemur pukat disirat
Tali jala diramu-ramu
Tuan di timur hamba di barat
Bila gerangan dapat bertemu.

(*SBSB*: 133)

2378. Tanjung Rungus Seri Menanti
Tempat raja turun berkarang
Terbakar hangus di dalam hati
Terkenangkan bunga kembang dikarang.

2379. Tempat raja turun berkarang
Berkarang sampai ke tepi tubir
Terkenangkan bunga kembang dikarang
Di dalam hati sudah terukir.

2380. Berkarang sampai ke tepi tubir
Karangnya banyak timbul tenggelam
Di dalam hati sudah terukir
Terang laksana permata nilam.

2381. Karangnya banyak timbul tenggelam
Itulah tempat purbakala
Terang laksana permata nilam
Boleh dibuat tajuk gemala.

2382. Itulah tempat purbakala
Tempat Raja Indera Sakti
Boleh dibuat tajuk gemala
Boleh dipakai sampai ke mati.

(2378–2382 PBMJ: 64)

2383. Tebanglah lemba akan titian
Anak tempua makan pagi
Sedang adinda lagi sekian
Jika kakanda apatah lagi.

2384. Anak tempua makan pagi
Pelang Melaka dari Serati
Jika kakanda apatah lagi
Alangkah suka rasanya hati.

2385. Pelang Melaka dari Serati
Hanyut cempedak dari hulu
Alangkah suka rasanya hati
Tidak kakanda beroleh malu.

2386. Hanyut cempedak dari hulu
Burung dewata terbang ke darat
Tidak kakanda beroleh malu
Perkataan tuan sudah kusurat.

(2383–2386 PMBP: 91)

2387. Tekukur digulai lemak
Batang padi dibelah dua
Biarlah kita dimarahi emak
Asal jadi kita berdua.

(PMBP: 75)

2388. Teluk Batu tanjung sedikit
Pisau raut di dalam perahu
Peluk pangku cium sedikit
Di dalam laut siapa tahu.

(HASMM: 52)

2389. Telur cicak di atas pintu
Pintu berdegar di bawah rumah
Ayuhai adik bukakan pintu
Abang lama di bawah rumah.

(PMW: 56)

2390. Tengah malam berlenggang-lenggok
Daun dedap di dalam perahu
Tengah malam tidur terpunduk
Tidur tak sedap makan tak lalu.

(KPBD)

2391. Tengah malam bertanam ubi
Ubi ditanam di dalam kampung
Tuan di awan adinda di bumi
Berkirim salam dipatuk burung.

(KPBD)

2392. Tengah malam embun bertitih
Bertitih hingga sampai ke pagi
Dari mana datangnya kasih
Dari mata turun ke hati.

(KPZH; KPM2: 243)

2393. Terang bulan bagai diukir
Pinang sendawa dari Mengkasar
Jangan tuan berjanji mungkir
Tuntut dakwa di Padang Mahsyar.

(*PMBP*: 76)

2394. Terang bulan cahaya berseri
Nampak dilihat jauh saujana
Seksanya tuan cinta berahi
Apa dibuat serba tak kena.

(*PBR*: 71)

2395. Terang bulan di laman tangga
Sarang penyengat di dalam padi
Adakah orang semacam sahaya
Menaruh kiamat di dalam hati?

(*HASMM*: 52)

2396. Terang bulan di Pulau Upih
Tempat raja berjamu makan
Saya seumpama kain putih
Apakah warna tuan warnakan.

(KHO)

2397. Terang bulan terang bercahaya
Anak gagak memakan padi
Kalau tuan kurang percaya
Belah dada lihat di hati.

(*PMW*: 162)

2398. Terapung di laut sama hanyut
Rendam di sungai sama basah
Bagai senyawa nadi berdenyut
Kasih setia sukar berpisah.

(*1001 PB*: 124)

2399. Terbang melayang si burung aruan
Sampai di Pulau Si Rangga Pati
Jika sempurna raja bangsawan
Mengambil puteri baharulah sakti.

(*HIQ*: 5)

2400. Terbang merak dari angkasa
Terbang berpergi pohon angsana
Tuan diharap menimbang rasa
Atas abang orang yang hina.

2401. Terbang berpergi pohon angsana
Hinggap berlindung di tepi kolam
Atas abang orang yang hina
Menahan rindu setiap malam.

2402. Hinggap berlindung ditepi kolam
Daun temu di dalam puan
Menahan rindu setiap malam
Hendak bertemu padamu tuan.

(2400–2402 KHO)

2403. Terbang merbah dari Kuantan
Saya mencaruk telur pipit
Alangkan sepah saya makan
Inikan pula pinang bergigit.

(*KKMS*: 550)

2404. Terbang sekawan burung belibis
Singgah di hutan mandi di paya
Tuan berbanding di dalam majlis
Cantik manis di hati saya.

(*PMW*: 36)

2405. Terbang unggas ke dalam hutan
Hutan bernama padang saujana
Gundahnya abang bukan buatan
Hendak bertemu dengan adinda.

(M 19/55: 42; KPM2: 244)

2406.* Terdorong gajah di Aceh
Terpijak sempana raja
Sudah terdorong hati yang kasih
Bumi dipijak digoncang gempa.

(*PMW*: 67)

2407. Terung perat di dalam dasau
Dasau terletak di hujung dahan
Yaumul-kiamat di Padang Mahsyar
Adik seorang penyudahan.

(*PMW*: 30)

2408. Teruntum pulau dewata
Jeruju di dalam padi
Tergantung di ruangnya mata
Sudah tertuju di dalam hati.

(HMDR)

2409. Tetak empelas di dalam padi
Menteri duduk berdagang gelang
Tidaklah belas di dalam hati
Melihat dagang terulang-ulang.

(*HIP*: 109)

2410. Tetak nyirih galangkan dapur
Mari ditetak dengan dahannya
Minta sirih barang sekapur
Mari minta dengan tuannya.

2411. Jikalau kena dengan tetaknya
Macam mana nyirih tak rapat
Jikalau kena dengan mintanya
Macam mana sirih tak dapat?

2412. Sebab tak kena dengan tetaknya
Macam mana nyirih nak rapat
Sebab tak kena dengan tetaknya
Macam mana sirih nak dapat?

(2410–2413 *PMW*: 7)

2413. Tetak nyirih galangkan dapur
Tetak dengan dahan-dahannya
Minta sirih barang sekapur
Tidak apa akan balasnya.

(*PMBP*: 75)

2414. Tetak penuh baiduri pandan
Jangan juga baiduri padi
Jangan jauh dari badan
Supaya jangan lupa di hati.

(HIN: 144)

2415. Tinggi bukit kampung Melayu
Panas redup sampai ke petang
Petang sedikit hatiku sayu
Bilakah kekasih mari datang.

(*KKMS*: 555)

2416.* Tinggi gunung kampung Melayu
Setangan pelekat pinggir Peringgi
Ibarat burung di pohon kayu
Mau dipikat terlalu tinggi.

(*PMBP*: 126)

2417. Tinggi letaknya pagar ini
Padi yang tidak rimbun lagi
Maka dikarang surat ini
Hati nan tidak tertahan lagi.

(M 03/57: 29; *KPM2*: 252)

2418. Tiup seruling di tanah lapang
Bunyi merdu mendayu-dayu
Hati runsing kepada abang
Kirimlah salam kepada bayu.

(*KKMS*: 556)

2419. Tongkat bumi diperbuat baja
Tumbuh di bawah kayu beringin
Bukannya patik datang sengaja
Dibawa arus dihantar angin.

2420. Tumbuh di bawah kayu beringin
Layu disinar matahari
Dibawa arus dihantar angin
Itulah patik sampai ke mari.

2421. Layu disinar matahari
Daunnya habis berjatuhan
Itulah patik sampai ke mari
Membawa utus persembahan.

(2419–2421 *HMD*: 32)

2422. Tuan berkuda saya berunta
Sama kita berjalan kaki
Tuan mengenang saya bercinta
Sama kita menahan hati.

(*KKMS*: 652)

2423. Tuba-tuba selasih dandi
Kain-kain pagarkan jamban
Cuba-cuba kasih ke kami
Jika tidak buatkan zaman.

(*PMBP*: 76)

2424. Tujuh hari di dalam hutan
Air tak minum nasi tak makan
Sehari tidak pandang tuan
Rasanya susut tubuh di badan.

(*AIMP*: 15)

2425. Tuk Sami ke Teluk Lipat
Kain sekodi dibawa sama
Datang kami membawa hajat
Kalau sudi minta terima.

(*SBSB*: 52)

2426. Tumbuh berangan di tepi laut
Hanyut durian dengan tangkainya
Kurnia tuan kakanda sambut
Nanti kemudian ada balasnya.

(*PMBP*: 106)

2427. Tumbuh betik di tepi hutan
Pokok berangan pokok teruntum
Sungguh cantik bunga di taman
Bolehkah gerangan petik sekuntum.

(*SBSB*: 52)

2428. Tumbuh padi tanam halia
Kalau halia tiada tumbuh
Embuh kami mengelu dia
Kalau setia tiada sungguh.

2429. Jika halia tiada tumbuh
Ganja Dikarang akan destar
Jika setia tiada sungguh
Bukanlah anak raja besar.

(2428–2429 *HIP*: 81)

2430. Tun Teja Ratna Benggala
Pandai membelah lada sulah
Jikalau tuan belum percaya
Mari bersumpah kalam Allah.

(*SM*: 220)

2431. Tutuh nangka Seri Mendaun
Patah titi Raja Laksamana
Adikku bujang dua belas tahun
Menanti abang bijak laksana.

(*HBPP*: 88)

2432. Wang Lamit berpuntil mata
Pergi berdudun di malam hari
Alang-alang berpandang mata
Baik dilangsung sama sekali.

(KPBD)

2433. Zaman kami mudik ke Limbang
Habis tubuh dimakan rangit
Hati di mana tiadakan bimbang
Menentang tubuh si panjang damit.

(KPBD)

2434. Zaman masuk bilon Merikan
Membuang bom di Tanah Jawa
Putih kuning warna manikam
Hitam manis pembalut jiwa.

(KPBD)

X

Hasrat Tercapai

2435. Adas manis jintan di Jawa
Rempahan anak burung merpati
Hitam manis timbangan nyawa
Adik terikat dalam hati.

2436. Rempahan anak burung merpati
Makan jamuan para kelana
Tuan terikat di dalam hati
Remuklah jiwa abang nan fana.

(2435–2436 *PMBP*: 157)

2437. Air mawar di dalam cangkir
Persembahan raja perempuan
Dari awal sampai ke akhir
Kasih terserap padamu tuan.

(*PMBP*: 159)

2438. Air pasang sedang ke hulu
Rumah besar bersarang madu
Kalau terkenang masa dahulu
Jantung berperang dengan hempedu.

(KPBD)

2439. Ambil gendang di Kampung Janis
Kembang melati di gala-gala
Makin dipandang makin manis
Sampai hati rasanya gila.

(*PMBP*: 167)

2440. Ambil pena tuliskan surat
Mari ditulis di atas batu
Dari dunia sampai akhirat
Badan dua menjadi satu.

(*PMW*: 67)

2441. Anak belida memakan kanji
Pandan di Jawa diranggungkan
Jika kakanda mungkirkan janji
Badan dan nyawa menanggungkan.

(*PMW*: 106)

2442. Anak Cina cari sembilang
Dapat seekor di atas pasir
Laksana mahkota gilang-gemilang
Sebagai emas baharu diukir.

(*PMW*: 110)

2443. Anak Cina mudik ke Linggi
Patah kemudi baik disimpai
Tuan laksana pohon yang tinggi
Semut di bumi bila tercapai.

(KHO)

2444. Anak dara menimba perigi
Putus timba tinggalkan tali
Biarlah jiwa kakanda pergi
Asalkan tuan teguhkan janji.

(*AIMP*: 4)

2445. Anak ikan dimakan ikan
Anak udang patah kepala
Lipat sirih abang nak makan
Buat ubat sakit kepala.

(M 09/60: 11; *KPM2*: 280)

2446. Anak ikan si gedumbak
Makan di tasik ikan kerisi
Sakit badan dilambung ombak
Nyawa bergantung di sauh besi.

2447. Makan di tasik ikan kerisi
Diharu toman jerung di laut
Nyawa bergantung di sauh besi
Baharu teman hiraukan maut.

(2446–2447 PBMJ: 30)

2448. Anak itik anak serati
Hinggap seekor tepi jambangan
Sudah dapat kehendak hati
Bagai syurga di tapak tangan.

(KPL)

2449. Anak lintah banyak bersua
Lintah melilit batang padi
Peluk cium kita berdua
Tandanya cinta di dalam hati.

(*PMBP*: 131)

2450. Anak mawas di pohon sena
Sena berapit pohon cemara
Baharulah puas hati teruna
Teruna mendapat si anak dara.

2451. Sena berapit pohon cemara
Cemara di ladang Dang Melini
Teruna mendapat si anak dara
Dara kudendam selama ini.

2452. Cemara di ladang Dang Melini
Dibuat inai orang berkahwin
Dara kudendam selama ini
Fuadku tidak pada yang lain.

(2450–2452 PBMJ: 42)

2453. Anak muda berantai dokoh
Padang luas larikan kuda
Sekarang baru mendapat jodoh
Barulah puas hati kakanda.

(*PMBP*: 150)

2454. Anak orang Padang Panjang
Singgah nan lalu ke Bukit Tinggi
Membawa kain dan baju
Kalau adik menjadi helang
Kanda menjadi pohon tinggi
Di udara kita bertemu.

(*PMBP*: 170)

2455. Anak panah gugur berderai
Kena di papan kayu jati
Tidak pernah kita bercerai
Dari hidup sampai ke mati.

(*PMBP*: 151)

2456. Anak pelanduk di tepi surau
Singgah menaruk pada batang
Ombak menepuk di hujung pulau
Arusnya deras bukan kepalang.

(KHO)

2457. Anak pipit anak enggang
Makan umbut mensiang-siang
Bangun adik wahai sayang
Hari sudah benderang siang.

(*PMW*: 58)

2458. Anak ruan lima-lima
Mati seekor di atas darat
Kasih tuan saya terima
Jadi hutang dunia akhirat.

(*PMBP*: 67)

2459. Anak tiung menyisir bukit
'Nak mandi Jalan Gemilang
Peluk leher cium sedikit
Buat bekal abang nak pulang.

(*PMW*: 58)

2460. Anak udang kepit kepayang
Berderai-derai pucuk jari
Anak orang tengahnya sayang
Pada bercerai mahulah mati.

(*HASMM*: 56)

2461. Anak unggas ditangkap kucing
Pokok selasih di bawah tangga
Dua belas pintu berkancing
Tegal dek kasih terbuka juga.

(*EKKE*: 244)

2462. Anjing menyalak di tepi kota
Hendak diadang rusa sekawan
Kalau sampai niat kita
Kubayar kaul puasa sebulan.

(KHO)

2463. Apa bumbunya sayur jantung
Bumbunya lagi ketumbar muda
Kendati saya mati tergantung
Asal kenyang bermain muda.

(*TRPM*: 8)

2464. Apa ditebang di tengah lembah
Tentunya kayu saya lintangkan
Bunga setangkai sudah tergubah
Jikalau sudi tuan suntingkan.

(*SBSB*: 37)

2465. Apa takut kepada kumbang
Kerana menyengat tidak bisa
Apa peduli batu dan karang
Hati berhajat kurempuh juga.

(*PMSR*: 20)

2466. Arsyah raja mahkota
Diserang raja keinderaan
Sungguh sengaja tuan berkata
Abang menunggu di tirai peraduan.

2467. Diserang raja keinderaan
Minta bantu ke negeri China
Abang menunggu di tirai peraduan
Apa perintah emas kencana.

2468. Minta bantu ke negeri China
Berdua dengan Raja Amarkan
Apa perintah emas kencana
Sekali tidak abang sangkakan.

(2466–2468 PBMJ: 46)

2469. Asal ada kaca di pintu
Tanamlah dedap di dalam padi
Asal ada kata begitu
Alangkah sedap di dalam hati.

(*PMW*: 13)

2470. Asal ada sama ke padi
Pergi ke pantai berjual kapas
Asal ada sama ke hati
Gajah terantai boleh terlepas.

(*PMW*: 13)

2471. Asap api di gunung ruang
Orang membakar limau hantu
Wujud di hati tuan seorang
Sebagai menghadap gunung satu.

(*PMBP*: 132)

2472. Aur ditanam betung yang tumbuh
Diparang oleh anak Cik Siti
Kalau hati sesama teguh
Kering lautan kita nanti.

(*PMPM*: 18)

2473. Awal *Bismillah* menepek inai
Inai ditepek di tapak tangan
Mari berdoa beramai-ramai
Supaya pengantin di dalam aman.

(*SBSB*: 37)

2474. Awan bergerak datang menerpa
Nampak bintang beribu keti
Biar bodoh sifat dan rupa
Asal pandai mengambil hati.

(KPZH; *KPM2*: 266)

2475. Ayam hutan ayam di alas
Oleh tempatnya di atas garai
Bagai beloncor dengan belangkas
Mati dipotong baru bercerai.

(*TRPM*: 20)

2476. Ayam sabung jangan dipaut
Jika dipaut kalah laganya
Asam di gunung ikan di laut
Dalam belanga bertemu jua.

(*SBSB*: 38)

2477. Ayam siapa menjalak itu
Enau pantai dititinya
Batang rukam dipiuh-piuh
Buah pala di dalam perahu
Anak siapa tertawa itu
Panau berantai di pipinya
Tubuhnya bagai langsat masak
Allah Taala saja yang tahu.

(*PBR*: 36)

2478. Baik padi baik dedak
Tekukur atas bumbungan
Baik jadi baik tidak
Seribu syukur atas junjungan.

(KHO)

2479. Balam di atas kayu kundur
Mati ditembak Raja Judah
Berperang mayat dalam kubur
Kasih di dunia tidak sudah.

(*PMBP*: 133)

2480. Bawang merah menggulai lemak
Bawang putih memasak rendang
Jalan lecah menempuh semak
Sebab kasih maka kudatang.

(*EKKE*: 243)

2481. Belalang kodek-kodek
Mari kodek atas papan
Kalau bertemu sama molek
Gelak ingka baharulah padan.

(*PMW*: 39)

2482. Belayar kapal bertimbang arus
Patah kemudi sepanjang pantai
Tuan laksana cindai yang halus
Alah membeli menang memakai.

(*PMW*: 88)

2483. Beli sirih ambilkan sedah
Ubur-ubur di Mangga Dua
Hidup syukur mati pun sudah
Satu kubur kita berdua.

2484. Ubur-ubur sepinggan dua
Air mawar kubuat tinta
Mati sekubur kita berdua
Itulah tanda saya yang cinta.

2485. Ubur-ubur sepinggan dua
Pakai cincin di ujung jari
Satu kubur kita berdua
Dinda di kanan saya di kiri.

(2483–2485 *PMBP*: 170–171)

2486. Benang mastul benang mastuli
Ditaruh atas jambatan
Betul-betul memegang janji
Laksana paku lantak di papan.

(KPBD)

2487. Beras mangat di dalam lanjang
Hendak dibawa turun berjaja
Tidak menaruh sangka dan walang
Tuan seorang tempat bermanja.

2488. Hendak dibawa turun berjaja
Dibuka kedai sepuluh pintu
Tuan seorang tempat bermanja
Tiada yang galat barang suatu.

(2487–2488 KPBD)

2489. Berkokok ayam dalam parak
Hinggap di ranting kayu mati
Oh, adik sampaikan kehendak
Sangat tercinta dalam hati.

(*PMBP*: 132)

2490. Bermain-main ke Pulau Batu
Bawa bedil penembak burung
Dendam berahi baru bersatu
Lepaslah dendam tidak terkurung.

(*PMBP*: 152)

2491. Bertingkat jalan pergi ke darat
Tempat burung belajar terbang
Disengaja digenggam erat
Kalau boleh dibawa terbang.

(*PMBP*: 133)

2492.* Besar cintaku ke dulang manggi
Jika punggur aku layutkan
Asal cintaku ke orang mati
Jikalau tidur aku bangunkan.

(KPBD)

2493. Biar berat lebih sesaga
Lebih sesaga jadi sedekah
Biar berat setia diduga
Tidak undur walau selangkah.

(*1001 PB*: 129)

2494. Bila masa dipanggil maut
Cinta tidak berharga lagi
Asam di darat, ikan di laut
Sampai masa berjumpa lagi.

(*PMPM*: 17)

2495. Buah bemban di padang temu
Laksamana berjual lada
Hati dendam tidak bertemu
Rasa belah di dalam dada.

(*PMW*: 33)

2496. Buah berangan dari Palembang
Dijual budak dalam kota
Jangan tuan berhati bimbang
Saya tidak berubah kata.

(*SBSB*: 79)

2497. Buah jering di atas para
Diambil budak sambil berlari
Hingga kering lautan Melaka
Baharulah saya mungkir janji.

(*PMBP*: 141)

2498. Buah kana hanyut ke lubuk
Anak undan meniti batang
Kalbu abang sangatlah mabuk
Menentang bulan dipagar bintang.

(KPL)

2499.* Buah kelus di dalam peti
Bunga selasih berikan beta
Lakukan sekehendak hati
Kemudian baharu berkata.

(HIN: 148)

2500. Buah kuini jatuh tercampak
Jatuh menimpa bunga selasih
Biar bertahun dilambung ombak
Tidak kulupa pada yang kasih.

(*SBSB*: 79)

2501. Buah mangga dibungkus rapat
Padi ladang merah buahnya
Dua tiga boleh kudapat
Tidak kudapat seperti adinda.

(*M* 08/55: 17; *KPM2*: 270)

2502. Buah mangga makan diracik
Makan diracik tepi perigi
Membuat janji kepada encik
Tidak encik siapa lagi.

2503. Makan diracik tepi perigi
Menjamu budak menarah gasing
Tidak encik siapa lagi
Tidak menaruh kekasih asing.

2504. Menjamu budak menarah gasing
Gasing permainan Raja Udara
Tidak menaruh kekasih asing
Kerana tuan sudah mesra.

2505. Gasing permainan Raja Udara
Jati dibelah dengan kapak
Kerana tuan sudah mesra
Jumlahnya ganti ibu dan bapak.

(2502–2505 PBMJ: 56)

2506. Buah manggis buah pedada
Ditaruh atas lemari
Biar keris datang ke dada
Saya tidak memungkir janji.

(KPBD)

2507. Buah pauh buah kundang
Buah langsat buah duku
Duduk jauh berasa bimbang
Duduk dekat berasa malu.

(*KPM2*: 19)

2508. Buah pauh di atas batu
Ada berdaun berbunga tidak
Biarpun jauh di negeri satu
Hilang di mata di hati tidak.

(*SBSB*: 80)

2509. Buah pauh dimakan rusa
Santapan puteri dinihari
Alangkah jauhnya tanah manusia
Ia mendapatkan puteri ke mari.

(*HIP*: 162)

2510. Buah pedada di dalam puan
Bawa orang dari Jawa
Hati mesra denganmu tuan
Bertimbang badan dengan nyawa.

2511. Bawa orang dari Jawa
Bunga melur di atas peti
Bertimbang badan dengan nyawa
Kasih terikat di dalam hati.

(KHO)

2512. Buah pinang, pinang masak
Hendak kupas tiada terkupas
Sudah timang, timang letak
Hendak lepas tidak terlepas.

(*MP*: 37)

2513. Buah tembikai dibelah empat
Belah dengan biji-bijinya
Naik mahligai tujuh tingkat
Dapat mahligai dengan isinya.

(KHO)

2514. Bunga cina jambangan Cina
Mari dibungkus dengan kertas
Sungguhpun tuan bena tak bena
Tuan di hati haram tak lepas.

(*PMBP*: 156)

2515. Bunga melati dalam puan
Akan dikarang dinihari
Bangunlah emas bangunlah tuan
Hari ini hampir tengah hari.

(*HIP*: 70)

2516. Bunga pandan dari Jawa
Kain seperai alas sembahyang
Sepantun badan dengan nyawa
Tidak bercerai malam dan siang.

(*PMBP*: 141)

2517. Bunga purut di atas peti
Mari dibungkus dalam kertas
Dalam telur lagi kunanti
Inikan pula sudah menetas.

2518. Mari dibungkus dalam kertas
Dibawa orang dari Palembang
Inikan pula sudah menetas
Tidaklah akan menjadi bimbang.

(2517–2518 KPL)

2519. Bunga rampai bunga kencana
Gelang-gelang ditanggung semut
Kalau tak sampai dengan adinda
Timbul tenggelam kapal di laut.

(KPBD)

2520. Bunga rampai dalam cepu
Taruh mari dalam raga
Ucap selamat pengantin baru
Ibu bapa menumpang suka.

(*SBSB*: 39)

2521. Bunga selan dalam gantang
Mari dijemur di atas kota
Seumpama bulan dipagar bintang
Haram tak jemu kepada mata.

(*PMBP*: 154)

2522. Bunga sena di daun dedap
Jatuh sekuntum di Banda Aceh
Semua bunga baunya sedap
Tidak sama hatiku kasih.

(KHO)

2523. Burung belatuk baharu bertelur
Telur ada dalam gua
Abang mengantuk marilah tidur
Bantal satu kita berdua.

(*PMW*: 62)

2524. Burung dara burung merpati
Pecah telur dalam setangan
Biji mata si jantung hati
Mari rebah berbantal tangan.

(*PMBP*: 161)

2525.* Burung emas dari indera
Singgah sekejap di Nagasari
Jika tuanku dengan amarah
Hilanglah daya di dalam diri.

(*HIQ*: 69)

2526. Burung haji terbang ke haji
Nabi Sulaiman segala penghulunya
Barang siapa mengubah janji
Iman terbang dari dadanya.

(KPBD)

2527. Burung jelatik burung jeladan
Di sana bagai dituang
Di sini bagai disapu.

(KPBD)

3679. Dianjak pecah, diubah pecah
Biarkan terletak ia di sini
Carilah yang lain di hulu
Berdestar sudah, berkeris sudah
Bukan budaklah kami ini
Maka hendak diberi malu.

(*PMAB*: 138)

3680. Dinding kebun tepi perigi
Kepung dengan atap nipah
Basah kering dibuat mandi
Tentang harga belum berubah.

(*KKMS*: 87)

3681.* Dua belas bintang di langit
Bintang diraja dari Melaka
Kata tuan pinang bersisit
Kapur bercampur air mata.

(*KKMS*: 443)

3682. Dua puluh satu bilang Melayu
Satu likur bilangan Jawa
Sama-sama menanggung malu
Kalau mati kita berdua.

(KKMS: 444)

3683. Dua tiga genggong kupatah
Hendak menggenggong batang padi
Dua tiga gunung kulangkah
Hendak jumpa bagai di hati.

(KKMS: 445)

3684. Dua tiga kusepak raga
Datang sepak, kusepak juga
Dua tiga keris di dada
Datang lekuk, kulekuk juga.

(KKMS: 333)

3685. Emas merah kesuma dangding
Perahu sarat seperti lanting
Awaknya putih pinggangnya ramping
Matanya tajam seperti kucing.

(KKMS: 251)

3686. Encik Arsyad menggali cacing
Itik baru kerat kepaknya
Kalau pandai menimbang dacing
Baru tahu di mana beratnya.

(KKMS: 91)

3687.* Encik Din orang Malaya
Mari berhuma tengah jeramék
Saya tak izin, saya tak rela
Pulang ke rumah mengata kamék.

(KKMS: 593)

3688. Encik Dollah orang di gedung
Duduk sembahyang adik-beradik
Jikalau Allah mau menolong
Barang melayang datang bergolek.

(MPB: 12)

3689. Encik Mamat memetik lada
Tetak daun di rumah tinggal
Kalau terkena hikmatnya janda
Tujuh tahun sembahyang tinggal.

(*KKMS*: 251)

3690. Gadis manis bertahi lalat
Tahi lalat di tepi dagu
Habis nasi jari dijilat
Minta tambah terasa malu.

(*DS* 04/99: 58)

3691. Gajah lekir kuda beraksa
Di mana kuhempaskan
Sama lebur sama binasa
Orang kaya di manakan aku tumangkan.

(*HHT*: 173)

3692. Gendang ada tamburnya tidak
Bunyinya mari arak-arakan
Baik benar berbuat tidak
Dendam rindu boleh dibacakan.

(*KKMS*: 682)

3693. Gesek rebab dari Cikini
Bambu sebatang buat jambatan
Kenapa saya jadi begini
Sebab si nona punya buatan.

(*TRPM*: 12)

3694. Gila-gila pergi ke Rembang
Sampai di sana menukar wang
Saya ini ibarat kembang
Segar dipakai layu dibuang.

(*TRPM*: 1)

3695.* Gok padang mancur
Ketiga dengan padang selasih
Tertutup hati yang pusur
Terbuka hati yang kasih.

(*PMT*: 505)

3696. Gulai lemak sayur cendawan
Anak udang goreng berlada
Kasih emak sepanjang jalan
Sayang saudara sama berada.

(*KKMS*: 95)

3697. Habis ladang dilanda gempa
Putus beras makan keladi
Penat saja tukang menempa
Besi binasa parang tak jadi.

(*1001 PB*: 95)

3698. Habis pukat dilanggar ikan
Ikan bernama si jarang gigi
Habis buntat berganti intan
Intan bernama Payung Negeri.

(KHO)

3699. Haji Daik duduk di pintu
Dagu ditopang menggigit jari
Memang pahit hidup bermadu
Biar bujang seorang diri.

(*KKMS*: 96)

3700. Hang Jebat, Hang Kasturi
Budak-budak Raja Melaka
Jika hendak jangan dicuri
Mari kita bertentang mata.

(*HHT*: 173)

3701.* Harap kami belayar ke Sadong
Kedondong sudah dibawa pulang
Harap kami hendak bergantung
Junjung sudah dilayarkan orang.

(*KKMS*: 596)

3702. Hati terkenang surat diutus
Tanda kasih ibu dan bapa
Biar genting jangan putus
Rugi sedikit belumlah papa.

(*1001 PB*: 90)



3703. Hendak diminum di dalam kendi
Kendi berada di dalam kaca
Jangan dipujuk jangan dipuji
Di dalam puji saya terkena.

(KKMS: 598)



3704. Hendak diminum tidak terminum
Minum sedikit di dalam gelas
Hendak senyum tidak tersenyum
Senyum sedikit tidak berbalas.

(KKMS: 597)




3705.* Hendaklah baik memilih pandan
Di dalam pandan ada duri
Hendaklah baik membela badan
Di dalam badan ada diri.

(KKMS: 101)




3706. Hiris rojak hantar ke surau
Hendak menjemput Datuk Penghulu
Gadis bijak orang tak hirau
Ilmu di dapur laksana dulu.

(KKMS: 103)



3707. Hujan lebat di Bukit Beruang
Anak raja menudung kain
Bukankah baik duduk bujang
Habis makan boleh bermain.

(KHO)



3708.* Indang-indang melukut
Aku indang di sumpit purun
Aku undang aku jemput
Aku jemput aku bawa turun.

(PMT: 490)



3709. Inderagiri kota Belanda
Orang Aceh menanam buluh
Memang untung berkahwin janda
Anak besar boleh disuruh.

(KKMS: 108)

3710. Jalan-jalan di atas karang
Ada balai di pinggir kali
Main muda jangan kepalang
Lebih baik terus sekali.

(*TRPM*: 15)

3711. Jalan-jalan ke rumah ubat
Petik cabai dengan tangkainya
Jalan-jalan ke rumah sahabat
Ambil setangan bekas pakainya.

(*TRPM*: 15)

3712. Jambangan tumbuh di besen
Akan dihantar Si Raden Galuh
Sapu tangan saya membikin
Pohon akan pemalit tubuh.

(*KKMS*: 687)

3713. Jangan cerita sebarang orang
Dari saya empunya jalan
Dari dahulu sampai sekarang
Belum untung jadi pasangan.

3714. Dari saya empunya jalan
Semua orang buat bicara
Belum untung jadi pasangan
Biar menjadi sanak saudara.

(3713–3714 *TRPM*: 2)

3715. Jerang periuk jerang belanga
Sama berjerang keduanya
Sudah terjenguk jandaku lama
Sama tercengang keduanya.

(*KKMS*: 256)

3716. Jerat semata di hujung tanjung
Terkena landak jantan betina
Panjang dikerat pendek disambung
Untuk kita bekerjasama.

(*KKMS*: 339)

3717. Jika ada kuda di kandang
Kasi makan rumput melela
Baik-baik tunangan datang
Tutup pintu buka jendela.

(*TRPM*: 11)

3718. Jika tuan berdiri rumah
Saya berdiri tiang dahulu
Jika nona menjadi bunga
Saya petik, cium dahulu.

(*TRPM*: 17)

3719. Jika tuan jalan ke hulu
Petikkan saya kembang kemboja
Jika tuan mati dahulu
Tunggu saya di pintu syurga.

(KHO)

3720. Kain ketat kebaya jarang
Gaya anak seri panggung
Tebal muka berconteng arang
Malunya tidak lagi tertanggung.

(*1001 PB*: 107)

3721. Kait-kait daun sepulih
Daun sembingai nanang-nanangan
Baik-baik kamu yang mulih
Kami yang tinggal kenang-kenangan.

(*KKMS*: 689)

3722. Kalau abang membeli jarum
Boleh adik membeli tali
Kalau abang minta nak cium
Upah cium tendang sekali.

(*KKMS*: 341)

3723. Kalau ke bukit sama mendaki
Kalau ke laut sama berenang
Kalau kita bersatu hati
Kerja yang berat menjadi senang.

(*KKMS*: 259)

3724. Kalau tuan pergi ke darat
Jalan mari hujung tanjung
Simpan ringgit nanti berkarat
Bawa berniaga cari untung.

(*KKMS*: 127)

3725. Kapal belarai dari utara
Sarat bermuat jintan selasih
Berdangsanak bersaudara
Pupu sekali bertambah kasih.

(KPBD)

3726. Kapal belayar waktunya subuh
Tarik bendera setengah tiang
Bau adinda lekat di tubuh
Dibawa mandi manakan hilang.

(KPBD)

3727. Kapal Inggeris kapitan Jerman
Teluk-meneluk di negeri Jawa
Putih kuning merubah iman
Hitam manis merubah nyawa.

(*KKMS*: 693)

3728. Ke darat menebang juak tukas
Tukas kutebang tepi jeraya
Laksana dakwat dengan kertas
Samalah hancur sama binasa.

(*KKMS*: 611)

3729.* Kebalku si tindulang
Kurendam telaga besi
Kebalku bagai belulang
Ditetak tidak memberi.

(KPBD)

3730. Kebun kecil pokok berjenis
Pagar dengan buluh berdaun
Kecil-kecil kayu tempinis
Terasnya tahan berpuluh tahun.

(*KKMS*: 132)

3731. Kecil-kecil kacang pelisa
Pandai melilit di pagar orang
Tengok kecil mulutnya bisa
Pandai menyakit hati orang.

(*KKMS*: 348)

3732. Kecil-kecil pengayuh lidi
Mari sampai hutan seberang
Kecil-kecil hendak berbini
Apa belanja, kulit kerang?

(*KKMS*: 132)

3733. Kencang ribut malam tadi
Batang hanyut dari kuala
Kencang mimpi malam tadi
Bantal hanyut dari kepala.

(*KKMS*: 134)

3734. Ketam padi nakhoda Aceh
Anak pipit kembang ekor
Mari kita bertambat kasih
Cubit cik adik bawa tidur.

(*KKMS*: 480)

3735. Kucing kurus mandi di papan
Papannya lagi si kayu jati
Bukan kurus yang kurang makan
Kurus mengingat si jantung hati.

(*TRPM*: 6)

3736. Kuih sekeping, sup semangkuk
Pengalas perut roti sebuku
Rantai labuh berat di tengkuk
Gelang emas sampai ke siku.

(*1001 PB*: 39)

3737. Kulit ular dikata tebal
Tebal lagi kulit sawa
Kalau dipujuk makin menyebal
Kalau dimarah baru tertawa.

(*KKMS*: 267)

3738. 'Lah begini terangnya hari
Seorang kok tidak nak menumbuk
Orang berpadi semuanya
Begini rusuhnya hati
Orang kok tidak nan memujuk
Orang 'lah mati semuanya.

(*KKMS*: 268)

3739. Lancang kuning bertiang tiga
Meriamnya tujuh di haluan
Mahligai emas baiklah jaga
Di gelanggang jangan kemaluan.

(*HMD*: 77)

3740. Lang terbang tinggi mengawan
Cari makan di atas bukit
Alang-alang kalau berkawan
Duduk seorang hati tak sakit.

(*TRPM*: 89)

3741. Ledang-ledang buah keledang
Jatuh sebiji di rumpun buluh
Tuan membarat di pohon rendang
Hujan dan panas tumpang berteduh.

(*KKMS*: 269)

3742. Lembut lemak sisi bemban
Terendak ikan letak di paya
Lemak lemah sirih digenggam
Hendak diunjuk emaknya ada.

(*KKMS*: 485)

3743. Lenggang-lenggang si kuih lenggang
Lenggang sedikit dalam kuali
Emak melarang bapa melarang
Larang sedikit tidak peduli.

(*KKMS*: 615)

3744. Lokan melata di perahu
Belah balang bertatawan
Bukan aku tiada tahu
Akulah hulubalang minta lawan.

(*HHT*: 173)

3745. Makan tebu seruas manis
Tebu sebatang di para-para
Kalau di depan mulutnya manis
Balik belakang lain bicara.

(*TRPM*: 11)

3746. Mari berkayuh Sungai Sindumin
Kiri kanan si bunga bamban
Kupilih-pilih orang yang mukmin
Tempat menaruh rahsia badan.

(*KKMS*: 701)

3747. Masak nasi pulan-pulan
Nasi dimakan si bidadari
Nona mati menjadi bulan
Saya jadi si matahari.

(*TRPM*: 13)

3748. Masak pulut di dalam kawah
Buat kalupis jalin seribu
Beruntung lagi bertuah
Beli satu sen jual seribu.

(KPBD)

3749. Masak tauge goreng lada
Lada ditumbuk lada putih
Tuan menagih pada yang ada
Saya merajuk pada yang kasih.

(*KKMS*: 147)

3750.* Membayar nazar di Tanjung Batu
Kain putih panjang lima
Biar mati seperti kutu
Jangan mati seperti tuma.

(*KKMS*: 271)

3751. Memberi rehat menunggang kuda
Kuda dipacu ke sana ke mari
Inilah nasihat pantun pemuda
Pemuda bijaksana kasihkan negeri.

(KPZH; *KPMI*: 129)

3752. Memburu rusa di tepi bukit
Rusa diburu sepanjang hari
Malu bukan satu penyakit
Ubatnya tentu payah nak cari.

(*KKMS*: 354)

3753. Menjual lidi ke Batu Bara
Menjual lokan ke Batu Pahat
Kerana dengki punya angkara
Orang baik disangka jahat.

(*KKMS*: 150)

3754. Menjual sambal di Payakumbuh
Sambal bercampur daun kayu
Cakap dijual bersungguh-sungguh
Belum dicuba belum tahu.

(*PMSR*: 17)

3755. Mestika embun tinggi warga
Dikulum anak si raja naga
Tidak termasuk pada sangka
Mata tidur bantal berjaga.

(*KKMS*: 273)

3756. Minta benang dikasi benang
Minta kapas di mana boleh
Minta senang dikasi senang
Minta lepas di mana boleh.

(KPBD)

3757.* Minta kacang barang sejemput
Direbus dengan serai lengkuas
Tubuh panjang alainya lembut
Mengalai halaman luas.

(KPBD)

3758. Minta kacang barang sejemput
Direbus mari belanga bubus
Tubuh panjang alainya lembut
Menurun akan mambang ketujuh.

(KPBD)

3759. Mudik ke hulu sekah durian
Hanyut kulit bertali-tali
Duduk dulu nikah kemudian
Boleh anak tidak berwali.

(*KKMS*: 495)

3760. Naik bukit terkedok-kedok
Hendak cari damar batu
Habis kering bergadai golok
Hendak sambut anak menantu.

(*KKMS*: 355)

3761. Naik kuda belayar ke seberang
Menuju belukar menebang kayu
Bukan tak tahu zaman sekarang
Gaharu dibakar, kemenyan berbau.

(*KKMS*: 152)

3762. Naik kuda bertali sabut
Sampai ke Jawa, upah ke bendang
Dulu muda semua berebut
Sudah tua siapa tak pandang.

(*KKMS*: 152)

3763. Ngiau-ngiau kucing di rakit
Nak makan jeruk belimbing
Mak! Mak! Tunangku sakit
Nak mengintai di balik dinding.

(*KKMS*: 357)

3764. Nurani bintang nurani
Datangnya bintang dari barat
Jika tuan dendam berahi
Bagai ditimbang biduk sarat.

(*TRPM*: 12)

3765. Nyiur muda jangan lebat
Kalau lebat patah mayang
Orang muda jangan mengebat
Kalau ngebat ditinggal tunang.

(*KKMS*: 358)

3766. Oh bulan di mana bintang
Sudah terlindung di kayu ara
Oh sayang di mana hilang
Bujang jadi orang perkasa.

(*PMSR*: 131)

3767. Oleh gamparan diukir-ukir
Rasamala membuat dupa
Barang dikata janganlah mungkir
Nanti hilang cahaya di muka.

(*TRPM*: 28)

3768. Orang Batak pulang ke Batak
Sampai di Batak menjual padi
Nasi masak gulai pun masak
Imam sampai nikah tak jadi.

(*KKMS*: 274)

3769. Orang bebal suka merengus
Apa dicakap tidak berfaedah
Belum pun pandai membuang hingus
Sudah hendak bertikam lidah.

(*KKMS*: 274)

3770. Orang Bentan membawa parang
Kerana hendak ke Pulau Perca
Sedangkan intan dibuang orang
Inikan pula permata kaca.

(*KKMS*: 156)

3771. Orang Bugis pergi ke tambak
Membawa kuda di tengah padang
Mintakan rezeki boleh bertambah
Mintakan umur bolehlah panjang.

(*MPB*: 1)

3772.* Orang Ceti menyembah berhala
Di dalam kuil tiada yang lain
Kutu mati di atas kepala
Tuma mati di tepi kain.

(*KKMS*: 275)

3773. Orang Cina dari seberang
Bawa jual ikan tenggiri
Mengata orang jangan sebarang
Tak pernah cermin diri sendiri.

(*KKMS*: 359)

3774. Orang Daik pulang ke Daik
Tengok angsa pandai berenang
Jikalau buat hati baik
Barangkali boleh berjumpa senang.

(*MPB*: 12)

3775. Orang karam terapung-apung
Hanyut ke beting dalam londang
Pakai kain belah betung
Dipukul angin terbuka lapang.

(*PMW*: 182)

3776. Orang Langat pergi ke Daik
Serai kerakap dicumbikan
Jikalau ada niat yang baik
Mudah-mudahan Allah sampaikan.

(*MPB*: 20)

3777. Orang meminang puteri tujuh
Ambil air cucikan kaki
Benih muda kalau bertumbuh
Pucuknya hijau cabangnya mati.

(*KKMS*: 161)

3778. Orang mengail di Sungai Kukup
Pakai terendak dengan tudungnya
Tuan beli timbang tak cukup
Orang berniaga apa untungnya.

(*KKMS*: 163)

3779. Orang menjala ikan belanak
Dapat seekor puntang-panting
Kalau kahwin janda beranak
Habis kepala kena kencing.

(*KKMS*: 276)

3780. Orang naik perahu cunia
Mahu belayar ke lautan kidul
Tepuk bantal sebut namanya
Semangat jalan di tempat tidur.

(*TRPM*: 3)

3781. Pantai Beruas pasirnya putih
Tempat orang berbagan belat
Harimau yang buas kutangkap boleh
Inikan pula seekor ulat.

(*PBR*: 8)

3782. Papan rapat dinding pun rapat
Sudah rapat diruang-ruang
Belum dapat diminta dapat
Sudah dapat dibuang-buang.

(*TRPM*: 17)

3783. Pasang pukat menangkap tenggiri
Pasang jala menangkap parang
Hilang sahabat mudah dicari
Hilang anak rindu memanjang.

(*DS* 04/99: 10)

3784. Perahu payang layarnya merah
Belayar menuju arah utara
Keris dipegang bersintukkan darah
Adat pahlawan membela negara.

(*PMSR*: 26)

3785. Pergi ke bukit memetik bunga
Bawa orang pulang ke hulu
Kalau cindai tidak berguna
Sutera, belacu terbuang lalu.

(*KKMS*: 172)

3786.• Pergi ke Lembing membeli minyak
Pergi Jerantut membeli jamu
Kalau abang nak berbini banyak
Terlebih dahulu tuntut ilmu.

(*KKMS*: 174)

3787. Petik daun patawali
Petik mari di olak jamban
Dosa apa ditanggung ini
Begini susah rasanya badan.

(*MPB*: 22)

3788. Pinang muda dari Japara
Akan kesumba dari Kalikut
Masakan hamba berani mara
Adakah muda gentarkan takut.

(*HIP*: 161–162)

3789.• Pinang orang, pinangku juak
Jika diumbut putih akarnya
Tunang orang, tunangku juak
Kalau dirabut putih matanya.

(*KKMS*: 625)

3790. Pohon dedalu dalam belukar
Burung balam patah kakinya
Setahun lalu gunung terbakar
Baru semalam kunampak apinya.

(*KKMS*: 365)

3791. Pohon kemboja dahan bercantum
Tempat jentayu membuat sarang
Semalam sahaja baru berkuntum
Sekarang layu, bilakah kembang?

(*KKMS*: 365)

3792. Pohon temu tumbuhnya rapat
Rapat lagi si pohon jati
Kawan beribu mudah didapat
Sahabat setia payah dicari.

(*KKMS*: 179)

3793.* Pokok bagu batang bagu
Disandarkan di atas mahkota
Bismillah aku memakai baju
Cahayanya naik ke muka.

(KPBD)

3794. Pokok senduduk di luar pagar
Sungguh berbunga tidak berbau
Satu sungguh kedua benar
Masuk ketiga saya tak tahu.

(*KKMS*: 182)

3795. Pucuk serdang daun serdang
Ambil sehelai membungkus nasi
Duduk sadang berdiri sadang
Ambil satu pemutus hati.

(*KKMS*: 281)

3796. Pudak bukan sebarang pudak
Pudak tumbuh di tepi lombong
Jalak bukan sebarang jalak
Jalak biasa menang bersabung.

(*PMAB*: 114)

3797.* Pulau Bedukang tampak muktabar
Dipandang jauh arap gagati
Empat tukang memeta gambar
Siap gambar tukang pun mati.

(KPBD)

3798. Pulau Pasir takluk Kedah
Kulit siput di muka pintu
Peluk leher cium penyudah
Perkara laut tidak menentu.

(*KKMS*: 368)

3799. Pulau Pesagi, Kuala Jangka
Bukit Sanding, Tanjung Belawan
Haram sekali tidak disangka
Ayam ditanding tidak melawan.

(KPZH; *KPM2*: 128)

3800. Pusing gasing tangan kidal
Tali pendek putus sejengkal
Kalau untung bercampur modal
Itu tanda berniaga tak kekal.

(*KKMS*: 186)

3801.* Raja Hindi raja bermisai
Nampak seperti tanduk gula
Hutang samsir belum langsai
Hutang kajang datang pula.

(*KKMS*: 283)

3802. Ramai orang memotong papan
Budak-budak memanjat ceri
Dari hidup putus harapan
Biarlah mati meracun diri.

(*PP*: 32)

3803. Ribut-ribut bawa pukat
Melihat gelung di Selat Jawa
Kita hidup tanda muafakat
Tolong-menolong tanda sejiwa.

(*KKMS*: 370)

3804. Riting-riting terbang ke kolam
Tetak bentangor di susur kota
Laksana siang menanti malam
Demikianlah umur sekalian kita.

(*KPBMJ*: 7)

3805. Rumah besar di Sungai Rambai
Tiangnya sampai delapan puluh
Makanlah dulu sirih cabai
Sirih ditanam belum tumbuh.

(*KKMS*: 284)

3806. Rumah pasung Kuala Linggi
Pohon sena di tepi air
Sudah terlangsung saya ke mari
Bagai minyak bercampur air.

(*KKMS*: 284)

3807. Sampan kotak mengapa dikayuh
Hendak belayar ke tanah seberang
Patah sayap bertongkat paruh
Pantang menyerah di tengah gelanggang.
(*PMSR*: 26)

3808. Sampan kotak mudik ke Pangkor
Singgah pula Pulau Sembilan
Macam diletak macam diatur
Macam cincin permata Selan.
(*KKMS*: 372)

3809. Sarang penyengat di atas kota
Kait-kait di padang temu
Hendaklah ingat semuanya kita
Baik bertandang kepada ilmu.
(PBMJ: 116)

3810. Saya menjahit bukunya sutera
Benang nanas saya lilitkan
Saya menyanyi bukannya suka
Hati panas saya dinginkan.
(*TRPM*: 10)

3811. Sayang kepayang tumbuh di batu
Buluh hutan dibelah-belah
Kasih dan sayang boleh ditentu
Jodoh dan pertemuan di tangan Allah.
(*KKMS*: 374)

3812. Sayang Singgora pulau di laut
Tempat kapal pergi datang
Hidup kita antara maut
Cari pagi makan petang.
(*KKMS*: 200)

3813. Sayur pegaga dikendong-kendong
Dikendong mari adik-beradik
Orang berniaga niat nak untung
Orang berkawan hendak yang baik.
(*TRPM*: 89)

3814.* Selikur hari rejang hantu
Hantu bergulung duduk bersila
Tuan emas sepuluh mutu
Makin terpandang menjadi gila.

(KHO)

3815. Sesat ke rimba hutan tasik
Sesat menurut kunang-kunang
Mas perak asalnya cantik
Untung tak dapat apa dikenang.

(*TRPM*: 82)

3816. Si Awang membeli purun
Burung punai terbang ke sawah
Asalnya raja turun-temurun
Berunai sudah negeri bertuah.

(KPBD)

3817.* Si Kupang berbaju besi
Akan terumpak si buku buluh
Dikepung aku tiada mati
Aku memakai si sangga bunuh.

(KPBD)

3818. Simpan sepatu jangan dibalut
Simpan sahaja di dalam peti
Bertanam tebu di bibir mulut
Bertanam halia di dalam hati.

(*KKMS*: 288)

3819.* Sirih kuning gagang menguning
Mari tanam belukar sana
Seri sirih naik ke kening
Seri pinang naik ke muka.

(*KKMS*: 206)

3820. Soraki kumbang soraki
Sorak 'lah jatuh di Kandasan
Jika tuan dendam berahi
Matilah tuan dengan kurusan.

(*HIQ*: 8)

3821. Sotong masak dengan berkuah
Masak mari dalam kuali
Sudah untung tambah bertuah
Tentu rezeki bertambah lagi.

(*MPB*: 1)

3822. Sudah tahu peria pahit
Jangan disayur dengan bunganya
Sudah diketahui barang tak baik
Jangan diusik dari mulanya.

(*KKMS*: 207)

3823. Suluh-menyuluh Teluk Emas
Panas sejuk angin utara
Ribut taufan baik berkemas
Antara belum jadi sengsara.

(*KKMS*: 208)

3824. Sungai di teluk jauh di rawa
Tempat berkelah tepi pangkalan
Sebagai makhluk yang bertakwa
Cintai Allah dengan amalan.

3825. Tempat berkelah tepi pangkalan
Udara bersih segar dan nyaman
Cintai Allah dengan amalan
Rasul dikasih ummah beriman.

(3824–3825 *PT*: 2)

3826. Sungai Kantan bertembok batu
Tempat orang membuat perahu
Ayam jantan memang begitu
Pandai berkokok bertelur tak tahu.

(*KKMS*: 208)

3827. Sungguh indah Pulau Tioman
Bercahaya-cahaya waktu malam
Apakah sudah menjadi kelaziman
Pemuda suka berjalan malam?

3828. Bulan ada cahayanya kelam
Langsung tak nampak kilau-kilauan
Berani muda berjalan malam
Melihat pontianak cumbu-cumbuan.
(3825–3826 *BP*: 36)

3829. Takut pisau terkena jari
Jangan dihiris sambil berjalan
Gunanya keris menjaga diri
Mengapa sampai menikam tuan.
(*PMSR*: 13)

3830. Tali apa nampak kelihatan
Tali layang putus teraju
Di kiri api di kanan lautan
Jalan yang mana hendak dituju.
(*KKMS*: 378)

3831. Taman ini jauh ke tengah
Tempat orang mandi ketembung
Zaman ini zaman fitnah
Cakap sepatah putus berhubung.
(KPL)

3832. Tanam limau di tanah liat
Buah manggis dalam perahu
Belang harimau kalau dilihat
Kena badi saya tak tahu.
(*KKMS*: 210)

3833. Tanam nyiur pinang tak tumbuh
Tanam sepokok dikaut lumut
Tidur malam lena tak sungguh
Kerana mimpi bertukar selimut.
(*KKMS*: 379)

3834. Tanam pinang rapat-rapat
Biar senang puyuh berlari
Kalau dipinang, pinang tak dapat
Pujuk-pujuk kubawa lari.
(*KKMS*: 290)

3835. Tanjung Kait dikarang semut
Tanjung sekali dengan karangnya
Pinjam kain buat selimut
Pinjam sekali dengan orangnya.

(*TRPM*: 4)

3836. Tanjung Pinang tempatnya elok
Tempat Belanda dengannya Keling
Dimanakan senang di hati makhluk
Mulut berkata hati berpaling.

(PBMJ: 107)

3837. Tebu bukannya bangkut
Rama-rama terbang ke kuala
Bukan kami kaki penakut
Berani kami berkorban nyawa.

(*SBKT*: 49)

3838. Tekaduhung lompat keratang
Ambil kapak pembelah kundur
Tekaduhung ke mari datang
Haram setapak tidak kuundur.

(KPBD)

3839. Teluk Talam Tanjung Sebauk
Ketiga dengan Teluk Linsing
Jauh malam pinggang dipaut
Tidak sedar fajar menyingsing.

(PBMJ: 14)

3840. Terang bulan mengetam padi
Ditaruh di atas peti
Bila masa gerangan lagi
Batah sudah kami menanti.

(KPBD)

3841. Terang bulan menggali ubi
Ubi digali berkarung-karung
Tuan di awan saya di bumi
Berkirim surat di mulut burung.

(*KKMS*: 721)

3842. Terbang ayam di tengah laman
Kuis-kuis mencari makan
Sudah biasa dacing di tangan
Rugi di kampung untung di pekan.
(KKMS: 218)

3843. Tetak buluh dibuat pagar
Mari diikat dengan rotan
Gunung runtuh bumi bergegar
Gempa tidak, kiamat pun bukan.
(KKMS: 382)

3844. Tumbuh lengkuas di kebun Jaik
Uli waringin di tepi keramat
Tinggal adindaku baik-baik
Kakanda pergi dengan selamat.
(PIQ: 5)

3845. Turun batang naik batang
Dapat seekor landak betina
Suruh datang saya datang
Sudah datang bena tak bena.
(KKMS: 293)

3846. Ubi kentang si ubi temu
Di bawah pokok jambu mawar
Orang yang kenyang kalau dijamu
Lauk sedap dikatakan tawar.
(KKMS: 293)

3847. Ulam tipus bersambal cuka
Kuah dihirup begitu rakus
Biar lebur merebut pusaka
Jangan hidup bergelar dayus.
(PS: 54)

3848. Ular lalang kepala lalang
Lemah lembut kepala sawa
Sedap manis tidur di tilam
Urai rambut pengalang dada.
(KPBD)

3849. Ular lidi turun bertapa
Mari bertapa di kelopak kayu
Tidak jadi tidak mengapa
Jangan saya diberi madu.

(*KKMS*: 653)

3850. Ular tedung jangan dipermudah
Bisanya dapat membawa maut
Kalau tak maut merana juga
Berhujan berpanas aku tak endah
Keris lembing aku tak takut
Kehendak hati kuturut juga.

(*PMAB:137*)

3851. Uli suasa di dalam puan
Kembang cempaka dibuat gubah
Susah sungguh rupanya tuan
Wajah yang manis pucat berubah.

(*HIQ*: 8)

3852. Yang berlari sangat pantas
Yang menang sangat bertuah
Yang memberi tangan di atas
Yang menerima tangan di bawah.

(*KKMS*: 294)

3853. Yang seorang tidak bersampan
Sampan ada tebing seberang
Hendak berkawan tidak berkawan
Kawan sudah diambil orang.

(*KKMS*: 654)

PANTUN DALAM KEGIATAN SOSIAL

Pantun Cik Busu Pandai Membilang Malam (Versi Terengganu)

3854.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kese-se
Parang dewangsa
Hendak memarang gunung sebuah
Kata Cik Busu pandai berkata
Kata sepatah tiada berubah.

3855.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kedua-we
Dua di kayu anak
Mari disumpit dengan sumpitan
Orang berdua berdukung anak
Macam gunung bersahutan.

3856.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam ketiga-ge
Dua tiga genggong kupatah
Hendak menggenggong si batang padi
Dua tiga gunung kulangkah
Hendak mencari bagai di hati.

3857.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam keempat-pat
Pisau lipat di atas geta
Ilmu jatuh ke padang
Bagai disifat bagai dipeta
Haram tak jemu mata memandang.

3858.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kelima-ma
Empat lima meragi kain
Mana nak sama sepatu puan
Empat lima muda yang lain
Tidaklah sama abang seorang.

3859.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam keenam-nam
Hanyut buluh dari kerenam
Jerejak di pangkal titi
Duduk tak senang fikir tak nyaman
Tidur sekejap dirasuk mimpi.

3860.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam ketujuh-juh
Bintang tujuh tinggal enam
Jatuh sebutir ke Majapahit
Peluk tubuh rasa tak nyaman
Baru kutahu badan tak baik.

3861.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kelapan-pan
Serindit makan di papan
Berisi maka tumbuh
Eloklah sungguh si kain kapan
Balut ke mati baharu sungguh.

3862.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kesembilan-lan
Lembut liat si ngekor tiram
Lembut lemah kepala naga
Lemahlah sungguh corek dipegang
Hendak memujuk si ngorang ada.

3863.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kesepuluh-luh
Tetak buluh panjang sepuluh
Hendak mengait sarang tempua
Apalah guna suruh-menyuruh
Tipulah daya kita berdua.

3864.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam kedua puluh sembilan
Dua puluh sembilan geluk kukandar
Jatuh sebutir menimpa kaki
Ayuhai abang marilah dekat
Supaya kita bersama mati.

3865.* Kata Cik Busu pandai membilang malam:
Malam ini malam ketiga puluh
Tiga puluh bulan yang cukup
Malam esok harilah raya
Ayuhai anak yang terkutuk
Kubunuh engkau orang derhaka.

(3854–3865 *PMT*: 562–567)

Pantun Si Bongsu Pandai Membilang Malam (Versi Negeri Sembilan)

3866.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam keesa
Esa di pangsa
Letak mari di dalam perahu
Belum kenal dengan biasa
Apa dibuat orang pun tahu.

3867.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam kedua
Dua dipagar anak
Mati seekor di sumpitan
Ada kak janda dua beranak
Ada seorang manis mulutan.

3868.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam ketiga
Tiga lubuk bulangan
Rama-rama terbang ke Jawa
Seorang mencuba seorang bulangan
Sama-sama bersabung nyawa.

3869.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam keempat
Berempat duduk di pentas
Cukup berlima dengan gurunya
Bagai dakwat dengan kertas
Sudahlah kena dengan jodohnya.

3870.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam kelima
Lima di tengah laman
Mati disengat ikan sembilang
Ada berlima bujang di laman
Ada seorang cukup terbilang.

3871.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam keenam
Ambil garam dalam perenang
Letak mari ke luar kota
Cebok air dalam terenang
Akan buat pembasuh muka.

3872.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam ketujuh
Tujuh tanjung kehausan
Tempat rusa berulang mandi
Tujuh gunung bersahutan
Saya tetap berani mati.

3873.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam kelapan
Anak apan di dalam apan
Mati disengat si kumbang jati
Abang laksana si kain kapan
Buruk tidak diganti lagi.

3874.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam kedua puluh
Rumah besar bertingkat timah
Tingkat satu Paduka Tuan
Ke Mekah ke Madinah
Badan terserah padamu tuan.

3875.* Si Bongsu pandai bilang malam:
Malam ini malam dua puluh satu
Cik Murai panjang rambut
Panjang melilit ibu kaki
Mendengar Cik Murai pandai bercerita
Abang menunggu di Tanjung Jati.

(3866–3875 *PMT*: 560–562)

Pantun *Alif-Ba-Ta*: Perak

3876. (*alif*) Alif terdiri ambangan bayu
Pelajaran anak Raja Jumah
Akal bicara mohon dipayu
Wujud anggota habis lemah.

3877. (*ba*) Balang berisi nila kesumba
Minuman anak raja kayangan
Harap hati minta perhamba
Supaya kasih panjang-panjangan.

3878. (*ta*) Telepot bunga teratai
Tumbuh di jambang Nila Wanta
Reput atap dengan lantai
Abang tak lepas dari bercinta.

3879. (*tha*) Tebu ladang dimakan kuda
Lada diramas dalam telaga
Mana nak padan dengan saya
Tuan emas saya tembaga.

3880. (*jim*)
Jalan terus pergi Madinah
Negeri tu hebat di tengah padang
Di atas langit di bawah tanah
Saya tak lepas puan seorang.

3881. (*ha*)
Hasil mahsul Perak negeri
Tiga miliun lebih dan kurang
Rata desa sudah kucari
Tak ada bandingan tuan seorang.

3882.* (*kha*)
Khairadi nama Raja
Tabal di gunung Nila Wanta
Ngilu zamzam dan durja
Menyatakan tuan sangat bercinta.

3883.* (*dal*)
Di Masjid Makam Rasul
Sikap kerawang tebuk kalimah
Jika terpandang sifat yang usul
Ujud anggota habis lemah.

3884. (*lam alif*)
Layang-layang terbang melayang
Hinggap kemuncak balairung seri
Siapa bilang abang tak sayang
Di bawah awan payah dicari.

3885.* (*hamzah*)
Iya sungguh kata ulama
Maharaja singa turun bersiram
Tuan umpama sekuntum bunga
Itu sebab kanda geram.

3886. (*ya*)
Ya sungguh gagak di padang
Datang gajah dibelaikannya
Tengah sedap mata memandang
Takdir Allah dileraikannya.

(3876–3886 *PMT*: 571–574)

Pantun Pengogah Mayang
(Yakni Orang Bermain Mayang Pinang)

3887.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di jala mala
Dijemput dayang dijemput
Dijemput diseraya-raya.

3888.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pantat pasu
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang yang satu.

3889.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon kahwa
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang yang kedua.

3890.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon geliga
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang ketiga.

3891.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon perepat
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang keempat.

3892.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon delima
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang kelima.

3893.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon nam-nam
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang keenam.

3894.* Umbut mayang diumbut
Diumbut di pohon buluh
Dijemput dayang dijemput
Dijemput dayang ketujuh.

Yakni Dayang-dayang Turun:

3895.* Turun satu berkain serong
Turun satu berbaju hijau
Turun satu bersubang gading
Turun satu bersanggul sendeng.

3896.* Turun dua berkain serong
Turun dua berbaju hijau
Turun dua bersubang gading
Turun dua bersanggul sendeng.

3897.* Turun tiga berkain serong
Turun tiga berbaju hijau
Turun tiga bersubang gading
Turun tiga bersanggul sendeng.

3898.* Turun empat berkain serong
Turun empat berbaju hijau
Turun empat bersubang gading
Turun empat bersanggul sendeng.

3899.* Turun lima berkain serong
Turun lima berbaju hijau
Turun lima bersubang gading
Turun lima bersanggul sendeng.

3900.* Turun enam berkain serong
Turun enam berbaju hijau
Turun enam bersubang gading
Turun enam bersanggul sendeng.

3901.* Turun tujuh berkain serong
Turun tujuh berbaju hijau
Turun tujuh bersubang gading
Turun tujuh bersanggul sendeng.

Yakni Orang Memantunkan Tuan Puteri Hendak Turun:

3902.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pantat pasu
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri bongsu.

3903.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon kahwa
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri kedua.

3904.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon geliga
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri ketiga.

3905.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon perepat
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri keempat.

3906.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon delima
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri kelima.

3907.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon nam-nam
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri keenam.

3908.* Kembang lembayung berjurai-jurai
Yang sejurai di pohon buluh
Kembangkan payung tiup serunai
Hendak menyambut puteri tujuh.

Yakni Padang Tempat Tuan Puteri Turun:

3909.* Gali-gali lengkuas
Dapat sejarilah dua jari
Cari-cari padang yang luas
Hendak menurunkan bidadari.

3910.* Gali-gali kunyit
Dapat sejarilah dua jari
Cari-cari padang yang sulit
Hendak menurunkan bidadari.

3911.* Gali-gali serai
Dapat sejarilah dua jari
Cari-cari padang selesai
Hendak menurunkan bidadari.

Yakni Pantun Menyambut Puteri Datang:

3912.* Pinjam tukul pinjam landasan
Hendak menukul kepala pari
Pinjam dusun pinjam laman
Hendak menyambut bidadari.

3913.* Pinjam tukul pinjam landasan
Hendak menukul batang buluh
Pinjam dusun pinjam laman
Hendak menyambut puteri tujuh.

3914.* Pinjam tukul pinjam landasan
Hendak menukul kepala ayu
Pinjam dusun pinjam laman
Hendak menyambut puteri bongsu.

Yakni Pantun Kelihatan Sudah Puteri Datang:

3915.* Cincang-cincang gelenggang batang
Bari-bari di muka pintu
Aku tentang lenggangnya datang
Bidadari gerangan itu.

3916.* Cincang-cincang gelenggang batang
Batang padi di muka pintu
Aku tentang lenggangnya datang
Tuan puteri rupanya itu.

3917.* Cincang-cincang gelenggang batang
Kepala ayu di muka pintu
Aku tentang lenggangnya datang
Puteri Bongsu rupanya itu.

3918.* Baik-baik panggang pergam
Jangan terbalik di tungku tiga
Baik-baik tuan mengugam
Jangan terugam dua tiga.

3919.* Baik-baik panggang pegaga
Jangan terbalik di tungku tiga
Baik-baik tuan berkata
Jangan berkata dua tiga.

3920.* Baik-baik rendang roti
Jangan terbalik di tungku tiga
Baik-baik tuan bermimpi
Jangan termimpi dua tiga.

3921.* Tanam pauh di jambatan
Batang selasih cempaka lembut
Sedang jauh di sisi kayangan
Hati kasih maka dijemput.

(3887–3921 PBMJ: 154–160)

(Maka datanglah bidadari bertenggek di atas mayang itu.)

Menyambut Para Puteri Datang:

3922.* Tatang puan tatang cerana
Tatang di tengah taman
Datang tuan datanglah nyawa
Datang duduk di tengah laman.

3923.* Tatang puan tatang cerana
Tatang puan pagi hari
Datang tuan datanglah nyawa
Datang naik membasuh kaki.

3924.* Tatang puan tatang cerana
Tatang biduk di selasar
Datang tuan datanglah nyawa
Datang duduk nak bentang tikar.

3925.* Tatang puan tatang cerana
Tatang dengan kait padinya
Datang tuan datanglah nyawa
Datang dengan baik hatinya.

3926.* Tatang puan tatang cerana
Tatang biduk Seri Rama
Datang tuan datanglah nyawa
Datang duduk bersama-sama.

3927.* Tatang puan tatang cerana
Tatang dengan tunjang nyirih
Datang tuan datanglah nyawa
Datang duduk makan sirih.

3928.* Tatang puan tatang cerana
Tatang dengan lembah pakunya
Datang tuan datanglah nyawa
Datang dengan tingkah lakunya.

Menghantar Bidadari Pulang:

3929.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan putih
Dihantar dayang dihantar
Dihantar ke awan putih.

3930.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan hitam
Dihantar dayang dihantar
Dihantar ke awan hitam.

3931.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan hijau
Dihantar dayang dihantar
Dihantar ke awan hijau.

3932.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan biru
Kuhantar dayang kuhantar
Kuhantar ke awan biru.

3933.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan merah
Kuhantar dayang kuhantar
Kuhantar ke awan merah.

3934.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan ungu
Kuhantar dayang kuhantar
Kuhantar ke awan ungu.

3935.* Kulangsar mayang kulangsar
Kulangsar ke cawan kuning
Kuhantar dayang kuhantar
Kuhantar ke awan kuning.

(3922–3935 *PMT*: 569–571)

PANTUN-PANTUN DALAM ISTIADAT PERKAHWINAN

(i) Dalam Majlis Peminangan:

3936. P
Kayu ara tinggi sebatang
Dahan lampai pucuk putih
Apa fasal lambat datang
Kami memandang mata dah putih.

3937. P
Cempedak di tengah laman
Dijolok di umpu kaki
Usah lama tegak di laman
Ambil cebok basuhlah kaki.

3938. L
Putik pauh dari permatang
Sayang selasih saya lurutkan
Dari jauh saya datang
Tegal dek kasih saya turutkan.

3939. P
Putik pauh dari permatang
Sayang selasih masak minyak
Dari jauh tuan-tuan datang
Terima kasih banyak-banyak.

3940. L
Kalau tidak kerana bulan
Bintang tidak terbit pagi
Kalau tidak kerana tuan
Kami tidak sampai ke mari.

3941. P
Sudah penat kami berbangsi
Kerabat di bawah batang
Sudah penat kami menanti
Inilah baru tuan datang.

3942. L
Rumah gedang, papan berukir
Keranji dibelah dua
Kami datang kata tak mungkir
Sebab dah janji kita berdua.

3943. Anak pipit mati tersepit
P Mati disengat kumbang hijau
Makan sirih pinang digigit
Hendak dibelah tidak berpisau.

3944. Bukan lebah sebarang lebah
L Lebah bersarang di atas papan
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah dari hujung ke pangkal.

3945. Bukan lebah sebarang lebah
P Lebah bersarang di pokok nangka
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah seadat dengan pusaka.

3946. Rumah kecil papannya lima
L Tempat menyalai ikan kerisi
Ayuhai encik kami bertanya
Berapa harga intan di sini?

3947. Tali kail panjangnya lima
P Akan pengail ikan tenggiri
Tujuh tahil sekati lima
Itulah harga intan di sini.

3948. Kalau tidak rengas di tanjung
L Pandan di hulu direbahkan
Kalau tidak emas dikendong
Badan dahulu diserahkan.

3949. Kalau tiada rengas di tanjung
P Ambil beringin pagarkan dulang
Kalau tiada emas dikendong
Janganlah ingin ke anak orang.

3950. Ribu-ribu batang terpanggung
L Akan duduk batang rumbia
Walau beribu hutang kutanggung
Akan kupinang idaman dara.

3951. Sapu tangan jatuh ke laut
P Jatuh dengan kalas-kalasnya
Panjang tangan saya menyambut
Satu tidak dengan balasnya.

3952. Cik Ungku mudik ke hulu
P Ambil kain basuh nilanya
Kalau yang itu biarlah dulu
Kalau yang lain, barang bilanya.

(Sekadar berjenaka – seolah-olah lamaran tidak diterima)

3953. Ombak berolak hujannya lebat
L Tasik di hulu mengalir lumpur
Murka ditolak menjadi ubat
Asyik bertambah rujuk tak undur.

3954. Tasik di hulu mengalir lumpur
Tempat bertapa si ular sawa
Asyik bertambah rujuk tak undur
Malu dan nestapa ditahan semua.

3955. Raja Tua datang kerama
P Ambil tali pengikat jarum
Pintaknya tidak kami terima
Segala hakikat telah termaklum.

3956. Ambil tali pengikat jarum
Bantal bersurat di atas bangku
Segala hakikat telah termaklum
Kudrat menjadi tiada berlaku.

(ii) Ketika Istiadat Bersanding: Sambutan Pihak Perempuan

3957. Tatang puan tatang cerana
P Tatang biduk Seri Rama
Datanglah tuan datanglah nyawa
Datanglah duduk bersama-sama.

3958. Nak tajuk, tajuklah puan
P Ramunggai batang berduri
Nak masuk masuklah tuan
Timbanglah cukai adat negeri.

3959. Belatuk lagi terbang
L Ini pula si burung nuri
Hukum datuk lagi kutimbang
Inikan pula cukai negeri.

(iii) Ketika Berjamuan:

3960. Entah lantak entahnya lentik
P Kembang bunga iraian
Entah mentah entah lembik
Budak-budak punya buatan.

3961. Sorong papan tarik papan
L Buah keranji dalam perahu
Suruh makan kami makan
Berjanji tidaklah kami tahu.

(iv) Ketika Akan Berangkat Pulang:

3962. Hendak dulang diberi dulang
P Dulang berisi bunga lada
Hendak pulang diberi pulang
Pulang diiringi si air mata.

(3936–3962 KPL)

PANTUN NARATIF: CERITA RAJA HAJI

3963. Keranji di dalam lukah
Ubur-ubur dari China
Raja Haji yang punya suka
Hendak berkubu di Bukit Cina.

3964. Ubur-ubur dari China
Tetak tenggiri di bawah batang
Hendak berkubu di Bukit Cina
Maka sendiri gerangan datang.

3965. Tetak tenggiri di bawah batang
Salah nama orang mengaji
Patut sendiri gerangan datang
Sudah bernama Si Raja Haji.

3966. Salah nama orang mengaji
Kumbu di dalam jala
Sudah bernama Si Raja Haji
Maka bertemu pada Wolanda.

3967. Kumbu di dalam jala
Hendak menangkap ikan sembilang
Sudah bertemu pada Wolanda
Keesa dapat kedua hilang.

Setelah Raja Haji Mangkat dalam Perang:

3968. Puan terletak di atas rentaka
Orang berpadi di tanah liat
Isteri pun tiada dapat berkata
Mayatnya pun tiada dapat dilihat.

3969. Orang berpadi di tanah liat
Di Mekah banyak buah pedada
Mayat tiada dapat dilihat
Seperti merekah rasanya dada.

3970. Di Mekah banyak buah pedada
Bunga tanjung di atas rakit
Seperti merekah rasanya dada
Terkenangkan untung dengan nasib.

3971. Bunga tanjung di atas rakit
Sarabei di muka pintu
Terkenangkan untung dengan nasib
Maka sampai sehingga itu.

3972. Sarabei di muka pintu
Pergi ke parit hendak meriau
Maka sampai sehingga itu
Ratu Amas lalu berbalik ke Riau.

3973. Pergi ke parit hendak meriau
Situlah banyak buah kembili
Isteri berbalik ke Tanah Riau
Serta duduk mendiam-diamkan diri.

(3963–3973 *WPM*: 33–34)

XIII

Salam Perpisahan

3974.  yam ini ayam Kedah
Bawa ke pasar untuk dijual
Malam ini malam penyudah
Makan minum minta dihalal.

(SBSB: 5)

3975.* Batu Sangkar, batu bersurat
Ke sana Padang Selaguri
Makanan arif, kias ibarat
Pantun seloka ulam jauhari.

(PMW: 28)

3976. Bintang barat terbit petang
Bintang timur terbit pagi
Jika tidak melarat panjang
Ada umur ketemu lagi.

(SBSB: 6)

3977.* Burung putih terbang malam
Hinggap mari di pohon remunia
Tabik encik, tuan di dalam
Kami mencabut sedak rebana.

3978. Hinggap mari di pohon remunia
Jauh dari pohon meranti
Kami mencabut sedak rebana
Majlis berpantun mohon berhenti.

(3977–3978 KPL)

3979. Dari mana hendak ke mana
Tinggi rumput dari padi
Hari mana bulan mana
Dapat kita bertemu lagi.

(*SBSB*: 9)

3980. Fikir-memikir sama lawak
Jangan dibawa ke Tanjung Jati
Sindir-menyindir sesama awak
Jangan dibawa masuk ke hati.

(*PMW*: 92)

3981. Hari ini merendang jagung
Hari esok merendang serai
Hari ini kita berkampung
Hari esok kita bercerai.

3982. Hari ini merendang serai
Hari esok merendang ringgi
Hari ini kita bercerai
Ada umur bertemu lagi.

(3981–3982 KPL)

3983. Jika batangnya berduri-duri
Itulah kemujut kepala rempah
Kalam tiada sanggup berlari
Dagang bermohon berhenti kisah.

3984. Kemujut kepala rempah
Buah pahala buah kemiri
Kalam sujud membawa sembah
Dakwat berlari menjunjung duli.

(3983–3984 *SARH*: 71)

3985. Kalau ada jarum yang patah
Jangan disimpan di dalam peti
Kalau ada silap sepatah
Jangan disimpan di dalam hati.

(*PS*: 106)

3986. Kalau ada sumur di ladang
Dapat kita bersama mandi
Kalau ada umur yang panjang
Dapat kita bertemu lagi.

(*PMSR*: 25)

3987. Kapal layar dipukul arus
Terus belayar ikut pedoman
Pantun Melayu hidup terus
Tidak kalah dilambung zaman.

(*KPM*: 30)

3988. Mangkuk jorong pinggan pun jorong
Sejorong berisi buah jati
Dua tiga kata terdorong
Jangan dibawa masuk ke hati.

(*HACT*: 59)

3989. Rahmat dinanti berkunjung juga
Mega yang redup sudah beredar
Selamat berbakti payung negara
Semoga hidup tabah dan sabar.

3990. Mega yang redup sudah beredar
Cerah berseri angkasa timur
Semoga hidup tabah dan sabar
Murah rezeki negara makmur.

(3989–3990 *MT*: 94)

3991. Si Amin anak di Kedah
Turun memacuk di tengah padang
Doa diminta, amin ditadah
Mintakan bulan biar terang.

(*PMMM*: 191)

3992. Teduh bernaung pohon pulasan
Tepian desa berbuah berangan
Tanda bersambung adat warisan
Budaya bangsa dilupa jangan.

3993. Tepian desa berbuah berangan
Buahnya gugur hanyut ke muara
Tanda bersambung adat warisan
Budi luhur kunci sejahtera.

(3992–3993 *MT*: 30)

3994. Tetak buluh panjang sepuluh
Mari jolok sarang penyengat
Angkat tangan jari sepuluh
Doa diminta biar selamat.

(*PMW*: 63)

3995. Tiga puluh hari bulan rejangnya ulat
Perian baik diturunkan rahmat
Tuanku kedua sama berdaulat
Kekal perkasihan hingga kiamat.

3996. Perian baik diturunkan rahmat
Sebarang kerja jadi kebajikan
Kekal perkasihan hingga kiamat
Kebesaran hamba-Nya Allah tambahkan.

3997. Sebarang kerja jadi kebajikan
Jika beranak tersangat mulia
Kebesaran hamba-Nya Allah tambahkan
Putera-berputera di dalam bahagia.

(3995–3997 *HSA*: 214)

XIV

Harapan

3998.*  ulan mengambang terang cuaca
Pergi ke darat memetik bunga
Jikalau sudah tuan membaca
Pulangkan surat pada yang punya.

3999.* Pergi ke darat memetik bunga
Bunga anggerik di atas pagar
Pulangkan surat pada yang punya
Jangan tercabik jangan terbakar.

4000.* Bunga anggerik di atas pagar
Pagar bersasak dengan pintunya
Jangan tercabik jangan terbakar
Jangan rosak barang suatunya.

(3998–4000 PBMJ: 77–78)

Penutup Kata

Untaian kata santun termaktub
Buat pemburhul permata warisan
Pantun ini pantun penutup
Semoga menyusul di lain Binglaisan.

Catatan Teks

[*Nombor merujuk nombor bilangan rangkap pantun, dan bertanda asterisk (*) dalam teks; (a, b, c, atau d) merujuk baris/larik, (i) merujuk kuplet pembayang, dan (ii) merujuk kuplet maksud.*]

43(ii) Adat menyembah pembesar, atau berkunjung ke majlis beradat: maksud tepak sirih yang dibawa tetamu atau yang disediakan oleh tuan rumah; sekali gus menyatakan peranan sirih dan pinang dalam adat istiadat Melayu tradisional. Pantun demikian hampir sama dengan yang dimaksudkan untuk memulakan persembahan gamelan iaitu peranan alat-alat gamelan: gong, gambang, kelenang dan lain-lain (lih. rangkap 555).

53(a–c) Rima: *jelutung* → *berpantun*: pantun ini adalah pantun lisan dari daerah Pantai Timur Semenanjung Malaysia, iaitu Kelantan, Terengganu, atau Pahang. Dalam dialek tersebut, "pantun" disebut "pantung" atau "patung", menjadi berima dengan "jelutung".

66 Ada versi lain yang baris maksudnya berbunyi: "babi mati kamu makan", yang tidak dimasukkan ke dalam koleksi ini.

80(b–d) Rima: *cenak* → *tengok*: dalam dialek daerah atau sebutan lisan, disebut "cenok" untuk berima dengan "tengok".

108(a–c) Rima: *lipan* → *malam*: sama seperti yang berlaku dalam rangkap 53(a–c) di atas.

126(ii) Teks *muntahkan darah* berbeza dengan maksud kamus "muntah kedarah"; koleksi ini mengekalkan bacaan dalam teks; malah sebutan demikianlah yang asli.

130(b) Teks *kakinya* mungkin bermaksud "akarnya" atau "pangkalnya".

147 Pantun daripada *Sejarah Melayu*, cerita tentang Singapura dilanggar todak (Shellabear, 1975:66–69). Raja memerintahkan rakyat berkubukan betis, tetapi dengan saranan seorang budak, mereka dapat mengalahkan todak dengan berkubukan batang pisang. Bagaimanapun, budak itu dijatuhi hukuman bunuh oleh raja atas saranan para pembesar yang berpendapat budak itu nanti akan mengancam kuasa raja dan kepentingan mereka.

152(d) *Pak Da* mungkin watak jenaka yang dikenali oleh anggota masyarakat berkenaan, di sini masyarakat Melayu Kedah.

169(ii) Watak Keling atau India Islam dalam masyarakat Melayu biasanya kurang dihormati, misalnya dijadikan bahan jenaka dan usikan. Di sini *Si Kaling* yang bodoh dan melucukan disuruh menari.

172 Versi lain, baris maksudnya berbunyi: "Tahi Cina kamu suluh" tidak dipilih untuk dimasukkan ke dalam koleksi ini.

177(b) Teks *mengisap* berbeza dengan makna dalam kamus: *menghisap*. Dikekalkan seperti dalam teks, sesuai dengan sebutan dalam dialek atau pertuturan lisan masyarakat berkenaan.

186 Kecapi sejenis alat muzik tradisional, tetapi di sini bermakna suatu bentuk menggeleng. Maksudnya menyindir kaum Keling yang dianggap kedekut, tinggal di rumah mentua, tidak di rumah sendiri bersama isteri yang dikahwininya dalam keluarga itu. Lihat juga Catatan 169(ii) di atas.

195(d) Teks *abang nak berlaki* mungkin satu kesilapan; maksudnya "kakak hendakkan laki", atau akan berkahwin.

199 *Ikan tokak* sejenis ikan yang bermulut besar dan melahap makanan dengan rakus; ini sesuai dipadankan dengan tabiat

orang yang makan dengan lahap sehingga mendatangkan mudarat pada kesihatannya.

201(ii) Tradisi mengasah gigi, meratakan gigi hadapan dengan menggunakan alat seperti kikir merupakan kebiasaan dalam masyarakat Melayu pada zaman lampau; tujuannya untuk menambahkan cantik pada ukuran masyarakat zaman itu.

205 *Padi* biasanya *berhampa*, iaitu ada yang sambang tiada berisi; demikian juga *hati* yang sewajarnya *berasa*, mempunyai perasaan malu, segan atau waspada.

232–234 Menyatakan keburukan tabiat *menyabung*, berlaga ayam; iaitu suatu bentuk pertaruhan yang boleh merugikan, membuang masa dan kadangkala menyebabkan pergaduhan.

238 Sebahagian daripada mantera mengubat sakit atau kembung perut biasanya di kalangan bayi dan kanak-kanak. *Kembung, segah* – perut dipenuhi angin – keluar menjadi kentut.

247–249 Sebahagian daripada lagu "Mula-mula Pasang" dalam persembahan beduan, iaitu sejenis permainan dikir yang dikenali di negeri Perlis. Lirik lagu yang didikirkan adalah daripada pantun yang tipikal, lebih merupakan pantun-pantun mudah atau pantun kanak-kanak. (Lih. Harun Mat Piah, 1989:196–197).

287 Sindiran kepada bapa atau laki-laki yang suka beristeri lebih daripada satu; ibu tiri atau isteri muda mungkin membuat kerenah dan minta diceraikan.

293(i) Rangkap ini mungkin lebih baik begini: *Sepiring dua piring / Semangkuk raja dewa*; iaitu bermaksud makanan, sepiring, dua piring dan semangkuk untuk raja dewa. Bagaimanapun, di sini diturunkan seperti dalam teks.

324(ii) Sindiran kepada ibu yang kurang memberikan tanggungjawab kepada anak-anak, misalnya selalu menyanyi, bersenang hati sehingga anak-anak menangis kerana kurang diberikan perhatian. Kata *duduk* di sini lebih bererti "sentiasa", "selalu" duk tidur: sedang tidur, selalu tidur.

325 Pantun jenaka masyarakat Brunei; tetapi maksudnya menggalakkan menabung "duit satu sen, lama-lama menjadi seratus"; seratus sen, seratus ringgit.

338 Sebahagian daripada lirik dalam lagu "Wau Bulan" yang umum dinyanyikan dalam persembahan dikir barat yang terkenal di Kelantan. *Wau bulan* ialah salah satu daripada jenis atau corak wau, layang-layang yang menjadi permainan kegemaran atau hobi dalam masyarakat Melayu Kelantan.

385 Sebahagian teka-teki tentang hujan, daripada puisi ciptaan Munsyi Sulaiman (Sulaiman bin Haji Mohd. Noor). Puisi ini secara keseluruhan tidak tergolong sebagai pantun; ia lebih merupakan syair dua baris; namun dalam petikan ini, oleh sebab yang dikutip hanya empat baris, dengan rima *a-b-a-b*, ia menjadi pantun yang tipikal. Puisi ini sepenuhnya berbunyi demikian:

Dihitung banyak tidak terkira
Apabila dijumlahkan jadi satu.

Melompat ia seperti kera
Hanya tak pandai memanjat pintu.

Menghidupi memelihara
Tetapi orang benci bercampur bersatu.

Sungguhpun datangnya dari udara
Tempat asalnya bukan di situ.

Lemah lembut tulus mesra
Hairan, orang takut bukan suatu.

Dihambatnya lari bercempera
Tetapi bukannya dia syaitan dan hantu.

Kalau tak bersembunyi dengan segera
Baharulah menggelugut kita di situ.

(Harun Mat Piah, 1989:231–232)

388(ii) *Orang sumbing* biasanya rabit di bahagian bibir, menjadikannya seperti tersenyum atau ketawa sentiasa.

389(ii) *Punggung lentik* atau tonggek, dianggap kurang cantik.

395(b–d) *Perahu* dan *biduk* sama-sama kenderaan air; agak mustahil menjumpai perahu di dalam biduk; mungkin kata "dibidiknya" lebih tepat; oleh itu kata *biduk* bertujuan untuk berima dengan *rodok*.

397(ii) Berjanggut atau berjambang selalu dihubungkan dengan orang alim, kuat beribadat, imam atau bilal masjid; oleh sebab itu sia-sia menyimpan janggut kalau tidak rajin beribadat seperti ulama.

430(ii) Ejekan atau sindiran terhadap wanita yang kurang sopan, menarik perhatian umum secara murahan; maksudnya di sini *anak dara* berharga *dua sekupang* (lima sen atau dua puluh sen) seorang, dan *janda empat* orang *segantang padi*, iaitu kira-kira lima sen seorang.

432(i) Ungkapan *Kecil-kecil panggil pak / Besar-besar panggil abang* bermaksud seseorang itu dipanggil "pak" oleh anak-anak; dan dipanggil "abang" oleh orang yang lebih besar, orang muda.

443(ii) Menyatakan rasa kesal seseorang apabila sudah tua; daging murah tetapi gigi sudah tanggal, ramai gadis boleh didekati, tetapi tenaga sudah tiada atau berkurangan.

468 Cerita jenaka masyarakat Melayu Brunei Darussalam. Watak Pak Saloi hampir sama dengan Pak Kadok. Dalam babak ini Pak Saloi menemui rusa tertidur dalam perahunya. Dia membawa rusa itu untuk dijual dengan mendayung perahunya dengan cukup berhati-hati. Apabila orang menegur dia menjawab perlahan: "rusa". Semakin ramai yang bertanya sehingga dia hilang sabar dan menjerit "rusa!"; dengan demikian rusa itu terjaga dan melarikan diri.

480(ii) Berkopiah putih adalah pakaian kebiasaan golongan ulama, lebai dan imam; dengan berpakaian demikian orang berkenaan selalu dijemput kenduri, membaca doa, tahlil dan sebagainya. Pantun ini merupakan suatu sindiran kepada orang yang berkopiah putih dengan maksud untuk dijemput ke majlis-majlis kenduri seperti itu.

498(c) Teks *bersidi sakti* merupakan sebahagian daripada ungkapan yang biasa terdapat dalam mantera dan cerita-cerita lisan; merujuk keturunan, asal usul seseorang wira daripada watak sakti, dewa atau wali Allah.

525 Sebahagian daripada teromba Adat Perpatih tentang pembahagian masyarakat kepada luak; adat serta ketua-ketua yang dilantik oleh masyarakat berkenaan.

528 Sebahagian daripada mantera ketika membulang ayam sabungan untuk pertandingan menyabung atau laga ayam.

531(b) Versi asal: "Anak gajah disangka babi"; dipilih yang lain daripada versi lisan untuk mengelakkan perkataan "babi" berima dengan "nabi". Perkataan-perkataan lain dan maksud pantun seluruhnya tidak berubah.

534(ii) Daripada *Hikayat Indera Nata* dialog Indera Lelana (anak kepada wira, Indera Nata) kepada kekasihnya, Puteri Seri Kencana. Pernyataan demikian sama dengan yang lain, misalnya "Kalau berdusta, bukan anak pendeta" dan sebagainya.

535 Sebahagian daripada teromba adat, bermaksud seseorang yang berlagak atau menunjukkan dirinya bijak dan pandai boleh menunjukkan kebodohannya sendiri.

536(ii) Sifat *setia* adalah antara sikap dan amalan yang baik bagi golongan bangsawan.

543(ii) Pentingnya mengotakan janji, kerana orang yang mungkir janji tergolong sebagai munafik.

544(ii) Mengambil kira dan memberikan pertimbangan berdasarkan adat dan tradisi.

547 Pantun dalam istiadat perkahwinan, biasanya daripada pihak laki-laki setelah dijemput naik oleh pihak perempuan.

550 Daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:102–105) tentang kisah Tun Telanai, anak Bendahara Paduka Raja yang dititahkan membawa utusan ke Siam, untuk mendapatkan kepastian dalam perhubungan antara Melaka dengan Siam. Di sana dia menunjukkan kegagahan dan

kebijaksanaannya sehingga Awi Dicu, raja Siam, amat kagum dengan kegagahan Melaka. Dengan demikian hubungan Melaka–Siam menjadi amat baik, khususnya dari segi politik dan perniagaan.

561 Teromba Adat Perpatih yang menyatakan hukum, kuasa dan kedudukan raja, undang dan penghulu; mereka dan tindakan mereka tidak boleh dipersoal, digugat atau dicabar oleh rakyat yang diperintah.

563 Daripada *Hikayat Panji Semirang* yang mengisahkan kegembiraan wirawati, Raden Galuh Cenderakirana menerima hadiah patung anakan kencana daripada wira, Raden Inu Kertapati.

577 Daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:172–173) yang menceritakan kisah raja Maluku meminjam kuda daripada Maulana Yusuf. Raja Maluku datang ke Melaka setelah negerinya dialahkan oleh Kastilan (kuasa Sepanyol di Filipina). Dia dimuliakan oleh raja Melaka, Sultan Alauddin dan disayangi oleh orang muda-muda kerana kepandaiannya bermain sepak raga. Kisah ini menunjukkan kebaikan raja dan orang-orang Melaka, termasuk Maulana Yusuf, seorang ulama dari Asia Barat. Memberi pinjam kuda misalnya, menunjukkan keikhlasan antara kedua-kedua pihak yang meminjam dan pemberi pinjam; oleh sebab kuda merupakan milik peribadi dan penanda kepada kuasa dan status.

584(b–d) Rima: *duit* → *ikut* – teks ini asalnya dalam dialek Melayu Minangkabau, iaitu "duit" disebut "duik" dan "ikut": "ikuik"; menjadikan kedua-duanya berima.

587 Adat berunding, dimulakan dengan makan sirih. Semasa makan sirih diberikan bayangan tentang maksud kedatangan dan lain-lain; sesudah itu baharulah berbincang secara serius hingga mencapai matlamat dan tujuan.

632 Sifat budiman yang baik dan bijaksana tidak berlebihan dan sebaiknya sama rata, tidak berlumba-lumba untuk merebut sesuatu bagi faedah sendiri. Ungkapan *Bunga angsana tumbuh di pasu* merupakan perlambangan kepada sesuatu yang besar mengambil tempat untuk yang kecil.

652(ii) Suatu bentuk perlambangan yang menarik: kesedaran terhadap masa lalu yang mungkin telah hilang daripada ingatan, atau tidak meninggalkan kesan.

661(ii) Menyatakan "aku" memilih orang yang berbudi bahasa, bukan yang elok paras semata-mata.

671(ii) Berbudi biarlah pada tempat yang wajar, supaya tidak mendatangkan kerugian kepada yang berbudi dan yang menerima budi.

709(a) *Gerinsing wayang* merupakan corak hiasan yang cantik dan terkenal yang umumnya dilukiskan pada kain dengan menggunakan warna biasa. Di sini ia bertambah cantik kerana dilukis dengan perada.

742(a–c) Rima: *pahit* → *baik* – berima menurut sebutan dalam dialek berkenaan.

803 Rangkap ini mempunyai struktur yang hampir sama dengan syair, khususnya dengan sistem rima *a-a-a-a*; bagaimanapun, kuplet maksud tidak merujuk *puyu-puyu* tetapi manusia, di sini Tuan Raffles; oleh itu rangkap ini tetap pantun.

809(b) Teks *Tanam kepaya di dalam padi* bermaksud tanam betik di dalam sawah atau di batas antara rumpun-rumpun padi.

823(c) Teks *Dedak basah penjemur padi* – peribahasa yang bermakna sesuatu yang terbuang masih boleh digunakan apabila perlu.

836(a) Kata *ulit* mungkin daripada kata "ilir" untuk hilir; menjadikan keseluruhan ungkapan berbunyi: *Hilir tenang, mudik suasih*, menyatakan keadaan yang sukar, kerana menghilir sewaktu air tenang atau pasang terpaksa berkayuh dan mudik pada waktu surut juga demikian; bandingkan dengan kisah Lebai Malang yang menghadapi situasi yang sama: hilir menongkah pasang, mudik menongkah surut.

845(a–c) Rima: *tujuh* → *penuju*: sebutan biasa di kalangan Cina peranakan, atau bahasa Melayu dalam tulisan orang asing; misalnya "gajah", disebut dan dieja "gaja", sementara "raja" disebut dan dieja "rajah". Formula yang sama terdapat

dalam rangkap-rangkap 861, 880, 885 dan di beberapa tempat lain.

893(a) Teks *biasa rejan tanda berbahu* bermaksud, biasanya sakit "rejan" iaitu batuk yang teruk memberikan tanda, iaitu berbau; atau pesakit telah mempunyai tanda-tanda diserang penyakit rejan.

917(b) Teks *berbunyi aur* mungkin "berbunyi di aur" iaitu di rumpun buluh aur; ini sesuai dengan perujukan kepada kata *pokok* dalam (d). Keseluruhan pantun mengingatkan agar berhati-hati dalam mengeluarkan kata dan madah, supaya keadaannya seindah pohon yang rendang dan subur.

923(ii) Sindiran kepada orang yang tamak, daripada cerita lisan yang mengisahkan seekor anjing mendapat seketul tulang. Ia membawa tulang itu menyeberangi sebuah jambatan. Ia melihat seekor anjing lain yang juga menggonggong tulang; sebenarnya itu ialah bayang-bayangnya sendiri. Ia menyalak untuk mendapatkan tulang itu. Dengan demikian tulang di mulutnya jatuh ke sungai dan ia mendapat rugi akibat ketamakannya.

963(b) Teks *rajang diberi* bermaksud seperti rejang yang diberikan menurut susunan hari bulan berkenaan.

973(i) Kuplet pembayang bermakna: ikan kepunyaan orang, nangka kepunyaanku; kedua-duanya terletak di luar pintu rumah Laksamana.

1012(d) *Alu* atau antan tentunya besar, mustahil dapat digunakan untuk mengeluarkan *duri* atau sembilu dari dalam daging.

1014 Teks *Ketua-ketua raja duduk / Jangan ditimpa papan* daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:271–273) mengisahkan raja Kampar, Raja Abdullah yang bersaudara dengan Sultan Mahmud Syah Melaka. Beliau hendak berbaik-baik dengan orang-orang Feringgi dengan maksud mendapatkan semula tanah-tanah jajahan Melaka yang dahulunya milik kerajaan Kampar. Para pembesarnya tidak bersetuju kerana perbuatan itu dianggap khianat. Raja Abdullah meneruskan hasratnya, lalu dia ditawan oleh orang-orang Feringgi dan dihantar ke

Goa. Pantun ini mengingatkan: jangan melakukan perbuatan yang sudah diketahui bahayanya.

1024 Dianggap antara pantun terawal yang terdapat dalam bentuk tertulis, iaitu dalam *Hikayat Raja Pasai* (lihat Teuku Iskandar, 1996:169–170). Maksud pantun menyatakan jangan menyalahkan orang lain jika sesuatu kesulitan yang dialami akibat daripada tindakan sendiri.

1029–1032 Motif *lancang kuning* merupakan objek misteri yang selalu terdapat dalam cerita-cerita lisan Melayu; dihubungkan dengan asal usul sesebuah masyarakat atau sesebuah institusi, misalnya dalam teromba Adat Perpatih. Dalam pantun ini ungkapan *Lancang kuning belayar malam* dan perlakuan pelayaran seterusnya membawa makna erotis, hubungan kelamin lelaki dengan perempuan, di dalam atau di luar perkahwinan. Selain lancang, kenderaan-kenderaan laut yang lain seperti perahu, biduk, kapal dan lain-lain boleh melambangkan maksud yang sama.

1041(ii) Tubuh adalah sifat jasmani dan *sifat* adalah rohani, peribadi dan jiwa yang mencorakkan perilaku dan pertimbangan seseorang. Tidak mudah untuk mengenali dan memahami sifat rohani ini.

1051(d) *Lama di lama* dalam bahasa Melayu Brunei bermakna semakin lama, atau bertambah lama (menurutkan hawa nafsu) akan menjadi gila.

1063(a) *Pangiran* (menurut sebutan di Brunei Darussalam), ialah gelaran kepada golongan tertentu dalam susun lapis masyarakat Melayu Brunei, iaitu bagi yang berketurunan raja; sama dengan gelaran "pangeran" dalam masyarakat Jawa.

1073(ii) Jika orang tua, ibu bapa dan kalangan dewasa dalam masyarakat itu bersikap tidak wajar, anak-anak dan golongan muda akan berkelakuan lebih buruk pula; sesuai dengan peribahasa "Guru kencing berdiri, murid kencing berlari" dan "Bapa borek, anak rintik".

1078 Keseluruhan pantun menyatakan bahawa setiap yang hidup akan merasai mati, baik yang tua maupun muda, walaupun hidup hingga 1000 tahun, akan mati juga akhirnya.

1085(ii) Kerana menurutkan perasaan hati dan pandangan mata, badanlah yang menanggung akibatnya.

1091(b) Watak yang dirujuk ialah Amir Hamzah, wira *Hikayat Amir Hamzah* yang digelar Johan Pahlawan. Dari segi sejarah beliau ialah bapa saudara Rasulullah s.a.w. yang syahid dalam Peperangan Uhud.

1123(i) Dalam dialek Melayu Brunei: Temenggung dan Laksamana membuat bedil atau meriam. Temenggung menempa larasnya atau menuangkan cairan besi ke dalam acuan dan Laksamana mengukir corak atau hiasannya.

1144(ii) Ibu bapa jangan campur tangan dalam urusan rumah tangga anak dan menantu, kerana hal ini akan menunjukkan kelemahan dan kesilapan ibu bapa sendiri.

1151(a) *Aceh*, boleh bermakna orang Aceh atau anak Aceh.

1160(ii) Bukan setakat retak dan belah, tetapi hancur, remuk-redam, musnah sama sekali.

1165(i) *Daun neraca* (alat penimbang) pecah dan berlonggok, ketika anak Cina yang memilikinya sedang bermain terup. Perlambangan yang tidak berhubungan dengan maksud.

1203(ii) Melakukan sesuatu terutama dengan beradat, janganlah menimbulkan kesan yang negatif, misalnya kalau membuat simpulan tali jangan nampak berbuku, menghubung atau menyambung sesuatu jangan nampak kesan sambungannya. Jika hal itu berlaku menunjukkan yang melakukannya kurang arif. Pepatah lain yang popular misalnya: "Bagai menarik rambut dalam tepung; rambut jangan putus, tepung jangan terserak".

1223(ii) Sindiran kepada perkara yang dilakukan tidak secara yang sewajarnya.

1228(b) Dijual oleh anak Melayu.

1256(a–c) Rima: *Melaka* → *pelepah* – rima dengaran dalam sebutan dialek berkenaan.

1261 Petikan daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:94–95) mengisahkan putera Bubunnya (raja Siam) yang bernama Chau Pandan mengaku akan menyerang Melaka. Khabar itu terdengar kepada orang Melaka. Seorang pendekar keturunan Arab yang dikenali sebagai Tuan Sidi Arab melepaskan anak panahnya ke arah negeri Siam dan berkata "Mati engkau Chau Pandan". Chau Pandan yang ketika itu sedang berlengkap di negerinya merasai dadanya seperti dipanah, lalu mati dengan muntahkan darah. Dengan demikian Bubunnya tidak jadi menyerang Melaka.

1271 Petikan daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:208–209), mengisahkan orang besar-besar Melaka yang diketuai oleh Laksamana dan Tun Mamat dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah meminang Puteri Gunung Ledang. Pantun ini diucapkan melalui bunga tanjung biru dalam taman Puteri Gunung Ledang sebagai sindiran kepada raja Melaka yang berhasrat memperisterikan puteri daripada alam ghaib, daripada golongan dewa-dewi kayangan. Memang akhirnya hasrat itu tidak tercapai.

1292(ii) Jenaka bercampur sindiran – terlalu pemurah, mendukung orang yang disangkakan sakit, lapar, tetapi sebenarnya dia kekenyangan. Dalam konteks lain – membantu orang yang sudah kaya dan tidak memerlukan bantuan.

1294(ii) *Mendalit* bermaksud kebolehan mengubahkan pandangan, berbohong atau menipu; sekali berlaku masih boleh dimaafkan; tetapi untuk yang seterusnya akan menerima bantahan atau teguran.

1318 Perihal berniaga, hilir dan mudik sarat dengan barang dagangan. Melihat kepada bebanan yang dibawa disangkakan mendapat laba; tapi apabila dikira rupanya modal pun telah termakan.

1354(ii) Walaupun telah dipasak dan dikunci namun masih dapat dibuka dengan isyarat; sindiran kepada gadis yang dipingit, dijaga dengan rapi tetapi masih dapat digoda atau ditawan dengan pujukan dan taktik tertentu.

1364(ii) Hanya dapat berpandangan saja, tetapi tidak dapat bertegur sapa, sama seperti dalam peribahasa: "Melihat bunga di dalam cermin".

1379(a–c) Rima: *merawai* → *penawar* – berima sebagai rima dengaran.

1414 Petikan daripada *Hikayat Malim Deman*: wiranya Malim Deman menyamar jadi pemancing untuk mengintip tujuh puteri dari kayangan yang turun mandi ke taman itu. Dia menyembunyikan baju layang Puteri Bongsu dan memberikan pantun ini sebagai jawapan kepada sang puteri. Akhirnya puteri tersebut menjadi isteri Malim Deman.

1467(b–d) Rima: *sembilan* → *nilam*; dalam dialek Melayu Pantai Timur kedua-dua bunyi akhir disebut sama.

1506 Petikan daripada *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:66–67), mengisahkan kerajaan Melayu tertua di Temasek (Singapura) pada masa pemerintahan Paduka Seri Maharaja. Seorang ahli sufi dari Pasai, Tun Jana Khatib melintasi kawasan istana raja. Dia melihat Permaisuri sedang memandangnya dari anjung istana. Tun Jana Khatib menenung sebatang pinang dan pohon itu pecah berderai. Raja murka dan memerintahkan dia dibunuh. Setelah dibunuh, mayat Tun Jana Khatib ghaib dan kononnya didapati dan ditanamkan di Langkawi.

1514 Digadaikan sangkar kecil kerana tidak disangka haiwan yang dipelihara itu akan bertelur dan mengeram. Demikianlah, dibiarkan ombak yang kecil datang memukul tidak menyangka kapal akan karam olehnya.

1521(c) Teks *satu hari sedarkan diri* bermaksud pada suatu hari nanti orang berkenaan akan sedar akan kesilapannya.

1540(a–c) Rima: *Kuantan* → *dagang* – berima dalam sebutan daerah berkenaan, iaitu Pahang. Untuk (a–b), maksudnya anak dari *Kini* datang ke *Kuantan* dan terlihat anak dari *Kandi* sudah berada di sana.

1558(ii) Maksudnya apabila telah merantau ke seberang laut, melampaui tempoh setahun atau lebih, bermakna perantauan itu akan berpanjangan.

1565(b) *Mati pedati* mungkin nama meriam; atau pedati (kereta yang ditarik oleh kerbau, mungkin yang membawa meriam) tumpas terkena sasaran.

1568(ii) Sebahagian daripada mantera memanggil angin, untuk memudahkan pelayaran.

1571(ii) Nostalgia terhadap sejarah negeri Brunei: dahulunya merupakan kuasa memerintah seluruh pulau Borneo hingga ke sebahagian wilayah Filipina. Namun, setelah kuasanya dirampas oleh Inggeris apa yang tinggal hanya bahagian terkecil seperti yang ada sekarang; menurut istilah orang Brunei sendiri "tinggal sekangkang kera".

1586(i) Bermaksud dua biji cempedak tergantung; sebiji daripadanya diambil untuk digulai berencahkan ikan peda (sejenis ikan laut yang banyak tulang).

1591(i) Kain *cukin* digunakan sebagai kain basahan ketika mandi (di laut); dan di sekitar pantai terdapat longgokan *pasir putih* berdekatan *sarang helang*. Imej melompat seperti ini cukup lumrah dalam pantun-pantun lisan.

1599(a) *Disusun bajak jo tingka* – pantun ini dalam dialek Negeri Sembilan; merujuk kepada sejenis bajak (alat untuk menggembur tanah). Rima: *tingka* → *tinggal*, memang berima, justeru "tinggal" juga disebut "tingga".

1633 Pandangan dunia masyarakat Minangkabau terhadap merantau. Anak muda harus merantau untuk mencari ilmu, pengalaman, harta dan kekayaan; untuk kemudian pulang sebagai orang terhormat dalam masyarakat.

1634 Daripada cerita Pak Saloi, watak lucu dalam cerita-cerita jenaka Brunei Darussalam: seekor rusa masuk ke perahu Pak Saloi lalu tertidur (lihat 468 di atas).

1636–1637 Kedua-duanya membawa maksud yang sama; sengaja dimasukkan untuk memperlihatkan variasi antara bentuk tertulis dengan yang dikutip daripada tradisi lisan.

1646(a–c) Rima: *balikkan* → *lapang* – masih dalam bentuk rima dengaran, iaitu sebutan dalam dialek Pantai Timur Malaysia.

1674(a) *Orang Padang mandi ke gurun* – orang dari Padang (sebuah tempat di Sumatra) pergi mandi ke gurun (padang pasir). Dari pandangan luaran terasa kurang logik; tetapi dapat

dipertimbangkan unsur simbolismenya: kesedihan dan kehampaan seseorang yang hidup berdagang.

1692(b) Ada versi lain yang berbunyi: "Air sembilan di tapak tangan". Air sembilan ialah air untuk menjirus dan memandikan mayat. Rujukan ini lebih tepat dengan maksud pantun yang membawa makna hidup berjauhan, berpisah, mungkin dengan sebab kematian.

1751(ii) Seperti kain yang tidak sempurna: disukat, disambung dengan kain lain supaya panjang dan mencukupi, baharulah boleh dipakai.

1774(b) *Rumah bola*: rumah di padang bola, untuk kegunaan pemain atau pengurusnya.

1814(b) *Setana pudi membaling ladan* – setana mungkin "sentana" bererti kaum keluarga diraja; *ladan* – satu daripada maknanya ialah colok (setanggi) Cina; menjadikan erti keseluruhan, para bangsawan di istana yang bertatah intan membaling atau menghamburkan setanggi ladan (baubauan) untuk menyambut seseorang.

1868(b) *Pedang* berhias dengan ukiran awan larat dalam corak *selimpat*, iaitu suatu bentuk ukiran dengan menggunakan larik-larik atau gurisan yang memberikan imej-imej tertentu.

1899(a–c) Rima: *bertenun* → *bertemu* – rima dengaran, kerana dalam penuturannya bunyi "tenun" tidak menonjol dan dengan demikian menjadi berima dengan "temu".

1953(a–c) Rima: *tupai* → *mimpi* – satu contoh rima lihatan, iaitu dengan melihatnya dalam tulisan Jawi: *t.w.p.y.* (توڤي) dan *m.y.m.p.y.* (ميمڤي).

1957(i) a–b tidak berhubungan makna, tetapi tergolong sebagai imejan melompat – dua peristiwa yang berbeza yang timbul dalam imaginasi pemantun. Fenomena ini cukup lumrah dalam pantun-pantun yang tipikal.

1959(a) *Burung haji terbang ke haji* – burung Mekah terbang ke Mekah; atau ke suatu tempat perkumpulan para haji.

1976(c) *Ayuh Allah matikan aku* suatu contoh hiperbola – wahai, ayuhai Allah, ambillah nyawaku, merupakan pengucapan biasa dalam karya-karya sastera Melayu.

1979(d) *Bumi bergerak langit pun karam* – sama seperti rangkap 1976, menyatakan kesungguhan terhadap akibat yang dimaksudkan.

2026(ii) Berhubungan dengan rangkap 2025: tanda pendeta biasanya berjanggut; tetapi orang berkenaan tidak suka berjanggut, kerana kambing juga berjanggut – yang berjanggut tidak semestinya pendeta.

2044(a): Teks *pauh janggi* menurut makna kamus ialah sejenis buah yang juga dikenali sebagai nyiur laut, sementara janggi bermakna segala sesuatu yang ajaib (benda dll.); tetapi dalam mitos dan legenda Melayu "pauh janggi" mempunyai konotasi misteri. Pertama, ia dikatakan berada di tengah Laut Qalzum (Laut Merah) yang dipercayai sebagai pusat bumi. Ia juga dikatakan sebagai tempat tinggal burung geroda yang telah disumpah dan dibuang ke pulau itu oleh Nabi Allah Sulaiman a.s. kerana terlalu kerap mendatangkan kemusnahan kepada manusia. Dalam beberapa cerita lisan, wira dikehendaki ke sana untuk mendapatkan buah pauh janggi untuk keperluan sebagai ubat atau melaksanakan permintaan permaisuri yang mengidam. Dalam pantun-pantun Melayu rujukan kepada objek ini adalah dalam konotasi tersebut.

2088(ii): Za'ba dalam bukunya *Kalung Bunga Buku I*, hlm. 92 berpendapat bahawa kasih Nabi terhadap umatnya tidak sama seperti kasih antara asyik dengan maksyuk seperti yang dimaksudkan oleh pantun ini. Kasih Nabi jujur dan ikhlas, bersih daripada tujuan dan keinginan yang lain. Bagaimanapun, jika melihat kepada maksud inti pantun ini, perbandingan yang diberikan itu adalah bersesuaian dan diterima dalam konvensi puitika sastera Melayu.

2101(ii) Petikan daripada *Hikayat Bayan Budiman*, mengisahkan ketika wira, Khoja Maimun, tiada di negeri kerana belayar untuk urusan perniagaan, isterinya Bibi Zainab telah tergoda dengan seorang anak raja yang sentiasa berhasrat untuk

menemuinya. Bayan peliharaan Bibi Zainab berusaha sedaya upaya menghalang pertemuan itu dengan mempersembahkan pelbagai cerita yang menarik di samping nasihatnasihat yang sangat berguna khususnya dalam hubungan isteri dengan suami. Akhirnya Bibi Zainab langsung tidak dapat bertemu dengan putera raja itu hingga suaminya pulang dari pelayarannya.

2107(ii) Keperihalan tentang *khayali* – rasa khayal oleh sesuatu, suara yang merdu dan sebagainya, lebih mengkhayalkan daripada ganja. Pengetahuan terhadap ganja yang memabukkan memang telah lama wujud dalam masyarakat Melayu Nusantara – namun tidak semestinya mereka mengamalkan pengambilannya.

2142(a) Sebuah kampung baru berada di antara dua gedung.

2149(b) Ungkapan *dari kompeni* maksudnya hadiah atau pemberian daripada Kompeni Belanda.

2158(a) *Kapal Fransis*: kapal dari negeri Perancis, kapal orang Perancis.

2160(b) *Negeri Landan*: kota London – maksudnya negeri Inggeris, England. Dikekalkan ejaan *Landan*, menurut teks dan sebutan sebenar menurut konteks pantun.

2165(ii) Teks: *Tubuh putih panau semambur* (bertabur) – menurut kamus, "panau" sejenis penyakit kulit; tetapi dalam karya-karya klasik Melayu, panau adalah salah satu daripada nilai-nilai kecantikan wira dan wirawati, misalnya dalam contoh di bawah ini yang dipetik daripada cerita lisan, "Jubang Linggang":

Kalau pandang panau di kening, taji dibentuk
Kalau pandang panau di dada, tapak catur
Kalau pandang panau di pinggang, peringan gunung
Kalau pandang panau di betis, pucuk lekir.
(Harun Mat Piah, 1989:414)

2167(a) *Batu Apoi* ialah pekan utama daerah *Temburung* (salah sebuah daerah dalam Negara Brunei Darussalam). "Apoi" ialah "api" dalam dialek Melayu Brunei. Dari segi rima, *apoi* dan *sekapur* adalah rima dengaran.

2174(ii) Teks: *Apa dirunding belanja hilang / Sukar mendapat lancang berlukis* – kerugian dalam usaha mendapatkan sesuatu yang istimewa (yang dilambangkan sebagai lancang atau kapal yang berhias indah).

2175(ii) Teks: *Dipadahkan ke burung lantas / Anak Berunai ternanti-nanti* – diumpamakan burung yang terbang, entah hinggap entah tidak; sedang jejaka ternanti-nanti dengan penuh harapan.

2182(i) Ada hubungannya dengan cerita daripada *Syair Awang Semaun*, sebuah syair sejarah Brunei Darussalam. Pertama rujukan kepada *Kinabalu* yang menghubungkan perkahwinan putera China di Kinabatangan. Kedua, seorang lagi putera China, Ong Sam Peng berselisihan dan berperang dengan saudaranya kerana berebutkan kemala (*kumala*) yang sebenarnya hak Ong Sam Peng. Kemala itu akhirnya terjatuh ke laut dan disambar oleh seekor *naga*.

2189(i) Urutan idea dalam kuplet ini sukar difahami: pertama, makna *rimpi* di akhir baris (a) bermakna pisang kering, kerepek pisang, tidak berkaitan dengan kata *pungguk*. Kedua, kata *rampai* di awal larik (c) tiada hubungan dengan *rimpi*. Bagaimanapun, keseluruhan kuplet (i) dapat bermakna jika dibina semula, misalnya seperti di bawah ini:

Nangka mongkok mari dirimpi
Rimpi di bilik Dang Jelia

bermakna nangka yang pohonnya nampak lebih tinggi (mongkok) itu buahnya dikeringkan, dijadikan kerepek (rimpi) dan apabila telah siap nanti akan disimpan di bilik Dang Jelia.

2193(c) *Si putar leman* – sejenis mantera yang dipercayai dapat menambat perhatian seseorang; ilmu pengasih peribadi atau pengasih sekampung.

2222 *Si Awang Juna* memasak *nasi* di atas *panggalan* (galah); kerana malam ini *tuan* akan datang dan akan disambut dengan membentangkan *tikar* serta menaburkan *bunga*.

2244(ii) *Menyamar*, menyembunyikan sesuatu, tetapi masih dapat

dikenal pasti; kerana *jauhari* (orang bijaksana) akan dapat membezakan antara emas, *intan*, dan kaca.

2268(a–c) Rima: *Eropah* → *lupa* – rima dengaran justeru *Eropah* disebut *eropa*, berima dengan *lupa*.

2285(c) Teks: *Ingin di bunga sunting Nabi* inginkan bunga suntingan Nabi – jolokan kepada bunga atau objek yang sangat istimewa.

2305–2315 Semua kuplet pembayang maksud merujuk kepada babak-babak penting dalam cerita-cerita Panji. Raden Galuh Candera Kirana, puteri Ratu Daha dan kekasih atau isteri Raden Panji, Raden Inu Kertapati, dilarikan oleh Betara Kala ketika akan berkahwin dengan Raden Inu. Kehilangannya menyebabkan penderitaan batin Raden Panji yang menyebabkan dia keluar mengembara untuk mencari kekasihnya.

2309(b) *Pangeran Agung* adalah nama samaran Raden Panji ketika dalam pengembaraan mencari Raden Galuh. Mungkin nama yang sama digunakan oleh watak-watak protagonis yang lain ketika dalam penyamaran.

2316(b) *Ratu Sijuindu*, dalam cerita-cerita Panji dikenali sebagai Ratu Sucawindu, merupakan antara tokoh antagonis yang memusuhi Raden Panji.

2320(b) *Si Rangga Jiwa* nama samaran Sang Hyang Tunggal ketika berkhidmat sebagai penakawan kepada Raden Panji. Sang Hyang Tunggal dalam cerita dan budaya Hindu-Jawa adalah *avatara* atau inkarnasi Dewa Wisnu, Tuhan yang cukup berkuasa dalam agama Hindu.

2324(b–d) Rima: *Kuripa* → *mata* – perkataan yang betul ialah Kuripan, atau Janggala, iaitu negeri Inu Kertapati atau Raden Panji. Namun disebut *Kuripa* untuk berima dengan *mata*.

2354(a) *Si Pemikat mengukamit* – mungkin daripada "kamih" yang bermakna "membuang air kecil"; disebut *mengukamit* untuk berima dengan *damit*.

2406(b) *Terpijak sempana raja* – terpijak keris sempana kepunyaan raja; suatu tanda akan menghadapi keadaan yang amat sukar, seperti yang dinyatakan dalam maksud pantun.

2416(b) *Setangan pelekat pinggir Peringgi* – sapu tangan pelekat dengan tepinya bertekat cara Peringgi: menggambarkan gadis yang sukar dipikat disebabkan kedudukannya yang tinggi.

2430(i) Petikan daripada *Sejarah Melayu*, (Shellabear, 1975:214–228), cetera yang kedua puluh sembilan, mengisahkan Hang Nadim datang ke Pahang mengambil *Tun Teja* untuk menjadi permaisuri Raja Melaka, Sultan Mahmud Syah. Tun Teja anak Bendahara Pahang telah bertunang dengan Sultan Pahang, Sultan Abdul Jamil. Selain daripada kecantikan wajahnya, Tun Teja dikatakan *pandai membelah lada sulah* dengan giginya. Pantun itu dikatakan kepada seorang perempuan si pelulut yang membantu Hang Nadim mendapatkan Tun Teja untuk dilarikan ke Melaka.

2434(i) *Bilon Merikan* – belon dari Amerika, mungkin merujuk kepada pesawat terbang yang menggugurkan bom di Tanah Jawa.

2492(a) *Besar cintaku ke dulang manggi* – keinginan yang tinggi untuk memiliki objek yang istimewa (dulang yang permukaannya melengkung ke dalam); demikian cintanya terhadap seseorang yang telah mati.

2499(ii) Petikan daripada *Hikayat Indera Nata*. Dialog daripada wirawati, Candera Kesuma kepada wira, Indera Nata. Wira yang kembali setelah memenangi peperangan menerima galakan isterinya untuk melakukan kesukaannya, tanpa syarat atau meminta.

2525(a) *Burung emas dari indera* (keinderaan); dan pada rima: *indera* → *amarah* adalah rima dengaran, sesuai dengan bentuk sebutannya dalam konteks berkenaan.

2529(b) *Puput bayu Si Tuk Medan* – mungkin lebih baik "di Teluk Medan"; keadaan begini kerap berlaku dalam pantun lisan, sama ada pemantun menyebutnya demikian atau pentranskripsinya yang mendengar demikian.

2540–2541 Petikan daripada *Hikayat Malim Deman*, mengisahkan wirawatinya, Puteri Bongsu di kayangan tidak kasih kepada tunangannya, Si Tangkai Ali, kerana dia sebenarnya sangat mengasihi Malim Deman yang telah pun menjadi suaminya.

2548(ii) *Redalah rasa kakanda hilang* – pada rasanya kakanda reda untuk mati dan hancur menjadi abu sama sekali.

2583–2587 Kuplet-kuplet pembayang dalam rangkap-rangkap ini diambil daripada babak-babak umum dalam cerita-cerita Panji Melayu (lihat catatan 2305–2315 di atas).

2606(i) Kuplet pembayang mengambil motif daripada kerja menekat yang termasuk menyulam, menyuji dan menerawang (lihat Takrif Kata untuk mendapatkan makna kata-kata tersebut).

2619(ii) *Bulan* atau matahari *dimakan rahu*; suatu cara bersumpah atau berjanji hal itu akan berlaku sekiranya janji tidak ditunaikan. Untuk makna dan fungsi *rahu*, sila lihat dalam Takrif Kata.

2624 Sebahagian daripada mantera penyeri muka.

2636(b) *Ukir bertulis mega berawan* – ukiran berhias mega berawan atau mega berarak, iaitu suatu bentuk ukiran dengan imej awan yang beriring-iring.

2639(a) *Taman Banjaran Sari*, sebuah taman di kayangan iaitu dalam istana Dewi Sekerba, puteri Betara Indera. Disebut selalu dalam cerita-cerita Panji dengan kisah Raden Panji dikehendaki pergi ke taman tersebut untuk mendapatkan bunga atau benda ajaib. Setelah menempuh pelbagai ujian, Panji bukan sahaja berjaya mendapatkan objek tersebut malah dapat mengahwini Puteri Sekerba.

2644(a) *Indera duduk terbang nuri* – nuri duk terbang dari indera: nuri terbang dari keinderaan (kayangan).

2644–2647 Seluruhnya petikan daripada *Syair Agung*, mengisahkan perbualan antara wira dengan seorang lagi pelaku utama yang menyamar sebagai lelaki. Wira mengetahui watak itu seorang perempuan walaupun bersifat lelaki dan tangkas bagai lelaki. Keseluruhan pantun merupakan dialog antara wira dengan pengiring-pengiringnya; bukan perlakuan antara watak-watak yang dimaksudkan.

2647(ii) *Usul badan sudah diraba* – keadaan sebenar telah pun diketahui, iaitu wirawati telah dikenali walaupun menyamar dengan sifat

dan ketangkasan seorang laki-laki.

2686(ii) Kalau sudah tercapai hasratku (untuk bersama denganmu) hingga mati sekalipun aku tidak akan berpisah denganmu.

2699(a) *Karatang ranang di aluh* – Br. ikan kertang (pertang) berenang di alung, alungan (wadah air) tempat takungan air, tasik.

2700 Sebahagian daripada pantun dalam istiadat perkahwinan, daripada pihak perempuan ketika menyambut kedatangan pihak lelaki.

2701 Jawapan pihak lelaki kepada pantun di atas (rangkap 2700).

2704(ii) Sesudah mati dan kuburnya dijirus dengan air talkin, baharulah kasih antara mereka akan bercerai.

2770(b) *Kuntum serdam* – mungkin "serdang" iaitu sejenis tumbuhan (palma) yang berbunga; sementara *rencani* sebagai kata hiasan untuk menggambarkan keindahan objek yang dimaksudkan (bunga serdam), misalnya daripada kata "rencana".

2793(ii) Kalau kasih telah terikat atau berpanjangan *ilmu* tidak berguna lagi. Ilmu di sini termasuk ilmu pengasih, guna-guna dan lain-lain taktik untuk mendapat dan menambat kasih; maksudnya bukan ilmu formal.

2808(ii) *Kakanda nak buat cermin mata* – oleh sebab tuan adalah *buntat gemala* (batu sakti, gemala hikmat) tuan kujadikan *cermin mata* – yang sentiasa berada dalam pandanganku.

2822(ii) Kasih yang disimpan dalam batin, tidak dizahirkan secara fizikal, sebagaimana kasihnya Rasul kepada umatnya.

2826(ii) Ketika menghadapi kesulitan (dalam mengharungi cinta) janganlah berasa cemas, kerana begitulah realitinya, sebagaimana ombak lautan yang berpukulan secara tabii (natural).

2827(i) (a) dan (b) adalah imej melompat yang tiada berhubungan. (b) juga tidak mempunyai maksud tertentu, hanya ungkapan puitis daripada kata sopan santun yang boleh saja diketepikan.

2842(i) *Balai* yang dindingnya berukir dengan motif *daun selimpat* (lihat Takrif Kata: *selimpat*).

2849(i) *Rambu* merujuk kepada pancang, patuk (Jw), tiang dll, sebagai tanda atau lambang. *Seperanggu* bermakna selengkap pakaian. Keseluruhan kuplet merujuk kepada persalinan selengkap pakaian, bersama lambang yang sesuai dengan pemakainya.

2866(i) Makna permukaan seperti menyatakan Sang Samba – watak daripada *Mahabharata* – ialah bini atau isteri Raja Wana (Rawana), watak daripada *Ramayana*. Mungkin di sini dimaksudkan dua watak berlainan, iaitu Sang Samba dan isteri Rawana. Dalam *Hikayat Seri Rama Melayu*, isteri Rawana ialah Mandudaki, watak yang dicipta daripada Mandudari, isteri Dasaratha (bapa Seri Rama). Dalam kedua-dua cerita tidak terdapat keterangan tentang kematian watak-watak tersebut.

2874–2876 *Kakanda* dan *adinda* dalam pantun-pantun ini merujuk kepada watak wira, Malim Indera Pahlawan dan wirawati, Siti Nilam Permata dalam *Syair Rajang* (Brunei).

2888(ii) Walaupun telah duduk bertindih riba, belum tentu si maksyuk sudah menyerah. Dalam sesetengah cerita, seperti dalam *Hikayat Syamsul Anuar* dan cerita panji *Hikayat Misa Gumitar*, wirawati tidak menyerah begitu saja kepada wira walaupun kedua-duanya telah menjadi suami isteri.

2897(d) Berteguhan janji dengan berikrar dan berjabat tangan.

2899(ii) Oleh sebab urusan perkahwinan biasanya dikendalikan oleh ibu bapa, kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan tidak kenal-mengenal sebelum berkahwin.

2906 Pantun dalam istiadat perkahwinan, daripada pihak lelaki ketika datang ke rumah pengantin perempuan.

2992(ii) Dilupakan atau tidak dipedulikan walaupun sebelumnya telah dijanjikan dengan penuh harapan.

3014 Orang yang dirujuk mungkin berasal daripada kalangan pemimpin "pertuan" tetapi telah diturunkan kedudukannya menjadi orang suruhan. Demikianlah justeru budi dan perangai yang tidak sesuai, kasih dan sayang hilang bagai disapu.

3028(a–c) Rima: *balai* → *boleh*, rima dengaran kerana *balai* disebut *balei* (*bale'*) beriman dengan *bole'*.

3092(ii) Bukankah semua ini kehendak Allah S.W.T.? Oleh itu lebih baik relakan dan terimalah semuanya.

3100(i) *Menulis peti* – melukis, memberikan ukiran pada peti, tetapi bukan imej bunga atau tumbuhan.

3149(d) *Berdoa kepada dewata* disebut dalam *Syair Rajang* (Brunei), walaupun masyarakat yang dirujuk telah beragama Islam. Di sini mungkin ungkapan itu sebagai klise sahaja, kerana larik keduanya merujuk kepada Allah S.W.T.

3199(i) *Kain seperai, ragikan* dengan *nila* (warna biru), seperti yang dipakai *Siti*, seorang gadis dari *Bayang* (untuk makna *seperai*, lihat Takrif Kata).

3210(d) *Sangkarnya satu dua burung* bermakna bermadu, seorang suami mempunyai dua isteri; dan mungkin kedua-dua isterinya tinggal serumah.

3216(ii) Dalam asyik memadu kasih, mengapa ada dia (orang ketiga); hampir sama dengan makna satu sangkar dua burung dalam 3210(d) di atas.

3218(a) *Keris Sempana* dengan *Ganja Menumpang* atau Ganja Menumpu; iaitu bahagian keris di antara mata dan hulunya bersambung dengan bilah keris. Istilah lain: ganja iras, seperti dalam gurindam di bawah:

keris sempana ganja iras
besi dititik besi ditinting
serpai besi kharsani
retak diturut panjut putih
sebulan dagang menggalas
jejak ditikam mati juga
setitik darah ke daratan
setahun padi tak jadi
setitik darah ke lautan
setahun ikan tak main.
(Za'ba, 1962:95)

3269(ii) Mimpi-mimpi yang tidak baik, misalnya keris patah, ayam tambatan dicuri orang, bunga di taman digentas orang dan sebagainya, memberi alamat orang yang bermimpi akan kehilangan barang atau orang tersayang dan hal itu jika terjadi akan memberikan malu yang amat sangat.

3320(ii) Petikan daripada *Hikayat Indera Nata*, dialog daripada bapa wira, iaitu Raja Rom, menyatakan kesalnya kerana telah menganiayai isterinya, Puteri Wati. Baginda memohon maaf daripada isteri dan anaknya, Indera Nata.

3341 Sebahagian daripada syair rejang dalam *Hikayat Syamsul Anuar*, iaitu rejang bagi dua puluh hari bulan (rejangnya rusa). Periannya pada hari itu semua pekerjaan berjaya; jika mendapat anak pada hari itu, si anak akan menjadi hartawan yang kaya dan pemurah.

3427(b) Tingkap berukir dengan hiasan awan larat.

3459(a) *Sibolga jolong bersusuk* – Sibolga (sebuah wadah) bentuknya jolong, iaitu memanjang seperti tabung bekas mengambil air; memanjang seperti tanjung.

3535(ii) Ada hubungan dengan maksud ekonomi, iaitu cara perniagaan dengan membeli borong, kerana dengan menimbang kati (atau kilogram) tidak mendatangkan untung yang banyak. Banyak terdapat pantun yang berhubungan dengan pandangan atau aktiviti ekonomi seperti ini; tetapi sedikit sahaja yang dipetik ke dalam koleksi ini kerana kebanyakan pantun berkenaan agak lemah dari segi seni dan estetika yang dijadikan kriteria penting dalam pemilihan data.

3537(i) *Perisai* ialah alat untuk menangkis senjata dalam peperangan, diperbuat daripada besi keluli yang kuat dan teguh. *Cemara* ialah rerambut yang dipintal menjadi rumbai, atau ekor binatang seperti kuda atau lembu yang diikatkan kepada senjata, lembing dan perisai sebagai hiasan.

3538–3539 Petikan daripada *Hikayat Indera Quraisyin*, versi Sri Lanka; mengisahkan wira memburu dan memanah seekor rusa yang sedang bunting. Pantun ini daripada rusa tersebut yang memberikan petunjuk supaya wira memburu atau mencari

yang lebih bermakna, iaitu wirawati – puteri yang akan menjadi permaisuri wira.

3541 Sebahagian daripada mantera pakaian diri, pengasih atau penyeri muka.

3557(ii) *Kalau tak cukup muatan di petak / Jangan suka melanggar lautan* – berniaga, mengangkut barang dengan menyewa petak-petak di kapal, jika muatan atau barangannya tidak mencukupi, tidak usahlah merentas lautan untuk berniaga.

3572 Ada hubungan dengan sejarah atau legenda Negara Brunei Darussalam. *Nakhoda Ragam* ialah gelaran kepada Sultan Brunei yang kelima, Sultan Bolkiah. Baginda seorang yang suka belayar, melawat daerah-daerah dalam jajahan takluknya. Dalam pelayaran, baginda membawa pelbagai alat bunyi-bunyian; kerana itu baginda digelar Nakhoda Ragam. Dalam pelayarannya juga baginda memperoleh seorang puteri yang cantik, Puteri Laila Mancanai, yang dihanyutkan ke laut. Baginda mengahwini puteri itu dan sangat kasih kepadanya. Sang puteri sangat pandai menjahit dan menyulam. Entah bagaimana, pada suatu hari ketika kedua-duanya sedang bermesra, jarum sulaman puteri tercucuk ke jari baginda, lalu baginda mangkat kerana bisanya jarum emas itu. Mayat baginda pada mulanya disembunyikan oleh puteri untuk mengelakkan perebutan kuasa antara para pembesar. Setelah tiba ke negeri baginda puteri menikam dirinya dan kedua-dua mayat dikebumikan dalam satu kubur.

3590(ii) Lelaki berambut panjang biasanya pendekar atau hulubalang yang berani menghadapi kematian demi mempertahankan maruah dan kebenaran.

3596 Sebahagian daripada mantera menjerat burung; rangkap berikutnya seperti di bawah:

Arak-arak iring-iring
Kembang bunga si panggil-panggil
Datang berarak turun beriring
Nabi Sulaiman datang memanggil
Memanggil anak burung merpati hutan
Ke laman Nabi Allah Sulaiman.

Indang-indang melukut
Aku indang di sumpit purun
Aku undang aku jemput
Aku jemput aku bawa turun
Turun ke laman Nabi Allah Sulaiman.

(Harun Mat Piah, 1989:490–491)

3597 Dipetik daripada karya Muda Omar Ali Saifuddien (Sultan Brunei ke–28, *Syair Asli Rajang Hari*). Keseluruhan rangkap merupakan pantun enam kerat (enam larik serangkap) tetapi berlainan sedikit daripada yang lazim (dengan rima *a-b-c-a-b-c*), di sini ia menjadi *a-b-c-b-c-b*.

3604(i) Membanting ikan kambura kecil yang dibeli dari padian (penjaja yang menjual barangannya dari dalam perahu).

3606 Jenaka dan sindiran terhadap pengantin lelaki yang gagal menyempurnakan malam pertamanya.

3611(i) Daripada cerita lisan "Batu Belah Batu Bertangkup", mengisahkan seorang ibu tunggal yang amat miskin mempunyai dua orang anak, lelaki dan perempuan. Suatu hari si ibu mendapat seekor ikan tembakul yang bertelur, untuk makanan anak-anaknya. Dia meminta disimpankan sedikit telur ikan itu untuknya, tetapi dihabiskan juga oleh anaknya yang lelaki. Si ibu merajuk dan menyerahkan dirinya untuk ditelan oleh benda raksasa yang ajaib, Batu Belah Batu Bertangkup.

3625(ii) *Laki tidur bini mengumpuk / Nampak sudah kasih sayangnya* – isteri yang rajin, menganyam umpuk (bakul daripada mengkuang atau pandan) untuk membantu menyenangkan kehidupan rumah tangga; sedang suaminya tidur dengan selesa.

3626 Berperahu perlahan-lahan, dengan susah payah menuju Lorong Sikuna, sebuah tempat yang selalu disebut dalam cerita-cerita lisan dan puisi Brunei Darussalam. Keadaan seperti ini menggambarkan kehidupan yang sukar jika tiada wang dan tubuh pula berpenyakit; ibu bapa pun tidak dapat membantu malah akan membenci.

3641(ii) Sindiran kepada keluarga yang berbelanja berlebih-lebihan

untuk istiadat perkahwinan, dengan maksud menunjuk-nunjuk atau mementingkan status.

3642(ii) *Mengaul anding* – meminta menarikan tarian asli (Brunei Darussalam); di sini mempunyai konotasi magis untuk memanggil dewa-dewa membantu mengubati pesakit; hampir sama seperti ulik mayang di Terengganu.

3675 Sebahagian daripada mantera menjerat burung, hampir sama seperti Catatan 3596 di atas.

3681(ii) Kata-kata *tuan* seperti pinang dan kapur yang bersisip – berselang-seli dengan hal-hal yang menyedihkan, misalnya penolakan lamaran kerana yang melamar tidak setaraf, miskin dan sebagainya.

3687(b, d) *Jeramék* dan *kamék* bagi *jerami* dan *kami* dalam dialek Melayu-Iban di Sarawak.

3695 Sebahagian daripada mantera pengasih – suatu ilmu pakaian diri yang cukup popular dalam masyarakat Melayu; rangkap seterusnya seperti di bawah:

....
Tunduk kasih tunduk hormat
Kasih (si anu) kepada aku
Kur semangat (si anu) teringat aku seorang.

Aku satukan semangat (si anu)
Dengan semangat aku.

Air hilir lagi berbalik
Angin bertiup lagi berhenti
Burung terbang lagi singgah
Api nyala lagikan padam
Inikan pula hati (si anu) padaku seorang.

Bagai diindang bagai dikicak
Bagai dibuai bagai diaduk
Bagai ditampi bagai dihirup
Hati (si anu) padaku seorang.

(Harun Mat Piah, 1989:505)

3701(ii) *Junjung* ialah kayu atau ranting yang disediakan untuk pokok yang menjalar, naik atau memanjat, seperti sirih, timun, peria

dan lain-lain. *Dilayarkan orang* mungkin lebih baik "dilarikan orang". Tetapi kata *junjung* mungkin juga dimaksudkan "jong" atau "ajung" (lihat Takrif Kata), yang bererti perahu atau kapal yang boleh dicuri atau dilayarkan oleh orang lain. Kedua-dua rujukan, "junjung" dan "jong" boleh bermakna kekasih, tempat berharap, dan tempat bergantung.

3705(ii) Hendaklah baik memelihara tubuh, kerana dalam tubuh yang zahir ada diri yang batin, iaitu diri peribadi.

3708 Masih sebahagian daripada mantera menjerat burung, seperti dalam catatan bagi rangkap 3596 di atas.

3729 Sebahagian daripada mantera kebal – untuk tidak lut oleh senjata.

3750(ii) *Kutu* dan *tuma* kedua-duanya serangga parasit di tubuh manusia. Kutu di kepala, di dalam rambut dan tuma di tepi kain, baju dan pakaian dalam yang kotor. Mati seperti kutu lebih baik kerana mati di tempat makan, di kepala, sedang tuma mati di tepi kain.

3757 Sebahagian daripada mantera alai bubu yang dinyanyikan dalam persembahan "alai bubu" atau main lukah, iaitu lukah dipuja hingga dapat bergerak dan menari sendiri. Tujuan asal permainan adalah untuk pengubatan secara tradisional.

3772 Jawapan kepada rangkap 3750 di atas.

3786(ii) *Ilmu* di sini tidak sahaja ilmu formal, misalnya ilmu berniaga untuk memberikan kemampuan material, tetapi juga ilmu batin, pengasih, penguat, penahan dan lain-lain ilmu pakaian diri untuk menjamin kemampuan batin memuaskan kehendak isteri-isteri yang banyak itu.

3789(ii) Yang *putih mata* ialah tunangan kepada gadis atau teruna yang dimaksudkan.

3793 Sebahagian daripada mantera pakaian diri, mantera cahaya untuk kelihatan anggun dan berseri.

3797(ii) Menurut kebiasaan dalam cerita-cerita purbakala apabila

seorang tukang telah menyiapkan sesuatu kerja yang diperintahkan oleh raja, misalnya membuat keris, jong, istana dan lain-lain, tukang itu akan dibunuh – malah meminta supaya dia dibunuh – supaya si tukang tidak diminta oleh orang lain membuat alat yang sama; dengan demikian alat berkenaan tidak akan ada penduanya. Dalam legenda Nakhoda Ragam yang disebutkan di atas (Catatan 3572), tujuh orang tukang didatangkan dari Jawa untuk mengukir batu nisan dan makam Sultan Bolkiah dan Puteri Laila Mancanai. Apabila kerja-kerja telah siap, ketujuh-tujuh tukang itu dibutakan matanya, supaya mereka tidak akan dapat menghasilkan ukiran yang sama atau lebih cantik daripada itu.

3801 (ii) Sindiran kepada orang yang suka berhutang, yang satu masih belum selesai diminta pula hutang atau pinjaman lain.

3814(i) Petikan daripada "Koleksi Hans Overbeck", mengandungi 46 rangkap pantun dengan judul "Rejang Hantu". Di sini, semua objek yang dirujuk dalam kuplet pembayang adalah daripada pelbagai jenis hantu, jembalang, iblis, jin dan lain-lain.

3817(d) "Ilmu *sangga bunuh*" ialah ilmu pakaian diri untuk kebal, tidak lut oleh senjata dan mempunyai kuasa serta gagah dalam pertarungan.

3819 Sebahagian daripada mantera pakaian diri, penyeri muka atau pengasih peribadi.

3854–3865 Lalu "Cik Busu Pandai Membilang Malam" versi Terengganu meliputi tiga puluh malam, dari malam kese (satu) hingga ketiga puluh. Menurut informan, lagu ini mengisahkan perlakuan sepasang kekasih yang bertemu dan memadu kasih tanpa pengetahuan ibu bapa mereka. Akhirnya pada malam ketiga puluh mereka telah ditemui dalam keadaan yang memalukan, justeru itu si bapa tiada jalan lain, selain membunuh mereka.

3866–3875 Lagu "Si Bongsu Pandai Membilang Malam" versi Negeri Sembilan sehingga malam kedua puluh satu; kerana menurut

informan, lagu ini merupakan sebahagian daripada kisah Malim Deman. Menurutnya, Malim Deman naik ke kayangan untuk bertemu isterinya, setelah dua puluh satu malam beramal, merayu dan memohon kepada Yang Maha Kuasa.

3882(c) *Ngilu zamzam dan durja*; *ngilu* bermakna tidak enak pada perasaan atau penglihatan; *zamzam durja* bermakna "air muka". Keseluruhannya bermakna wajah atau air muka kelihatan tidak elok, kerana membendung perasaan marah, kecewa dan sebagainya.

3883(i) Dinding *Masjid Makam Rasulullah* atau Masjid Nabawiyyah di Madinah berukir dengan *kerawang*, iaitu tebukan ayat-ayat *al-Qur'an* dan kalimah syahadat.

3885(a) *Iya*, untuk abjad *hamzah* (ء), mungkin di eja ءيا atau ائيا.

3887–3935 Pantun-pantun daripada persembahan ulik mayang. *Mengogah* bermakna menggoyang sesuatu, misalnya mayang pinang dan lain-lain, supaya mudah tercabut. Bermain mayang atau ulik mayang adalah suatu persembahan tarian dan lagu yang mempunyai fungsi magis, iaitu dimaksudkan untuk mengubat penyakit secara tradisional.

3975(ii) Orang arif bijaksana (jauhari) menjadikan kias dan ibarat sebagai makanan dan pantun seloka sebagai ulam; ertinya sentiasa menggunakannya sebagai sebahagian daripada keperluan hidup sehari-hari.

3977(d) *Mencabut sedak* atau bingkai *rebana* menandakan persembahan atau majlis akan tamat dan tuan rumah diingatkan untuk bertindak sewajarnya; misalnya membayar upah atau sagu hati kepada orang-orang yang terlibat, atau sekurang-kurangnya mengucapkan terima kasih dan selamat jalan kepada mereka.

3998–4000 Tradisi yang biasa ditemui dalam bahagian hujungan naskhah naskhah lama Melayu; menunjukkan manuskrip diberi pinjam kepada orang lain untuk dibaca, didengar atau disalin. Dan setelah digunakan diharap memulangkannya kepada pemilik atau tuan punya naskhah. Para pengguna diminta menjaga keselamatan naskhah daripada rosak, tercarik atau

terbakar. Dalam sesetengah keadaan dinyatakan juga jumlah bayaran yang dikenakan kepada peminjam, misalnya sepuluh sen, dua puluh lima sen atau seringgit untuk sekali peminjaman.

Takrif Kata

[*Nombor merujuk nombor bilangan rangkap pantun. Ar = Arab; Br = Brunei; dll = dan lain-lain; drp = daripada; dsb = dan sebagainya; Ing = Inggeris; Jw = Jawa; Kl = Kelantan; kpd = kepada; Mn = Minangkabau; sj = sejenis; spt = seperti; Tr = Terengganu.*]

aci; tak aci (925): tuturan lisan, bermakna sah; tak sah, tidak diambil kira.

adas; adas manis (2435): sj tumbuhan herba; adas Cina; ramuan yang dicampur dalam masakan; *Anethum graveolens*.

adun; diadun (464): meramas atau menguli tepung dengan air, santan, susu, gula dan lain-lain untuk membuat kuih.

agus; anak agus (1777): sebutan atau panggilan untuk anak laki-laki; bagus; mulia.

air sembilan (2694): air untuk memandikan mayat.

ajung (440): jong – kapal layar bentuk kapal Cina; biasa dihubungkan dengan mitos dan legenda sesebuah masyarakat, seperti Brunei, Minangkabau dll.

aksin (887): suatu benda; hiasan yang indah.

alai; mengalai (169): (Br) tari; mengalai: menari.

alamat (2898): tanda; bukti.

alang; dari alang (1981): kayu yang dipasang di antara dua tiang atau dua dinding; dinding, penyekat (bilik, dsb).

alas (764): lapik untuk meletakkan sesuatu.

alas; di alas (2475): (Jw) hutan.

alu (932): alat untuk menumbuk padi dsb dibuat drp kayu; antan.

aluh; di aluh (2699): (Br) alung; alungan – wadah air; tempat takungan air; tasik.

alur; adat bersendi alur (566): aluran adat (dalam adat Minangkabau) bererti jalan adat yang sebenarnya.
ambangan; ambangan bayu (3876): di ambangan; waktu atau peringkat sejurus sebelum berlakunya sesuatu peristiwa; di tepi; di pinggir.
ambar (2050): (Ar) sj benda yang berbau harum.
ambuk (74): (Br) kera; beruk.
ambur; ambur selasih (2832): tabur; hambur selasih.
amburi; amburi bunga (2222): (Br) taburi; taburkan bunga.
amun (1519): (Br) kalau; jika; juga difahami demikian di Sabah dan Sarawak.
andang; andang iktikad (2354): (Br) sejak dari mula.
andang (1681): suluh daripada daun kelapa yang kering; jamung.
andang-andang (1803): kayu pada tiang perahu atau kapal, untuk menggantungkan layar.
andani; bunga andani (3083): sj bunga yang cantik.
andapung (1804): (Br) sj ikan laut.
anding; mengaul anding (3642): (Br) sj lagu rakyat; meminta dinyanyikan lagu anding.
Andoman (2999): nama sebuah pulau; drp nama Hanuman, watak kera dlm *Hikayat Seri Rama*.
andu; anak andu (2037): sj burung.
andung-andung (1805): (Br) andang – sj alat untuk menangkap ikan.
anggur (3092): lebih baik; biarkan.
angkai; sungai angkai (2655): cangkai; cangkat – tidak dalam; tohor.
angki; buah angki (789): sj buah (tidak pasti jenisnya).
angkit berangkit (2199): diangkat dan diletak; ditanam kemudian dikeluarkan semula untuk sesuatu tujuan.
angkut-angkut (1807): sj serangga yang selalu kelihatan mengangkut tanah untuk sarangnya.
angsana; bunga angsana (632): sj tumbuhan (pokok) berbunga; pohon sena; *Pterocarpus indicus*.
angsoka, pohon angsoka (34): sj tumbuhan (pokok) yang berbunga; *Pavetta indica*.
anjalis; tukang anjalis (1008): (Br) majalis; majlis; orang yang mengatur majlis.
anjiman; kapal Anjiman (1000): Kapal Kompeni Inggeris yang belayar ke Asia Timur.
anjing angkat (3583): sj anjing yang digunakan untuk berburu.
anjing langsat (1101): anjing yang berwarna kuning langsat.
anjung (985): bahagian rumah yang ditinggikan, di bahagian hadapan atau di sisi, umumnya dijadikan tempat berehat dan menerima tamu.

antal (415): biji; butir-butir kecil seperti pil.
antara (3812): sementara.
antelas; bunga antelas (713): sj tumbuhan (pokok).
anuman (3552): Hanuman, watak manusia kera dalam *Hikayat Seri Rama*.
apan; anak apan (3873): tidak jelas maknanya; seorang informan mengatakan mungkin anak serangga yang masih dalam sarungnya, kepompong (sebelum menetas).
api-api (1816): sj serangga, kunang-kunang; kelip-kelip; atau sj tumbuhan (pokok) yang banyak tumbuh di tepian pantai.
apung (1549): yang mengapung, terapung-apung; buih, kayu; pelampung; tidak tenggelam, oleh itu menjadi mainan ombak.
arai; arai jeramai (1170): mayang – kulit atau seludang yang membalut bunga-bunga seperti kelapa, pinang dan juga rebung buluh; lih. *jeramai*.
arap; arap gagati (3797): (Br) harap; diharap supaya digagati, digalati, dihormati.
asam; asam gelugur (875): sj tumbuhan yang buahnya masam, dikeringkan menjadi asam keping; *Garcinia atnoviridis*.
asam lanjut (7): sj buah yang masam; buah lanjut; buah binjai; *Mangifera lagenifera*.
asam kalumbi (1822): (Br) asam kelubi (lih. *kelubi*).
asam kandis (639): sj tumbuhan yang masam buahnya; manggis hutan; bebata (Sabah); sikup (Sarawak); *Garcinia spp.*
asam paya (640): asam pauh, spt asam kumbang.
asam salak (7): sj tumbuhan (palma) yang buahnya masam; salak hutan; salak kumbar; *Zalacca adulis*.
asam si riang-riang (875): sj asam – tidak pasti jenisnya.
atar; minyak atar (101): minyak wangi, biasanya dari Tanah Arab, Mesir dll.
awat-awat (1874): tanah yang tidak kena oleh tenggala; tanah yang kering dan tinggi rendah.
ayam denak (88): ayam hutan; ayam liar.
ayu; kepala ayu (3914): eyu; hiu – yu; ikan yu.
Azrang; Raja Azrang (2229): Parsi; Raja Parsi.

babar; terbabar (3245): terkembang; berselerak.
badar (1855): sj ikan kecil seperti ikan bilis.
bagan; berbagan (3781): tiang-tiang rumah yang baru didirikan; atau kayu-kayu palang untuk tempat menjemur.
bagu; pokok bagu, batang bagu (3793): (Br) sj tumbuhan (pokok).

bahadi; badi; kena badi (2231): kesan buruk seperti sakit, demam dan sebagainya kerana mendekati bangkai binatang atau orang yang mati dibunuh (menurut kepercayaan Melayu tradisional).

baiduri; lantai baiduri (2829): sj batu permata yang berwarna; di sini menggambarkan keindahan lantai atau tapak pelan.

baja; ranting baja (1955): ranting yang keras.

bakau (1484): sj tumbuhan (pokok) yang biasa tumbuh di tepi pantai.

bakawali (3650): sj tumbuhan berbunga; bunganya dikaitkan dengan legenda, spt puteri yang menjelma drp bunga bakawali.

balairung (3427): balai ruang; balairung seri – tempat raja dihadap rakyat.

balam; burung balam (3085): sj burung dalam famili merpati, biasanya berwarna putih; *Geopelia striata*.

balam; kuku balam (2887): bunyi, kukuan burung balam.

baldu (1336): sj kain lembut dan halus yang berbulu-bulu dan selalunya berkilat; beledu.

baluk; padi baluk (2014): sj padi yang hantap (berat) kerana isinya bernas.

balung (146): daging yang tumbuh di atas kepala ayam dan lain-lain jenis burung; selalunya berwarna merah, kesat dan berbintik-bintik.

bamban (3746): (Br) bemban (juga dalam dialek Melayu Sabah dan Sarawak).

bandung; dibandung (542): kembar, berkembar, dikembar, digandingkan.

bangkita (1799): (Br) sj tumbuhan (pokok).

bangkung; cempedak bangkung (3345): sj tumbuhan (pokok), cempedak; *Artocarpus champeden*.

bangkut (3837): tidak menjadi besar; bantut; kerdil.

bangsi; berbangsi-bangsi (998): serunai drp buluh atau batang padi; dalam konteks ini tidak mahu membuang masa, tetapi terus ke matlamat yang dimaksudkan.

banting-banting (3604): (Br) anak ikan.

bantun; dibantun (9): dicabut dengan akarnya sekali.

barat; membarat (3741): di sini mungkin ibarat; mengibarat; mengambil iktibar.

barat (957): arah menghala ke darat dari kedudukan sungai, iaitu dalam pembahagian arah secara tradisional berdasarkan sungai: hulu, hilir, barat, baruh. Baruh adalah lawan kepada barat, iaitu kawasan yang berhampiran sungai, di tepi sungai.

barau-barau (1563): bebarau – sj burung; *Pycnonotus zeylanicus*.

bari-bari (3915): sj lalat kecil yang selalu mengerumuni buah-buahan.

baring; baring mengeram (1100): sj burung, spt helang.
baruh; ke baruh awan (1983): arah menghala ke pantai; arah awan yang menghala ke pantai.
basa; basa Jawa (1247): cara, gaya; cara Jawa.
batah (2278): (Br) lama, lambat.
batang taruk (1424): batang sj pokok (pokok renek).
batil (1667): bekas spt tempurung; drp tempurung atau drp logam, spt perak.
batin (488): ketua kampung (Orang Asli); ketua suku.
batin (605): hati; perasaan dalam hati; tersembunyi; tidak kelihatan.
batu kilikan taji (1657): batu kilir, iaitu batu untuk mengasah, menajamkan pisau dan lain-lain; di sini mengasah atau menajamkan taji, iaitu kuku ayam jantan, khususnya untuk ayam sabungan.
baulu (1957): sj kuih tradisional; dibuat drp adunan tepung, telur dan gula, spt kek.
bayu (1673): angin yang bertiup lembut dan perlahan.
beduk; buah beduk (1223): gendang atau tabuh yang biasanya terdapat di masjid dan surau; pemukul beduk.
beladang (509): mungkin *beladau* – sj golok.
belah betung (3775): belah yang panjang di tengah-tengah, misalnya kain.
belangkas (2475): sj ketam betina yang besar dan berekor; biasanya didapati berpasangan.
belantik (456): sj perkakas untuk menangkap binatang yang biasanya dibuat drp tali dan pembidas (kalau binatang itu tersentuh tali, ia akan terkena tombak, peluru atau jerat); pelantik.
belarai (2921): (Br) belayar.
belat (1334): sj bidai untuk menangkap ikan.
belatak (1378): (Br) balatak – sj raga yang diperbuat drp bilah (buluh, rotan, dll).
beleh; mata beleh (279): kecil, berpenyakit; mata menjadi kecil dan berair.
belian; orang belian (3307): orang yang mempunyai kuasa ghaib; bomoh; pawang dalam pengubatan belian; berhantu.
belibis (682): sj burung yang menyerupai itik; *Dendrocygna javanica.*
belida; ikan belida (530): sj ikan darat.
beliung (594): sj kapak yang matanya melintang; digunakan dalam kerja membalak dan bertukang kayu.
beloncor (2475): sj ketam jantan yang besar dan berekor, menjadi pasangan kpd belangkas.
beluluk; buah beluluk (167): buah enau, buah kabung; belolok.
bembam; dibembam (2274): membakar di dalam bara atau abu hangat.

bemban (951): sj bubu untuk menangkap ikan, biasanya diikatkan pada tongkat; atau sj tumbuhan (pokok) yang batangnya boleh dianyam menjadi bakul, tikar, bidai dll); *Donax arundastrum.*

benah (1559): bena – sj serangga yang merosakkan tanaman, terutama padi; *Nephotettix bipuctata*; digunakan juga bagi maksud ombak, banjir; air bena: air pasang.

bena (2514): bena – endah; bena tak bena: endah tak endah.

benalu; pohon benalu (911): dedalu – sj tumbuhan (pokok menumpang); *Viscum orientale.*

benanang (1805): (Br) nanang; berenang.

benara; membenara (2370): tukang cuci; dobi; benatu; mencuci, membersihkan sesuatu.

bengkawang; bulang bengkawang (2227): sj tumbuhan (paku pakis); bulang (ikat kepala) dengan hiasan paku pakis.

bendi (263): sj kereta yang beroda dua, ditarik oleh kuda.

benia (648): mungkin *benian*, sj baju dalam.

bentangor (1088): sj tumbuhan (pokok) hutan yang besar dan keras; *Calophyllum floribundum.*

bentungan (2990): pembentung – alat drp buluh untuk mengalirkan air.

beraga (1318): berlagak, menonjolkan diri.

beragan; mendayu beragan (1191): sayu; terbiar; menyedihkan; meragan.

beraksa (3053): sj pokok beringin; buraksa; beksa; *Cassia timoriensis.*

berambang; laut berambang (1386): (Br) – berombak, bergelombang.

beranda; di atas beranda (2292): bahagian hadapan yang terbuka (beratap tanpa dinding) pada sesebuah rumah; Ing: *verandah.*

berangan (1760): sj tumbuhan berbuah; buah berangan, biasanya digoreng untuk dimakan.

berangan padi (2552): sj padi yang berasnya besar dan enak.

beranggar (1410): anggar-anggar; anggaran; lebih kurang; kira-kira; dalam konteks ini bermakna menggali kubur, dalamnya tiada dikira.

berdiri; berdiri rumah (3718): mendirikan rumah.

berek-berek (508): sj burung (biasanya terbang malam); *Merops leschenaulti.*

berembang; buah berembang (1224): sj tumbuhan (pokok) yang biasanya tumbuh di tepi pantai; berombang; gedalu; *Sonneratia alba.*

bergaul; pandai bergaul (1265): menggaul, mencampur, mengacau (makanan, masakan dll).

bergosong (1080): bergosongan – hangus, terbakar.

berguring (780): (Br) bergolek.

berian (872): (Br) hantaran atau hadiah drp pihak lelaki untuk pihak perempuan dalam istiadat peminangan.

beringin (1217): sj tumbuhan (pokok) besar; ara; *Ficus beniamina.*
berkancing tulang (256) : memakai baju yang berbutang di leher.
berketitir (3597): (Br) berbunyi seperti ketitir (burung merbuk).
berlabun (71): berbual, berborak atau bercakap-cakap.
berlingkar (2853): berguling; berbelit.
berolak; air berolak (1527): berkisar, berpusing, berombak kecil.
beroleh (2385): mendapat, menerima.
beronok (1007): beberapa jenis teripang, iaitu haiwan laut yang kulitnya berkerutu, bertompok hitam dan biru; biasanya dikeringkan untuk dimakan.
berpawa (1485): berpara – berbaris, ada sitem tertentu.
bertaling (1397): talen – bertali, berikat.
bertam (1440): sj tumbuhan (pokok) palma, daunnya dibuat atap; *Eugeissona tristis.*
bertih (401): padi yang direndang atau digoreng tanpa minyak dan dibuang kulitnya; biasanya untuk dimakan dalam majlis-majlis beradat.
bertilik (2620): merenung dengan tepat; mengharap dan meramalkan sesuatu; bertenung.
bertimbung (437): bertembung, berlanggaran.
bertinggai (3521): mungkin *bertikai* – bersengketa; berselisihan faham.
betik rambai (966): betik jantan, berbunga tetapi tidak berbuah; digunakan dalam perubatan tradisional; *Carica spp.*
betung; tebu betung (319): sj buluh yang keras dan selalu dikaitkan dengan beberapa peristiwa magis dalam karya-karya sastera tradisional; *Dendrocalamus asper*; tebu betung – sj tebu yang besar dan panjang ruasnya.
besan; berbesan (3672): hubungan antara ibu bapa kepada pasangan yang telah berkahwin.
biang; biangnya kurik (1778): induk; jenis yang asli; di sini induk atau jenis kurik, iaitu berbintik-bintik.
bijan; minyak bijan (2169): sj tumbuhan (pokok) yang buahnya mengandungi minyak; *Sesamun orientale*; minyak lenga.
bijan; di bijan (1359): bejana – bekas air; balang; jambang.
bikin; dibikin (949): buat; dibuat.
biku (2801): lipatan pada tepi kain, baju dan lain-lain untuk hiasan.
bila; minyak bila (2626): mungkin *bilak* – sj tumbuhan (pokok) yang berminyak; maja; *Aegle marmelos.*
bilal (408): orang yang bertugas menyampaikan azan; tukang bang; muazin.
bilang-bilang, ranting bilang-bilang (94): sejenis rumput renek; gelang.

bilon Merikan (2434): belon Amerika – kapal terbang; kapal angkasa (orang/dari) Amerika.
bingkai; bingkai talam (1446): tepi sesuatu benda, spt talam, raga dsb.
bingkuang (1633): bengkang-bengkok – bengkok-bengkok; cacat.
bini; geroda bini (3126): (Br) perempuan; betina; wanita (juga dalam dialek Melayu Sabah); geroda betina.
bini (100): isteri.
binjai, buah binjai (118): sj tumbuhan (pokok) berbuah, asam binjai; asam lanjut; *Mangifera caesia.*
bintang dua belas (63): satu kaedah dalam menilik nasib, zodiak.
bintang kejora (371): bintang yang terbit pada waktu subuh; bintang barat.
bintik; burung bintik (1955): burung yang bulunya berbintik.
bintungan (1656): bentungan – buluh atau kayu yang dijadikan pagar.
birah (141): sj tumbuhan drp famili keladi; *Colocasia esculentum.*
bisai (1098): muda, baik, elok, molek.
bodi; daun bodi (3118): sj pokok dalam famili beringin.
bokor (1878): sj pinggan yang bertepi lebar; biasanya diperbuat drp logam; tembokor.
bolang; karam di bolang (2325): bulang – ikat, spt ikat kepala; sampan diikat untuk mengelakkan karam.
boleh; memboleh (32): beroleh; mendapat.
borek; ayam borek (1553): bintik-bintik putih pada bulu ayam; ayam yang bulunya berbintik-bintik putih.
borlah; sampan borlah (2082): sj sampan yang berhias indah.
botan; si kembang botan (2109): sj tumbuhan (bunga).
bubuk (187): (Br) sj udang; udang geragau.
bubus; belanga bubus (3758): (Br) berlubang; tembuk; bobos.
bubut; dibubut (1183): tali bubut – tali penegak tiang pada kapal atau perahu; tali untuk mengukuhkan layar; *bubutan* (550).
buhul; membuhul (1203): mengikat, menyimpul – tali atau perbincangan dll.
bulah; di bulah-bulah (2127): tepi-tepi, pinggir sungai.
bulang; berbulang (452): destar, ikat kepala drp kain, dipakai oleh lelaki; tengkolok.
bulang; dari bulang (3111): sj tumbuhan (pokok) berbunga; bunga bulang.
bulangan (3868): lilitan, lingkungan, ikatan, misalnya membulang taji – mengikat benang pada kaki ayam yang akan bersabung.
buli-buli (645): sj botol kecil.
buluh perindu (3357): buluh yang dalam legenda Melayu dipercayai

boleh berbunyi dengan sendiri dan bunyi itu sangat indah dan mengasyikkan.

bumbu (2463): bahan-bahan spt rempah ratus, digunakan dalam masakan.

bunga pekan (517): bunga yang indah; *dari udara*, keinderaaan, kayangan.

bunga pengaya (517): petaya – sj tumbuhan (bunga) yang memanjat.

bunga si delik-deli (3652): sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenis, spt delik air, bangas putih, delima burung dll.

bunga si tawar-tawar (1865): bunga setawar – sj tumbuhan berdaun tebal dan berair digunakan untuk penawar; *Costus speciosus*.

bunga simpur (1341): sj tumbuhan (bunga) yang cantik warnanya, tetapi tidak berbau.

buntak; Si Kaling buntak (169): (Br) pendek.

buntat; buntat gemala (2808): *buntat* – batu hempedu drp tumbuh-tumbuhan; *gemala* – batu yang bercahaya yang mempunyai hikmat; batu hikmat.

burung aruan (2399): sj burung; tidak dapat dipastikan jenisnya.

burung dekut (1576): mendekut – suatu cara menangkap burung dengan membunyikan serunai buluh atau batang padi yang meniru suara burung punai, tekukur dll; dalam konteks ini bermakna burung yang didekut.

burung gokgok (3654): sj burung, spt budbud.

burung nasar (2186): sj burung pemangsa yang memakan bangkai; burung reng.

burung tambik (1584): sj burung, spt belatuk.

cabai (127): lada, cili.

cabik; bercabik-cabik (2019): koyak-koyak; robek; pakaian yang memperlihatkan kemiskinan.

cabuk (3658): cambuk – tali yang bertangkai untuk menyebat; cemeti; sambuk.

cak (143): sj burung kecil seperti pipit; ciak.

cakap (964): sanggup; boleh; mampu.

camat; bercamat (1864): mungkin *bercawat* (bercawat menggunakan batang padi atau jerami); digunakan *bercamat* untuk berima dengan *kiamat*.

canang (2323): sj gendang; gong kecil yang dipalu untuk tujuan menghebahkan sesuatu, misalnya perintah raja.

candik; (1743): cabang; bercabang-candik; biasanya cabang yang baru tumbuh yang kemudiannya menjadi dahan, cabang atau ranting.

canggung (2046): dahan atau batang kayu mati yang timbul tenggelam di air, sungai atau kolam.

cangkau (3471): jangkau; cengkau.
capa; (166): sj tumbuhan herba untuk dibuat ubat; sembung; *Blumea balsamifera.*
capah (118): capar – bekas bulat spt dulang, diperbuat drp kayu.
capal (353): sj selipar yang diperbuat daripada kulit; cerpu.
carang; carang kayu (2648): cabang; cabang kayu.
cawi; burung cawi (2830): sj burung berbulu hitam berbelang putih; *Dicrurus spp.*
cebok (3871): mencedok.
ceki (3075): sj permainan judi yang menggunakan kad-kad (daun terup) kecil.
cekur (148): sj tumbuhan dalam famili halia, umbinya dibuat ubat; *Kaempferia galanga.*
celari; kain celari (2227): sj kain (sarung) sutera yang bersulam benang emas di tepinya.
celepa (735): bekas rokok (tembakau dll) yang terdapat dalam berbagai-bagai bentuk, diperbuat drp logam.
cemara (2450): sj tumbuhan (pokok) yang berdaun halus, biasa tumbuh di kawasan pantai; pohon ru; *Casuarina spp.*
cemara (3537): rerambut yang dipintal menjadi tali; atau ekor binatang seperti kuda, lembu dll diikat pada senjata spt perisai dan lembing sebagai hiasan.
cempa (1487): lih. *celepa*; cempa juga sj padi.
cemperai (2711): sj tumbuhan (pokok renek); *Champeria griffithii.*
cenak (80): mungkin *cenana* – sj tumbuhan memanjat; *Artabotrys suaveolens.*
cendal; cendal sedikit (2010): cendala – orang yang dihina, buruk dan dikeji; atau sesuatu keadaan yang tidak disukai; malang sedikit.
cendana (304): sj tumbuhan (pokok) yang berbau wangi dan kayunya berwarna merah; *Pterocarpus spp.*
cenderaloka (3135): burung sakti, kedewaan atau separuh kedewaan.
cengal; cengal kuku (2951): sj tumbuhan (pokok) yang kayunya keras, elok dibuat rumah dan perabot; *Balanocarpus heimii.*
cepu (2520): sj cembul untuk mengisi tembakau, gambir dll; diperbuat drp kayu atau logam; sebahagian drp isi tepak sirih atau cerana.
cerana (404): bekas atau tepak sirih, berbentuk bulat atau bujur, diperbuat drp logam, berkaki rendah, merupakan artifak budaya Melayu yang penting.
ceretak; pinang ceretak (574): mungkin drp *ceretek*; berceretek – berselerakan.
cereti; pinang cereti (574): bentuk gandaan drp *ceretak.*

ceri (3802): sj tumbuhan (pokok) yang cepat tumbuh, bunganya putih kecil-kecil, daunnya agak berbulu, buahnya bulat kecil, yang kalau sudah masak berwarna merah, kuning atau hitam dan enak dimakan; *Muntingia calabura.*

cetai; bercetai-cetai (1992): koyak-koyak; cabik-cabik.

cindai; kain cindai (992) : sj kain sutera berbunga-bunga, berwarna hampir sama dengan warna kulit ular sawa; cantik, istimewa, maksudnya bukan kain basahan.

cita; kain cita (2989): sj kain drp kapas yang dibuat pakaian, berbunga atau berwarna.

cok (154): (Kl, Tr) cangkul yang lurus; dalam sesetengah keadaan hanya berupa gandaan untuk keseimbangan bunyi pantun.

cokmar (1091): sj senjata, biasanya diperbuat drp logam; kepalanya berduri-duri dengan batang yang berat dan besar; biasa digunakan untuk berperang.

corek (3862): sj senjata tajam; golok; pedang dsb.

cotok; dicotok (1093): paruh ayam, burung dll; dipagut dengan cotok oleh ayam atau burung.

cuat; tercuat-cuat (1210): tegak menganjur, spt rokok yang tersepit di bibir.

cubadak (300): sj cempedak; atau nama lain bagi cempedak.

cudak (3093): mungkin *cuduk* – sj tumbuhan (pokok kecil); *Thoteea parviflora*; disebut *cudak* untuk berima dengan *budak*.

cukin; kain cukin (619): kain kecil untuk menutup dada sewaktu makan; atau kain basahan dipakai untuk mandi.

cula; bercula tujuh (1102): sumbu yang tumbuh pada hidung atau muncung haiwan, misalnya badak; haiwan bercula tujuh dianggap sakti dalam legenda Melayu.

cumanak (1389): cubadak, sj cempedak.

cumbi; dicumbikan (3776): mungkin *camik* – campur; dicampur-campurkan.

cun cuin (160): kata yang bermaksud padan, cantik, merdu; di sini merujuk bunyi kelentong ayan.

cunia (2789): sj perahu yang agak besar, untuk mengangkut barang-barang.

cupak (561): ukuran isi untuk beras dan bijirin lain; suku gantang, iaitu empat cupak bagi satu gantang; alat atau perkakas yang digunakan untuk sukatan tersebut.

cupar (724): celupar – suka mengeluarkan kata-kata yang tidak sedap didengar (bercakap lepas saja).

cura; membuat cura (2158): berkelakar, bermain-main, berseloroh.

dadahan (3663): (Br) sj tumbuhan (pokok).
dadih (2626): susu lembu atau kerbau yang pekat atau telah dikentalkan; atau susu yang telah beku, masam dan berketul-ketul.
dadu; hilang dadu (2626): warna (merah muda) yang biasanya ada pada cecair yang sedang membeku, misalnya susu yang menjadi dadih.
dakat; duku dakat (156): sebangsa duku (sj buah dalam keluarga langsat); atau "daka" sebagai gandaan "duku".
daman; burung daman (915): tali kelat pada perahu; di sini mungkin sj burung yang suka hinggap pada tali perahu.
damak; anak damak (2069): sumpitan; anak sumpitan – dawai atau buluh yang tajam hujungnya dan bergabus di pangkalnya digunakan sebagai peluru bagi sumpitan.
damar (882): bahan berupa getah keras yang diperoleh drp beberapa jenis pokok; biasa digunakan untuk tujuan kalis air atau bahan api untuk suluh atau andang; damar batu – damar yang keras.
damit (1516): (Br) kecil.
dampar; dampar ke siring (3543): tersadai ke pantai; siring – tepi; terdampar ke tepi pantai.
dan (102): sempat; tak dan – tak sempat.
dandang (35): perahu drp batang kayu.
dandi; selasih dandi (2423): sj tumbuhan (herba); ara batu; daun misai kucing; rumput tahi ayam; *Ageratum conyzoides*.
dang-dong (161): ajukan bunyi (onomatopoeia) drp bunyi mengetuk papan, dinding, lantai dll.
dangau (389): pondok kecil di sawah, ladang, atau kebun, untuk menunggu tanaman.
dangding; kesuma dangding (3685): nama jolokan untuk sesuatu yang indah, misalnya bunga (kesuma).
dangsanak; berdangsanak (3725): (Br) sanak saudara; keluarga; dansanak.
dansanak; dangsanak (1389): sanak saudara, kaum kerabat, seketurunan; dalam masyarakat Negeri Sembilan saudara-saudara sebelah ibu; dusanak.
danta; delima danta (2007): gading, gigi; putih seperti gading; isi delima yang putih.
daraji (2984): derji – tukang jahit.
dasau; di dalam dasau (2407): sj bekas air, diperbuat drp tempurung kelapa.
datu (340): gelaran anugerah; datuk; atau orang yang dihormati, spt keramat, raja dll.
daun simpul (2265): daun simpur (lih. *simpur*).
debur; berdebur-debur (1049): bunyi seperti ombak memecah di pantai.
dedak (351): habuk drp kulit padi; lebih halus drp sekam.

dedalu; dedalu api (1162): lih. *benalu.*

dedap (1300): sj tumbuhan yang berbunga cantik, tetapi tidak berbau.

dekuk-dekuk (1288): ajukan bunyi, seperti bunyi orang berjalan dengan memakai terompah kayu.

dekut (1576): lih. *burung dekut.*

demaga; pokok demaga (2287): sj tumbuhan (herba); pegaga.

den (dén) (3243): aku; saya (dialek Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan).

denak (1269): burung atau binatang yang dijadikan umpan untuk memerangkap binatang lain.

dendang (1673): lih. *dandang.*

dendang; timun dendang (1350): sj timun kecil.

derap (396), (1319): bunyi spt orang berjalan serentak; bunyi air atau hujan jatuh ke atap; bunyi yang berulang cepat, spt bunyi dayung perahu.

destar; berdestar (41): ikatan tutup kepala; tengkolok.

dewangga; tirai dewangga (3147): tirai drp kain dewangga, iaitu kain yang tebal ditenun tangan dan bercorak indah, umumnya biru atau kuning di atas dasar merah.

dewangsa; parang dewangsa (3854): mungkin *dewangga* dengan maksud parang yang berhias indah.

dewata; burung dewata (1989): dewa, dewa yang tertinggi; burung yang bersifat magis; burung cenderawasih.

dilam; daun dilam (1996): sj tumbuhan (herba); *Hemigraphis platycarpos.*

dibaliknya (2282): diterbalikkannya; dipusingkan arah atau kedudukan sesuatu.

dilanting (447): dilempar; dibaling.

dipertiga (525): dibahagi tiga.

dirajah; gugur dirajah (2085): tujah, menusuk dengan benda tajam, galah dsb; ditohok, diradak.

doh-doh (170): bunyi suara yang dibuat untuk memanggil anjing.

dokoh (2453): sj loket yang berupa kepingan yang lebar drp emas dan permata di tengahnya (biasanya berbentuk bulat bagi lelaki dan menyerupai bulan sabit bagi perempuan).

dudun; berdudun (2432): (Br) dudu, berduduan – berjalan beriringan, bersama.

duku (766): sj tumbuhan (pokok) yang buahnya hampir sama spt langsat, tetapi lebih besar dan kulitnya lebih tebal.

dupa; perdupaan (1212): kemenyan atau setanggi yang berbau harum apabila dibakar; tempat atau bekas membakar kemenyan atau setanggi.

durja (2841): air muka, wajah.
durung; taruh ke durung (2686): (Br) pondok tempat menyimpan padi; kepuk.

edar; edar berperang (1597): berpindah, beralih tempat; mungkin juga *edan* – gila; gila berperang.
emas paun (871): wang ringgit emas yang digunakan sebagai perhiasan, rantai, aguk dll.
emas urai (262): emas yang berbutir-butir halus.
embat; mengembat (631): menyebat, berkibar kencang.
embuh (3558): dialek Kelantan – mahu; tak embuh: tak mahu.
ember (151): embar – timba drp besi untuk mengambil air dll; baldi.
empang; diempang (3618): tambak, timbunan tanah, batu dll untuk menakung atau menahan air, suatu cara untuk mengawal aliran air.
empelam (1602): mempelam – sj tumbuhan (pokok) dan buahnya; mangga; *Mangifera indica.*
empelas; daun empelas (1282): sj tumbuhan (pokok) yang daunnya kasar; digunakan untuk melicinkan kayu dll; *Tetracera assa.*
enau (1243): sj tumbuhan (pokok) dalam famili bertam; kabung, berambut (ijuk) dan berbuah (kantau); *Arenga saccharifera.*
endoi; endoi-endoi dam (178): endoi – buaian; berendoi – istiadat membuai anak, tidak lama selepas dilahirkan.
enjit-enjit; enjut-enjut (182, 183): gerakan turun naik, sesuatu anggota badan; *enjit-enjit semut* – sj permainan kanak-kanak.
enggan; berenggan-enggan (3166): enggan, tidak mahu, tidak suka, berdolak-dalik.
enggok; enggok ya-ya (181): angguk ya-ya – mengangguk dan membenarkan, tanda bersetuju.

farak (1132): (Ar) berpisah.
fasid (2664): (Ar) rosak, binasa.
Fransis; kapal Fransis (2158): Perancis.
fuad; fuadi (3341): (Ar) hati; hatiku.

gadung (1127): sj ubi yang memabukkan, tetapi boleh dimakan jika tahu cara memasaknya.
gagang (1386): tangkai (bunga, daun); hulu (keris, tombak dll).
gagati; arap gagati (3797): (Br) harap dihormati; disegani.
gaharu (1493): sj kayu yang berbau wangi, berasal drp pokok tengkaras; *Aquilaria malaccensis.*
gala; mengala (562): menghala (ke semua arah).

gala-gala; di gala-gala (2439): pakal yang dibuat drp damar, getah dll, untuk menutup celah-celah papan, spt perahu.
galang; pengalang (3848): penghalang, pelapik.
galas, bergalas (645): benda yang dibawa; beban.
galat (2488): (Br) pantang larang (awar galat); segan silu; malu; hormat-menghormati.
gamat (148): bising; riuh-rendah; kacau-bilau.
gamat; daun gamat (2566): daun drp kayu keramat yang digunakan sebagai cap kerajaan.
gamat; mestika gamat (965): permata gamat – permata drp gamat, cantik dan berkualiti magis.
gambang (920): sj alat muzik (dibuat drp bilah-bilah kayu atau gangsa yang panjangnya tidak serupa).
gamelan (1758): sj peralatan muzik tradisional terdiri drp pelbagai alat yang dipalu, antaranya gong, gendang, canang, gambang, bonang dll.
gamparan (3767): terompah kayu.
ganja; buah ganja (899): sj tumbuhan yang daun dan bunganya apabila dikeringkan dihisap seperti tembakau, sebagai dadah yang mengkhayalkan; *Cannabis sativa*.
ganja menumpang (3218): sj corak hiasan pada hulu keris.
gara-gara (2609): bencana; akibat drp sesuatu.
garai (2475): gerai – bangku atau meja tempat berjual barang.
gawa (1485): kesilapan, kesalahan kecil.
gawai; gawai emas (3543): kerja, pekerja atau pengurus dalam kerja yang berhubungan dengan emas; tukang emas.
gedang (265): (Mn) besar, luas.
gedumbak; si gedumbak (2446): nama sj ikan.
gegar; menggegar (454): goncang, goyang; menggoncang, menggoyang.
gegawi (1634): (Br) gagawi – sj alat drp kayu, bentuknya spt dayung, digunakan untuk mengacau makanan.
gelagah; gelagah alik (3282): sj tumbuhan yang rupanya spt tebu; *Saccharum spontaneum*.
gelam (3488): sj tumbuhan (pokok), kayu putih; *Melalueca leucadendron*.
gelama; ikan gelama (1671): sj ikan laut dalam famili *Selaenidae*.
gelang-gelang (276): sj cacing, cacing tanah yang bentuknya spt gelang.
gelecok (155): gelécok (dialek Negeri Sembilan) – tergelincat; melencong; melanting.
gelenggang (1304): gelenggang kecil – sj tumbuhan herba yang daunnya boleh mengubat penyakit kulit; daun kurap; *Cassia obtusifolia*.
geleta (262): geléta – sj buyung atau kendi yang berleher panjang.

gelinggang (3483): gelanggang besar – sj tumbuhan perdu besar, tinggi-nya mencapai 5 meter, daunnya lonjong (bulat telur), biasa di-gunakan untuk ubat kurap; *Cassia alata*.

geluk (281): bekas air drp tempurung.

gelunggung (556): tempat yang berlubang; misalnya tempat ikan atau burung tinggal.

gelutuk (952): mungkin sj tumbuhan.

gemal; segemal (1061): secekak penuh rangkai-rangkai buah padi yang telah dituai dengan ketam.

gemala (1892): batu yang bercahaya dan mempunyai hikmat, berasal drp ular, naga dll.

geman; tergeman (258): takut, ngeri.

genggong (3683): sj alat muzik drp besi atau dawai; mungkin juga bangsi, serunai.

gentas; digentas (3431): digigit hingga putus, digentis.

gerayu; gerak-gerayu (3450): bergerak atau bergetar (pada hujung).

geringsing wayang (709): corak kain batik yang biasa dipakai oleh kaum bangsawan.

gerinting (3170): sj alat berbunyi spt loceng; gerincing; gerinting juga sj tumbuhan (rumput), *Chamaeraphis aspera*.

geroda (3376): sj burung misteri, burung ajaib yang sangat besar, selalu mendatangkan bencana kepada manusia; burung rajawali besar; burung kenaikan Dewa Wisnu.

gerugul; tanah gerugul (2064): gerogol – pagar untuk menguatkan benteng, kubu atau penahan ombak; tambakan tanah untuk tujuan-tujuan itu.

geta (945): takhta; katil tempat peraduan raja.

getus; digetus (796): petik, dipetik; getis, digetis.

ghairat (2774): ghairah – nafsu atau keinginan yang keras, rasa berahi yang sangat kuat.

gharib (1602): aneh, asing, ganjil, luar biasa.

giam (184): sj tumbuhan (pokok) yang keras kayunya; *Hopea nutans*.

giling; giling kecapi (186): (Br) geleng (lih. Catatan Teks).

giring; digiring (3675) (Br) menghantar, mengiring ; diiring ke suatu arah.

giring; temu giring (780): sj tumbuhan (herba) yang boleh dibuat baja atau ubat; *Curcuma heyneana*.

gok; gok padang mancur (3695): tempat membakar barangan drp tanah liat (tanur); atau reban ayam.

golak; ulu golak (98): golok; disebut *golak* untuk berima dengan *hendak*.

gosong; bergosong (1080): timbunan pasir di pinggir laut atau sungai.

gubang (468): (Br) sj perahu layar.
gulintangan (2041): sj peralatan muzik tradisional di kalangan masyarakat Melayu Brunei, Sabah dan Sarawak; terdiri daripada alat-alat paluan yang dibuat drp buluh atau gangsa; lebih kurang sama dengan gamelan.
gumbang; tempayan gumbang (3150): buyung besar.
guna, guna-guna (32): jampi, mantera atau ubat yang digunakan untuk menggoda seseorang.
guntur (1306): guruh, petir.
guruh, guruh di langit (1418): bunyi bising di langit, biasanya bersama kilat dan petir.

hablur; cermin hablur (1356): benda keras yang hening spt kaca, kristal.
halalang; daun halalang (3153): lalang; ilalang.
halia; halia suasa (695): sj halia, tumbuhan yang umbinya pedas; *Zingiber officinale*.
hang; diikat hang (1455): tempat perlindungan untuk pemburu binatang buas; dibuat di atas pokok; ran.
hantimun; hantimun betik (2206): mentimun; mentimun betik.
himbau; himbauan (1531): memanggil, menyeru seseorang; panggilan, seruan.

ijuk (166): sj serabut berwarna hitam spt rambut pada pangkal pelepah pohon enau atau kabung; lih. *enau*.
ikan buburan (3530): (Br) sj ikan laut; ikan kembung; *Scomber spp.*
ikan jelai (972): sj ikan – jelai sj tumbuhan yang bijinya keras, dibuat tasbih.
ikan setoka (1400): sj ikan laut, ikan pari kecil yang kurang bernilai; *Trygon spp.*
ikan tokak (199): sj ikan laut, bermulut besar dan kuat makan; *Bodianus diana*.
ikan toman (972): sj ikan darat, termasuk dalam famili haruan; *Ophicephalus striatus*.
iktikad; andang iktikad (2354): (Ar) kepercayaan atau keyakinan di hati, terutamanya dalam hal-hal keagamaan.
impok-impok (200): (Br) sj kuih, penganan.
inai (206): sj tumbuhan yang daunnya digunakan sebagai bahan pemerah kuku dan jari, khususnya untuk pasangan yang akan berkahwin; *Lawsonia inermis*.
indang; indang-indang melukut (3708): menampi dengan nyiru; menampi melukut dengan menggunakan nyiru; cindang; kindang, mengindang.

induk (371): ibu.
induk semang (1623): orang atau perempuan yang memberi bantuan, memelihara orang lain, misalnya perantau; ibu angkat.
indung; anak indung (1175): ibu, induk, terutamanya pada binatang.
ingau; tak ingau (2944): hirau; endah; tak hirau; tak endah; tidak peduli.
ingsun (2967): (Jw) aku, kami.
injap (748): pintu pada bubu, berbentuk corong untuk ikan masuk tetapi tertahan drp keluar; unjap; pelidah.
ingka; gelak ingka (2481): tertawa gelak-gelak; tertawa kuat-kuat.
iraian; bunga iraian (3960): kirai – sj tumbuhan (palma); genia; rembia; *Metroxylon rumphii*.

jajar; dijajar (569): banjar, baris, deret; diletak berderet dalam sebaris.
jala; jala mala (3887): jala jemala – alat untuk menangkap ikan (jala); di sini jala yang istimewa; magis (lih. *jemala*).
jala rambang (974): sj jala yang jalinannya besar atau lurus, kerana itu penjala sukar mendapat ikan.
jalak (1195): sj burung spt burung tiung; atau ayam jantan yang garang, elok untuk dilatih menjadi ayam sabungan.
jalar; jatuh jalar (554): menjalar; jatuh menjalar.
jalur (975): sj perahu.
jambang; jambangan (557): tempat meletakkan pasu bunga, atau bekas untuk meletakkan bunga.
jamu (75): layanan atau makanan untuk seseorang atau tetamu.
jamu (3786): sj ubat drp akar, daun dll untuk mengubat penyakit atau menguatkan tenaga batin.
janggi (1395): segala sesuatu yang ajaib, benda, pokok dll; misalnya pauh janggi.
janggi; pauh janggi (1075): sj buah, nyiur laut. Dalam legenda Melayu "pauh janggi" dikatakan pusat alam; di situlah geroda dibuang kerana ia mengganggu kehidupan manusia; lih. Catatan Teks.
japa (523): capa; pohon capa (lih. *capa*).
jarak; buah jarak (902): sj tumbuhan (pokok), buahnya dibuat minyak; *Ricinus communis*.
jarang; menjarang (1539): (Mn) memasak air; menjerang.
jarang; si jarang gigi (1379): sj ikan.
jaraya (1186): jalan raya (dialek Melayu Brunei, Sabah, dan Sarawak); jeraya.
janti (175): sj kumbang atau mungkin *jati*.
jauhari (1060): tukang atau saudagar permata; cerdik pandai.
jawi; si jawi-jawi (1693): sj tumbuhan (pokok) beringin; kelat saga; *Ficus benjamina*.

jawi hitam (203): lembu, sapi atau kerbau hitam.
jejak; tak jejak (1353): akar yang tergantung, hampir sampai ke tanah.
jeladan; burung jeladan (2527): sj burung; jelatik.
jelatik; burung jelatik (2527): sj burung pipit Jawa yang warnanya kebiru-biruan, rupanya cantik dan selalu dipadankan dengan jeladan; *Lochura leucogastroides*.
jelawat; ikan jelawat (542): sj ikan darat yang berlemak banyak; *Leptobarbus hoevenil*.
jelutung (1334): sj tumbuhan pokok yang keras kayunya, terdapat pelbagai jenis.
jemala (2615): panggilan terhormat untuk kepala, sebagai tanda merendah diri.
jemantung; jala jemantung (3387): suatu bentuk ikatan atau rembatan jala.
Jembalang Bulang (2098): nama sejenis perahu; *jembalang* ialah sejenis hantu yang terdapat di mana-mana termasuk di dalam air; *bulang* bermaksud ikatan, pada kepala termasuk di kepala perahu.
jemudi (748): jurumudi.
jentayu; burung jentayu (26): sj burung; geroda; atau burung yang dikatakan selalu berseru meminta hujan seperti kata peribahasa: *Bagai jentayu menanti hujan*.
jenung balai (132) : mungkin jenang, jejenang – seorang pembantu, atau pengawas di balai.
jeramai (1170): jerabai; jerambai – berumbai-rumbai, bergantungan.
jeramék (3687): (dialek Melayu-Iban) jerami – batang padi yang sudah kering dan padinya sudah dituai.
jerang; jerangkan (547): memanaskan di api, untuk memanas atau memasak air atau makanan.
jeraya (3608): lih. *jaraya*.
jerejak; jerjak (3859): tiang-tiang kecil yang dipasang pada tingkap; kisi-kisi, jeriji, jeruji.
jerih (3459): penat, lelah, payah.
jeruju (684): sj tumbuhan (pokok) renek yang berduri; beruju; *Acanthus ebracteatus*.
jeruk (727): buah-buahan yang telah diasam atau diasinkan.
jintan (780): sj bijirin yang dibuat rempah atau dijadikan ubat.
joli; basikal joli (3608): basikal untuk berjoli – bersiar-siar, bersantai.
jolong; jolong bersusuk (3459): berbentuk jolong – sj tabung drp buluh untuk bekas air.
jongor (815): muncung yang panjang pada kumbang, ikan dll.
jorong; berjorong (1870): bentuk bulat panjang; tepak sirih yang berbentuk bulat panjang; mangkuk, pinggan.

juak (3789): jua, juga (dialek Melayu Sarawak).
juana (1968): jawana – buana, bumi atau mungkin nama tempat.
judu; berjudu (2039): *jodoh*; bentuk ini bukan sahaja untuk keperluan rima; tetapi adalah sebutan umum dalam masyarakat Melayu Jakarta dan di kalangan masyarakat Cina peranakan.
julai (115): menjulai – keadaan tergantung, spt ranting kayu yang di hujung, carang.
julang-jemulang (1609): meninggi; masing-masing menaik tinggi.
jujum (2987): jujuh – air yang terus mengalir, sungai, mata air.
julung; julung berkeris (3632): baru pertama kali menggunakan keris.
juragan (208): nakhoda kapal; mungkin juga pemilik kapal.

kaban (1008): (Br) sj peti drp kayu.
kabung; berkabung-kabung (1340): kerat; berkerat-kerat, atau satu ukuran panjang.
kacip; dikacip (3068): alat mengupas atau merincik pinang; dikupas atau dirincik dengan menggunakan kacip.
kadangi; kadangi nasi (2171): membuang air nasi yang sedang dimasak; membuang air didih supaya nasi lekas masak.
kaduk (123): sj tumbuhan (pokok renek); akar bugu, kudak, mengkadak, sirih duduk; *Piper sarmentosum*.
kahwa; pohon kahwa (3903): pohon dengan buah yang hampir sama seperti kopi; *Coffea spp.*
kain antelas (709): sj kain sutera India yang berkilat; kain satin.
kain kemban; berkain kemban (1524): kain yang dibalutkan ke badan untuk menutup dada.
kait; kait padinya (3925): tangkai-tangkai padi yang telah diikat; gemal.
kajang (1577): atap atau pelindung yang dianyam drp daun nipah, mengkuang dll, untuk berlindung drp panas.
kalang; berkalang (989): tergalang, berbantal.
kalat; kalat mata (1341): (Br) terasa mengantuk (hendak tidur).
kalat; kalat pedati (1036): (Br) tali; tali yang besar, biasanya diperbuat drp serabut.
kalas; kalas-kalasnya (3951): gelang-gelang atau tali drp rotan yang diikat pada dayung untuk menyangkut dayung pada perahu.
kali mati (1775): sungai mati; air yang bertakung spt sungai tetapi tidak bergerak.
kalumbi; asam kalumbi (1822): lih. *kelubi*.
kalupis (3748): (Br) sj kuih basah drp pulut.
kamat; kayu kamat (565): sj tumbuhan (pokok) yang kayunya biasa digunakan untuk membuat cap raja-raja.

kamat; udang kamat (148): sj udang kecil.
kambura; ikan kambura (3604): (Br) nama sj ikan laut.
kamék (3687): (dialek Melayu Iban) kami.
kamit; mengukamit (2354): (Br) mungkin *kamih* – buang air kecil; mengukamih – membuang air kecil.
kana; buah kana (2498): sj tumbuhan (pokok) berbuah.
kandar; kukandar (3864): memikul barang dengan pengandar (barang diletakkan pada kedua-dua hujung kayu, di hadapan dan di belakang, menggalas.
kangsur; balai kangsur (1814): bahagian dalam pekarangan istana, tempat rakyat biasa berhimpun.
kantung (1153): saku, poket.
kapak; cap kapak (145): ular kapak – sj ular yang sangat bisa.
kapan; kain kapan (3861): kain putih pembungkus mayat.
karang; putus dikarang (2151): berkarang – sunting, gubahan (bunga, permata, manik dll).
karang; berkarang (2380): batu karang, berbatu karang.
karap; benang karap (2888): sj ikat pada alat tenun, suri.
karar; berkarar (3456): tenang, tetap; dalam konteks ini bermakna berikrar, berjanji secara bersungguh.
karatang (2699): (Br) sj ikan laut; kertang; pertang; *Promicrops lanceolatus*.
karatau madang (1633): medang keratau – sj tumbuhan (pokok) drp spesies medang.
kartu (1165): kad, daun terup.
karut; karut di akar (356): kacau, kalut, kusut, berselirat.
kasa; kain kasa (3104): kasah – kain yang halus dan jarang tenunannya.
kasur (533): tilam.
katambak; anak katambak (1539): sj ikan laut, bawal tambak.
katang-katang (2640): sj bakul empat persegi, diperbuat drp mengkuang.
kaul (1265): janji yang diikrarkan teguh-teguh.
kaula (3663): (Jw) hamba, patik; kawla; dalam dialek Brunei berupa ganti nama diri orang pertama apabila bercakap dengan orang yang bergelar Pehin.
kawa (914): lih. *kahwa*.
kayu Patani (3277): sj kayu yang dipercayai dibawa dari Patani.
kayu tubi (2351): keratan kayu spt tongkat, digunakan untuk me-nunjuk sesuatu atau memukul (misalnya oleh guru pondok ketika mengajar).
Kebala (2670): Kerbala; padang Kerbala yang terkenal melalui cerita Amir Hassan dan Amir Hussain, cucunda Rasulullah s.a.w.

kebat (214): ikat, bebat, balut.
kecai; berkecai (2236): pecah berkeping-keping; hancur.
kecapi (1746): alat muzik tradisional yang dipetik spt gitar.
kecubung; batu kecubung (506): sj batu permata yang berwarna spt bunga kecubung, iaitu sj tumbuhan (pokok renek), bijinya memabukkan.
kecundang (813): gagal, kalah, tewas.
kedempung (109): sj tumbuhan (pokok) yang biasanya terdapat di tepi sungai; kelepung; *Randia axaltata.*
kedidi (689): sj burung yang biasanya terdapat di tepi-tepi air; sikudidi; *Pluvialis squatarola.*
kedok; terkedok-kedok (3760): terkedek-kedek – berjalan atau berlari tergoyang-goyang.
kedondong (462): sj tumbuhan (pokok dan buahnya); *Canarium spp.*
khalambak (1016): sj tumbuhan (pokok) yang kayunya berbau harum; gaharu, kelombak; *Aquilaria malaccensis.*
kelati; dikelati (550): tali kelati – tali untuk menarik layar.
keledang; buah keledang (3741): sj tumbuhan (pokok dan buah); nangka pipit; *Artocarpus lanceifolia.*
kelekah (1481): pelekah – tingkap pada geladak kapal atau perahu.
kelekati; kelkati (751): sj serangga, anai-anai; atau kacip, kelati.
kelemunting (1639): kemunting – sj tumbuhan (pokok renek), pelbagai jenis; *Rhodomyrtus tomentosa.*
kelenang (555): sj alat bunyian dalam peralatan muzik gamelan.
kelendara (1709): lingkaran daripada rotan dll pada tiang kapal untuk diikatkan andang-andang atau suluh.
kelentong; kelentong ayan (160): gendang kecil yang digunakan oleh penjaja; diperbuat drp ayan (zink atau timah sari).
kelibatan (1464): kelibat – kelihatan sepintas lalu; imbasan.
kelibut; rimba kelibut (565): kelibang-kelibut – berterbangan; dalam konteks ini bermakna sukar, rencam.
keliki (496): buah betik, kepaya, papaya.
kelikir; langit berkelikir (228): batu-batu kecil, kerikil, tompok-tompok awan seperti kelikir.
kelim; dikelim (1555): lipatan pada tepi kain yang dijahit.
kelindan (2658): benang jahitan yang sedia tercucuk pada jarum.
kelok (8): liku, selekoh jalan.
kelubi; putik kelubi (19): sj tumbuhan palma yang buahnya masam; asam paya; salak hutan; *Zalacca conferta.*
kembang lelan (2263): bunga lelan (lelan – nama sj ikan).
kembita; serai kembita (3436): nama sj serai.

kembung; kembung segah (238): sj penyakit perut yang biasa terjadi kpd kanak-kanak.

kemili (547): kembili – sj tumbuhan herba yang boleh dimakan umbinya; *Coleus tuberosus*.

kemiri (362): sj tumbuhan (pokok dan buahnya); buah keras; *Aleurites moluccana*.

kempas; pucuk kempas (3495): sj tumbuhan (pokok) yang keras kayunya, boleh dijadikan arang; beberas, babi kurus dll; *Koompassia malaccensis*.

kemput (238): kempung, cekung.

kemujut (3984): (Br) pujut; kujut; memujut – mengikat dengan tali; di sini mengikat tangkai buah rempah, ketumbar, lada dll.

kemumu (435): sj lumut laut; atau sj keladi – keladi Cina yang boleh digulai daun dan batangnya.

kemuning; bunga kemuning (1012): sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenisnya.

kenari; buah kenari (1896): sj tumbuhan (pokok dan buah); *Canarium commune*.

kendil (454): (Jw) sj periuk.

kenidai (3043): sj tumbuhan (pokok), kernam, kemung; *Bridelia stipularis*.

kenyal; berkenyal (1860): mudah berubah, menjadi bertambah atau berkurang.

kepaya (809): betik – sj tumbuhan tropika (pokok dengan buahnya), yang isi buahnya berwarna kuning atau jingga dan sedap dimakan; papaya; *Carica spp.*

kepayang (292): sj tumbuhan (pokok) yang buahnya memabukkan; *Pangium edule*.

kepiting; ketam kepiting (2176): sj ketam kecil yang terdapat di celah-celah batu di pantai, ketam batu; *Cancer spp.*

kepuk (1061): tempat menyimpan padi; rengkiang; kepuk juga bermakna bakul.

kepundang, buah kepundang (119): kepundung – sj tumbuhan (pokok) yang buahnya spt buah remenia; kundang; *Bouea macrophylia*.

kerabat; kerabat di bawah batang (3941): kaum keluarga, sanak saudara; mungkin juga bermakna panjat, mengambil dengan rakus.

kerakah (207): kekah – sj monyet yang hitam bulunya dan panjang tangannya; lotong ceneka; *Presbytis femoralis*.

kerakap (309): sj sirih yang berdaun lebar, keras dan tebal.

keramunting (2033): kemunting – tumbuhan (pokok renek) berbunga; *Rhodomyrtus tomentosa*.

keranji (479): sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenisnya.

kerantung (1606): sj alat drp kayu atau buluh, dipukul untuk memberikan bunyi bertujuan memberitahu sesuatu, waktu sembahyang, kejadian darurat dll; beduk; kertuk.

keratang (3838): kerekatang – kotor atau becak; berkeretang.

kerawang; menerawang (2606): (membuat) ukiran, tenunan atau sulaman, dengan corak-corak yang berlubang.

kerawang; kerawang baju (3159): lih. *kerawang*.

kerbang; jagung kerbang (977): sj tumbuhan (jagung) yang kulitnya boleh dibuat tali.

kerbuk (1401): tebuk, menebuk, membuat lubang.

kerek; kok kerek kok (218): ukuran banyak untuk 10 kerat gula kabung.

kerenam (3859): sj tumbuhan (pokok); kenidai; sebasah; punai; *Antidesma cuspidatum*.

kerikil (3483): kelikir – batu-batu kecil yang digunakan untuk membuat jalan raya; batu-batu kecil yang biasa terdapat di atas pasir di tepi-tepi sungai.

kerlat (152): kerlap, mengerlap – bercahaya gemerlap spt intan dll.

keroncong; keroncong beri bertali (3544): gelang keroncong – gelang kaki yang padanya dilekatkan giring-giring iaitu loceng-loceng kecil yang berbunyi apabila digerakkan; gelang keroncong yang diikat dengan tali.

kerosang (863): kerongsang – sj perhiasan drp emas dll yang disematkan pada baju.

kersik (3279): pasir kasar; batu kerikil yang halus; kerisik; gersik.

kerukut (436): keadaan yang bengkok-bengkok, tidak rata, tidak licin, misalnya seperti daun kering, renyuk, berkedut. Dalam konteks ini mungkin nama kampung tersebut, atau keadaannya yang berkerukut.

kesampaian (2902): tercapai hasrat, harapan dan cita-cita.

kesip-kesip (1640): tiada berbiji, atau bijinya terlalu kecil; atau mungkin *kusip* – sj tumbuhan yang tergolong dalam famili redan, ridan; kusip bukit.

kesturi (2050) sj benda yang berbau harum (diperoleh drp musang jebat, dsb).

kesumba; dikesumba (1529): sj tumbuhan yang menghasilkan warna merah; *Carthamus tinctorius*; dimerahkan; diwarnakan merah; kain kesumba: kain merah.

kesumba murup; kain kesumba murup (811): kain sutera merah yang terang, bernyala, berkobar.

ketam; ketam padi (437): mengetam atau menuai padi dengan menggunakan alat yang dinamakan ketam atau ani-ani.

ketan (481): (beras) pulut.
ketapang; buah ketapang (2935): sj tumbuhan (pokok), bijinya menghasilkan minyak untuk dibuat ubat; *Terminalia catappa*.
ketaya (1490): (Mn) tali drp rotan yang berpilin yang diikatkan pada leher lembu atau pada bom pedati.
ketembung; mandi ketembung (3831): bertembung – bertemu; berjumpa; saling berpandangan; mungkin juga mandi bersuka ria dengan membuat bunyi drp kain basahan yang dikembungkan.
keti (2474): sj ukuran banyak – bagi jumlah seratus ribu.
ketiau; minyak ketiau (1530): sj tumbuhan (pokok), getah sundih, getahnya dibuat minyak yang boleh dicampur dengan makanan; *Madhuca sericea*.
ketitai, tek ketitai (314): ketit, cubit.
ketitir; anak ketitir (1175): burung tekukur; burung merbuk; *Geopelia striata*.
ketitir; berketitir (3597): bunyi canang (gendang, ketuk-ketuk dll) yang bertalu-talu menandakan ada bahaya atau sebagainya.
ketumbar (2463): sj tumbuhan (pokok renek) yang buahnya dijadikan rempah; *Coriandrum sativum*.
ketur (1015): tempat ludah, diperbuat drp logam, tin, tembaga atau perak.
khasa; kain khasa (1801): lih. *kasa*.
khali (2876): (Ar) lalai, lupa.
kiambang (2901): sj tumbuhan yang terapung-apung di air, di tepi laut atau sungai; *Pistia stratiotes*.
kiapu; kembang kiapu (826): (Br) sj tumbuhan (bunga).
kici (3309): sj perahu kecil dan bertiang dua.
kidal (3800): kiri; gemar atau cenderung menggunakan tangan kiri.
kidul (3780): (Jw) selatan; lautan kidul, segara kidul – lautan selatan.
kiduman; padang kiduman (2238): (Br) senyuman; padang tempat orang bersuka ria; atau mungkin nama khas untuk tempat berkenaan.
kikik (217): (Br) layang-layang, wau.
kikir; dikikir (899): kikis; dikikis.
kilau; mengilau (1231): memancing dengan menggunakan umpan anak ikan tiruan yang dibuat drp logam; disebut juga *mengilat*.
kilir; kiliran (1657): alat untuk mengasah pisau, parang dll diperbuat drp batu; batu pengasah.
kinanding (2642): nanding – sj ikan.
kinantan; ayam kinantan (452): ayam yang putih seluruh tubuhnya.
kincit; terkincit (213): terkeluar sedikit najis oleh sebab tidak tertahan, tercirit sedikit.
kipang bijan (1297): sj kuih yang dibuat drp bijan, dimasak dengan gula.

Bijan ialah sj tumbuhan (pokok) yang buahnya mengandungi minyak – minyak bijan, minyak lenga.

kisi; berkisi-kisi (580): kayu atau besi yang dipasang berdiri, pada tingkap atau pintu; jerjak; jeriji.

kitara; mengitara (1860): kitaran – gerakan berkitar, kisaran; berkisar.

kodek-kodek (2481): menggerakkan sesuatu dengan pantas, ekor, kepak dsb.

kok; kok kerek kok (218): kalau; kalau-kalau.

kokek (98): kok-kek – ajukan bunyi bagi ketawa berulang-ulang, sambil bercakap.

kolek (674): perahu kolek – sj sampan kecil untuk menangkap ikan.

kontong (344): kudung, jari tangan atau jari kaki; atau pada binatang, ekor dsb.

kosta; buah kosta (3118): buah manggis; mangosta.

kuau; burung kuau (1411): sj burung; kuang.

kubang; berkubang (2279): lubang atau lopak di tanah yang berisi air dan lumpur, biasanya tempat kerbau berendam.

kucindan (1119): (Mn) gurau senda, jenaka.

kuda beraksa (2607): kuda yang boleh terbang; buraksa.

kudup (3281): kuntum (bunga); kuncup; kudu.

kuini; buah kuini (903): sj mangga yang harum baunya dan halus isinya.

kukut (3518): kokot – kerekot, bengkok dan berkerekot.

kulik; berkulik (191): berbunyi.

kulup (183): panggilan timang-timangan untuk anak lelaki yang tertua dalam sebuah keluarga.

kumala (2182): lih. *gemala*.

kumbu (3966): sj bakul yang dianyam, biasanya digunakan untuk menyimpan ikan.

kumpai (190): sj tumbuhan (rumput); rumput sumbu; *Hymenachne myuros*.

kunang-kunang (576): sj serangga yang mengeluarkan cahaya yang berkelip-kelip drp perutnya; kelip-kelip.

kunang-kunang sekebun (2629): sj cincin yang mempunyai satu permata yang dikelilingi intan kecil-kecil.

kundi (837): biji saga yang berbintik (kurik), biasanya digunakan untuk menimbang emas.

kundur (841): sj tumbuhan dengan buahnya, pokoknya menjalar spt labu, keledek dll; *Melothria affinis*.

kupang (367): rumah tempat menyimpan padi; kepuk.

kurai taji (1374): urat-urat atau garis-garis pada taji ayam, khususnya ayam sabungan.

kuran (928): sj tumbuhan (pokok) yang masam buahnya; asam keranji; *Dialium indum*.

kurapu (224): (Br) kerapu – sj ikan laut; *Cephalopholis pachycenton.*
kurau; buah kurau (3057): sj tumbuhan (pokok), berumbung, tentulang; *Timonius pendicularis.*
kurik (837): bintik-bintik, rintik-rintik.
kurusan (3820): kurus-kering; sakit, atau mati merana.

labik; gendang labik (3157): (Br) sj gendang (tidak pasti jenisnya).
labuh (3736): lebih panjang ke bawah drp yang biasa.
ladan; membaling ladan (1814): setanggi ladan – colok Cina.
lading (920): sj perahu kecil yang panjang diperbuat drp sebatang kayu.
lading (1121): sj senjata, spt pisau.
ladung; berladung (1261): bertakup, digenangi air (air mata).
laka; kayu laka (3239): kayu Melaka – sj pokok yang dikaitkan dengan nama asal negeri Melaka; *Emblica officinalis.*
laila (2015): (Br) tersangat (perihal kebaikan) sesuai, sifat yang terpuji, sempurna (kamil).
lalai; lalai-lalai (550): tali lalai – sj tali untuk memutar kayu palang tempat menggantung layar (di perahu).
lalang; ular lalang (3848): (Br) liar (binatang).
lambung; dilambung zaman (3987) menghadapi cabaran atau rintangan.
lambung; lambung kanan (3539): rusuk atau tepi badan.
lambu; berlambu (3436): (Br) sj tumbuhan (pokok) yang menjalar.
lambuk (1161): sj perahu.
lampai; menyeru lampai (3616): sj tumbuhan (pokok), beras-beras, beberas, gemapung; *Aporosa maingayi*; menyusur kayu (pokok) lampai.
lampung (2299) (Br) lampu; atau mungkin pelampung, alat yang timbul di permukaan air.
lancang (2735): kapal layar yang kecil.
lancung; emas lancung (1182): tidak tulen; bukan emas tulen.
lancung; lancung keujian (1490): curang, palsu, tidak jujur.
landa; melanda-landa (549): memasuki sesuatu dengan keras, paksa; melanggar, merempuh, menempuh.
landai; ajung landai (3542): menurun, tetapi tidak curam; perahu (jong) yang lantainya menurun ke bawah.
Landan; negeri Landan (2160): London, bandar raya London; negara Inggeris.
landasan (3912): alas, pengalas, penahan untuk menukul, memotong dll.
landu (2747): lubang-lubang di tanah, kesan drp menggali sesuatu, tanah yang berlubang-lubang.

lanjang (2487): (Br) sj bekas diperbuat drp tembaga dll yang digunakan untuk memasak.

lanjung; tebu lanjung (2019): tinggi atau panjang lurus (spt tebu dll); tinggi menirus; lonjong.

langir; berlangir (1780): mencuci rambut, badan atau keris; biasanya menggunakan bahan-bahan tradisional.

langsar; kulangsar (3929): bergerak memanjang; bergerak atau digerakkan perlahan-lahan.

langsuir (1588): sj hantu berupa orang perempuan yang berlubang di belakang lehernya; biasanya mengilai dan mengganggu perempuan mengandung.

lanjut, buah lanjut (118): sj tumbuhan (pokok) berbuah; buah binjai; *Mangifera lagenifera*.

lantak (2486): (Br) lekat.

lantak; melantak (1378): menghentam; menikam.

lanting; terlanting-lanting (367): (Br) lonjak, lompat; terlonjak-lonjak.

lapah; dilapah (1380): memotong daging, lembu, kerbau dll, setelah disembelih.

lapu (3014): mungkin *lepu* – sj ikan laut, depu, gedempu; *Pterois ruselii*.

lapun, melapun (45): sj jerat atau perangkap; menjerat atau memerangkap burung, kijang dll.

larai; mengembang larai (1571): layar pada perahu, kapal dll.

laru (1416): kayu untuk mengacau nira.

lata (2580): riam atau jeram yang tegak; air terjun yang rendah, mengalir deras di atas permukaan batu, biasa digunakan untuk tempat melungsur.

lawar; makan lawar (2206): ikan atau daging yang disiat atau dihiris halus-halus.

layunan (1957): (Jw) jenazah, mayat raja, mayat orang yang disayangi.

layut; layutkan (2492): lendutkan, tarikkan ke bawah.

lebai ketayap (1089): sindiran terhadap seseorang yang berwatak lebai, seolah-olah banyak pengetahuan agama, tetapi sebenarnya tidak demikian.

leban (272): sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenisnya.

lebuh (3229): jalan raya besar, atau jalan-jalan besar di dalam kota.

ledung; ledung-ledungkan (3373): melengkung ke bawah, lendut; lengkung-lengkungkan; bengkokkan, lendutkan.

lekar (356): anyaman drp lidi kelapa atau rotan untuk mengalas periuk.

lela; rumput melela (3717): sj rumput; *Brachiaria mutica*.

lelai (3124): memaut atau menarik dahan kayu dll ke arah diri sendiri.

lelan; gambar lelan (2069): sj ikan; ikan lelan dengan kuasa ajaib, magis (*mudik menggonggong anak damak* – anak sumpitan).

lemba (2383): sj tumbuhan herba yang berbuah di pangkal, rasanya manis; segumbar urat; *Piper umbellatum*.

lembah; lembah pakunya (3928): tanah pamah di kiri kanan sungai; di sini ditumbuhi tumbuhan paku pakis.

lembari; pokok lembari (1744): sj tumbuhan (pokok) – tidak dapat dipastikan jenisnya.

lembayan (1486): mungkin lembayung – sj tumbuhan (herba); keladi bunting; di Brunei disebut *salambayan*; *Eichhornia crassipes*.

lembayung (1717): sj tumbuhan (herba); bunga jamban; keladi bunting; atau sj warna – merah lembayung – ungu atau merah ungu.

lempata; buah lempata (1585): sj pohon dan buahnya.

lemukut (3089): melukut – pecahan beras yang kecil-kecil; hujung beras.

lendur; melendur (903): lenduh, melenduh – jatuh atau terkulai ke bawah.

lengang (400): sepi, sunyi; tiada sibuk atau tidak ramai orang.

lenggundi (673): sj tumbuhan (pokok) yang berdaun lebar; mata ayam, mata kucing; sirih puyuh; *Vitex negundo*.

lengit (182): kalah, tewas.

lengkitang (235): sj siput yang boleh dimakan.

lengkok; kuda lengkok (3230): sj kuda yang belakangnya melengkung.

lengkung; buah lengkung (1766): sj buah yang boleh dimakan.

lengkung; lengkang-lengkung (554): bunyi yang keras, dengkung.

lengkuas (1953): sj tumbuhan (rizom), spt halia; *Alpinia galanga*; biasanya salah satu ramuan dalam masakan spt sate, rendang dll.

lepang; bunga lepang (3170): sj tumbuhan herba yang memanjat; *Bauhinia spp*.

lepau (1636): kedai kecil; warung.

lerai (2836): berpisah atau bercerai-cerai.

lidi; ular lidi (3520): sj ular yang kecil dan berbisa; *Ahaetulla ahaetulla*.

likur (946): bilangan antara 20–30 (hari bulan); *empat likur*: dua puluh empat.

lilang; pokok lilang (2980): lilan – sj tumbuhan (pokok); atau lalang; ilalang.

limau abung (1517): limau besar, limau bali; *Citrus maxima*; lebih umum berupa kiasan kepada orang yang bercakap besar, meninggi diri.

limau lelang (446): sj limau – limau lilang; *Paramignya angulata*.

limau lungga (45): sj limau, spt limau purut, digunakan untuk masakan.

limau kedangsa (1383): sj limau yang kulitnya hijau; *Citrus medica*.

limau kingkik (456): limau kingkit; limau kingkip; limau sundal – sj limau purut untuk menggulai; *Triphasia trifolia*.

limau sembawa (3250): lih. *sembawa*.

limbang; bumi tak limbang (1197): lembang – menjadi lekuk dan dalam.

limbat (2618): sj ikan air tawar, hampir menyerupai ular; *Prophagorus spp.*
linang; tasik linang (3487): tasik yang airnya berkilau atau mengalir perlahan; berlinang.
linat; padi linat (3413): padi yang hidup dalam lumpur.
lingga; selingga (2887): sesuatu daerah yang dikekalkan keadaannya; hutan simpan; atau sj tumbuhan (pokok); *Dysoxylon dumosum.*
lingkung; dilingkung (568): lilit, keliling, dikelilingi.
liuk (163): lentur, melintuk-liuk.
loh; (237): papan loh – papan batu.
lokan (3744): sj kerang yang besar; *Polymesoda placans.*
lokek (98): kedekut, kikir, bakhil.
lopak (432): lubang di tanah yang berisi air.
londai (1138): londar – kotoran atau sampah; kelodak.
londang (1724): lubang di tanah yang berisi air dan lumpur; kubang.
lontar; pohon lontar (1839): sj tumbuhan (palma) yang daunnya digunakan sebagai kertas, khususnya untuk naskhah-naskhah lama di Nusantara; *Borassur flabellifera.*
lonteng (367): (Br) loteng – tingkat rumah yang sebelah atas.
lotong (3069): sj kera berekor panjang dan berwarna hitam.
loyang (761); sj talam besar drp gangsa atau tembaga; atau sj acuan kuih.
luah; luahnya (970): asalnya, datangnya.
luan; luan perahu (1649): di haluan, di hadapan; di bahagian hadapan perahu, kapal dll.
lucuan; gebar lucuan (2551): lokcuan – sj sutera dari negeri China; gebar, selimut lokcuan.
luhak (561): (Mn) luak – daerah atau jajahan.
luhu; diluhu (2265): diasap; dihalau dengan mengasap (spt lebah, nyamuk dll).
lumba-lumba (1385): ikan lumba-lumba – sj ikan laut; *Delphinus spp.*
lumba-lumba (3252): berlari-lari; berkejar-kejaran.
lumbiga (2657): gambir – sj tumbuhan (pokok menjalar); *Uncaria gambir.*
lumut lunting (1386): sj lumut, tumbuhan kecil yang tumbuh di tempat-tempat lembap dan basah (batu, kayu dll).
luyu; mata luyu (261): kuyu, ruyup – nampak spt mengantuk.

macan (1449): harimau.
madang; madang sengut (449): medang – sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenis; medang sungut; medang tanduk; *Pygeum parriflorum.*
madat (499): candu mentah; atau segala jenis dadah yang memabukkan.
madukara; selendang madukara (2671): sj kain sutera yang disulam dengan benang emas.

maja; buah maja (1901): sj tumbuhan (pokok dan buahnya); *Aegle marmelos*.

makan masin; daun makan masin (3044): asin-asin – sj tumbuhan (sayuran); cekur manis; nenasin; *Sauropus albicans*.

makrifat (1869): pengetahuan yang tinggi, bersifat lengkap dan sempurna.

mala (1991): layu, kering dan gugur ke bumi.

malai (1709): tali lalai (lih. *lalai*).

malau (490): sj damar atau pelekat yang digunakan dalam pertukangan besi, misalnya untuk melekatkan keris pada hulunya.

maman (1092): sj tumbuhan sayuran, daunnya dijeruk untuk dimakan.

mambang (1851): sj hantu yang separuh dewa dan tidak mengganggu manusia.

mambangan (1823): (Br) sj tumbuhan (pokok) yang buahnya spt pauh, mempelam.

mampas (1389): papas; memapas – belayar menyongsong arah angin.

manau (1528): sj tumbuhan (rotan yang besar); *Calamus manan*.

mancur; padang mancur (3695): tempat pancuran air.

mangat; beras mangat (2487): bau yang enak, harum; beras wangi.

manggi; dulang manggi (2492): (Br) mungkin *munggu*, yang bermakna lengkung keluar atau cembung di permukaan; di sini dulang yang melengkung ke dalam.

manik-manik; manik-manik mati dirambah (1070): sj tumbuhan (pokok renek); jangka; kayu tanduk; *dirambah* – ditebang, ditebas, dirumput.

manjangan (2108): rusa.

manuk (1829): burung, ayam.

mapar (2245): mungkin *magar*; magal – sj tumbuhan (pokok), *Sarcocephalus hirsutus*.

marak (871): bersinar, bercahaya.

mastuli; benang mastuli (1415): benang untuk dijadikan kain mastuli.

mawas (2450): sj monyet besar, dalam famili *Pongidae*, termasuk orang hutan dan cimpanzi.

mayang (2583): bunga pohon palma (pinang, kabung dll) yang masih dalam seludangnya.

mayang mengurai (1401): bentuk rambut yang panjang terhurai serta ikal.

mayang seludang (2127): mayang yang masih dalam seludang, iaitu kelopak atau pembalut mayang.

medang; medang kemangi (2764): sj tumbuhan (pokok renek) yang pelbagai jenisnya.

medang; medang sengit (1296): medang sungut – sj medang; medang tanduk; *Pygeum parriflorum*.

mega; mega berawan (2636): mega berarak; kerana mega juga bermakna awan – suatu bentuk ukiran.
melabung (631): bertiup kencang.
melangsi (1489): terbang laju, berdesing spt peluru dll.
melantak; melantak paku (2923): (Br) mengetuk untuk melekatkan, misalnya kepada papan; lih. *lantak*.
melapari; buah melapari (3155): sj tumbuhan (pokok); mempari; *Miletta hemsleyana*.
melata-lata (1207): merayap.
melatap (752): (Br) mungkin *melata* – menjalar.
melaun (1359): laknat, terkutuk.
melaya (1494): meliuk ke kiri ke kanan seperti kayu ditiup angin; melayah.
melepa (1457): melata; merakap; menjalar.
melukut; hujung melukut (3166): pecahan beras yang kecil; lukut; hujung melukut bermakna beras yang lebih kecil drp melukut.
melunggah (2770): duduk dengan tertib.
memacuk (3991): lih. *pacuk*.
memali; memali batang (1883): sj tumbuhan (pokok renek), mali berduri; membadi; *Leea angulata*; batang pohon memali.
membadi; kayu membadi (2614): lih. *memali*.
membarat (3741): ibarat; memberi ibarat; perbandingan.
membuhul (1203): mengikat, menyimpul – tali atau perbincangan dll.
memburis (440): (Br) membuat perahu, kapal layar dll.
memerang (867): memberang, berang-berang; anjing air – sj musang yang memakan ikan dan boleh tinggal di dalam air; *Lutra sumatrana*.
memerun (3276): membakar kayu-kayu, daun dll; membakar timbunan sampah.
mendalit; mata mendalit (1294): dalit – merapatkan; bermain mata, membuat helah.
mendamkan (2854): memendamkan; menyembunyikan.
mendekut (441): suatu cara memikat burung dengan menggunakan serunai drp buluh dan mengeluarkan bunyi spt suara burung.
mendengut; dengut (1661): bunyi yang bergema memanjang spt bunyi burung puyuh atau gong yang dipalu.
menderam; guruh menderam (1434): bunyi yang kuat menggegar, spt bunyi harimau.
mengakak (3178): berbunyi; mengeluarkan bunyi *kak, kak, kak* spt bunyi itik, burung atau ayam.
mengala (562): menghala; mengarah; memancar ke beberapa atau ke segenap hala, arah.

mengangin (1304): membersihkan padi drp hampanya, dengan menuangkan padi dari nyiru yang diangkat tinggi supaya hampa padi terpisah drp padi yang berisi.

mengawan; masa mengawan (686): (Br) yang lampau; masa yang sudah-sudah.

mengaul anding (3642): kaul – meminta; anding – sj lagu rakyat Brunei, biasanya untuk menidurkan anak.

mengekas (94): (Jw) akas – tangkas, cepat, pantas.

mengelarai (220): kelarai – anyaman drp buluh atau rotan untuk dibuat dinding; menganyam kelarai.

mengelu (2428): alu; mengalu-alukan – menyambut kedatangan, menerima dengan baik.

mengerna (1827): berbagai-bagai warna, indah berseri.

menggari; menggari batu (1486): (Jw) gari – tinggal, lekat; lekat di batu.

mengiding; duduk mengiding (1927): menyiding (drp *siding*) – jerat atau perangkap; dalam keadaan terperangkap.

mengilau; sambil mengilau (1231): suatu cara menangkap ikan dengan menggunakan mata kail yang berkilau atau umpan tiruan.

mengindang (1349): menampi (beras, padi dll) dengan menggunakan nyiru.

mengumpuk (3625): (Br) umpuk – sj bakul bulat drp mengkuang atau pandan dll; menganyam bakul sebagai mata pencarian dsb (lih. Catatan Teks).

mengusai; mengusai rambut (1509): mencerai-ceraikan, menguraikan rambut.

menong; gajah menong (2608): benuang, menuang – gajah besar.

mensiang-siang (2457): mensiang – sj tumbuhan (rampai), biasanya tumbuh di sawah; *Cyperus procerus*.

mentadak-mentadu (3278): sj serangga spt belalang; *Tenodera aridifolia*.

mentajam; buah mentajam (904): mertajam – sj tumbuhan (pokok besar) dengan buahnya; kelayu; *Erioglossum rubiginosum*.

menuah (1396): tuah – mendatangkan tuah, memberi tuah; atau menuas – memerikan sesuatu, misalnya cara melarikan diri, lari tercuat-cuat.

menugal (3279): membuat lubang dengan tugal, iaitu alat drp kayu atau buluh yang ditajamkan hujungnya, untuk menanam padi atau jagung; menukal.

menumilang (2986): temilang, tumilang – sj tumbuhan (pokok); keranji bulan, merlimau, pasak perahu; *Aglaia odoratissima*.

menyabit; menyabit jerami (1235): memotong dengan menggunakan sabit, iaitu sj pisau yang matanya melengkung, untuk memotong padi, rumput atau jerami.

menyadap (1416): memotong (rumput, padi dll) dengan menggunakan sadap, iaitu sj pisau pemotong atau penoreh untuk mengambil air, getah atau nira drp pokok, spt nira kabung.

menyampuk (3620): sampuk – mencelah, misalnya mencampakkan jala di tempat orang lain yang juga sedang menjala.

menyelar; menyelar melaya (1494): mungkin menjalar, sesuai dengan kata *melaya* yang bermakna melayah, meliuk lintuk, tumbuh ke pelbagai arah.

menyipat; menyipat bemban (3458): menyiat – mengupas, mengoyak kulit drp isi atau daging.

menyongsong (720): mudik.

menyupa (1978): (Br) supa – memasak santan untuk dijadikan minyak.

meragi; meragi kain (3858): mencorak, menghias.

merambat sasar (1398): membubul jala, menganyam benang untuk membuat jala; satu bentuk atau proses membubul jala.

meramu (3097): ramu – mencari bahan-bahan (kayu, ramuan dll) untuk membuat rumah, ubat dll.

meranggung; makan meranggung (199): perihal makan dengan lahap dan rakus.

meranti (3357): sj tumbuhan (pokok hutan) yang banyak jenisnya; *Shorea albida*.

merawai (1379): menangkap ikan dengan rawai – alat menangkap ikan berupa kail yang digantungkan pada tali, atau rotan yang direntang.

merekap; merekap junjungan (1061): melekap, melilit, merapat pada junjungan, iaitu kayu, atau buluh untuk sirih tumbuh memanjat.

meremuk (1486): putus asa; rosak hati; bungkam.

merengus (3769): merungut dan berkelakuan kasar untuk menunjukkan kemarahan.

merimbat (2348): merembat – mengibar ekor ke kanan dan ke kiri.

merincung; angin merincung (1192): serong – angin yang bertiup serong.

merjan; batu merjan (2150): sj manik drp batu karang merah, untuk dibuat kalung, dokoh dll.

meruang (1237): membersihkan sesuatu misalnya senjata drp kotoran; menggilap hingga berkilat.

merunjung; tinggi merunjung (1461): makin ke atas makin lancip, makin kecil.

merunggai (2788): sj tumbuhan (pokok) yang daunnya digunakan untuk masakan; emunggai, gemunggai, meringgai, remunggai; *Moringa oleifera*.

meruntuh (1919): runtuh atau menyebabkan runtuh.

mesta; buah mesta (3064): manggis; buah manggis.

miana; daun miana (761): sj tumbuhan (pokok); akarnya dibuat ubat sakit perut dll; *Coleus atropurpureus*.
mikai; timun mikai (993): sj timun; tembikai – sj tumbuhan (herba memanjat dan buah); *Citrullus vulgaris*.
mikrat (3497): drp *mikraj*, tetapi di sini dimaksudkan berjalan, merantau, membawa diri.
miliun (3881): Ing. *million*; juta.
minggai; si minggai (3200): (Br) sj tumbuhan (pohon) spt remunggai.
monggok; di batu monggok (1170): mongkok – kelihatan lebih tinggi drp yang lain; batu yang kelihatan lebih tinggi.
mualim; malim (879): jurumudi, pawang (kapal) yang mahir dalam hal kapal, laut dan pelayaran.
mukmin; berhati mukmin (3342): orang yang beriman.
muktabar (3797): mulia, hormat, terkenal.
mulih (1386): pulang, kembali pulih (dialek Melayu Brunei, Sabah dan Sarawak).
mulung; sagu mulung (231): rumbia – sj tumbuhan (palma) yang menghasilkan sagu, dan daunnya dibuat atap; *Metroxylon spp*; sagu rumbia.
mulung; mulung hutan sepepah (250): mulu – sj pohon hutan yang kayunya kuat; *Tristania sumatrana*.
mumba; semumba-mumba (1676): mungkin *mumbang-mumbang* yang bererti penuh hingga melimpah.
mumbang (1224): putik kelapa yang masih kecil, atau kelapa yang kering dan kosong kerana telah ditebuk tupai.
mumuk; kayu mumuk (1360): reput; kayu yang reput dan buruk.
munai (3592): rembunai – sedang; sederhana (besar atau tingginya).
munggu (203): timbunan tanah, busut, longgokan.

naga bunga; tedung senduknya bunga (145): sj ular yang besar dan bisa; ular naga bora.
nahar; wal-nahar (2974): (Ar) bulan; dan bulan.
naindung; naindung Siti Fatimah (2234): nyanyian, lagu; Dondang Siti Fatimah.
najin (990): tajin – kanji drp tepung ubi untuk mengeraskan pakaian.
nanang; nanang-nanangan (3721): berfikir dalam-dalam, tafakur, termenung.
nanang; benanang (1805): (Br) renang; berenang.
nasi kepal (415): nasi yang dikepal, digenggam kuat-kuat untuk tujuan tertentu, misalnya dijampi untuk melepaskan drp tercekik tulang.
neraca (1699): sj alat untuk menimbang; dacing.
ngengat (2000): sj serangga yang merosakkan kain, kertas dll; gegat.
ngilu (3258): tidak enak rasa pada gigi.

nilakandi (2709): sj batu permata; nilam.
nira (1416): air yang disadap drp mayang kelapa atau enau, boleh dibuat gula, tuak atau cuka.
nurani; bintang nurani (2338): (Ar) bercahaya, terang.

ogah-ogah (2237): malu-malu; segan-segan.
olok-olok (2237): acah-acah; bersenda gurau atau bermain-main.
onak (465): duri yang bengkok bentuknya.
ondeh-ondeh (255): sj kuih drp tepung, dengan inti manis di dalamnya.

pacuk; memacuk (3991): mematuk dengan paruh; memagut; kiasan kpd orang yang kurang siuman; jenaka atau rakus.
padian (3604): (Br) tradisi berjaja dari atas perahu khususnya di daerah Kampung Air, biasanya oleh orang perempuan (dikenali sebagai *bersaraung bini*).
pagar; dipagar anak (3867): dijagai; dilindungi; di sini oleh anak.
paha; pahanya (1607): pahar – kaki dulang.
paksi (1869): (Jw) burung.
palas (2631): sj tumbuhan (palma) yang daunnya dibuat pembungkus kuih, ketupat dll.
palit; pemalit (3712): menyapu, mengelap.
pampas; dayung dipampas (1694): dipegang erat; tidak terlepas.
pampas; terpampas (561): denda atau ganti rugi; tersalah, tersilap yang boleh menerima teguran.
pandan suari (1919): sj tumbuhan, pandan yang daunnya lebih lebar; *Pandanus spp.*
panding (3642): (Br) pending – sj perhiasan, drp emas atau perak, berkerawang, diletak pada dada atau tali pinggang.
pangiran (1063): (Br) pangeran – gelaran drp keturunan tertentu dalam susun lapis masyarakat Melayu Brunei Darussalam.
panggalan (2222): galah untuk mengait buah-buahan.
pangkalan; pangkalan rama (1384): tempat barang-barang dagangan dikumpul; perhentian, dll.
pangkur (350): cangkul, pacul.
pangsa; berpangsa (1930): petak atau bahagian-bahagian dalam buah-buahan spt durian, delima dll.
pantaran (3606): (Br) pelantar; pangkin; tempat tidur.
pantat; pantat pasu (3888): punggung; bahagian benda (pasu) yang terkebawah.
pantau; anak pantau (3418): sj ikan sungai.
panting; puntang-panting (3779): mungkin ikan patin – sj ikan darat; *Pangasius spp.*

parak; berparak (3228): (Ar) farak – bercerai; berpisah.
pasak; sembilan pasak (598): sj baji drp kayu dll untuk mengetatkan sesuatu, misalnya pintu.
pasang perbani (2982): air pasang besar atau penuh yang berlaku pada masa bulan muda, bulan purnama.
paseban; paseban agung (2698): balai tempat menghadap di istana.
pasu; berpasu (632): (Br) berlumba-lumba.
pasung; pasungkan (1492): alat drp kayu kurung; jangan dilepaskan; kekang, dipasang pada kaki, tangan dan leher sebagai hukuman kepada yang bersalah, gila dll.
patawali (3787): sj tumbuhan (akar) yang rasa airnya tersangat pahit, digunakan sebagai ubat atau untuk tujuan kesihatan.
patian; anak patian (1539): mungkin *patin* – sj ikan darat; *Pangasius spp.*
patuan, orang patuan (3014): mungkin *pertuan* – kalangan pembesar, bangsawan, keluarga diraja dll.
pauh; berpauh-pauh padi (3179): menyukat-nyukat padi dengan pauh iaitu sukatan yang bersamaan dengan suku cupak, kepul).
pauh panji (1332): sj tumbuhan (pokok dan buah); sj pauh, spt pauh janggi.
pautan; (1217): tempat mengikat atau menambatkan binatang ternakan ayam, lembu dll; tempat mengikat ayam, khususnya ayam sabungan.
payang; perahu payang (3337): perahu atau sampan untuk menarik payang; menarik pukat.
payu; dipayu; memutus payu (1603): harga atau nilai sesuatu; menetapkan harga.
peda (1586): ikan peda – sj ikan laut, ikan asin yang bertulang banyak.
pedada; buah pedada (2157): sj tumbuhan (pokok); berembang, bidada, gedaba; *Sonneratia caseolaris (acida).*
pedati (3573): sj kereta yang ditarik oleh lembu atau kerbau.
pedukang (1089): sj ikan laut; bedukang, belukang; *Arius leiotetocephalus.*
pekaka; burung pekaka (2764): burung raja udang; *Alceda atthis bengalensis.*
pelaga (780): kepulaga – sj tumbuhan (rizom) yang buahnya dijadikan sebagai rempah ratus; *Amomum cardamomum.*
pelak (2231): penyakit badi, misalnya mengikut rupa binatang yang dibunuh; dipercayai disebabkan oleh sj hantu yang jahat; badi; bahadi.
pelata; ikan pelata (1653): sj ikan laut; *Caranx spp.*
pelisa; kacang pelisa (3731): kelisa, kacang kelisa – sj tumbuhan (pokok memanjat); kacang botor, kacang belimbing; *Psophocarpus tetragonolobus.*

pelupuh; di pelupuh beraksa (2632): tempat menjemur ikan, dibuat drp buluh yang dipukul hingga lembut, spt pelupuh buluh untuk dibuat dinding.

pemuka; tiga pemuka (48): penjuru, tiga arah.

penaga; kayu penaga (1006): sj tumbuhan (pokok), derum paya, geronggong; *Cratoxylon aborescens*.

pencalang (2559): sj perahu yang besar untuk mengangkut barang-barang dagangan.

pencuk (2274): sj rojak drp sayur-sayuran yang direbus, dicampur dengan cili, belacan dll; kerabu.

Pendawa (3222): keluarga watak-watak protagonis dalam epik Ramayana India, atau cerita-cerita Seri Rama Melayu.

pengulu; arah pengulu (1516): (Br) kepada penghulu.

penggaga; pegaga (510): sj tumbuhan (herba) yang menjalar, daunnya dibuat ulam; *Hydrocotyle asiatica*.

pengat; dipengat (3333): bubur; penganan drp ubi, keladi dll yang dimasak dengan gula dan santan.

pengogah, pengogah mayang (3887): ogah, mengogah – menggoyang-goyangkan sesuatu, pokok, mayang dll.

penyengat (3809): sj serangga yang menyengat dan berbisa.

pepah (250): pelepah; sepepah, sepelepah.

pepat (3335): rata kerana dikerat atau dipenggal; dempak.

perada; tulis perada (709): sj serbuk berwarna emas (perak dll) digunakan sebagai hiasan; atau kertas nipis yang sudah berhias dengan perada.

perah; buah perah (1791): sj pokok dengan buahnya; *Elateriospermum tapos*.

perai; kain perai, baju perai (737): kain sutera hitam yang berbunga-bunga.

perai; berperai-perai (2727): bersepah; berselerak.

peran; perannya lima (2330): bahagian atas alang yang berlantai untuk menyimpan barang dll; para.

peraksi; meraksi kain (1291, 2573): sesuatu yang harum (bunga-bungaan dll) untuk meraksi.

perat; terung perat (2407): bau yang tengik, misalnya daun yang telah busuk; sj terung kecil yang tidak enak rasanya.

perenang (3871): mungkin sama dengan *terenang* – sj kendi air.

perepat, batang perepat (13): sj tumbuhan (pokok) yang kayunya keras; berebat; gedabu; pedada laut; *Sonneratia griffithii*.

pergam; anak pergam (1542): sj burung merpati besar; *Ducula aenea polia*.

perhadap (391): arah atau hala tujuan; mungkin juga sudut, bucu.

perian (3342): huraian, tanda, alamat; mungkin juga *piyam* – musim.

perian (29): sj bekas drp buluh untuk mengisi air; terangkik air.

perkutut (3610): sj burung; balam; ketitir; merbuk; *Geoplia striata*.
perlak (30): kebun, taman atau kebun dalam taman.
perling (1067): sj burung, spt burung nuri; *Psittinus c. cyanurus*.
permatang (793); *permatang tebat* (2900): jalan kecil yang dibuat tinggi sedikit drp permukaan di sekelilingnya, umum terdapat di dalam sawah.
perun; memerun (3276): membakar, misalnya timbunan kayu dan daun-daun yang telah kering dibakar untuk membuat tapak tanaman.
pesak (1618): kain yang dijahit pada kelangkang seluar atau bawah ketiak.
peta (1364): gambar, patung.
petanak (2171): ditanak, dimasak.
petas (376): mercun.
petunang; peluru petunang (2013): jampi atau mantera yang dibacakan kpd senjata, keris, peluru dll; peluru yang sudah dijampi untuk mengenai tepat pada sasarannya.
petus (1902): petir, halilintar yang berbunyi kuat dan tiba-tiba.
piabung (244): rebung (buluh).
piasau (2278): (Br) kelapa.
pidato; berpidato (448): ucapan yang disampaikan kpd khalayak ramai.
pilang (2279): pelang – sj perahu dagang.
pilin; dipilin (2021): belitan, lipatan pada kain yang dijahit.
pinang suasa (1181): pinang yang istimewa, pinang buatan drp suasa (campuran emas dan tembaga).
pintal; berpintal; berpintal mati (2173): simpul; bersimpul; *bersimpul mati* (simpulan bahasa bermakna ikatan yang tiada akan terungkai).
pintu kurung (1130): pintu yang menghala ke taman rumah.
pipis; pipis dilayang (3375): nipis dan rata; dihiris nipis dan rata.
pisau jawi (2283): sj pisau yang tajam; biasa dipakai orang Melayu.
pisuk (3625): sudut pantai, sudut kampung.
pita; kain pita (3070): jalur, kain yang panjang; reben; kain reben.
pohon nam-nam (3893): lih. *kerenam*.
pohu (1073): bahan yang senang hancur, rapuh, reput.
pon; pon dan kati (1337): paun dan kati – ukuran timbangan berat.
puaka (1007): hantu penunggu, roh jahat.
pualam (909): sj batu kapur yang keras, bersih dan bercahaya; marmar.
pucung; burung pucung (2535): sj burung yang berleher panjang; *Ardea cinerea rectirostris*.
pudak (3796): podak – sj tumbuhan, spt pandan podak (mengkuang); *Pandanus tectoris*.
pudi; pudi delima (2612): intan kecil-kecil bersama batu permata yang berwarna merah muda.

pukat (3698): sj jaring yang besar dan panjang untuk menangkap ikan, biasanya digunakan di laut.
pulai; batang pulai (449): sj tumbuhan (kayu) yang lembut dan lempung; terdapat dalam nama-nama yang lain; *Alstonia spp.*
pulan-pulan (2212): masakan biasanya nasi yang empuk dan lembut, tidak lembik.
pulasan; asam pulasan (1823): sj tumbuhan (pokok buah-buahan spt rambutan); *Nephelium mutabile.*
pulih; mulih; berpulih (2153): pulang, kembali, dalam konteks ini bermakna "badanku yang lemah sihat kembali".
punah (3432): rosak semuanya, binasa, musnah sama sekali.
punai, burung punai (3816): sj burung spt burung merpati, balam, tekukur dll.
punai gading (441): sj burung punai; punai jambu; *Ptilinopus jambu.*
pundak Melaka; rumput pundak Melaka (1706): sj rumput.
punduk; terpunduk (2390): duduk seorang diri tanpa berbuat apa-apa.
punggur (2492): batang kayu mati yang tidak berdahan lagi.
puntil; berpuntil (2432): (Br) sj perhiasan dipakai di mata.
pupu; pupu sekali (3725): saudara-saudara sedatuk; sepupu.
puput (1695): ikan puput – ikan laut; belalak mata; *Pellona spp.*
puput; dipuput bayu (35): ditiup, dihembus; puputan.
puragam (1799): lih. *pergam.*
purbakala (2381): zaman yang lampau; dahulu kala; zaman purba.
puri; di hadapan puri (1912): istana, keraton, atau tempat yang lega dalam kawasan istana.
purun (3658): sj tumbuhan (rumput) yang pelbagai jenisnya; *Lepironia articulata (mucronata).*
purut; bunga purut (2517): bunga limau purut – limau yang kulitnya berbintil-bintil, kasap; *Citrus papeda.*
puspa; berpuspa (2593): (Br) naik takhta; ditabalkan menjadi raja dan permaisuri.
pusur; hati yang pusur (3695): perasaan yang kusut; pusu; pusung (bodoh, tidak bijak).
putat (273): sj tumbuhan (pokok renek) yang pelbagai jenisnya.
puyu; puyu-puyu (354): sj ikan darat, pepuyu; *Anabas terstudineus.*

rabut; dirabut (3789): mengambil sesuatu dengan paksa, cepat dan tergesa-gesa.
racik; diracik (2502): hiris, potong tipis-tipis.
rahat (2871): istirahat; senang, tenang, gembira.
rahim (1853): belas kasihan; kasih.

rahu; dimakan rahu (2619): raksasa yang hanya berkepala sahaja; ia menelan bulan atau matahari yang menyebabkan gerhana (lih. Catatan Teks).

rajasa; kuntum rajasa (752): sj bunga yang selalu disebut dalam cerita-cerita klasik Melayu.

rajawali (965): sj burung, besar dan gagah, spt helang; *Accipiter badius poliopsis*.

rakna; jambu rakna (1827): intan; buah jambu yang istimewa.

raksi; yang baik raksi (2220): rasi – ramalan terhadap yang baik, jodoh, pasangan dll; meraksi – lih. *peraksi*.

rambah; dirambah (1070): tebang, tebas.

rambai; buah rambai (1230): sj tumbuhan (pokok) yang buahnya boleh dimakan; *Baccaure motteyana*.

rambai; dirambai (3069): akar-akar yang halus dan panjang-panjang serta berumbai-rumbai pada beberapa jenis pokok, misalnya pokok rambai.

rambu (2849): sj pancang; petuk; tiang (untuk tanda dll).

rambunia (2850): remunia; remenia; menia – sj pohon buah, hampir sama spt kundang; *Bouea macrophylla*.

rampai; rampaian; dirampaian (2902): maksud perkataan ini lebih tepat untuk "ampaian" – tali yang diregang untuk tempat menjemur kain; atau "diampaikan" iaitu tali untuk mengikat batang pokok yang telah condong supaya tidak tumbang.

ramu; diramu-ramu (2377): ramu, meramu, menyirat benang untuk dijadikan jala.

ramunggai (3958): lih. *merunggai*.

ranah; di ranah (2848): tanah, lembah atau kawasan yang berpaya-paya.

ranang (2699): (Br) renang; berenang.

rancik; dirancik (1827) lih. *racik*.

rancung (1725): merancung – meraut, memotong, menyusun.

randang; sawah randang (1434): sawah yang telah ditinggalkan.

ranggung; diranggungkan (1081): mencapai, meraih sesuatu, mencabut.

ranggung; meranggung (199): makan dengan lahap.

rangit (2433): (Br) rengit – sj nyamuk kecil, agas, gegat.

rawai (2860): lih. *merawai*.

rawan (1478): sj tumbuhan (palma), pinang biring padi, pinang legung, pinang penawar; *Pinanga disticha*.

rawan; hatiku rawan (3421): perasaan hiba, sayu.

rebab (3693): alat muzik tradisional, digesek, bertali dua atau tiga.

rebung; rebung kuali (2107): anak buluh yang akan membesar menjadi buluh; sj rebung.

redan; rambutan redan (1640): ridan – sj tumbuhan (pokok) dengan berbagai nama yang lain; sj rambutan; *Mischocarpus lessertianus.*

redang; burung redang (3088): paya, rawang; daerah yang berpaya-paya; burung yang datang atau menghuni paya redang.

rejam; direjam (3567): dilempari sesuatu dengan batu, lembing dll.

rejan (893): sj penyakit; batuk yang keras dan berjangkit terutama pada kanak-kanak; ungkapan ini sebaiknya berbunyi "biasa rejan tiada berbau" bermakna, biasanya penyakit rejan tidak memberikan tanda-tanda akan menjangkiti seseorang.

rekah; merekah (1074): retak dan hampir akan belah.

rembang; di rembang petang (1035): di ambang sesuatu waktu; sebelum senja.

rembayung; batang rembayung (1852): lih. *lembayung.*

rembia (2890): rumbia – sj tumbuhan palma yang menghasilkan sagu dan daunnya boleh dibuat atap; *Metroxylon spp.*

rembunia (1285): lih. *rambunia.*

remenia (876): lih. *rambunia.*

rena-watu (2282): banyak jenis, pelbagai.

renang-rening (3400): linangan air kecil-kecil, di daun, ranting atau dahan.

rencani; bunga rencani (2770): lih. Catatan Teks.

renda; berenda (489): sj kerawang yang biasa dijahit di tepi baju, bantal dll.

rengas (3948): sj tumbuhan (pokok) yang pelbagai jenis.

rengit (449): (Br) rangit – sj nyamuk kecil; agas.

repak (1633): repak; repas – mudah pecah atau rosak; rapuh.

repat; buah repat (1917): mungkin rapat – sj tumbuhan (pokok menjalar) yang kulitnya dibuat ubat; akar serapat putih; *Parameria bata.*

rial (1331): ringgit (peminjaman istilah drp mata wang Arab Saudi).

ribu-ribu; si ribu-ribu (3363): sj tumbuhan (paku pakis); selada; *Lygodium scandens.*

rimbat (3386): kayu panjang pada bibir perahu; kayu palang pada pintu.

rimpi; dirimpi (2189): impi; dimimpi (lih. Catatan Teks).

ridan; buah ridan (1907): lih. *redan.*

rindu rendang (3404): mungkin *ru rendang* – sj tumbuhan (pokok); cemara; cemara laut; *Casuarina equisetifolia.*

risang; senyum risang (1331): risau – tidak aman, gaduh, kacau-bilau; senyum dengan perasaan tidak aman.

riting-riting (3804): riti; rata-riti; ke mana-mana.

rodan (1907): terlalu (sangat) sakit.

rodi (521): kerja wajib yang dilakukan tanpa mendapat upah.
rompong (399): rosak, terkerat atau sompek pada hujung atau tepi sesuatu.
rotan batu (3407): sj rotan; rotan seni; *Calamus insignis*.
rotan dini (312): sj rotan; rotan bini; rotan tikus; *Flagellaria indica*.
rotan saga (346): sj rotan; rotan séga perak; *Calamus caesuis*.
rotan udang (3407): sj rotan berwarna merah (spt udang dibakar); *Korthalsia echinometra*.
ruak-ruak (466): sj burung yang mendiami kawasan paya; ruah-ruah, wak-wak, reruak; *Amaurornis phoenicurus chinensis*.
ruan; anak ruan (1795): ikan haruan – sj ikan darat; *Channa striatus*.
ruku-ruku (1942): sj tumbuhan (herba); kemangi, selasih hutan; reruku; *Ocimum basillicum*.
rumah limas (2331): rumah yang mempunyai bentuk bumbung tirus, tinggi ke atas, seperti bentuk piramid.
rumbia; rumbi rumbia (3171): lih. *rembia; rumbi* mungkin *umbi* – pucuk atau bentuk ganda bagi *rumbia*.
rumin; bertali rumin (29): rami; bertali rami.
rumpang (367): rompong, rongak, kompang.
rumput manis (1705): sj rumput yang berdaun halus dan panjang.
runduk; runduklah (705): tunduk, menunduk.
runtun, runtunkan (13): mengambil dengan paksa, merebut, merampas; atau menarik, menyeret dengan kuat, membantun.
rusa belang kaki (890): sj belalang – belalang rusa.
rusa, rusa nani (84): rusa dani, rusa dandi, rusa kecil.
rusuh (168): sentiasa gelisah; bimbang; susah hati.
ruyung (1188): kulit atau kayu yang keras pada batang rumbia, enau dll.

saba; bersaba (3486): bercampur, bergaul, berkunjung.
sabit (437): tuturan lisan bermakna sebab, sayang sedikit.
sadang (3795): sedang – sederhana, cukup, lumayan.
sagar (1127): lidi kabung yang boleh dijadikan kalam, alat untuk menulis.
sajak; sajaknya landai (838): sawah, kawasan tanaman yang rata dan indah.
sakar; bersakar (1336): madu, manisan.
salang (878): sj bakul drp buluh, diberi bertali supaya boleh digantung; digunakan untuk menyimpan makanan.
salpa (3484): celepa, selepa – berbagai-bagai bentuk bekas rokok, tembakau dll; diperbuat drp logam.
salur; bersalur (1356): salut; bersalut; berbalut; bersepuh; tidak asli.
samar (2089): menyamar.
sambang (1722): padi atau bijirin lain yang kosong, tidak berisi.

sambangan; burung sambangan (2864): sj burung, sebesar burung gagak.
sambau (1528): sj tumbuhan (pokok renek) yang ada pelbagai jenis.
sampan; sampan kotak (3807): sj perahu kecil; sampan yang mempunyai petak-petak.
sampul pulih; disampul pulih (1825): lih. *simpul pulih*.
sampun pekulun (2321): (Jw) kata beradab: "ampunkan patik, maafkan saya".
samsir (3801): syamsir – sj pedang atau parang, golok.
sandaran (3473): tempat menyandarkan alu (antan lesung); kiasan: tempat meminta belas kasihan, kasih sayang.
sanggan; bersanggan (1318): bakul besar drp rotan, lidi dll untuk mengisi barang.
sanggit; bersanggit (3547): bergeser, bergesel atau bertentangan pendapat.
sanggul, sanggul lintang (73): gelung atau simpul rambut perempuan, dalam bentuk bulat atau melintang (sanggul lintang).
sangkakala; angin sangkakala (3132): angin, ribut yang dipercayai berlaku ketika menjelang Hari Kiamat.
sangku (22): mangkuk drp tembaga atau kuningan, tempat membasuh tangan.
sarabei (3971): serabai – sj kuih yang bersarang-sarang, dibuat drp tepung beras.
sarap (1515): sampah, daun-daun kering dll.
sarapa; terkena sarapa (2602): serapah; mantera; sumpah; terkena sumpah.
sariat; sariat palu-memalu (582): syariat – hukum; hukum agama atau hukum adat; menurut hukum adat seseorang yang memukul orang lain akan dipukul sebagai hukuman; yang membunuh, dibunuh; berbalas-balasan.
sau; sau suak sau (287): bunyi spt bunyi angin bertiup pada daun-daun kayu; berdesau.
saujana; padang saujana (2308): luas, jarak yang jauh; saujana mata memandang.
sawah randang (1434): sawah yang telah ditinggalkan.
sayak (3038): tempurung yang dikerat dua.
sebahawa (961): sifatnya, keadaannya, adanya.
secemur (1064): secemuk (dialek daerah) – segugus; sebuku (spt bunga petai).
sedah; palitkan sedah (1774): kapur sirih; sadah.
segah; kembung segah (238): perut berasa penuh, dengan angin atau kekenyangan.
seganda; bunga seganda (2718): sj tumbuhan dan bunganya.

segempa; burung segempa (2654): sj burung (tidak dapat dipastikan jenisnya).

sekah (3759): patah dan jatuh (dahan kayu dll), kerana berat atau ditiup angin kuat.

sekelat (2901): sakhlat; kain sakhlat – kain yang diperbuat drp bulu biri-biri.

sekerap, getah sekerap (117): lebihan drp sesuatu yang telah digunakan; getah buku, sisa lelehan susu getah yang telah beku.

sekerunjut (1184): punjut; sepunjut; sekarung punjut; iaitu sebanyak muatan kain yang keempat-empat sudutnya diikat untuk membawa barang, buah-buahan dll.

sekiri; air sekiri (2264): sesuatu yang dianggap akan membawa malang.

sekoci (1484): sj kapal atau perahu kecil, bentuk Eropah.

sekoyan (160): koyan – ukuran berat bagi bijirin iaitu kira-kira empat puluh pikul.

sekuci; harimau sekuci (1139): sekunci – sekelompok.

sekumin (160): sangat sedikit, sangat kecil; sekelumit.

sekupang (1490): sepuluh sen.

selambai (3576): sj ikan.

selan; bunga selan (2521): Sailan – Sri Lanka, Ceylon.

selap; terselap (1979): hilang akal; lupa; pengsan (kerana kerasukan).

selara; selaranya (1010): daun-daun yang telah tua dan kering.

selara (1470): mungkin *selarak* – kunci; palang; rangka.

selasih (581): sj tumbuhan (herba) dan buah, untuk dicampur dengan minuman dll, paling umum dalam pantun untuk berima dengan *kasih*.

selasih dani (2138): selasih dandi – sj tumbuhan (herba), ara batu, daun misai kucing; *Ageratum conyzoides*.

selempada (294): sj semut besar, berwarna merah atau hitam.

selesai; padang selesai (3911): selesa; sempurna; padang yang elok.

seligi (1447): sj senjata drp ruyung atau buluh yang ditajamkan.

selimpat; awan selimpat (1699): selimpat air – sj tumbuhan (herba), keladi bukit; mata udang; senjuang hutan; *Agiaonema pictum*; ukiran dengan motif bunga selimpat.

seluang; ikan seluang (1612): sj ikan air tawar; *Rasbora spp.*

seludang; berseludang (1965): kelopak atau pembalut mayang pada kelapa, pinang, pisang dll.

seludu; kapal seludu (473): sj ikan laut; sj kapal dengan nama "Seludu".

selungkur; pak selungkur (275): nama lain bagi babi, khinzir.

selupat (2744): kulit nipis, kulit ari; selaput.

semambu (1043): sj rotan besar, biasanya dijadikan tongkat; *Calamus scipionum*.

semambur; panau semambur (2165): sj penyakit kulit; panau yang bertabur; tetapi panau juga sebahagian drp sifat kecantikan dalam pandangan tradisional (lih. Catatan Teks).

semangka (3255): tembikai; mendelikai; mendikai; temikai; *Citrullus vulgaris*.

semarang (3401): semaram – sj tumbuhan (pokok), balam sundik, getah sundik; *Payena leevil.*

sembawa; limau sembawa (3250): sembawang – sj tumbuhan, (pokok); semawang; *Kayea ferruginea*; sj limau.

sembingai (3721): sj tumbuhan – mungkin dalam famili sembung (lih. *sembung*).

sembung; pucuk sembung (2140): sj tumbuhan (herba) yang akarnya dibuat ubat; capa, capur, sem

sementung (3002): bitas sementung – tumbuhan semak, tingginya kira-kira tiga meter, daunnya selebar daun ketapang dan kesat; *Alsodeia lonccolata.*

sempana; keris sempana (2174): sj keris yang istimewa dari segi bentuk dan tuahnya.

sempelah (3444): hampas, keladak, semperah.

semu; padang semu (3565): bukan yang sebenarnya; buatan; atau mungkin *temu* – sj kunyit (lih. *temu*).

semulih; pohon semulih (2827): sepulih – sj tumbuhan (pokok renek), kopi (kahwa) hutan; mengkudu hutan; *Fragracea racemosa.*

semumba; semumba-mumba (1676): lih. *mumba*.

senam (1222): warna asal barang-barang yang disadur (*hilang sepuh tinggal senam*).

senangin (1568): sj ikan laut; senangis; *Polynemus tetradactylus*.

senawar; pinang senawar (2825): sj tumbuhan (palma); *Actinorhytis spp.*

sendawa; pinang sendawa (2393): pinang yang dimakan sebagai ubat untuk sendawa, mengeluarkan angin dari perut.

sendeng; bersanggul sendeng (3895): tidak tegak, miring, senget, rendah sebelah.

senduduk; keduduk (1078): sj tumbuhan (pokok renek) yang terdapat dalam pelbagai jenis; *Melastonia malabathricum (imbricatum, molle, muticum, sanguineum).*

sentul (3301): sj tumbuhan (pokok) dan buahnya; setul; kecapi; *Sandorium koetjape*.

seorang-orang (2713): seorang diri; sorang-sorang.

sepah (115): hampas sirih yang telah dikunyah dan ditelan airnya; benda biasa yang mempunyai makna budaya.

sepaian; sepaian nabi (531): turunan, ada hubungan pada darah keturunan.

sepang; sepang kederang (297): sj tumbuhan (pokok) yang kayunya boleh dibuat bahan pencelup; *Caesalpinia sappan.*

sepantun (811): seumpama; laksana.

separak; kembang separak (1248): parak – waktu awal pagi; pagi-pagi lagi; misalnya bunga kembang pagi.

sepepah (250): sepelepah (bagi daun palma, sagu, kelapa, pinang dll).

seperai; kain seperai (3199): *sesah seperai* (3451): kain alas tilam, kain cadar; memukul seperai untuk membersihkannya, menghempuk (lih. *sesah*).

seperanggu (2849): selengkap (pakaian dll).

sepiak; mas sepiak (1504): sedikit sangat, secarik, sekelumit.

sepugal; keris sepugal (2577): pugai – sesuatu yang telah dijampi; keris yang telah dijampi untuk menaikkan tuahnya.

sepuh; disepuh (2543): lapisan logam yang nipis pada logam yang lain; sadur; campuran yang boleh menukarkan warna emas.

sepulih; daun sepulih (3200): sj tumbuhan pokok renek; mengkudu hutan; *Fragracea racemosa.*

seputar alam (1072): sekeliling; seluruh; seantero dunia.

serahi (1773): sj botol yang berleher panjang, biasanya untuk mengisi air wangi, air mawar dll.

serambi (96): selasar yang panjang bersambung dengan ibu rumah, tetapi biasanya rendah sedikit ke bawah.

serampu (3179): menyumpah dan mengutuk dengan kata-kata sumpahan dan kutukan; serapa; serampu juga merujuk perahu kecil, sampan.

serani; kampung Serani (436) *anak Serani* (476): Nasrani; kampung orang Nasrani; anak Nasrani, Kristian.

serapat; papan serapat (2816): sj tumbuhan (pokok renek); ketibung, pokok sedang dan beberapa nama yang lain; *Salacia flarescens.*

seraya; masak seraya (1686): serta, sama-sama; masak serentak.

seraya; papan seraya (2816): sj tumbuhan (pokok); *Shorea curfisil.*

serbat (1761): sarbat, syarbat – minuman yang enak, manis dan menyegarkan.

serbat janggi (2831): serbat, air minuman yang ajaib, istimewa (lih. *janggi*).

serdam; kuntum serdam (2770): mungkin bermaksud *serdang* yang juga drp jenis tumbuhan berbunga; lih. *serdang.*

serdam (2770): sj seruling drp buluh.

serdang (3795): sj tumbuhan palma yang daunnya boleh dibuat atap; *Livistona saribus.*

seri pualam (909): nama lagu tradisional rakyat, spt *Seri Mersing, Seri Sarawak* dan lain-lain.

serindit; burung serindit (604): sj burung, bulunya berwarna hijau, burung yang cantik; *Loriculus galgulus galgulus*.

seringan (1500): sj tumbuhan (pokok renek); seringan laut; *Dodonaea viscosa*.

serun (1513): gerun – agak menakutkan.

sesah; menyesah (2370): berpukul-pukulan; pukul-memukul, bertinju; atau mencuci pakaian dengan membantingnya; menghempuk.

sesar; sesarkan (1592): alih atau anjak dengan perlahan, berdikit-dikit.

setali (1490): dua puluh lima sen, sesuku.

setambun; setambun tulang (1563): sj tumbuhan (pokok kecil); *Baccaurea parvifiora*.

setana; setana pudi (1814): istana; sentana – keluarga diraja; mungkin *sentana puri*; puri juga bermakna istana, kompleks bangunan yang merangkumi sebuah istana.

setangan (3400): sapu tangan, atau sehelai kain kecil.

setual; panjang setual (1391): mungkin *setunggal* – sama, tidak berbeza; misalnya sama panjang.

setukal (3335): lih. *tukal*.

sewah (2826): sewar – sj senjata spt tumbuk lada, tetapi matanya lebih melengkung.

si delik deli; bunga si delak-deli (3652): delik – sj tumbuhan (pokok) yang berbagai-bagai jenis; *Memecylon caloneuron*.

si kembang botan (2109): mungkin (lebih baik) *kembang hutan* – sj tumbuhan (pokok), kayu cenderus, seburus hitam; *Urophyllam trifurcum*.

si kudana (1887): kudangan – (Jk) permintaan orang perempuan yang harus dipenuhi oleh laki-laki yang akan mengahwininya.

si lingga; pucuk si lingga (1693): lingga api – sj tumbuhan (pokok); *Dysoxylon dumasum*.

si patung (1492): sepatung – sj serangga; patung-patung, belalang patung, sibur-sibur.

si putar leman (2193): *léman* bermakna gajah (Jw) – *putar leman* suatu bentuk mantera untuk pengasih atau untuk menguasai seseorang.

si tindulang (3729): lih. *tindulang*; di sini mungkin dimaksud untuk menutup diri, daging dan tulang drp dimakan senjata (lih. Catatan Teks).

sia; ikan sia (1788): sj ikan darat; *Mystacolausus marginatus*.

siamang (868): sj beruk besar, bertangan panjang dan tidak berekor; *Hylabates syndactylus*.

sianggit (1717): sj tumbuhan (rumpai), ara batu, misai kucing dan nama-nama yang lain.

sibarau-barau (500): sj ikan darat; sebarau; barau-barau; *Hampala macrolepidota*.

sibur; sibur kaca (1095): sj pencedok air drp kaca; gayung.

sidak-sidakan (3250): tersidak-sidak; teresak-esak; esak-esakan.

sidi; bersidi sakti (498): berdoa dengan khusyuk supaya dimakbulkan.

sigai (383): pasak yang dipasang pada tiang (buluh dll), sebagai tempat berpijak ketika memanjat, misalnya memanjat pohon enau; sigal.

sikat; bersikat (1966): sisir – tangkai, bahagian drp tandan pisang.

simpai; rejangnya simpai (1038): sj kera, cipai; *Semnopithecus melalophos*.

simpai; simpai karak simpai rotan (1038): gelung, bingkai, lingkar drp rotan dll.

simpul pulih; disimpul (2250): sj ikatan yang mudah untuk diurai.

simpur; pokok simpur (723): (Br) sj tumbuhan (pokok renek); simpur laki; simpur paya (simpur bini).

sinangis (3460): senangin (265) – sj ikan laut; *Polynemus tetradactylus*.

sintak; sintak pedang (2923): (Br) menarik dengan pantas; sentak.

sintuk; bersintukkan (3784): sj tumbuhan (pokok), kulitnya boleh dibuat ubat, *Cinnamomum spp.*; mandi, membersihkan badan dengan menggunakan sintuk dll.

sirih cabai (3805): keperihalan tentang sirih – sirih carang (sirih muda); sirih kerakap yang berdaun lebar; di sini mungkin spt sirih keling yang kecil dan berasa pedas.

siring (1338): tepi, pinggir; misalnya tepi kain.

sisit; bersisit (3681): sisip – mengganti, misalnya atap yang tiris di antara yang masih baik.

siuh (303): bunyi suara yang dimaksudkan untuk menghalau ayam.

sogok; dibuat sogok (1852): kayu panjang di haluan perahu.

soraki; soraki kumbang soraki (3820): sj kumbang (tidak dapat dipastikan jenisnya).

sorek (3001): sj buluh yang boleh dibuat tali.

suak (287): teluk kecil di sungai atau di laut; serokan; alur air yang kecil mengalir masuk ke sungai.

suasih; mudik suasih (836): keadaan yang sukar, hilir dan mudik dengan perahu, spt kata pepatah: *Hilir menongkah pasang, mudik menongkah surut*.

sugi; daun sugi-sugi (1742): sj tumbuhan (pokok renek); *Mischocarpus sumatranus*.

sugi (882): bilah drp ranting kayu yang dilumatkan hujungnya, digunakan untuk membersihkan gigi.

suja; sujanya kuning (1838): (Br) kain yang dijahit pada bahagian tepi badan baju, mulai dari bawah tangan hingga ke kaki baju (bagi baju kurung, baju Melayu dll).

suji; menyuji; suji-bersuji (533): sj jahitan, sulam, tekat.
sulam; disulam (649): dijahit pada kain sebagai hiasan, bunga, tekat dll.
sulasih (816): lih. *selasih*.
sumur (864): perigi, telaga.
sumpit (3708): sj karung yang dianyam drp mengkuang, pandan dll, biasanya untuk mengisi beras.
